

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

**Bil. 35**                    **Selasa**                    **25 Oktober 2016**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	6)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	39)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	(Halaman	41)
<b>USUL-USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	39)
Usul Anggaran Pembangunan 2017	(Halaman	41)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 25 Oktober 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Menteri Kewangan menyatakan berasaskan pembentangan Bajet 2017 pada hari Jumaat yang lepas, berapakah sebenarnya jumlah hutang negara dan jumlah jaminan kerajaan. Apakah tujuan hutang dan jaminan tersebut.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.2% daripada KDNK. Daripada jumlah berkenaan, 95.9% atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik. Sementara 4.1% lagi atau RM26.9 bilion merupakan pinjaman luar pesisir.

Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Hutang yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan adalah bertujuan untuk membiayai defisit berikutan kekurangan hasil bagi menampung perbelanjaan pembangunan kerajaan.

Pinjaman yang dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan adalah perbelanjaan yang produktif yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi dan dapat memanfaatkan rakyat seperti pembinaan sekolah, hospital, jalan raya dan empangan. Selain itu, secara tidak langsung ia memberi manfaat kepada sektor swasta melaksanakan pelbagai program dan aktiviti ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah jaminan yang diberikan oleh kerajaan sehingga Jun 2016 adalah sebanyak RM180.9 bilion atau 14.7% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek *infrastructure* seperti DanalInfra Prasarana dan PTPTN yang

terlibat dalam pembinaan *infrastructure* seperti MRT, LRT dan penyediaan pinjaman pelajaran untuk pendidikan peringkat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus. Langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengelakkan jumlah hutang kerajaan terus meningkat pada masa akan datang?

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan ambil beberapa langkah. Pertama, untuk memastikan bahawa perbelanjaan mengurus kita tidak melebihi daripada hasil. Maknanya kita mesti memperoleh surplus Tuan Yang di-Pertua daripada segi akaun semasa kerajaan.

Kedua, kita mesti tentukan bahawa pinjaman itu digunakan untuk mengembangkan ekonomi, menambahkan lagi kegiatan ekonomi negara. Di samping itu juga, kita memberi keutamaan kepada pinjaman dalam negeri. Dengan langkah-langkah sedemikian termasuk juga perbelanjaan yang berhemat, cekap dan berkesan, mementingkan *outcome*, *insya-Allah* kita dapat menguruskan hutang negara dalam keadaan yang terkawal. *Insya-Allah*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan dari manakah pinjaman RM27 bilion ini luar pesisir.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pinjaman luar pesisir ini sebahagian besarnya daripada sukuk yang kita terbitkan. Sukuk itu *disubscribe*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua oleh masyarakat antarabangsa untuk membiayai pinjaman kita. Kita lakukan perkara ini kerana sedikit sebanyak ia memberi isyarat dari segi sama ada mereka ada keyakinan terhadap pengurusan ekonomi negara Malaysia ataupun sebaliknya.

## ■1010

2. **Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan tahap penyertaan golongan belia terhadap program perniagaan *mobilepreneur* serta nyatakan usaha promosi dan galakan bagi menarik lebih ramai golongan belia untuk menyertai program ini.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Yang Berhormat. Projek ataupun Program Usahawan Bergerak (*mobilepreneur*) adalah program yang memberi peluang kepada golongan belia

Malaysia terutamanya kepada golongan ahli isi rumah miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40) untuk menjadi usahawan sebagai kerjaya dan menambahkan sumber pendapatan mereka. Ia merupakan satu inisiatif kerajaan untuk membantu golongan belia di luar bandar menjalankan perkhidmatan bergerak sebagai perniagaan yang tidak memerlukan modal yang besar.

Di dalam program *Mobilepreneur* ini, kerajaan menyediakan motosikal secara percuma berserta dengan peralatan dan latihan bermula dari bulan Mei 2016, program ini bermula dan kita menasarkan sebanyak 500 menjelang akhir tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. Dari segi sambutan, ia amat menggalakkan dan melebihi sasaran. Sehingga sekarang, seramai 245 usahawan *Mobilepreneur* telah pun kita lahirkan. Kita percaya sehingga 31 Disember nanti kita boleh mencapai sasaran 500 orang berdasarkan bajet yang kita terima.

Seterusnya, dari segi promosi. Sejak daripada kita memperkenalkan program ini, kita telah pun melaksanakan berbagai-bagai promosi termasuklah temu bual di dalam televisyen, liputan di dalam media cetak termasuk juga dengan media sosial dan sebagainya dan kita juga menguar-uarkan di dalam laman web KKLW. Borang permohonan *Mobilepreneur* juga boleh diakses secara *online* daripada laman web KKLW. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Adakah kementerian boleh membantu juga golongan belia yang telah mempunyai motosikal sendiri untuk diserapkan di bawah program *Mobilepreneur* ini? Apakah cadangan projek seperti aktiviti membaja dan meracun di kawasan-kawasan kebun dan juga ladang boleh dimasukkan sekali di dalam pakej untuk program ini untuk mereka memohon sama. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya kira Yang Berhormat Sekijang memberi cadangan yang baik iaitu supaya kita boleh *convert* dengan izin motosikal yang dipunyai sendiri. Walau bagaimanapun kita akan melihat cadangan ini dan kita boleh bersetuju supaya pemilik motosikal yang sudah ada boleh *convert* motosikal mereka untuk menjadi usahawan *Mobilepreneur* dan kita boleh bantu dari segi untuk *upgrade* motosikal mereka serta memberikan peralatan dan latihan.

Walau bagaimanapun, dari segi kewangan, oleh kerana program *Mobilepreneur* tidak memperuntukkan dana kewangan sebagai modal. Jadi kita boleh memberikan pinjaman melalui dana-dana ataupun daripada dana seperti daripada MARA dan sebagainya untuk membantu mereka untuk memulakan ataupun memperbesarkan perniagaan mereka.

Setakat hari ini kita ada 12 perkhidmatan dan pertanian tidak termasuk di dalam 12 perkhidmatan yang kita bekalkan melalui modal *Mobilepreneur* ini. Jadi setakat ini kita tidak lagi bersedia untuk memperluaskan selain daripada 12 yang ada pada hari ini. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya, bagaimakah perancangan untuk memantau *Mobilepreneur* ini kerana motosikalnya diberi secara percuma. Berapa lama projek ini akan berlangsung? Adakah hanya setakat 2,500 yang disasarkan ataupun akan berterusan? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan terus membuat pemantauan oleh pegawai-pegawai kita selama enam bulan. Kalau ada penyelewengan, motosikal tersebut akan ditarik balik. Dari segi perancangan kita, walaupun di peringkat awal kita hanya menyasarkan 500 kerana peruntukan sebanyak RM5 juta, tetapi kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam pengumuman bajetnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bajet sebanyak RM30 juta untuk melahirkan *Mobilepreneur* menjelang akhir tahun 2017. Daripada awal tahun 2017 hingga akhir tahun 2017, bermakna ada 3,000 lagi yang akan kita lahirkan. Terima kasih.

3. **Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa RM2 bilion diperuntukkan di bawah bajet Kementerian Kesihatan dalam Bajet 2017 untuk "Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital" dan senaraikan syarikat-syarikat swasta yang mendapat kontrak akibat daripada penswastaan ini.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM2 bilion bagi penswastaan perkhidmatan sokongan hospital diperlukan untuk 148 buah hospital bagi perkhidmatan seperti berikut:

- (i) perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan fasiliti;
- (ii) perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan *biomedical*;
- (iii) perkhidmatan linen dan pendobian;
- (iv) perkhidmatan pengurusan sisa fasiliti kesihatan;
- (v) perkhidmatan pembersihan; dan
- (vi) perkhidmatan pengurusan fasiliti.

Selain itu, peruntukan ini adalah untuk tujuan pembayaran seperti perubahan yuran bagi penambahan dan pengurangan aset atau *facility, sustainability* program iaitu '*Indah Health Quality, Energy Management and Reuse*' dan *reuse* serta *recycle* dan kerja-kerja imbul balik dan untuk membangunkan sistem penyelenggaraan asset

*and services information system (AS/S).* Jumlah peruntukan RM2 bilion ini tidak berubah. So, bayaran perkhidmatan GST sebanyak enam peratus. Senarai syarikat-syarikat swasta yang melaksanakan perkhidmatan sokongan hospital adalah seperti berikut.

- (i) Edgenta Mediserve Sdn. Bhd. untuk zon utara;
- (ii) Radicare Sdn. Bhd. untuk zon tengah dan pantai timur;
- (iii) Medivest Sdn. Bhd. untuk zon selatan;
- (iv) Sedafiat Sdn. Bhd. untuk zon Sabah; dan
- (v) One Medicare Sdn. Bhd. untuk zon Sarawak.

Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, sebagai mana yang saya tahu, ketiga-tiga syarikat ini iaitu Pantai Medivest, Radicare, Faber Medi-Serve sekarang dipanggil Edgenta UEM telah diberi kontrak sebanyak RM7 bilion untuk 15 tahun bermula daripada tahun 1996. Jadi saya pun tahu bahawa prestasi kurang memuaskan seperti apa yang berlaku di Selangor. Gaji diberikan begitu rendah dan juga banyak pekerja asing diberikan. Kenapa tidak mahu ambil balik semua service ini dan bagi pekerjaan kepada orang tempatan dan bukan kepada syarikat-syarikat yang akan mendapat keuntungan yang besar. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramiam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Banyak daripada aktiviti dan tanggungjawab di bawah aktiviti penyelenggaraan perkhidmatan di dalam Kementerian Kesihatan iaitu hospital memerlukan pengkhususan dan pengalaman di dalam menjalankan aktiviti ini. Oleh itu, di lain-lain negara dalam dunia ini pun, syarikat-syarikat yang mempunyai pengkhususan di dalam bidang ini telah diwujudkan.

Dengan memberi peluang untuk bukan sahaja syarikat-syarikat ini, ada syarikat lain pun yang menjalankan aktiviti sedemikian, mereka boleh membangunkan kebolehan dan pengkhususan di dalam bidang ini dan memastikan mereka boleh menunaikan tanggungjawab mereka secara baik. Kalau ada kecuaian atau ketidakpuasan dalam cara macam mana mereka menjalankan aktiviti, di dalam concession yang telah diberi kepada mereka, ada peruntukan-peruntukan sedia ada yang untuk membuat *deduction* kepada bayaran kepada mereka, mengenakan penalti terhadap mereka dan mengambil tindakan-tindakan lain yang diperlukan.

So memang ada langkah-langkah untuk memastikan mereka jalankan tugaskan secara baik. Terima kasih.

■1020

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, dalam penswastaan ini saya yakin ia adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. Adakah juga kerajaan dapat membuat penjimatan dalam penswastaan ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Pada awalnya bila penswastaan ini telah dimulakan pada tahun 1997, pihak UKAS dan EPU telah buat pengiraan terhadap konsep ini. Konsep kalau diberi kontrak kepada hospital-hospital individu secara persendirian daripada pengiraan yang telah dibuat melalui langkah itu, pandangan ialah lebih daripada segi ekonomi lebih *sustainable* untuk mewujudkan syarikat-syarikat besar yang mempunyai kapasiti yang lebih besar untuk menjalankan aktiviti. Itu mungkin dalam jangka masa panjang akan memberi penjimatan. Terima kasih.

*[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]*

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam mengawal selia pertubuhan yang bergerak atas platform NGO tetapi operasi mereka sebenarnya menjurus ke arah kegiatan kongsi gelap dan perkauman serta dilihat menjalankan aktiviti yang mengancam keharmonian masyarakat serta kestabilan dan keamanan negara.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya dan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini ingin mengalu-alukan keberadaan rombongan Wanita UMNO Bahagian Pengerang, Johor yang berada di sini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa mengikut Akta Pertubuhan 1996, pertubuhan yang wujud di Malaysia harus didaftarkan. Jika mana-mana pertubuhan yang tidak didaftarkan, ia dianggap melanggar undang-undang di mana dalam seksyen 13 Akta Pertubuhan itu atau dikenali juga sebagai Akta 335. Mana-mana pertubuhan yang tidak didaftarkan, Menteri boleh mengisytiharkan mana-mana pertubuhan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah seksyen 5 akta yang sama.

Setakat ini, sebanyak 49 kumpulan yang telah dikenal pasti dan tidak didaftarkan pada tahun 2013 iaitu pertubuhan haram ataupun dikenali juga sebagai kongsi gelap. Pada tahun yang lalu, kita telah mengenal pasti 23 kumpulan yang dianggap sebagai kongsi gelap ini. Kita telah menggazet melalui Warta Kerajaan

Persekutuan, perintah pertubuhan yang menyalahi undang-undang 2015. Dalam hal ini, apa yang kita lakukan ialah bagi membanteras pertubuhan-pertubuhan berkenaan termasuk bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan terutamanya dengan pihak polis. Mana-mana pertubuhan yang diwartakan itu tidak boleh menggunakan nama pertubuhan itu, simbol, lambang atau logo pertubuhan berkenaan.

Dalam hal ini, KDN sering, sentiasa dan terus memantau dan mengawal selia semua pertubuhan yang berdaftar atau tidak berdaftar termasuk NGO atau badan bukan kerajaan yang operasinya menjurus kepada hal ehwal yang tidak tercatat di dalam Akta Pertubuhan 1996. Tujuannya adalah bagi kita mengelakkan daripada permasalahan, keselamatan, jenayah supaya tidak menimbulkan kebencian, permusuhan antara kaum, permusuhan antara agama. Tentulah perkara-perkara sebegini menjadi keutamaan pihak kerajaan untuk menentukan bahawa keselamatan negara, ketenteraman awam dan kesejahteraan keseluruhan rakyat menjadi keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri yang memberi jawapan yang begitu tepat dan rakyat memang menunggu-nunggu tentang situasi, keadaan badan-badan NGO ini. Soalan pertama saya ialah berkenaan dengan apakah tindakan atau hukuman yang diberikan kepada pihak-pihak yang bertopengkan NGO, tetapi sebenarnya NGO atau perjuangan hak asasi manusia tetapi ia bertindak menghasut dan juga membenci kerajaan. Topeng sahaja NGO ini, itu satu. Apa tindakan? Ini sebab rakyat mahu melihat... *[Disampuk]* Ya?

Contoh nanti ada dalam ini saya boleh beritahu. Siapa yang hendak tahu boleh tanya pada saya ataupun tanya pada Menteri KDN. Contoh antaranya Bersih. Boleh setujulah begitu. Kita mahu melihat, saya bagi pihak kawasan mengucapkan tahniahlah di atas keprihatinan, ketegasan Yang Amat Berhormat Menteri yang mengambil tindakan yang cukup tegas dalam perkara ini. Ini yang sebenarnya rakyat mahu melihat. Itu soalan pertama ya, NGO yang bertopeng ini.

Satu lagi ialah ada NGO tetapi ia melantik orang-orang kenamaan sebagai penaung mereka, orang-orang besar VIP. Jadi soalan saya, apakah tindakan boleh diambil kepada badan-badan NGO ini yang penaungnya orang besar? Adakah mereka dikecualikan daripada tindakan-tindakan seperti ini atau terus diambil tindakan? Bagi saya, rakyat mula mahu melihat tidak kira siapa, besar kecil tindakan mesti diambil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terutamanya agensi penguat kuasa tidak memilih warna, tidak memilih bulu.

Walaupun jika ada di kalangan kita yang berada di Dewan yang mulia ini yang menjadi penaung kepada pertubuhan-pertubuhan itu, terimalah akibat mengikut undang-undang yang telah ada. Kita tahu bahawa ada yang bertopengkan badan-badan keagamaan, yang bertopengkan mohon maaf, kuil, bertopengkan tokong, ada juga yang bertopengkan surau dan masjid. Ertinya ia berada di luar kepompong yang kita sanggup fikirkan demi kepentingan mereka.

Pihak kerajaan tidak akan berkompromi jika ada di kalangan mereka yang melakukan tindakan-tindakan di luar batasan. *Insya-Allah* saya berjanji di Dewan yang mulia ini, selagi saya memegang portfolio Menteri Dalam Negeri, saya akan lakukan yang terbaik demi kepentingan rakyat keseluruhannya. *Insya-Allah*.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Seperti mana disebutkan tadi, lebih kurang ada 49 pertubuhan haram yang dikenal pasti tetapi tidak daftar. Persoalan saya ialah setakat hari ini NGO yang telah didaftarkan sebagai NGO, berapa banyakkah pertubuhan yang telah diharamkan? Ini kerana dia telah menyalahgunakan dengan nama NGO tersebut dengan melaksanakan program-program kongsi gelap ataupun kegiatan-kegiatan yang haram. Berapa ramaikah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh meminjamkan gazet yang ada pada saya ini pada Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang ataupun boleh mencari sendiri dalam senarai gazet kerajaan. Saya ingin menyebutkan bahawa tindakan-tindakan yang dilakukan terhadap pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan tetapi menyalahi perundangan bukan hanya tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1996 sahaja. Jika kenyataan-kenyataan dikeluarkan yang menyentuh tentang perkara-perkara yang lain, ia juga tertakluk kepada undang-undang lain yang sedia ada. Jika aktiviti yang dilakukan juga tidak tercatat dalam perlembagaan pertubuhan itu atau peraturan yang ditentukan, maka tindakan juga boleh dilakukan pada undang-undang yang berkaitan.

Dalam perkara ini kita memahami apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Parlimen Bukit Gantang dan jangan khuatir, tunggu masanya. Apabila kita melakukan tindakan, jangan dituduh bahawa kerajaan zalim. Saya ingin memetik ini, *Lailaha illa Anta Subhanaka Inni Kuntu Minaz Zhalimin*. Kita yang menzalimi diri kita sendiri, orang itu menzalimi dirinya, jangan tuduh orang lain yang menzalimi dirinya. Tunggu tindakan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1030**

2. **Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada peruntukan hak harta intelek yang terlibat dalam perjanjian TPPA wujud di dalam RCEP. Bilakah perundingan perjanjian ini akan dimuktamadkan.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Klang. Soalan ini adalah berkaitan hak harta intelek dan juga RCEP. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, harta intelek adalah satu istilah yang merujuk kepada beberapa jenis ciptaan yang unik yang mana hak eksklusif diakui oleh undang-undang tertentu. Perlindungan harta intelek Malaysia terdiri daripada paten, cap dagangan, reka bentuk industri, hak cipta, penunjuk geografi antara lain.

Perundangan berkaitan harta intelek memberi hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengawal dan mengeksplorasi harta intelek mereka. Hak eksklusif yang dimaksudkan ini termasuklah hak untuk membuat, menggunakan, mengedarkan, menjual dan mengimport hasil karya dan ciptaan mereka. Oleh sebab harta intelek ini satu perkara penting untuk pembangunan negara. Maka negara telah mewujudkan beberapa undang-undang, lapan semuanya, yang meliputi perkara ini hak harta intelek termasuklah Akta Paten, Akta Hak Cipta dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua , di bawah RCEP ataupun *Regional Comprehensive Economic Partnership*. Bab harta intelek saya menjawab soalan Yang Berhormat Klang, telah dirundingkan mulai pertengahan 2014. Sudah dua tahun ya. Tetapi, ia belum lagi dimuktamadkan. Masih lagi belum selesai kerana kita masukkan perkara ini. Harta Intelek dibincangkan di bawah RCEP kerana kesemua negara yang terlibat RCEP 16 buah negara. 10 negara Asia dan enam buah negara lain. Kesemua menjadi ahli WTO, yang mana telah tandatangan ataupun setuju dengan TRIPS. Maka peruntukan yang dibincangkan adalah berkaitan peruntukan yang terdapat di bawah TRIPS.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, peruntukan hak harta intelek di bawah perjanjian TRIPS meletakkan standard yang minimum yang perlu dipatuhi oleh kesemua negara anggota WTO. Malaysia sebagai sebuah ahli negara WTO telah memenuhi komitmen perjanjian WTO TRIPS melalui beberapa undang-undang harta intelek negara seperti yang disebutkan lapan tadi. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, seperti disebutkan tadi, bab harta intelek RCEP masih sedang dirundingkan. Standard yang dibincangkan adalah tinggi sedikit daripada TRIPS. TRIPS ini merujuk kepada WTO, tetapi standardnya tidak melebihi TPP. Maknanya dia bawah TPP standard tinggi sedikit. Di

bawah RCEP ini, lebih tinggi daripada TRIPS tetapi tidak melangkaui standard di bawah TPP. Kita berbuat demikian kerana RCEP seperti Yang Berhormat Klang sedia maklum, ada 16 buah negara ada yang maju, ada yang negara mundur. Jadi apa ju yang dirundingkan disetujui oleh semua dan perlu kompromi dalam hal ini.

Akhir sekali, berkaitan kemajuan RCEP. Tuan Yang di-Pertua, 15 pusingan rundingan telah dijalankan, di peringkat pegawai baru sahaja tamat 21 hari bulan yang lalu di Tianjin, China. 20 bab sedang dirundingkan, termasuk bab harta intelek. Bab lain termasuklah berkaitan PKS, e-Commerce, dan berkaitan barang dan perkhidmatan. Jadi 20 bab semua di bawah RCEP dan termasuk harta intelek. Satu pusingan rundingan menteri. Oleh sebab pegawai belum dapat selesaikan hal-hal di Tianjin di China yang berakhir tiga, empat hari yang lalu. Maka satu rundingan peringkat Menteri akan diadakan bermula 3 November akan datang yang akan menghimpunkan 16 menteri daripada 16 negara yang berkenaan.

Jadi sebagai rumusan RCEP masih lagi dalam rundingan, kita harap sebahagian besar akan diselesaikan hujung tahun ini. Itu harapan kita dan bab harta intelek masih lagi dalam rundingan dan belum lagi dimuktamadkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Tuan Yang di-Pertua saya ada dua soalan. Tujuan saya adalah untuk memahami motivasi kerajaan Malaysia dalam mendukung rejim IPR di perjanjian perdagangan bebas seperti TPP termasuk dengan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). Soalan yang pertama Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar bahawa rejim IPR yang diamalkan dalam perjanjian bebas pada masa kini sebenarnya adalah satu monopoli yang mengurangkan persaingan di pasaran. Oleh sebab tidak ada persaingan di pasaran, maka inovasi ataupun *the new innovation is limited and also highly costly*.

Sebenarnya Yang Berhormat Menteri, ada beberapa kajian yang menyatakan bahawa rejim IPR yang kita amalkan pada masa kini dan termaktub dalam TPP dan saya juga percaya akan termaktub juga dalam RCEP sebenarnya adalah *rent-seeking*. *Rent-seeking and therefore it promotes protectionism*. So, soalan saya adalah kenapa kerajaan menyokong satu rejim IPR yang tidak memberi kelebihan kepada rakyat dan negara? Isu ini hangat dibincangkan di negara India yang mana kerajaan negara itu, saya percaya tidak begitu minat dalam rejim IPR yang dikemukakan dalam RCEP. Saya mungkin salah tapi saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan perjanjian perdagangan bebas yang Malaysia tandatangani dan *witch hunt* yang sedang berlaku

di atas firma-firma termasuk *legal firms* yang dikatakan menyokong perjuangan Bersih. Menteri EPU mengatakan bahawa beliau *will go after companies that support Bersih*. Yang Berhormat Menteri, soalan yang tepat ialah, bukankah *witch hunt* ini sebenarnya bercanggah dengan komitmen Malaysia untuk menegakkan *rule of law, good governance* di TPPA dan sebagainya. Minta pandangan. [Tepuk]

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Mengenai *witch hunt* ini, ia tidak ada di mana-mana peruntukan perdagangan bebas yang ditandatangani oleh kerajaan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Rule of law* dan *good governance* Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Ini kerajaan yang mengambil kira pandangan semua pihak. Jadi soalan ini soalan yang terkeluar daripada bidang RCEP. Jadi tidak boleh bagi jaminan bahawa kita tidak ada *witch hunt* dalam mana-mana. Tidak ada mana-mana peruntukkan dalam mana-mana perjanjian perdagangan bebas yang mempunyai peruntukkan berkaitan dengan *witch hunt* yang disebut oleh Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, ada *rule of law and good governance* dalam TPPA Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuduhan-tuduhan *rent seeking* tadi dalam mana-mana perjanjian harus ada keseimbangan ataupun *balance*. Dalam hal ini, seimbang antara kepentingan pengguna dan pencipta. Kalau kita hendak inovasi ataupun paten, kalau tidak ada perlindungan maka sudah pasti pencipta tidak akan ada motivasi untuk mencipta satu perkara yang baru. Jadi dalam mana-mana perundingan kita hendak lihat kepada keseimbangan. Maknanya hendak *balance* kepentingan pengguna dan kepentingan pencipta. Pengguna apa? Penggunanya kita hendak pastikan harga berpatutan, tidak ada *rent-seeking* seperti yang dikatakan Yang Berhormat Klang. Ini lah yang dirundingkan oleh kerajaan.

Jadi dalam hal TRIPS ini WTO sudah pun ada perjanjian dikuatkuasakan pada Januari 1995. Motivasi kenapa kerajaan terlibat ataupun berminat untuk *chapter Intellectual Property Rights* dalam TPP adalah kerana banyak perkara-perkara yang telah berlaku. 1995 sampai sekarang sudah 20 tahun. Ada benda-benda yang perlu *updating* dalam konteks untuk melindungi pengguna dan juga untuk memberi kelebihan kepada pencipta. Itu dasar kerajaan. Itu untuk mencapai satu keadaan yang menyeimbangkan kepentingan untuk memberi motivasi kepada mereka di universiti, mereka di institut pendidikan bagi mencipta perkara baru seperti paten dan lain-lain. Jadi kalau perlindungan tidak mencukupi sudah pasti mereka tidak ada motivasi. Pada masa yang sama kerajaan mengambil kira pertimbangan bahawa kepentingan

pengguna juga harus diikuti jadi akhir sekali kita lihat kepada *balance* ataupun keseimbangan antara kepentingan pengguna dan kepentingan pencipta. *Thank You.*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. RCEP adalah satu cadangan FTA antara 10 negara ASEAN dengan enam buah negara yang sedia ada FTA. Saya ingin bertanya soalan tambahan saya ini. Sejauh manakah rundingan RCEP ini mampu memacu serta memperluaskan pertumbuhan integrasi ekonomi di negara serantau. Dan sejauh manakah penglibatan China ataupun pengaruh China dalam rundingan RCEP ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Seperti sedia maklum RCEP ini 16 buah negara. 10 ASEAN dan ENAM negara rakan dagang iaitu negara China, Korea Selatan, Jepun, India, Australia, New Zealand.

#### ■1040

Jadi apabila pasaran terbuka lebih luas, harapan kita ia akan menggalakkan perdagangan di rantau ini. Ini penting dalam keadaan sekarang pada pandangan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dalam konteks *protectionism*, dalam konteks di mana ada beberapa buah negara ada kecenderungan untuk mengambil langkah-langkah sekatan perdagangan. Maka Malaysia berpandangan bahawa adalah wajar Malaysia terlibat dalam perjanjian ini. Maka dengan lain perkataan, kita mengharapkan semoga ASEAN akan memacu pertumbuhan perdagangan dan juga pertumbuhan ekonomi dunia.

Berkaitan dengan China, RCEP ini diterima oleh semua negara sebagai ASEAN *driven*. Maknanya di tengah-tengahnya ataupun tiangnya adalah ASEAN, dipanggil ASEAN *centrality*, diakui oleh China dan negara India dan semua negara bahawa yang menentukan tempo ataupun kemajuan ASEAN ini ialah negara ASEAN. Maknanya kalau ASEAN tidak setuju, tidak jalanlah. Jadi ada pihak yang menyatakan bahawa negara-negara tertentu ada pengaruh luar biasa pada ASEAN, ini tidak benar kerana semua negara mengakui bahawa ASEAN ini adalah berpaksikan kepada ASEAN *centrality* ataupun pentingnya untuk kita mengambil kira kepentingan ASEAN dalam RCEP. Tidak ada mana-mana negara yang punya pengaruh luar biasa dalam perundingan RCEP, yang ada pengaruh luar biasa, yang lebih pengaruh ialah negara-negara ASEAN sendiri, dipanggil konsep ASEAN *centrality*. Terima kasih.

3. **Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) berapakah cadangan tambahan menara telekomunikasi yang bakal dibina di Parlimen Hulu Rajang; dan
- (b) langkah-langkah yang akan diambil bagi menangani masalah rangkaian telekomunikasi di mana pengguna menghadapi kesukaran untuk berhubung.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Sik pada 27 Oktober 2016, Yang Berhormat Kota Samarahan pada 14 November 2016, Yang Berhormat Kinabatangan pada 15 November 2016, Yang Berhormat Baram pada 23 November 2016 dan Yang Berhormat Batu Sapi pada 24 November 2016 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan penambahbaikan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak:** Tuan Yang di-Pertua, bagi penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi kawasan luar bandar, kerajaan memberi fokus kepada penambahbaikan liputan 3G melalui pembinaan menara komunikasi baru dan penaiktarafan di menara-menara sedia ada melalui pemberian perkhidmatan sejagat ataupun *universal service provision* (USP) dan sehingga kini sebanyak 2,963 buah lokasi telah berjaya diaktifkan dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G sejak tahun 2010. Selain itu tambahan 1,008 buah lokasi sedang dalam pelaksanaan di seluruh negara dan dijangka siap secara berperingkat sehingga akhir 2017.

Bagi liputan jalur lebar mudah alih 4G, peluasan liputan kini sedang giat dilaksanakan di seluruh negara dengan tumpuan adalah di bandar-bandar utama, kecil dan pertengahan. Sehingga kini, peratusan liputan populasi 4G telah meningkat kepada 63 peratus dan usaha ini akan terus diperluaskan ke kawasan lain termasuklah ke kawasan luar bandar secara berperingkat sehingga tahun 2020.

Bagi Parlimen Hulu Rajang, terdapat tiga buah menara komunikasi baru sedang dibina dan dijangka beroperasi pada akhir suku kedua 2017. Ia merupakan tambahan kepada tiga belas buah menara komunikasi yang telah dibina dan beroperasi di Parlimen Hulu Rajang. Di samping itu kerajaan juga turut melaksanakan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar

talian tetap yang berkelajuan sehingga *20 megabit per second* di mana sebanyak 128 sambungan *pod* telah tersedia di Parlimen Hulu Rajang.

Bagi Parlimen Kota Samarahan, antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah pembinaan menara telekomunikasi baru dan penaiktarafan liputan jalur lebar mudah alih di lokasi menara-menara telekomunikasi sedia ada bagi memberi perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih laju dan berkualiti kepada pengguna. Inisiatif ini melibatkan pembinaan tujuh buah menara baru dan penaiktarafan di lima buah lokasi menara sedia ada bagi kawasan-kawasan dalam Parlimen Kota Samarahan.

Bagi tujuan penambahbaikan kualiti perkhidmatan internet sedia ada di mana sebanyak 202 kilometer jaringan gentian optik telah siap dipasang bagi Parlimen Kota Samarahan. Sebanyak empat buah lokasi ibu sawat sedang dinaiktarafkan bagi menyediakan 348 sambungan *pod* di Parlimen Kota Samarahan yang dijangka siap pada tahun 2019.

Bagi Parlimen Baram, sebanyak dua puluh tujuh buah menara telekomunikasi telah siap dibina dan beroperasi dengan perkhidmatan *cellular* dan jalur lebar mudah alih 3G manakala lapan buah menara masih lagi dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap dilaksanakan pada akhir 2017. Di samping itu, sebanyak empat buah lokasi menara sedia ada telah dinaiktarafkan dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan tambahan satu lokasi masih dalam peringkat pelaksanaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Sapi, sehingga kini terdapat dua belas buah menara komunikasi komersial yang telah dibina dan beroperasi di kawasan Jalan Labuk, Sandakan yang menyediakan liputan 3G. Pihak kementerian sedang menjalankan ujian bagi mengenal pasti masalah kualiti perkhidmatan komunikasi yang dihadapi di sekitar kawasan tersebut.

Di bawah projek SUBB juga sebanyak 420 sambungan melibatkan dua buah lokasi ibu sawat masih dalam peringkat pelaksanaan di Parlimen Sik. Bagi inisiatif perluasan liputan *cellular* dan jalur lebar mudah alih pula, sebanyak sembilan buah lokasi telah siap dilaksanakan di Parlimen Sik manakala empat buah lokasi masih lagi dalam pelaksanaan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Menteri tadi. Di persidangan Parlimen yang lalu, saya juga telah memohon beberapa buah menara komunikasi di kawasan Hulu Rajang:

- (i) Klinik Nanga Malinau Sungai Mujong, Kapit;
- (ii) Bukit Sesingap Ulu Sungai Bujung, Kapit;

- (iii) SK Nanga Kayan Baleh, Kapit; dan
- (iv) Rumah Lugat Sungai Majau, Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang dalam era iklim perubahan. Jadi rakyat di rumah panjang juga memohon supaya mereka dapat menikmati telekomunikasi seperti internet di luar bandar. Jadi dalam Bajet 2017, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion untuk perkhidmatan dengan kelajuan lebih tinggi pada harga yang sama iaitu dua bulan dari sekarang.

Soalan saya, pada bulan Oktober 2015, kerajaan memperuntukkan RM450 juta membina menara telekomunikasi di seluruh negeri Sarawak. Saya mohon penjelasan sekiranya peruntukan ini telah digunakan dan apakah projek tambahan lain seperti projek jalur lebar pesisir bandar SUBB, pusat internet 1Malaysia dan WiFi komuniti yang sepatutnya memberi kemudahan internet tanpa mengira kedudukan lokasi dijalankan sewajarnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak:** Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak selain daripada menyelesaikan masalah '*naked tower*', kita juga meneruskan perancangan kerajaan di situ dan ia adalah dalam pelaksanaan. Bagaimanapun, projek-projek baru sudah tentu kita akan ambil kira melalui peruntukan wang RM1 bilion yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita akan membina 85 buah menara telekomunikasi baru di negeri Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bintulu di Sarawak kan? Sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bintulu memang di Sarawak, kita sebelah saja, dia Sabah, Menteri daripada Sabah. Yang Berhormat Menteri, memang kita jawapan dan menyediakan peruntukan yang ada. Kementerian ini memang selalu membantu rakyat menyelesaikan masalah tetapi masalah agensi-agensi pelaksanaan memang kongkalikung. Contohnya masalah projek di Bintulu, Timbalan Menteri ada turun padang.

Saya ucapkan terima kasih, dia cukup rajin, dia pergi semua kawasan, saya diberitahu, dia pergi lihat, memang perkhidmatan telekomunikasi tidak ada. Akan tetapi dalam mesyuarat janji macam mana naik taraf, naik taraf, sampai hari ini sudah dekat dua tahun, apa pun tidak ada. Kongkalikung apa pun tiada. So, saya muh minta Yang Berhormat Menteri ini berjanji di dalam mesyuarat, Timbalan Menteri mungkin tahu. Bilakah janji ini boleh ditunaikan kepada rakyat Bintulu? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Parlimen Bintulu telah memberi penekanan kepada tentang penting bagi kita untuk melaksanakan apa yang telah dijanjikan. Sudah tentulah kita harus tentukan bahawa apa pun yang telah kita janji mestilah

dilaksanakan. Memang dari segi pelaksanaannya timbul masalah kerana pembina telekomunikasi ini ia juga memerlukan kerjasama dengan kerajaan negeri. di mana tanah itu adalah di bidang kuasa kerajaan negeri. *Insya-Allah* saya sendiri secara peribadi akan melihat permasalahan yang telah dibangkitkan. Pada saya, yang penting ialah bukan sahaja para pemimpin itu turun padang tetapi ia seharusnya mengurus padang. Terima kasih.

**4. Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bila kementerian akan meratifikasi “Second Commitment Period” (CP2) di bawah Kyoto Protocol dan juga Persetujuan Paris (Paris Agreement) dan sejauh mana ratifikasi ini telah dibincang dan dipersetujui oleh Kabinet.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia sedang dalam proses melengkapkan ratifikasi peringkat nasional bagi Doha Amendment to Kyoto Protocol. Walau bagaimanapun setakat ini hanya 70 buah negara telah meratifikasi Doha Amendment ini ataupun Kyoto Protocol. Bilangan ini tidak mencukupi oleh sebab ia perlu tiga per empat iaitu 100 lebih buah negara meratifikasi protokol ini perlu untuk berkuat kuasa.

Negara-negara parti nampaknya tidak lagi berminat untuk meneruskan usaha ini dan ia tidak lagi diberi keutamaan di peringkat antarabangsa. Semua negara sedang menumpukan perhatian kepada Paris Agreement. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan beberapa siri bengkel berhubung dengan Paris Agreement dan mesyuarat bersama kementerian dan agensi Kerajaan Pusat, pihak berkuasa kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membincangkan mengenai implikasi Paris Agreement serta proses meratifikasinya. Proses ini dijangka akan siap sebelum akhir tahun ini 2016 dan akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk diputuskan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapatkan sedikit pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang saya tahu, tujuh daripada 10 negara di ASEAN telah mengiktiraf CP2 ataupun Commitment Period 2: Doha Extension iaitu Brunei, Cambodia, Indonesia, Phillipines, Singapura, Thailand. Hanya tiga negeri yang belum lagi mengiktirafkan iaitu Laos, Myanmar dan Malaysia. Pada pandangan saya, apabila Malaysia tidak mengiktirafkan, *we are contributing to the non-compliance to CP2*.

Jadi, saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Menteri berpandangan ataupun memberi pendirian bahawa Malaysia tidak akan menandatangani ataupun

menerima CP2? Pada masa yang sama juga mengelakkan tanggungjawab kami untuk menjadi salah sebuah negara yang untuk mencapai 144 yang mesti menandatangani CP2 sebelum ia diiktirafkan. Jadi, itu saya hendak dapatkan pengesahan. *Are we opting out of CP2?* Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, banyak kekeliruan dan tidak sefahaman berhubung dengan apa sebenarnya Kyoto Protocol dan apakah dia tempoh komitmen pertama CP1 dan CP2 ini. Apa yang berlaku pada Kyoto Protocol ialah satu protokol yang diwujudkan di bawah UNFCCC ataupun United Nations Framework Convention on Climate Change. Apabila Kyoto Protocol dipersejui pada 1997 dan berkuatkuasa pada tahun 2006, dua peringkat diluluskan iaitu peringkat pertama dan peringkat kedua. Kyoto Protocol ini juga mengikut prinsip CBDR iaitu *common but differentiated responsibilities*.

Jadi Yang Berhormat, cerita ini dia kena difahamkan ya. Kyoto Protocol mewajibkan semua negara Annex 1 iaitu negara yang maju, dengar Yang Berhormat ya. Mengambil *legally binding economic wide emission reduction target*. Maknanya, negara-negara membangun Yang Berhormat sebut termasuk Malaysia, negara-negara membangun tidak komitmen melainkan melalui mekanisme seperti *clean development mechanism*, itu sahaja. *Clean development mechanism*, ia tak ada *binding* kepada negara membangun.

Jadi maknanya, negara-negara yang menandatangani ini salah satu daripada 70 negara sahaja. Yang 100 lebih lagi itu *in order to bring this Protocol into force*, 140 tidak memandang berat lagi perkara ini. Mereka semua menumpukan perhatian kepada Paris Agreement kerana persetujuan ini adalah...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Jadi, kenapa Malaysia tak mahu *sign*? Tujuh buah negara ASEAN telah *signed*, kenapa Malaysia tak mahu *sign*?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, yang masalahnya Yang Berhormat kekeliruan. Saya boleh beri penjelasan dalam majlis-majlis lain tetapi bukan dalam Dewan ini kerana panjang sangat ceritanya. Apa yang dikatakan Kyoto Protocol ini sudah beroverlapping dengan Paris Agreement. Itulah kenapa semua negara sekarang menumpukan perhatian kepada Paris Agreement. Lagi pun negara membangun, apa sahaja kita *sign*, tak *sign*, *ratify* ataupun tak *ratify*, kita tak ada *binding agreement to satisfy the Kyoto Protocol* itu. Itu yang saya sebutkan tadi.

Maknanya, *like any other countries of the world*, yang lebih kepada 40 lebih itu lagi, *we* Malaysia *also* melihat bahawa Kyoto Protocol *is going to be phased out, eventually* apabila Paris Agreement *into force* 2020. Jadi, itulah yang saya sebutkan.

Walaupun saya sebut pada jawapan yang awal tadi, kita masih juga melihat sama ada kita perlu meratifikasi ataupun tidak sebab kalau pada Paris Agreement yang *dibinding*, ia penting kalau kita lihat.

Paris Agreement dijangka makan masa yang panjang, sehingga tahun 2020 baru semua *Paris Agreement come into force* dan perbincangan *on modalities* dan prosedur perlu diputuskan dan dipersetujui di seluruh dunia untuk *dicomplykan*. Jadi, dalam keadaan sedemikian, itulah kenapa makanya, kita masih melihat juga Kyoto Protocol itu walaupun tidak *binding*. Akan tetapi walau bagaimanapun ia tiada *binding*, Amerika tak *signatory*. Banyak negara yang tidak menandatangani Paris Kyoto Protocol ini oleh sebab umpamanya, tempoh komitmen pertama tahun 2008 hingga tahun 2012, semua negara dah *signed* melainkan Amerika Syarikat tak hendak.

Jadi, mana-mana *instrument* antarabangsa kalau Amerika Syarikat tak tandatangani, dia punya darjat itu turun sikitlah Yang Berhormat. Jadi, tempoh kurungan kedua, 2012 hingga 2020 juga dikenali sebagai Doha Amendment, Amerika Syarikat, Kanada, tidak bersetuju meratifikasi. Jepun, Russia dan New Zealand meratifikasi tetapi tidak bersetuju menerima *legally binding economic wide emission reduction target*.

Jadi, kita tak ada perlu pun. Dunia yang membangun tak perlu pun kepada sangat. Hanya kita perlu dia orang kurangkan *emission* dia. Kita berlandaskan prinsip apa yang dikatakan *clean development mechanism*. Itulah kita hanya tumpukan perhatian kita sekarang kepada Paris Agremeent kerana bila Paris Agreement *come into force*, jadi dengan sendirinya *function* Doha punya Kyoto Protocol itu menjadi kurang penting sebab sudah diambil oleh Paris Agreement.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Jadi, jawapan Yang Berhormat Menteri ialah negara Malaysia tidak akan menerima...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, you are *putting the words into my mouth*.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Jawab soalanlah.

5. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah permohonan MyDeposit yang telah diluluskan daripada permohonan Sesi 1 yang telah tamat tempoh permohonan pada bulan Jun 2016; dan
- (b) adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk membuka pendaftaran baru bagi skim MyDeposit supaya lebih ramai rakyat boleh mengemukakan permohonan baru memandangkan pengenalan skim MyDeposit Sesi 1 mendapat sambutan hangat.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim pembiayaan deposit rumah pertama ataupun MyDeposit adalah satu produk khusus yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu golongan pertengahan atau M40 untuk memiliki rumah idaman bagi pembelian rumah baru atau rumah sekunder ataupun *subsales* bagi satu isi rumah.

**■1100**

Pemberian insentif ini terhad kepada bayaran deposit 10 peratus daripada harga jualan rumah atau maksimum RM30 ribu mengikut mana yang terendah bagi pembelian rumah berharga RM500 ribu dan ke bawah.

Selaras dengan objektif Dasar Perumahan Negara untuk meningkatkan keupayaan dan *accessibility* rakyat memiliki rumah, Skim MyDeposit ini dilancarkan oleh kerajaan melalui KPKT. Permohonan Skim MyDeposit ini telah pun dibuka secara rasmi pada 6 April 2016. Skim ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi menggalakkan pemilikan rumah oleh rakyat Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan lengkap Skim MyDeposit yang diterima oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga tarikh tutup permohonan pada 30 Jun 2016 adalah sebanyak 6,298 permohonan iaitu 3,658 permohonan bagi rumah baru dan 2,640 permohonan bagi rumah sekunder ataupun *sub sale*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,903 permohonan telah pun diperakui layak menerima insentif Skim MyDeposit iaitu 1,029 permohonan bagi rumah baru dan 834 permohonan bagi rumah sekunder.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan sambutan yang menggalakkan yang diterima daripada rakyat berkenaan Skim MyDeposit ini, kementerian sedia menimbang untuk membuka semula pendaftaran bagi permohonan

baru sekiranya mendapat peruntukan kewangan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan.

Skim MyDeposit RM200 juta merupakan satu inisiatif kerajaan yang baik bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana rakyat Malaysia memiliki rumah pertama. Skim MyDeposit ini telah dibuka secara rasmi pada 6 April 2016 dan tutup pada 30 Jun 2016. Namun, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum ataupun dalam permohonan skim ini.

Soalan tambahan saya adalah, adakah pihak kementerian telah pun berurusan dengan pemaju-pemaju perumahan untuk memudahkan pembeli yang ingin memohon Skim MyDeposit ini dapat menerima pembiayaan yang disediakan oleh pihak kementerian? Mohon pihak kementerian menyenaraikan pemaju perumahan yang telah setuju menerima Skim MyDeposit ini.

Soalan kedua, adakah tempoh masa yang lama yang diperuntukkan kepada pembeli untuk mereka mengetahui sama ada berjaya atau tidak bagi menerima Skim MyDeposit ini bakal mengundang permasalahan yang akan berlaku antara pemaju dan pembeli rumah? Adakah pihak kementerian bercadang untuk memanjangkan tempoh permohonan baru untuk Skim MyDeposit kerana terdapatnya projek-projek baru yang berpatutan untuk dipilih oleh pemohon Skim MyDeposit ini? Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai rundingan dengan pemaju-pemaju di bawah Skim MyDeposit, kita tidak ada pilih mana-mana pemaju kerana ianya terletak kepada pembeli itu sendiri. Jadi kalau pembeli ini dia beli rumah baru daripada pemaju, jadi dia kena bagi tahu kepada pemaju sewaktu dia *sign* perjanjian jual beli bahawa dia hendak memohon pinjaman MyDeposit. Jadi permohonan dihantar kepada kementerian dan apabila lulus, kementerian akan bayar terus kepada pemaju melalui tabungan HDA. Sebaliknya kalau dia beli rumah *sub sale*, dia kena bagi tahu kepada penjual bahawa dia hendak memohon MyDeposit. Jadi bayaran 10 peratus itu kita terus bayar kepada peguam yang mengendalikan urusan perjanjian jual beli.

Mungkin Yang Berhormat maksudkan yang kita kena berunding dengan pemaju ialah satu skim lagi yang dinamakan Skim MyDeposit. Skim MyDeposit ini skim yang lain yang mana kita akan membayar peruntukan ini kepada pemaju dan kita berunding dengan pemaju sama ada pemaju ini sanggup ataupun tidak untuk menyediakan rumah baru mereka ini untuk diletakkan di bawah Skim MyDeposit. Jadi

ada dua. Satu, MyHome dan satu lagi MyDeposit. MyHome *direct* kepada pembeli dan MyDeposit kita berurusan dengan pemaju.

Soalan kedua Yang Berhormat mengenai tempoh lama ini. Oleh kerana ini skim yang baharu, kita telah membuka skim ini dalam tempoh tiga bulan. Jadi kita bagi pemohon selama satu bulan untuk mereka memohon dan kita akan proses dan kemudian kita akan maklumkan. Tetapi mengenai cadangan Yang Berhormat mengenai harga di dalam kawasan-kawasan tertentu, ini kita boleh pertimbangkan mengikut keadaan-keadaan di mana rumah itu dibeli mengikut harga pasaran satu-satu tempat. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi Skim MyDeposit. Adakah peruntukan sebanyak ini adalah cukup untuk membiayai bilangan pemohon-pemohon yang telah lulus? Kalau tidak cukup, apakah mekanisme yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa daripada 6,298 ini, kita tapis dan hanya ada 1,029 yang telah lulus. Namun demikian, apabila tawaran diberikan kepada 1,029 orang ini, maka kita dapati hanya 241 pemohon sahaja yang telah pun kita berikan pinjaman kerana apabila kita tanya kepada mereka, banyak masalah yang mereka hadapi terutamanya ialah mengenai tidak cukup duit deposit.

Sebagai contoh, kalau dia beli rumah RM300 ribu, bank mungkin bagi kepada dia hanya 70 peratus. Kita bagi bantuan 10 peratus, baru 80 peratus. Jadi dia mungkin ada duit 10 peratus, jadi dia tak cukup lagi 10 peratus atau lebih kurang RM30 ribu. Ini salah satu sebab mengapa tawaran kita beri, syarat telah penuh tetapi pembeli-pembeli tidak dapat memenuhi kerana mereka tak dapat menyediakan deposit dan akhirnya mereka tak dapat ditawarkan program ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat, peruntukan ini memang masih ada dan kerana itu kita akan menambahkan untuk membukanya bagi fasa yang kedua. Terima kasih.

**6. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan rumah yang telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan untuk mangsa banjir di Kelantan setakat 30 September 2016. Berapakah keluarga yang masih tinggal di dalam khemah dan di dalam kontena rumah sementara sehingga hari ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, orang Seputeh tanya pasal Kuala Krai ya. Jumlah rumah kekal

baharu yang perlu dibina oleh Kerajaan Persekutuan untuk mangsa banjir yang layak di Kelantan adalah sebanyak 1,135 buah. Sehingga 30 September 2016, sejumlah 1,010 unit RKB ataupun 89 peratus telah berjaya disiapkan manakala 25 unit lagi sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap serta diberikan kepada mangsa banjir yang layak secara berperingkat mulai Oktober 2016, akhir Oktober ini ya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini tidak ada keluarga yang masih tinggal dalam khemah ataupun dalam kontena rumah sementara. Terima kasih.

#### ■1110

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya lihat jawapan diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, yang Rumah Kekal Baharu yang perlu dibina adalah 1,135. Angka ini memang bercanggah dengan angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Pengurus Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Menteri dari Jeli. Ini kerana kalau saya lihat yang laporan akhbar *Berita Harian online* pada Jun 2016 yang mana Pengurus Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Jeli kata, saya quote ya, “*Kerajaan Persekutuan memberi jaminan pembinaan semua 1,759 Rumah Kekal Baharu (RKB) untuk mangsa banjir di Kelantan dan akan siap sepenuhnya antara Mac dan Jun tahun depan.*” Laporan ini adalah 28 Oktober 2015.

Jadi yang angkanya Tuan Yang di-Pertua ialah 1,759. Sekarang angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sekarang ialah 1,135. Saya rasa kenapa yang angka tadi kerajaan ini agak tidak sama dan Yang Berhormat Menteri pada sesi yang lepas kata hendak bawa saya pergi turun padang. Saya masih ingat, masih tunggu sampai sekarang, tidak pergi. Adakah yang angka-angka yang bercanggah ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri tidak turun padang.

Satu lagi ialah SPRM. Kalau kita lihat laporan akhbar pada 15 Mac 2016 yang Pengarah SPRM Kelantan, Datuk Haji Abdul Aziz Aban kata peruntukan sebanyak RM880,000 untuk membaiki 441 buah rumah mangsa banjir di Tanah Merah dan SPRM telah pun panggil 50 individu termasuk seorang berpangkat Datuk untuk ber keterangan berkaitan dengan penyelewengan peruntukan ini kerana disyaki separuh daripada peruntukan kerajaan itu diselewengkan kepada pihak ketiga.

Jadi saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar tentang penyelewengan daripada wang yang diperuntukkan untuk membuat rumah mangsa banjir. Apakah tindakan yang terbaru ataupun perkembangan tentang isu ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Seputeh, sebenarnya janji saya tetap akan ditepati. Tiap-tiap saya hendak pergi ke tempat ini, saya telefon Yang Berhormat, tidak ada. Yang Berhormat selalu sibuk, hadir mesyuarat dan sebagainya, merancang untuk membuat fitnah dan lain-lain lagi Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi saya beritahu Yang Berhormat, Yang Berhormat Jeli dengan saya tidak berbeza. Cuba tengok soalan Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat bertanya iaitu jumlah rumah yang akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Jeli bagi jumlah rumah termasuk yang dibina oleh kerajaan negeri dan juga NGO. Untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat, supaya Yang Berhormat tidak keliru, kerajaan negeri membina 423 buah rumah. Sejumlah 354 buah rumah siap, 69 buah rumah belum lagi. Ini sebagai contoh ya. NGO semua siap. Jadi ini NGO ini saya tidak payah sebut nama. Kalau Yang Berhormat hendak, saya boleh bagi laporan bertulis ya.

Jadi NGO, kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana Yang Berhormat sebut Kerajaan Persekutuan, itulah jawapan saya tadi. Saya hendak beritahu Yang Berhormat kita akan— yang 125 buah rumah ini semuanya di Kuala Krai kita akan serah berperingkat-peringkat mulai dari bulan ini dan sehingga bulan depan dan seterusnya. Yang Berhormat tahu bahawa benda ini berlaku, kelewatan ini berlaku kerana masalah tanah ya. Benda apa pun dalam dunia ini kalau melibatkan pembinaan ialah masalah tanah ya.

Jadi Yang Berhormat Kuala Krai pun saya hairan kenapa tidak tanya soalan. Akan tetapi walau bagaimanapun dia juga mungkin mewakili Yang Berhormat Seputeh untuk melakukan lain-lain perkara yang tidak sesuailah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Setiu. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana kerjasama daripada pihak Kerajaan Kelantan dalam usaha membina rumah-rumah yang dikatakan Rumah Kekal Baharu ini. Sejauh mana dalam penyediaan tanah misalnya. Ada perbezaan tidak kerjasama itu masa PAS dengan PAN, semasa PAS bersendirian, ada beza tidak? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yalah, sekarang ini PAS lebih berbezalah. Sekarang saya rasa PAS lebih berbeza daripada dulu dan lebih baik sebab mereka

berfikiran lebih besar, terbuka dan sentiasa berjiwa besar untuk menghadapi masalah. Mereka tidak keluar Dewan semasa pembentangan bajet kerana menghormati orang sampai belanjawan. Jadi cuma Yang Berhormat Pokok Sena terkeluar hari itu sekejap, mungkin pergi bilik air ya. Jadi, terima kasih.

Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat, walaupun Kerajaan Kelantan berusaha bagi tanah tetapi kita kena ingat Kerajaan Kelantan juga menghadapi *constraint* bahawa bila rumah itu roboh sahaja, dia tidak boleh kata, “*Ha, ini tanahnya.*” Tidak ada tanah tersedia begitu rupa. Kalau tanah yang tersedia, yang pertama dia bagi dulu, dia bagi betul-betul tanah yang bersedia serta-merta, di atas bukit sana dan kita terpaksa belanja untuk kos tolak tanah dan sebagainya. Lebih mahal daripada membina rumah. Jadi akhirnya kita terpaksa cari kawasan yang berdekatan, ambil pendekatan, tanah individu kita boleh benarkan membina di tanah individu. Manakala yang terakhir ini adalah pendekatan menggunakan tanah-tanah persekutuan untuk kita bina sementara Rumah Kekal Baharu ini.

Jadi kerajaan Kelantan memang berusaha tetapi dia juga ada *constraint* kerana kita tahu bahawa tidak ada mana-mana kerajaan negeri menyediakan satu tanah bahawa kalau berlaku apa-apa masalah, ini dia tanahnya tersedia. Tidak ya. Oleh sebab benda ini berlaku tidak dijangka. Ujian Allah pada kita. Sekarang ini ujian Allah ini kalau kita hadapi dengan sabar, kita akan menang. Akan tetapi kalau kita hadapi dengan keluh kesah dan dengan perasaan yang pelbagai, jadi kita rugi.

Oleh sebab itu pesanan Allah pada kita ialah kalau diuji, hendaklah kita bersabar dan sabar itu ialah kemenangan. Sekarang ini kerajaan Malaysia sedang diuji. PAS nampaknya bagus, dia faham ayat Al-Quran, dia tidak keluar Dewan. Jadi kalau sekiranya kita lihat bahawa, kalau kami selesai masalah, pembangkang juga untung. Bukan bila kami selesai masalah, kami saja untung, tidak. Pembangkang juga untung, rakyat untung, orang bandar untung ya. Terima kasih. Terlebih sikit daripada jawapan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dia jawab tentang penyelewengan dana yang saya tadi dengan siasatan SPRM.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Penyelewengan dana saya tidak tahu Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya telah pun disiasat oleh sebab ada komplotan daripada mana-mana pihak, sudah pasti SPRM akan ambil tindakan yang sewajarnya. SPRM sentiasa bekerja keras untuk membersihkan termasuk apa-apa sahaja yang mungkin mengaku bersih tetapi tidak bersih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi turun padang, Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Seputeh bila ini?

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, Yang Berhormat. Saya di antara manusia yang sentiasa berada di padang, bukan turun lagi sudah. Jadi semua orang tahu. Cuma saya tidak dapat publisiti yang saya berada di padang. Cuma media sosial tahu saya di mana. Cuma tidak dapat bawa Yang Berhormat, cuma saya sempat bersama dengannya di *Lake Garden*. Selalu *jogging* dekat sana.

**Beberapa Ahli: [Riuh]**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi padang-padang lain belum diturunkan lagi. Terima kasih.

7. **Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan mengkaji sebab yang dikatakan hampir 1.2 juta rakyat Malaysia yang bertindak memandu tanpa lesen. Apakah tahap penguatkuasaan yang ada kini longgar dan memerlukan penambahbaikan demi menjamin keselamatan dan memastikan pengguna jalan raya mematuhi undang-undang. Pada masa yang sama, adakah kerajaan bercadang melaksanakan Hari Tanpa Kenderaan (*Car Free Day*) di bandar-bandar utama seluruh negara sepetimana yang dilakukan di Kuala Lumpur kini.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi [Timbalan Menteri Pengangkutan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil maklum akan isu pemandu memandu tanpa lesen yang sah. Melalui pemantauan pihak kementerian, punca utama pengguna jalan raya memandu tanpa lesen adalah disebabkan oleh sikap dan tahap kesedaran pemandu itu sendiri. Kos bagi mendapatkan lesen memandu bukanlah faktor utama rakyat Malaysia untuk tidak mempunyai lesen memandu.

■1120

Oleh itu, inisiatif kerajaan seperti Program MyLesen dan Program Satu Komuniti Satu JPJ ataupun singkatannya SKSJ diperkenalkan bagi memastikan rakyat Malaysia memiliki sekurang-kurangnya lesen memandu asas B2 iaitu motosikal. Kerajaan yakin bahawa Program MyLesen dan SKSJ dapat membantu dan menyumbang kepada pengurangan jumlah mereka yang menunggang tanpa lesen dan seterusnya membawa kepada peningkatan keselamatan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program penguatkuasaan telah dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dalam bentuk operasi rutin, operasi bersepadu dan

dengan pelbagai agensi, Operasi Khas Motosikal, Operasi Pengarah dan Operasi Lebih Muatan. Sehingga September 2016 sebanyak 231,788 kesalahan berkaitan lesen memandu yang meliputi memandu tanpa lesen memandu, lesen memandu tamat tempoh, lesen memandu tidak mengikut kelas yang dibenarkan dan juga pemalsuan lesen memandu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Hari Tanpa Kenderaan seperti yang dilaksanakan di Kuala Lumpur adalah di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan. Pihak Kementerian Pengangkutan tiada halangan dan menyokong inisiatif ini sebagai satu usaha untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan juga sebagai satu usaha mengurangkan pencemaran udara di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak minta kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kos bukanlah satu penyebab utama kenapa mereka ini tidak mengambil lesen tetapi kalau kita tengok pelbagai promosi yang dibuat oleh JPJ, kos ini merupakan *the inviting point* daripada RM600 kepada RM299 contohnya.

Jadi apa yang saya bimbang ialah apakah JPJ telah membuat kajian yang rapi berhubungan dengan kos. Contohnya kalau apa yang saya ada ini, tahun 2015 kos motosikal hanyalah RM350 tetapi tahun 2016 hampir RM600. Pada masa sama, kerajaan juga, polis telah pun menangkap 630,000 mereka yang tidak berlesen ini.

So, sampai hari ini apakah kerajaan tidak bercadang untuk melihat penurunan yang lesen ini dapat diperbesarkan sebab yang penting untuk kutipan cukai daripada kerajaan ialah apabila mereka memperbaharui lesen. Kalau satu bulan 2 juta lesen RM30 sudah RM36 juta setahun. Daripada kita hilang RM1.2 juta itu pada masa yang sama menyelesaikan masalah besar dari segi tidak ada lesen ini. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dapat maklumat yang kurang tepat apabila menyebut 2016 naik RM600 kerana sehingga hari ini masih kekal harga siling itu RM350 untuk motosikal dan untuk kereta RM1,150. Untuk makluman, kos lesen, mengambil lesen ini kita adalah salah satu negara yang termurah berbanding dengan negara-negara lain ada sampai RM2,000, RM3,000. Jadi kita kerajaan meletakkan siling RM350 ini dan kita yakin ianya dalam kemampuan masyarakat.

Seterusnya dalam Program MyLesen, kita telah bekerjasama dengan institut memandu dan ini kita dapat mengurangkan RM100 iaitu kepada RM250 dan ini kerjasama dengan institut memandu. Begitu juga SKSJ kita laksanakan, kita juga

memberi kemudahan pengurangan dalam kos mendapatkan lesen ini. Jadi pelbagai program kerajaan untuk membantu masyarakat khususnya di luar bandar, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian tentang pemandu yang melibatkan warga asing. Sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian sama ada kenderaan persendirian ataupun kenderaan perdagangan.

Begitu juga tentang isu pelajar yang menggunakan kenderaan untuk berulang-alik ke sekolah. Jadi sejauh mana dasar yang dibuat oleh pihak kementerian di atas keperluan pelajar yang mungkin tahap umur belum lagi mencapai tahap untuk mereka memperoleh lesen tetapi keperluan untuk berulang ke sekolah memerlukan kenderaan seperti motor dan sebagainya, minta penjelasan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemandu warga asing dia kalau untuk pemandu yang datang membawa kereta mereka seperti kenderaan Singapura, kenderaan Thailand mereka dibenarkan untuk selama enam bulan menggunakan lesen antarabangsa. Seterusnya untuk pelajar-pelajar, kita dalam syarat lesen sekurang-kurangnya umur 16 tahun. Jadi 16 tahun kita benarkan untuk pelajar-pelajar mengambil lesen. Umur bawah 16 tahun tidak dibenarkan kerana kita rasakan mereka belum cukup matang untuk berada di atas jalan raya. Terima kasih.

8. **Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bila pembinaan Hospital Pendang baru akan dilaksanakan dan jangka masa pembinaan hospital ini akan disempurnakan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2016.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Gooi Hsiao-Leung. Tuan Yang di-Pertua, cadangan projek Hospital Pendang telah diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2016 dalam *Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas*. Pada masa ini KKM dan pihak JKR sedang dalam proses perancangan teknikal dan pembinaan dan pra pembinaan secara intensif dan projek ini dijangka akan ditender pada bulan Mac 2017.

Tuan Yang di-Pertua, projek tapak cadangan hospital ini adalah seluas 42 ekar di Mukim Air Putih, Daerah Pendang dan cadangan pembinaan Hospital Pendang diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM200 juta dengan 120 buah katil, Tuan Yang di-Pertua. Skop cadangan pembinaan yang merangkumi *outpatient care*

*services, inpatient care services, medical support service, non-medical support service, staff facilities, staff quarters, training educational facilities dan general amenities*, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk pengetahuan rakyat di Pendang, hospital ini akan dilengkапkan dengan 11 kepakaran iaitu *general surgery, general medicine, pediatric, O&G, orthopedic, pathology, radiology and sociology, emergency medicine, psychiatry* dan juga untuk *dental specialist*. Terdapat empat buah dewan bedah, Tuan Yang di-Pertua dan 20 mesin untuk hemodialisis dan juga kquarters untuk *nurses* dan juga untuk *houseman*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Yang Berhormat Timbalan Menteri, projek ini telah pun diumumkan dalam Bajet 2016 iaitu 10 tahun lalu dan Tuanku Sultan Kedah telah pun dalam tahun 2011 memberi teguran semasa Persidangan DUN di Kedah kenapa ada kelambatan untuk melaksanakan projek ini. Sampai hari ini projek ini masih belum menjadi satu kenyataan.

Hospital ini adalah satu keperluan sebab Pendang itu adalah sebuah kawasan yang besar dengan penduduk yang cukup besar juga. Sekarang mereka terpaksa bergantung kepada Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar untuk rawatan mereka. Jadi saya harap bahawa hospital ini akan dilaksanakan secepat mungkin.

Soalan saya adalah dalam bulan September, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah pun mengeluarkan satu kenyataan di mana beliau memberitahu bahawa disebabkan kekangan wang, projek ini akan mengakibatkan pemotongan daripada segi nilai projek itu yang berjumlah RM200 juta.

#### ■1130

Jadi soalan saya adalah, berapakah jumlah yang akan ditolak daripada RM200 juta yang asalnya dirancang? Aspek apakah yang akan *will be affected* dengan izin, daripada pemotongan bajet RM200 juta untuk membina hospital ini? Juga daripada jawapan Menteri tadi bahawa tender hanya akan bermula dalam tahun depan. Kita mahu dengan yakin, dengan tepat bilakah projek ini akan diselesaikan, dilaksanakan dan disempurnakan sebab projek ini memang sudah lama dan orang Pendang pun sudah lama menunggu hospital ini dibina. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas soalan tambahan oleh Yang Berhormat Alor Star. Memang projek ini sudah dirancang lama dan kita pihak kementerian mengambil teguran dari Istana Kedah sebagai satu teguran yang amat serius dan memang *insya-Allah* projek ini akan berjalan dan sudah sampai ke peringkat pelaksanaan Tuan Yang di-Pertua. Memang saya pernah buat

*statement* tentang perkara— sebenarnya, kita telah pun buat *value management* Tuan Yang di-Pertua. Projek ini setelah dibuat *value management* semula, didapati memang bukan potong, kena tambah lagi. Ini hampir RM300 juta sudah tambah lagi dan ikut-ikut kiraannya, kalau 120 katil, RM300 juta, maknanya *RM2.4 million per bed*. Sebab dia banyak kemudahan yang telah kita masukkan dalam projek ini.

Sementara itu, memanglah pesakit dari Pendang terpaksa pergi ke Sultanah Bahiyah lebih kurang setengah jam, 23 kilometer ataupun di Sungai Petani, 50 kilometer dalam 45 minit sampailah. Ini terpaksa kita lalui. Sementara itu kalau ada masalah, kita ada tiga buah klinik KK di situ, klinik kesihatan tahap 4 dan tahap 5 di situ. Saya harap penduduk Pendang bersabar sekejaplah dalam— dan dijangka kalau dipanggil tender dalam bulan – kita panggil tender dalam bulan Mac 2017, tender di award dalam enam bulan, maknanya tiga tahun pembinaan, dijangka makan masa tiga tahun Tuan Yang di-Pertua. Maknanya tahun 2017, tahun 2020 *insya-Allah*, boleh selesai Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan. Pagi hari ini berlaku kebakaran di Hospital Johor Bahru, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan? Sila jelaskan isu ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Untuk maklumat itu, saya baru dapat Tuan Yang di-Pertua. Ini sebenarnya terkeluar daripada soalan asal, tetapi tidak apalah saya jawab sedikit. Memang saya sedang menunggu maklumat dan *insya-Allah* saya akan pergi melawat mungkin dalam hari ini juga Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang saya dapat tahu kebakaran berlaku di wad ICU. ICU tempat kecemasan. Jadi maklumat tepat saya belum dapat lagi Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]*

**9. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh mana kualiti pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Orang Asli dan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan; dan
- (b) benarkah kualiti pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil jauh lebih rendah dari Sekolah Rendah Kebangsaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pencapaian Bahasa Melayu di sekolah Orang Asli dan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) masih lemah. Berdasarkan UPSR tahun 2015, 62% calon Orang Asli mencapai penguasaan minimum iaitu gred A ke C dalam mata pelajaran BM Pemahaman dan 48% calon mencapai penguasaan minimum dalam mata pelajaran BM Penulisan.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan program LINUS bagi memastikan semua murid termasuk murid Orang Asli menguasai literasi BM berakhiri Tahap 1. Kementerian Pendidikan Malaysia juga memberikan tumpuan kepada penguasaan kemahiran lisan bagi murid sekolah rendah bagi memastikan mereka benar-benar menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bagi murid yang berada pada Tahap 2 iaitu Tahun 4 hingga Tahun 6, termasuk murid Orang Asli, Kementerian Pendidikan Malaysia merancang untuk menyediakan program intervensi bagi membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu secara berterusan.

Soalan bahagian kedua, pendapat yang mengatakan kualiti pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan jauh lebih rendah daripada sekolah kebangsaan adalah tidak benar. Daripada segi kemahiran bahasa dalam standard kurikulum Bahasa Melayu, murid sekolah SJK dan SK adalah sama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa juga menggunakan standard kandungan kurikulum yang sama dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Namun begitu, daripada segi pendekatan pengajaran murid di SJK, guru boleh menggunakan kaedah pengajaran bahasa kedua berbanding pengajaran Bahasa Melayu di SK yang menggunakan kaedah pengajaran bahasa pertama. Proses pengajaran dan pembelajaran tersebut bergantung kepada kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru atau pelaksana di dalam bilik darjah berdasarkan keupayaan murid itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengetahui sekolah jenis sekolah rendah kebangsaan (Orang Asli) ini tidak banyak dalam negara. Akan tetapi pelbagai masalah yang dihadapi oleh pentadbiran sekolah, antaranya kecinciran yang tinggi disebabkan perhubungan yang jauh dan mungkin satu pendekatan baru sama-sama diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan dan juga JAKOA. Sehingga hari ini, dalam kawasan saya tidak dilihat suasana seperti itu.

Oleh sebab itu saya berpendapat, walaupun kementerian telah menjawab pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina sama, tetapi daripada segi pemarkahan, semua orang tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gerik, walaupun tinggi tetapi kena pendekkan. *[Ketawa]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Minta maaf. Walaupun diketahui di sekolah jenis Cina dan Tamil pemarkahannya lebih rendah, apakah kementerian mempunyai satu cadangan untuk memberi peluang juga kepada sekolah Orang Asli ini dibuat pemarkahannya sama macam sekolah jenis Cina dan sekolah jenis Tamil? Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih kepada soalan tambahan. Berkenaan dengan pendidikan Orang Asli, kementerian memang sedang merangka satu hala tuju pendidikan Orang Asli 2017 hingga 2025 untuk kita mengadakan program komprehensif membantu meningkatkan pencapaian pendidikan untuk murid-murid Orang Asli.

Berkenaan dengan pemarkahan yang berlainan di SJK(C) dan SJK(T) dan dicadangkan supaya SK untuk Orang Asli juga disamakan, perbezaan yang ketara antara dua jenis sekolah ini ialah bahasa pengantar di dalam SJK(C) menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil di SJK(T). Akan tetapi bahasa pengantar yang digunakan di SK untuk Orang Asli itu semuanya dalam bahasa Melayu. Maka, sistem pembelajaran dan bahasa yang digunakan untuk PDP itu jauh berbeza. Maka, penarafan dan pengajian ataupun ujian yang dilakukan untuk SK dan SJK itu memang berbeza. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tumpukan pada satu persoalan yang berkait dengan pelaksanaan program dwibahasa di LP yang telah bermula pada tahun ini di beberapa buah sekolah yang telah pun diletakkan di bawah *Malaysia Education Blueprint 2013-2015*. Jadi, program yang dilaksanakan di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris, apakah pihak kementerian dapat melihat ataupun mengesan kesan-kesan negatif kepada pembelajaran Bahasa Melayu yang dilihat menjadi *second class* terutamanya sekolah-sekolah luar bandar? Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan tambahan. Program DLP ini adalah di bawah MBMMBI dan pelaksanaan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di

beberapa sekolah yang melaksanakan DLP itu tidak akan menjaskan status dan penguasaan Bahasa Melayu.

■1140

Tidak akan kita melihat bahawa sekolah yang tidak melaksanakan DLP itu sebagai *second class* sebab DLP itu dilaksanakan di sekolah menggunakan dua bahasa. Pemilihan ibu bapa sama ada anak mereka hendak mengikuti pembelajaran itu dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu standard penguasaan itu sama. Cuma bahasa pengantar itu berbeza. Jadi tidak boleh kita melihat bahawa anak-anak kita yang belajar sains dan matematik dalam bahasa Melayu itu standardnya kurang daripada penggunaan dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, dalam program MBMMBI itu kita masih lagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan jumlah sekolah yang menyertai DLP masih lagi sedikit ya. Tidak sampai 1,000 buah sekolah. Berbanding dengan 10,000 buah sekolah yang berada di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, depan saya ya.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kanowit ya.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Saya ingin mengetahui kepada Menteri jumlah murid-murid di darjah sekolah pedalaman di Sarawak. Sebab saya mengetahui bahawa ramai daripada mereka ini juga sampai kepada Darjah 3 pun masih belum pandai membaca dan mengira. Saya tahu program LINUS dijalankan tetapi masalahnya adalah sebab mereka ini dari awal-awal lagi tidak ada sekolah asas ataupun tidak mengikuti sekolah tadika ataupun *preschool*. Jadi di kawasan pedalaman di Sarawak sama juga dengan kawasan-kawasan Orang Asli saya ingat, masalah ini adalah sangat ketara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chong Sin Woon:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa di kawasan-kawasan pedalaman khususnya yang jauh tanpa akses kepada sekolah-sekolah tersebut kita kekurangan kemudahan untuk prasekolah. Untuk murid-murid yang tidak melalui prasekolah, mereka kurang kalau berbanding dengan mereka yang sudah menjalani prasekolah selama dua atau tiga tahun. Murid-murid ini memasuki sekolah rendah lebih mudah untuk mereka mengikuti kurikulum yang

disediakan. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha melalui latihan guru-guru kita khususnya untuk pergi ke sekolah-sekolah Orang Asli dan peribumi di Sabah dan Sarawak.

Sekarang, kita juga mempunyai bahasa ibunda untuk mereka iaitu Bahasa Semai untuk Orang-orang Asli di Semenanjung, bahasa Iban dan bahasa Kadazan untuk di Sabah dan Sarawak. Kita melihat pendidikan untuk Orang Asli dan peribumi itu adalah amat penting dan pencapaian mereka itu dikaitkan dengan standard pencapaian pendidikan negara. Maka kita berharap dengan hala tuju pendidikan Orang Asli yang akan dilaksanakan tahun depan kita akan mempunyai program yang lebih baik untuk kita membangunkan pendidikan untuk anak-anak Orang Asli dan peribumi. Sekian, terima kasih.

**10. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh mana keyakinan dan kemampuan Teknik Ujian Tanpa Musnah (NDT) terutama Radiografi dalam mengesan secara berkala paip gas selepas berlaku letupan, kebakaran di Bukit Beriwan, Lawas.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat yang dimaksudkan daripada soalan itu ialah Ujian Tanpa Musnah (*Non-Destructive Testing*). Daripada nama *test* itu pun kita sudah tahu, bila ujian itu dilakukan tidak boleh berlaku kerosakan ya atau merupakan salah satu teknik yang dilakukan tanpa merosakkan atau memusnahkan bahan tersebut. Itu fasal dipanggil Ujian Tanpa Musnah ataupun *Non-Destructive Testing*. Salah satu teknik NDT ialah satu dipanggil kaedah radiografi yang biasa digunakan semasa proses pemasangan talian paip gas di peringkat awal, sebelum ataupun sebelum sesuatu kejadian berlaku. Hal ini kerana ujian ini selalunya digunakan untuk mengesan dia punya kualiti kalau ada bocor ke kelainan ke kerana itulah ujian yang perlu dilakukan untuk NDT.

Jadi pada 11 Jun 2014, telah berlaku satu insiden letupan di saluran paip gas Sabah Sarawak di Bukit Beriwan, Lawas, Sarawak. Ia berpunca daripada kebocoran saluran paip bawah tanah dan disusuli dengan kebakaran. Dengan hal itu teknik NDT telah meneliti hanya dokumen dan mampu untuk mengesan struktur keretakan tali paip sebelum mengalami letupan. Apabila sudah letup sudah musnah maknanya tidak boleh dilakukan lagi dah. Hal ini kerana NDT adalah ujian yang digunakan untuk mengesan keretakan, keliangan pada tuangan keluli. Kimpalan atau bahagian ditempa serta komponen elektronik bagi mengesan integriti. Jadi bila benda itu sudah meletup

kita tidak boleh menggunakan kaedah NDT lagi. Tetapi apabila kerja pembaikan dilakukan, kita hendak tengok sama ada kerja pembaikan itu sudah menepati spesifikasi, maka NDT akan digunakan. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya soalan ini untuk memastikan adakah kementerian memang bersetuju bahawa Ujian Tanpa Musnah ini kita boleh guna untuk memastikan kebocoran ataupun kekuatan paip gas? Kalau dipersetujui berapa banyak kah syarikat-syarikat atau pengendali NDT terutama radiografi ini di dalam yang tempatan lah. Yang saya difahamkan dalam sistem paip ini pengendalinya ialah syarikat dari luar negara. Saya difahamkan juga mereka dapat mengesan filem iaitu semuanya hitam tetapi kenapa pihak Petronas tidak menutup gas lebih awal sehingga menyebabkan berlakunya kebakaran ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Hulu Langat juga ada mengemukakan pertanyaan yang lebih kurang serupa pada esok hari. So hari ini saya ingat benda itu akan dijawab lebih *detail* akan dijawab esok. Tetapi oleh sebab Yang Berhormat telah pun mengemukakan dalam soalan tambahan, izinkan saya untuk menjawab soalan esok bersama dengan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti saya katakan tadi terdapat lima ujian di bawah NDT iaitu Pengujian Radiografi, *of course* kita setuju apa benda yang— ujian ini boleh digunakan. Pengujian elektrosonik, pengujian arus pusar, pengujian magnetik dan pengujian penembusan, pengujian ‘durikasi’ selalunya digunakan di dalam industri petroleum dan gas. So, Agensi Nuklear Malaysia telah membangunkan juga— yang ini Yang Berhormat pun tahu, saya tahu. Membangunkan dan memajukan teknik NDT semenjak tahun 1982 dan memainkan peranan penting dalam menyediakan pakar-pakar NDT tempatan melalui khidmat latihan kepada industri ini.

Jadi kalau kita tengok kursus dan latihan dalam bidang NDT yang ditawarkan oleh Agensi Nuklear Malaysia dapat memberi peluang pekerjaan dalam industri petroleum dan gas. Selain itu, mula pada tahun 1986 Nuklear Malaysia juga turut mengendalikan Skim Persijilan Kebangsaan NDT yang telah memanfaatkan 4,000 orang pemegang sijil kemahiran Malaysia dan sehingga hari ini terdapat 82 syarikat NDT. Dahulu saya ingat semasa Yang Berhormat bekerja dahulu hanya 40 sahaja saya tahu, sekarang ini sudah naik kepada 82 syarikat NDT tempatan yang berlesen dan beroperasi dalam industri petroleum gas dan lain-lain industri di Malaysia. Di peringkat serantau Nuklear Malaysia telah diiktiraf sebagai Agensi Tenaga Atom

Antarabangsa (IAEA) sebagai NDT – *IAEA Collaborating Centre (ICC)* and NDT pada tahun 2015 dan sehingga tahun 2019. Sebagai ICC, Nuklear Malaysia menerajui dan memberi khidmat kepakaran kepada negara-negara luar yang sedang membangun seperti Myanmar, Sudan, Pakistan dan Sri Lanka.

Dalam ujian ini Yang Berhormat yang sebenarnya kita mesti ingat ya, dalam ujian ini sebenarnya mesti ada *compile* dengan dia punya – harus menepati standard amalan penggunaan NDT di negara ini dilaksanakan mengikut piawaian dan standard berkaitan dengan individu yang *competent* mengikut garis panduan ISO 9712 yang juga dilaksanakan oleh syarikat penyedia khidmat nuklear berlesen. Selain daripada itu, kepada NDT juga mesti mengikuti piawaian antarabangsa API 1104: *Standard for Welding Pipelines and Related Facilities*, ASME B31.3 *Process Piping*, ASME Section V *Inspection* dan code ASME Section VIII *Rules for Construction of Pressure Vessels*.

#### ■1150

Maknanya itu tidak timbul kerana kerja-kerja NDT ini seharusnya mengikut standard dan sudah tentu kerja-kerja yang kritikal ini mendapat pemantauan dan pengiktirafan daripada antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**11. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan:

- (a) dengan slogan 1Malaysia, ilham YAB PM sendiri, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menyeimbangkan harga barang di negeri Sabah dan Sarawak agar ianya berharga sama dengan Semenanjung Malaysia; dan
- (b) adakah polisi kaboutaj menyebabkan ketidakseimbangan harga barang ini dan sekiranya bukan polisi kaboutaj, apakah faktor lain yang menyebabkannya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum Malaysia mengamalkan konsep ekonomi bebas di mana harga barang ditentukan oleh keadaan pasaran atau *supply and demand*. Kerajaan tidak menentukan harga barang kecuali pada barang atau keadaan-keadaan tertentu seperti barang kawalan bersubsidi dan skim kawalan harga musim perayaan.

Melalui data harga yang di analisa oleh kementerian memang terdapat perbezaan harga atau *price divergence* di antara lokasi-lokasi berlainan termasuk di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Purata harga di Sabah dan Sarawak

didapati lebih tinggi daripada Semenanjung yang di antara lainnya disebabkan oleh kos pengangkutan memandangkan kebanyakan pengeluar berada di Semenanjung.

Bagi membantu penduduk di Sabah dan Sarawak kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi menyeimbangkan harga barang-barang keperluan tertentu iaitu melalui:

- (i) Program 1Malaysia 1Harga iaitu menyeimbangkan harga barang keperluan iaitu seperti gula, tepung dan gandum serta minyak masak di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak;
- (ii) Program Penyeragaman Harga; dan
- (iii) Program Mobile KR1M di mana terdapat sejumlah 185 buah KR1M yang telah dibangunkan di seluruh Malaysia.

Untuk makluman di Dewan yang mulia ini Dasar Kaboutaj merupakan satu dasar di bawah Kementerian Pengangkutan yang mengehadkan pengangkutan barang dan penumpang serta perkhidmatan perkapalan lain di perairan Malaysia dan zon ekonomi eksklusif kita kepada kapal-kapal pendaftaran Malaysia sahaja. Terdapat anggapan bahawa dengan meliberalisasikan Dasar Kaboutaj di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak lebih banyak lagi kapal-kapal asing bebas untuk singgah di Sabah dan Sarawak dan menjadikan kos *freight* atau kos perkapalan lebih rendah. Dasar ini sebenarnya tidak menghalang kapal-kapal asing untuk singgah ke mana-mana pelabuhan di Sabah dan Sarawak untuk mengangkut barang import dan eksport.

Tambahan pula aktiviti kargo, pindah kapal kontena dikontenakan, *containerize transshipment cargo* dari pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas ke Pelabuhan Sepanggar, Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Kuching telah dilonggarkan dari Dasar Kaboutaj. Secara amnya harga *freight* yang tinggi bagi sektor Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh ketidakseimbangan perdagangan di mana jumlah produk dari Semenanjung yang diangkut ke Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi daripada produk dari Sabah dan Sarawak. Syarikat perkapalan terpaksa mengambil kira kos pengendalian kontena yang kosong atau kurang muatan yang dibawa semula ke Semenanjung Malaysia.

Walau bagaimanapun kos *freight* hanyalah sebahagian daripada kos-kos yang terlibat dalam pengangkutan kargo daripada pengeluar kepada pengguna. Kos-kos lain yang terlibat seperti kos perkhidmatan, agen perkapalan, caj-caj pelabuhan, kos perkhidmatan, *freight forwarding* dan pengangkutan yang di daratan menyumbang kepada kos pengangkutan. Oleh yang demikian, Dasar Kaboutaj bukanlah faktor utama

kepada perbezaan harga barang di Sabah dan Sarawak berbanding Semenanjung. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ucapkan kepada Menteri dapat menjawab soalan yang sama, soalan ini sebenarnya telah pun ditanya tidak kurang 20 ke 30 kali. Jawapannya sama. Saya berharap rakyat di negeri Sabah mendengar jawapan tadi dan jangan lagi tanya kepada wakil rakyat kenapa ini kaboutaj polisi menyebabkan harga barang di Sabah begitu mendadak sekali sampai 20 peratus ke 30 peratus lebih tinggi daripada harga barang di Semenanjung. Lagipun produk-produk yang dikeluarkan dari Sabah tidak begitu kompetitif kerana harga logistik ini lebih tinggi.

Jadi itu bukan sahaja yang boleh menyeksa rakyat negeri Sabah ini, janji yang kita begitulah dengan beberapa kali soal 1Malaysia 1Harga ini menjadi kekeliruan pada rakyat negeri Sabah dan Sarawak. Walaupun saya ucap tahniah kepada Menteri daripada yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di kementerian ini dari Sarawak. Jadi saya rasa rakyat daripada Lawas pun begitu juga perasaan dia, sentimen yang begitu kuat sekali. Jadi saya harap dengan ucapan saya soalan sini bagi terakhir, saya tidak mahu menyoal lagi soal kaboutaj polisi ini. Ini saya harap kerajaan dapat melihat dan membantu kami dari Sabah supaya harga-harga barang di Sabah ini dapat disesuaikan dengan harga-harga yang bukan semestinya sama tetapi kalau kita melihat daripada tambang kapal laut ini dengan 20 kaki depan kontena, daripada Port Klang sudah menjangkau 2,438.

Ke Sandakan 3,235 dan ke Tawau 3,336. Bayangkan perbezaan harga barang itu dan lagi Yang Berhormat kepada dalam kementerian ini. Beras yang kita makan di Sabah ini benar-benar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, ya Yang Berhormat. Sedar kah Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan-soalan, kualiti beras yang dimakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan sedarkah ini soal sesi jawab lisan bukan perbahasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, okey, okey ini soalan terakhir. Beras yang kita makan di Sabah ini adakah ia sama dengan beras yang dimakan di Semenanjung. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat senang sahaja soalannya, adakah beras sama yang dimakan di

Semenanjung dan Sabah Sarawak tetapi dia pusing-pusing dari Arau sampai ke Johor Bahru balik ke Dewan Rakyat. Sila.

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya, Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan atas soalan tambahan tadi. Memang pun kita di Sabah Sarawak khususnya merasakan harga barang yang naik sedikit daripada kalau berbanding di Semenanjung ini. Tetapi seperti mana yang saya katakan tadi adalah disebabkan oleh perkara-perkara tertentu seperti *transport* perkapalan yang mana perlu juga menambahkan caj mereka di atas barang-barang yang diangkut ke Sabah dan Sarawak ini. Dari segi kerajaan, memang pun kerajaan telah pun mengambil inisiatif dan tanggungjawab seperti mana yang saya katakan tadi ada tiga program yang sedang berjalan sekarang iaitu program 1Malaysia 1Harga, Program Penyeragaman Harga dan program Mobile KR1M.

Ini merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan bertujuan untuk meringankan beban rakyat khususnya di Sarawak dan Sabah. Sekian, terima kasih.

■1200

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengenai dengan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Kalau kita lihat di negeri Sabah ini, kita lihat bahawa satu daerah hanya ada satu Kedai Rakyat 1Malaysia. Jadi, dengan itu hanya sebilangan kecil sahaja rakyat yang menikmati harga barangan yang murah. Jadi, adakah Yang Berhormat atau kementerian Yang Berhormat boleh menambah bilangan ini supaya lebih ramai lagi rakyat yang menikmati harga barang yang murah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Penambahan KR1M ataupun Kedai Rakyat 1Malaysia ini boleh dipertimbangkan apabila ada permintaan dari sesbuah kawasan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2016****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]; dibacakan kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN  
DAN KEMATIAN (PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminta Akta Pendaftaran, Kelahiran dan Kematian 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat ini.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.03 pg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 26 Oktober 2016.”

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Saya mohon menyokong.**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk

diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan mesyuarat?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Peraturan Mesyuarat 18(1)

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** 18(1) iaitu mengenai usul tergempar. Usul tergempar untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendakkan disegerakan. Saya telah menyediakan satu usul supaya Dewan ini membincangkan mengenai satu tragedi kebakaran di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, saya faham, elok Yang Berhormat buatkan usul itu secara bertulis...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya, saya sudah buat bertulis...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...dan kita akan bincangkan pada esok pagi. Terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memutuskan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[24 Oktober, 2016]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya minta Yang Berhormat Kuala Langat untuk menyambung ucapan.

**12.05 tgh.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masih lagi...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...30 minit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...waktu tidak menunjukkan saat saya hendak bicara, tolong pasangkan supaya saya boleh mengatur langkah. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mulai dengan perhatian

dengan kedudukan- 30 minit tidak boleh pencelahan diberikan kerana isu 11 perkara yang penting yang harus saya rungkaikan untuk diselitkan dalam Bajet 2017 yang telah pun menunjuk dan telah pun diberikan- inilah hebat Yang Berhormat Kuala Langat, kalau bercakap orang kacau- atas langkah kerajaan ataupun Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan tidak menjurus kepada keselesaan dan juga untuk memastikan kerangka dasar masa depan 2017 itu diberikan perhatian khusus kepada pekerja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Menyampuk]**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Daripada semua atur cara dan juga...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Satu minit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...ucapannya itu memberikan satu isyarat bahawa tidak ada yang memberikan kebaikan atau penambahbaikan kepada pekerja yang memerlukan pembelaan dan juga fokus untuk keadaan ekonomi, apa akan berlaku 2017. Pada waktunya Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan dan juga maklumat yang saya terima daripada apa yang berlaku pada hari ini- betul tidak betul, dengar dahulu Yang Berhormat Lenggong. Ini pemangku Presiden MTUC bercakap, hormat sikit Yang Berhormat Lenggong.

Isunya, saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, satu isu melibatkan pekerja-pekerja yang telah dibuang, waktu ini sudah pun menjangkau puluhan ribu. Oh, dahsyat! Puluhan ribu bukan perkara mainan. Soal ekonomi tahun depan amat menjadi teka teki, apa akan berlaku pada pekerja yang hari ini resah dan gelisah dengan masa depan mereka? Sebagai contoh, PERWAJA. Kita suntik, kita bantu, kerajaan bagi apa sahaja yang diperlukan tetapi akhirnya PERWAJA telah pun memecat hampir 1,000 orang pekerja dengan berlaku biadab dan tidak adil, tidak beri gaji empat bulan, itu saya dimaklumkan oleh pekerja.

Begitu juga EPF dipotong, SOCSO dipotong tetapi wang itu tidak dimasukkan dalam EPF dan SOCSO. Begitu juga dengan Tabung Haji, Bank Rakyat, pinjaman dan lain-lain Tuan Yang di-Pertua, kepunyaan siapa syarikat ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat Kuala Langat, PTPTN tidak semak kah?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dia orang tidak masuk, tidak ambil skim itu sebab masa itu mereka semua kaya. Jadi, Yang Berhormat Lenggong tidak boleh komen benda ini. Jadi, persoalan saya ialah ini penindasan yang luar biasa yang berlaku di PERWAJA yang dikuasai oleh syarikat bumiputera yang terlibat secara langsung, hampir 100% bumiputera. Mereka melakukan pengkhianatan

dan pada masa yang sama dia boleh bermiaga di luar sana, dia boleh pergi ke luar negara tanpa ada sekatan. Kalau tidak bayar PTPTN, disekat pergi luar negara tetapi kalau dia berlaku zalim, merompak duit pekerja, dibiar bermaharajalela. Kerajaan harus, wajib memastikan mereka empunya, tuan empunya syarikat ini, tidak perlu saya sebut, tidak perlu namanya saya sebut tetapi kerajaan harus bersikap tegas terhadap pengkhianat yang merosakkan masa depan pekerja ini.

■1210

Keduanya saya juga ingin menyinggung Megasteel ini, kalau dilihat daripada penutupan syarikat ini yang sebelum ini diberikan banyak subsidi bajet, Tuan Yang di-Pertua. Tan Sri juga tutup Megasteel, buka Amsteel, kemudian tidak bayar duit pampasan. Tidak bayar duit pampasan. Selalu pergi ke negara China untuk bermiaga tidak diberi sekatan. Kalau budak-budak yang tidak bayar PTPTN, hendak beli kereta pun tidak boleh. Ini korporat keparat ini boleh bermaharajalela sewenang-wenangnya. Ini apa punya undang-undang sistem yang kita ada? Yang kaya dibiarkan bermaharajalela, yang miskin ditindas sebangsat-bangsatnya. *[Tepuk]*

Saya mahu kerajaan yang berkenaan, Kementerian MITI, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri wajib dan harus menjalankan tugas mereka demi untuk rakyat marhaen yang diseksa hidup mereka.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Minum air dulu, minum air dulu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Begitu juga dengan syarikat yang dibuka— selain itu, Tuan Yang di-Pertua, Parkson. Itu anak syarikat Megasteel. Amsteel masih lagi mengeluarkan steel/tetapi dalam masa yang sama tidak mahu membayar duit pampasan. Alasannya kerana apa? Pegawai tidak berhak untuk mendapatkan Rentikerja Sentara di bawah seksyen 30 kerana ikut Akta Kerja di bawah gajian RM2,000 itu layak. Bengap punya otak. Ikut award Mahkamah Perusahaan, jelas mengatakan bahawa pekerja-pekerja itu adalah mandatori. Ini apa punya pengurusan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat, duduk sekejap ya. Yang Berhormat Rantau Panjang hendak mencelah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya ada 30 minit. Sekejap ya. Dah habis nanti saya bagi tahu. *[Disampuk]* Bolehlah. Yang Berhormat Rantau Panjang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kenapa Yang Berhormat Kuala Langat takut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat iaitu yang berkaitan dengan syarikat-syarikat besar yang mendapat pampasan dan sebagainya. Kalau kita merujuk kepada Laporan Audit 2015, didapati bagaimana Syarikat Perwaja Terengganu mempunyai hutang RM793.81 juta yang mana kerajaan, Kementerian Kewangan telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan hapus kira berjumlah RM100 juta setiap tahun sehingga dijangka selesai tahun 2027. Itu baru satu. Banyak lagi yang didedahkan dalam laporan audit bagaimana hapus kira oleh syarikat-syarikat gergasi sedangkan anak kita yang belajar yang dapat pinjaman PTPTN, mereka disekat keluar negara, mereka disekat untuk membuat pinjaman semata-mata kerana tunggakan baki hutang dan tidak ada peluang lagi untuk mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan. Apa komen Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru juga bangun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Langat, sedikit sahaja. Saya hendak tanya, berapa agaknya anggaran daripada kerajaan atau MTUC bahawa pekerja dibuang kerja? Sebenarnya berapa? Kita tidak tahu. Ini kerana kita dengar 200,000 pelajar yang *graduated* tidak dapat kerja. Selepas itu, kilang-kilang besar mula *retrench* dan juga SME pun, kerana tertekan dengan GST dan sebagainya, mereka mula melepaskan pekerja-pekerja secara senyap-senyap dan mesti saya rasa kerajaan ada statistik. Minta Yang Berhormat Kuala Langat komen. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini habislah, tidak boleh celah lagi lah.

Yang Berhormat Rantau Panjang, saya setuju yang mereka dihapuskan hutang, yang pekerja ini ditindas. Yang kaya itu diberikan bantuan, yang pekerja bawah ini tidak diambil peduli. Saya bersetuju dan masukkan sebahagian daripada ucapan saya daripada Yang Berhormat Rantau Panjang.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Bayan Baru, memang waktu ini hampir 70,000 yang dibuang kerja tetapi yang tidak kita ketahui, berapa ribu lagi. Jadi ini adalah kesan yang memberikan kita satu pertanyaan, di mana integriti kerajaan untuk

membela nasib pekerja ini? Saya mohon kerajaan kena menjawab daripada hati naluri suci murni mereka, bukan daripada kertas yang diberikan oleh pegawai.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Seremban, saya ada sebelas minit. Okey, okey.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seremban pun kalah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang pertamanya kita kena mengucapkan tahniah kepada Datuk Kuala Langat sebab telah diberikan anugerah Datuk oleh Yang di-Pertua negeri Pulau Pinang. Datuk Abdullah Sani. *[Tepuk]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Patutlah lain macam cakapnya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sebagai menghargai sumbangan beliau kepada golongan pekerja. Jadi ini saya rasa memang patut diberikan gelaran Datuk.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kuala Langat, apakah tidak kerajaan— saya tahu Yang Berhormat Kuala Langat telah bertahun-tahun memperjuangkan tabung pemberhentian pekerja untuk pekerja-pekerja yang dibuang kerja, tetapi nampaknya belum ada lagi keinginan politik, *political will* daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan tabung pemberhentian pekerja. Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Langat?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih, Yang Berhormat Seremban. Saya akan menghuraikan dalam perkara yang akan saya masukkan dalam perkara tujuh khusus untuk jawapan kepada Yang Berhormat Seremban.

Berbalik kepada isu yang saya hendak bangkitkan. Begitu juga dengan Solartech di Penang. Dia bagi kerja hari ini. Masuk setahun, dia buang semua. Kemudian seksyen 20 untuk *reinstate* 110 orang masuk kes dan malangnya, seksyen 30 Akta Perusahaan 1967, 24 bulan. Ini undang-undang *kunta kinte*. Mereka dibuang dan dalam masa yang sama digari, diikat kaki mereka dan tidak boleh bergerak untuk mempertahankan hak mereka. Maka demikian, Kementerian Sumber Manusia kaji semula seksyen 30 ini untuk memberikan lebar luaskan hak pekerja-pekerja ini untuk mereka bernafas.

Kedua— baru masuk kedua, Tuan Yang di-Pertua— penjawat awam. Ketika saya berhujah dalam perdebatan dahulu, pekerja kontrak tidak ada waktu, hari ini ada

waktu. 15 tahun ke atas mereka dikerjatetapkan. Hari ini saya hendak merayu kepada Jabatan Perdana Menteri untuk sedikit prihatin. Bagaimana mereka yang bekerja empat, lima, 10 tahun, 12 tahun bekerja kontrak dengan kementerian-kementerian dalam kerajaan?

Maka saya ingin cadangkan mereka yang bekerja tiga tahun ke atas ditetapkan supaya mereka layak mendapat pencen, mereka layak mendapat imbuhan-imbuhan faedah bersekali dengan mereka yang berada di samping keliling mereka. Itu penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada diskriminasi dan kecil hati. Ini kerja 10 tahun, 12 tahun masih kontrak. Jadi saya harap Jabatan Perdana Menteri supaya prihatin, kaji semula.

Begitu juga dengan pekerja OKU yang bekerja lima tahun, lapan tahun. Saya minta kementerian supaya OKU ini diberikan mereka peluang untuk digaji tetapkan. Dalam bajet ini banyak disentuh faedah-faedah OKU tetapi tidak disentuh untuk pekerjaan mereka khusus di kementerian-kementerian dalam kerajaan. Maka, saya cadangkan mereka ini wajib ditetapkan pekerjaan mereka supaya mereka juga tidak terlepas, tidak terpinggir daripada faedah-faedah yang sepatutnya mereka dapat.

Seterusnya, termasuk saya ulangi kepada Menteri Dalam Negeri iaitu anggota penjara, bomba, gaji mereka jauh dibandingkan dengan penguasa-penguasa yang lain sedangkan tugas mereka amat berat dan mencabar berdepan dengan pelbagai risiko tetapi gaji mereka amat mendukacitakan. Menteri Dalam Negeri, tolong lihat dan juga prihatin terhadap mereka juga.

Begitu juga dengan cuti bersalin. Tuan Yang di-Pertua, dalam *private sector* di bawah seksyen 34 Akta Kerja 1955 memberikan hanya lima anak untuk percutian berfaedah. Jadi saya hendak cadangkan hari ini supaya cuti untuk penjawat awam dan wanita swasta ini dinaikkan daripada 300 ke 450. Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua, kita ada jiwa kasih sayang untuk kita berikan kepada isteri ataupun ibu. Ini penting dan ini telah pun berlalu puluhan tahun.

Di luar sana, di luar negara, 90 hari sudah menjadi perkara biasa tetapi kita masih terlekat dengan undang-undang lapuk yang tidak memberi ruang untuk ibu-ibu bersalin dengan lebih selesa dan bermanfaat kepada anak-anak. Kita sebagai seorang suami harus bersikap prihatin dan berjiwa besar. Ibu-ibu yang melahirkan anak memerlukan perhatian bayi itu. Apakah tidak zalim kita menyekat waktu itu hanya menumpukan kepada waktu-waktu tertentu untuk diberikan setelah anak itu dilahirkan kasih sayang sepenuh-penuhnya, Tuan Yang di-Pertua?

Saya mencadangkan supaya penjawat awam, 300 dinaikkan kepada 450 demi memastabatkan wanita dan memastikan mereka menjaga sepenuhnya anak bayi itu.

**■1220**

Begitu juga *private sector* seksyen 34, seksyen 35, seksyen 36, seksyen 37 Akta Kerja itu wajib dipinda demi untuk menjaga kepentingan wanita, ibu yang akan berdepan dengan tanggungjawab yang luar biasa. Tidak mampu lelaki untuk menanggungnya sebab kita bukan melahirkan bayi itu.

Tuan Yang di-Pertua. Ketiga, isu MAS saya masih lagi— saya tidak puas hati dengan apa yang berlaku dan transformasi MAS kerana waktu ini bukan hendak memberikan penambahbaikan tetapi sekarang ini apa yang dimaklumkan jual kapal terbang, lepas itu, tutup penerbangan ke luar negara kecuali UK. Lepas itu, yang malangnya Tuan Yang di-Pertua, pengurusan, ambil daripada luar negara. Bagi gaji mahal dan terkini diberitakan hendak buang lagi orang bekerja. Ini menjadi persoalan. Kita hendak menambah baik atau menjahanamkan GLC ini? Tidak memboleh dan memungkinkan MAS ini dapat diselamatkan dalam konteks waktu ini.

Saya ingin mencadangkan supaya peluang pengurusan ini tidak boleh dikompromikan— anak tempatan cukup banyak. Yang Berhormat Lenggong boleh jadi CEO MAS. Yang Berhormat Lenggong boleh jadi pengurus ataupun Yang Berhormat Setiawangsa yang berwibawa untuk menjadi pengurus MAS. Mengapa harus diambil orang luar negara yang tidak tahu budaya kita. Kita bagi gaji mahal, juta-juta itu buat apa? Ini harus dipandang serius oleh Menteri Pengangkutan— Timbalan pun tidak ada sudah. Bila saya hendak bercakap semua tidak ada.

Lepas itu, ke empat teksi. Teksi saya tahu pengumuman dibuat untuk diberikan – 13 minit. Cepatnya masa ini. Tumpuan untuk membantu. Ya, betul. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan kementerian berkenaan hampir 20,000 orang lebih teksi-teksi telah pun dikenal pasti memulangkan kembali teksi mereka kerana tidak mampu. Tidak mampu disebabkan persaingan daripada Uber dan sebagainya.

Betul, saya akui. Dalam keadaan sekarang teknologi tinggi mahukan segala peralatan moden. Ajarlah teksi itu. Bukan hendak cari penyelesaian. Bukan hendak menambah beban hingga memudaratkan pemandu-pemandu teksi. Janganlah kita hendak seksakan kumpulan yang besar yang 70,000 orang ini lebih. Daripada masa yang sama kita hendak meningkatkan produktiviti. Betul. Duduk dan berikan kesaksamaan, yang 12,000 untuk peruntukan 5,000 itu tidak cukup. Buat macam mana dengan 8,000 yang lain? Mereka sudah pulangkan balik. Yang Berhormat Menteri kata yang diberitahu pada Dewan ini sebab mereka tahu mereka pulangkan. Pulangkan apa? Pulangkan disebabkan mereka sengsara. Tidak mampu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jaga Yang Berhormat Batu Gajah itu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini memberikan isyarat bahawa supaya kerajaan berfikir secara konsisten hak pemandu teksi ini. SOCSO ini Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan empat tahun yang lalu. Kalau hendak buat cepat. Ini kerana melibatkan keselamatan, kesihatan dan juga perilaku fizikal pemandu teksi itu. Saya menyokong penuh untuk SOCSO itu disegerakan dan jangan berlengah waktu. Tidak perlu tunggu tahun 2017. Sekarang boleh buat.

Seterusnya, saya ingin memaklumkan nombor lima, Mahkamah Perusahaan. Dahulu, di Jalan Raja, sekarang ditukar ke Tun Abdul Razak. Tun Abdul Razak satu kes Tuan Yang di-Pertua melibatkan 1,500 setahun. Orang hendak pergi ke Jalan Tun Abdul Razak itu seksa. Hanya teksi yang masuk, pengangkutan lain tidak ada. Kita cadangkan di Bank Rakyat di *Brickfields* mudahkan semua orang yang sederhana dan miskin menuntut hak mereka. Saya cadangkan Kementerian Sumber Manusia tolonglah prihatin walaupun kos itu tinggi untuk penyewaan tetapi dalam masa yang sama kita membantu rakyat yang memerlukan pembelaan.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, saya merayu tolonglah sedikit ada sifat keprihatinan untuk Mahkamah Perusahaan itu ditukar balik di Jalan *Brickfields*. Semoga mendapat kemudahan yang sesuai dengan *privilege* pekerja-pekerja yang hendak pergi ke mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang keenam.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Begitu juga nombor enam, pekerja asing. Saya hendak beritahu pekerja asing 6P ini banyak sangat berita. Dua hari sudah kata imigresen kena tangkap 18 juta dalam Utusan Mingguan Malaysia, saya pun pening. Jadi hari ini saya hendak bangkit balik apabila saya mendapat maklumat tadi saya mesyuarat dengan CIDB dalam beberapa cadangan dibuat pekerja-pekerja yang berkemahiran, *skilled workers*. Saya juga hendak pastikan bahawa pemantauan dalam masa yang sama harus diberikan untuk memastikan bahawa jawatan 26 ini jawatan *wiring, chargeman* dan berbagai-bagai, ini harus dan wajib tidak dianiyai pekerja tempatan.

Dalam masa yang sama pekerja asing juga ingin saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini supaya memastikan bahawa tidak berlaku perhambaan secara moden dan pastikan agensi yang berintegriti sahaja yang layak untuk mengambil pekerja-pekerja asing ini dan pastikan pekerja asing ini tidak dijadikan hamba dan didagangkan untuk kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu. Ini tidak boleh berlaku.

Sesungguhnya pekerja asing ini harus dibuat pemantauan dengan secara serius supaya tidak berlaku lambakan yang luar biasa dan menjadikan negara satu negara yang menjadi transit kepada pekerja asing. Tidak boleh kita mencalit atau memberikan kesan buruk kepada negara ini semata-mata menyahut untung hasil daripada puak-puak yang tidak bertanggungjawab ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang ketujuh. Tabung.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Nombor tujuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tabung, tabung.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, sempat, sikit lagi. CIP skim insurans pekerja. Itu yang saya bacakan tadi Yang Berhormat Seremban. Saya sudah dalam proses kita hendak menjangkau satu rumusan yang terbaik. Akan tetapi ini saya ambil peluang ini saya hendak tegaskan bahawa insurans pekerja ini *retrenchment fund* ini saya hendak minta kerajaan pun *contribute*. Kita pekerja RM2.50, majikan RM2.50, kerajaan juga saya cadangkan supaya beri *contribution per employee* RM2.50. Kita boleh segera selesaikan masalah setahun untuk mendapat faedah mereka yang teraniayai yang dibuang kerja tatkala mereka sengsara skim ini boleh membantu seperti mana berlaku di luar negara di Thailand, di Singapore, di UK yang memberikan tabungan ini untuk meneruskan, menyambung kehidupan mereka dalam keadaan mereka tidak bekerja.

Nombor lapan, gaji minimum. Kita memohon supaya COLA dipertimbangkan. Tahun 1974 Almarhum Tun Abdul Razak telah pun memberikan desakan kepada seluruh syarikat-syarikat untuk bayar COLA.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Hari ini COLA-walaupun kementerian kata COLA itu kepunyaan majikan. Betul.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Betul. Akan tetapi kerajaan juga kena memastikan tanpa ada arahan, tanpa ada desakan tidak memungkinkan syarikat-syarikat ini berlaku keprihatinan terhadap pekerja. Ini juga saya mohon untuk memastikan– aku ada tujuh minitlah Yang Berhormat Lenggong. Tujuh minit sahaja lagi. Gaji minimum untuk memastikan COLA itu dimasukkan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Setengah minit, setengah minit. Setengah minit sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dengan demikian, saya cadangkan supaya COLA dan gaji minimum itu dirangkumkan sekali...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Langat, setengah minit sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dirangkumkan sekali untuk diletakkan sebagai pendapatan gaji minimum diangkat kepada RM1,500. Sekurang-kurangnya kos sara hidup itu dapat diseimbangkan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Langat. 15 saat. 15 saat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Begitu juga dengan EPF, sekarang ini dikurangkan 11% ke 8%. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lenggong untuk pengetahuan sekarang ini 8%. Saya, kita minta EPF diberikan kembalikan 11%...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** 15 saat bagilah. Sedikit sahaja. Tidak sampai satu ayat ni.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Majikan 12% dan rangkuman itu juga saya juga menerima cadangan daripada teman-teman wakil rakyat yang lain.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dia kata apa salahnya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagilah Yang Berhormat Kuala Langat. Kawan apa ini.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...yang elaun—*fixed allowance* itu diberikan... Yang Berhormat Lenggong sudah. Kejap-kejap habiskan masa kejap lepas itu aku bagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lima saat lagi. Cepat. Hendak habis itu. Enam minit sudah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...yang *fixed allowance* itu dimasukkan kepada potongan EPF dan cadangan ini baik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cepatlah Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya kira cadangan ini perlu diberi kaji mudah kajian....

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cepat, cepat. Sikit sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Untuk memastikan *fixed allowance* itu diletakkan supaya *percentage* dalam amaun itu tinggi untuk mereka berhadapan dengan masa persaraan mereka.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Langat. Sikit-sikit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Seterusnya SOCSO. Saya diberikan maklum bahawa SOCSO telah pun memberikan pinjaman kepada 1MDB sebanyak USD800 juta dan saya hendak menjelaskan kepada kementerian supaya apakah benar....

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Allah takut Yang Berhormat Kuala Langat ni. Yang Berhormat Kuala Langat masa-lah sikit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Apakah benar USD800 juta itu diberikan pinjaman dan sudah dibayar atau kedudukannya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** 13 saat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kalau benar mintakan penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Langat. Kawan ini lima saat. Lima saat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini tabungan orang sakit. Ada lagi –*I'll give you. Last*, aku bagi. Aku bagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey. Okey.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sekejap-sekejap. Aku habiskan SOCSO dahulu.

## ■1230

Selepas itu kita hendak pastikan Tuan Yang di-Pertua bahawa pinjaman ini tidak boleh dikompromikan. Ini untuk tabungan orang sakit. Jangan orang tidak sakit ambil, ini untuk orang sakit.

Kedudukan TPPA. Apabila menyebut tentang TPPA Tuan Yang di-Pertua, ia tidak boleh meminggirkan Konvensyen 87 dan juga Konvensyen 98 yang memberikan penekanan terhadap kebebasan untuk berkesatuan dan Konvensyen 98 untuk organize, untuk memastikan perjanjian bersama diusahakan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...sekali.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Maka demikian saya ingin menyarankan supaya TPPA apabila diperkenalkan tahun 2018 memastikan hak pekerja itu tidak boleh dicicirkan. Jangan ada tatkala itu pekerja akan menjadi pesiangan ikan kepada mereka yang akan mengaut untung. Sebelum saya beri kepada Yang Berhormat Lenggong, saya ada satu minit lagi Yang Berhormat Lenggong, satu minit. Jangan risau saya bagi.

**Beberapa Ahli:** Duduklah, duduklah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** KPM. Ini untuk guru-guru. Kita minta cadangan supaya *line* internet yang pantas seperti bank dan guru P&P...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong, jangan membelakangkan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...tidak dapat ditumpukan kerja guru memastikan bahawa ianya dapat diselaraskan untuk memantapkan dan memantaskan kerja guru-guru. Di samping itu, saya ingin mengulangi sekali lagi kepada Kementerian Kewangan supaya melihat, melihat elauan keraian guru-guru kanan dan guru besar. Murah sangat RM60, RM90 ber puluh-puluhan tahun. Keadaan kewangan sekarang, mata wang kita sudah meningkat jauh daripada puluhan tahun yang jika dibandingkan ketika dibuatkan implementasi itu. Saya mohon kementerian naikkan elauan mereka ini. Berilah sedikit keselesaan kepada mereka yang tekun mengajar anak-anak murid. Yang Berhormat Lenggong saya persilakan Yang Berhormat Kapar menjawab dulu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Hari ini semangat bercakap. Akan tetapi kenapa hari Jumaat hari itu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap keluar? Macam menolak. Hari ini cakap minta macam-macam. Terima kasih banyak.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bagi saya, bagi saya. Bagi saya jawab. *[Dewan riuh]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak apa, tidak apa. Tumpuannya apabila menjawab soalan, inilah masalah Barisan Nasional. Apabila saya beri peluang cakap, terus larikan diri. Kita bercakap tentang fakta Tuan Yang di-Pertua. Maka saya hendak jawab. Saya kata kalau bajet itu hasilnya apa? Kalau itu sebagai retorik yang tidak mendatangkan penghasilan kepada rakyat, mengapa harus kita mendongak, mendengar tanpa kita meluahkan sesuatu daripada rintihan bajet itu? Ini

adalah kegelisahan rakyat di bawah, kita rasai dan kita akui. Ini tekanan dikenakan, bajet pendidikan ditarik, bajet kos sara hidup meningkat, GST tidak dikurangkan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini adalah keluhan-keluhan yang mewarnai, yang memberikan kita satu impak besar untuk kita bertindak atas protes itu. Ya, Yang Berhormat Kapar silakan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Okey, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Selalunya apabila ada pembentangan belanjawan, keesokan hari ini surat khabar memang laku sebab rakyat hendak tahu apa yang sedang berlaku dan sebagainya. Hendak baca secara terperinci. Tahun ini apabila kita semak dengan pemilik-pemilik surat khabar, tidak laku. Rakyat pun tidak hendak dengar sudah sebab macam yang dikatakan semua dipotong. GST yang harap diturunkan, tidak diturunkan. Macam Yang Berhormat Lenggong, bercakap terus keluar. Ini masalah dengan bajet tahun ini, amat mengecewakan. Akan tetapi jangan syok sendiri kata bagus, bagus, bagus. Apa yang bagus? Yang Berhormat Kuala Langat, bagi ulasan apa yang bagus? Tadi semua buruk tidak ada yang bagus. Apa yang bagus Yang Berhormat Kuala Langat?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya Yang Berhormat Kuala Langat. Ya, sebab itu sekarang beli surat khabar boleh dikecualikan cukai. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat, setuju atau tidak saya rasa tadi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat iaitu memang benar. Ya, sebagai wakil rakyat adalah tanggungjawab bagi kita untuk mempertahankan hak rakyat khususnya seperti Yang Berhormat mempertahankan hak warga pekerja. Akan tetapi saya rasa kawan-kawan di sebelah sana seolah-olahnya tidak turun padang. Sebenarnya ramai di bawah yang merasai rintihan selepas pelaksanaan GST. Akan tetapi seolah-olahnya mereka yang berada di sebelah situ tidak tahu apa yang dihadapi oleh rakyat. Setuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Langat?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Jadi masukkan sebahagian daripada ucapan saya kepada ucapan kedua-dua sahabat saya demikian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila gulung. Yang Berhormat ada 52 saat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Akhirnya, saya ingin menekankan bahawa setiap langkah perlu ada adab. Setiap cita-cita perlu ada keikhlasan. Harapan menggunakan pekerja di luar sana ingin melihat hidup mereka

diberikan *protection*. Hidup mereka perlu ada masa depan dalam kerangka dasarnya jelas. Ini bajet yang tidak ada kerangka yang membolehkan rakyat terfikir, apa akan berlaku kepada mereka.

Suasana ekonomi pada waktu tahun 2017 amat tidak ketentuan. Rakyat mengharap kerajaan prihatin kepada mereka. Jumlahnya tidak banyak RM11.4 juta. Akan tetapi mereka adalah salah satu *player* untuk memastikan ekonomi berada di kemuncaknya. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diberikan masa untuk saya berdebat. Waktu sudah habis, *wabillahi taufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sabak Bernam.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tolak bajet, tolak bajet. *[Ketawa]*

### 12.36 tgh.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas sama dalam Rang Undang-undang Bajet 2017. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengemukakan Bajet 2017 yang merupakan bajet yang ke-58 yang pernah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bajet 2017 juga merupakan bajet kedua dan penting dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi menyediakan *framework* menuju negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Ini adalah merupakan untuk memperkuatkan Dasar Transformasi Nasional (DTN) sebagai wacana nasional yang dikenali sebagai Transformasi Nasional 2050 (TN50). Bagi melahirkan negara bangsa yang bermaruah, berwibawa dan berminda cemerlang, saya percaya TM50 akan menjadi wadah perjuangan generasi muda pelbagai kaum untuk melahirkan bangsa Malaysia yang sehati sejiwa, saling memahami dan perpaduan yang erat.

Di awal kalam ini juga saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah diberi penghargaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada beliau semenjak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Satu gandingan yang mantap, yang membawa kestabilan dan kemuncak kejayaan negara. Tahniah

juga kepada semua Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri. Janganlah nanti kepada Menteri-menteri dan Timbalan Menteri, janganlah nanti apabila tidak ada di dalam kerajaan tiba-tiba membuat *U-turn* sedangkan dasar itu adalah dasar yang beliau cadangkan masa dalam kerajaan.

**Seorang Ahli:** Siapa itu, siapa itu?

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakieh [Sabak Bernam]:** Kita melihat walaupun mungkin ada di antara Menteri-menteri yang tidak dilantik menjadi Menteri pada ketika ini, *insya-Allah* apabila beliau berehat nanti kita akan memberi sokongan. Saya merakamkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Tanjong Karang walaupun beliau tidak dilantik menjadi Menteri tempoh hari, dia masih lagi setia kawan untuk mempertahankan Barisan Nasional. Inilah yang kita perlu ada sebagai Ahli Barisan Nasional.

Saya amat tertarik dengan pembentangan Bajet 2017 yang menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil ibarat dan teladan dan kisah Nabi Yusuf a.s. sebagaimana ayat-ayat 43 hingga 45 surah Nabi Yusuf. Selain perancangan tujuh tahun persediaan dan tujuh tahun menghadapi cabaran, saya ingin melanjutkan dengan ayat ke-55 surah yang sama di mana Nabi Yusuf telah menawarkan dirinya sebagai pengurus perbendaharaan Mesir dan berjanji akan menjaga sebaik-baiknya dan mengatakan bahawa beliau mengetahui cara pentadbirannya dengan baik. Amat berketepatan sekali ayat yang menjelaskan kemampuan, kebolehan dan kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mentadbir perbendaharaan negara ini dengan berhemah selama tujuh tahun semenjak 3 April 2009.

#### ■1240

Dalam surah berikutnya iaitu surah ke-13, *Surah Ar-Ra'd* ayat yang ke-11, yang sebahagian mafhumnya bermaksud, “sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”. Maksudnya mana-mana kaum yang hidup senang-lenang dan aman damai disebabkan oleh iman dan taat kepada Allah dan juga berakhhlak mulia dan terpuji, maka Allah tidak akan mengubah apa yang sedia ada pada diri mereka kecuali mereka yang kufur dan mereka yang berbuat maksiat serta berakhhlak keji. *Insya-Allah* dengan pemerintahan yang jujur dan adil oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri dengan sentiasa mempertahankan Islam, iman dan takwa serta akhlak yang terpuji, maka Allah akan merahmatinya.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2017 yang bertemakan ‘Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Berhemah Perbelanjaan, Inklusif Kesejahteraan Kehidupan Rakyat’ ini dibentangkan ketika ekonomi negara agak mencabar akibat kejatuhan

harga minyak mentah. Kelembapan ekonomi dunia, penyusutan nilai ringgit, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan 2017 sebanyak RM260.8 bilion, meningkat 3.4 % berbanding Bajet 2016 yang diubah suai. Peruntukan tersebut merangkumi RM214.8 bilion atau 82.4 % untuk belanja mengurus.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, Bajet 2017 ini meneruskan agenda; pertama, mensejahterakan rakyat seperti peruntukan memasang lampu jalan dan sebagainya. Kedua, meringankan kos sara hidup rakyat seperti penambahan BR1M, peruntukan subsidi seperti subsidi bahan api dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Kementerian Pendidikan. Pertama, saya ingin menyentuh tentang pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang sentiasa komited dan prihatin dalam pendidikan termasuklah pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Antaranya inisiatif kerajaan seperti peruntukan pembangunan semula 120 buah sekolah dan menyiapkan pembinaan 227 buah sekolah dan memperluaskan program penguasaan bahasa Inggeris iaitu sebanyak RM90 juta. Dalam komitmen kerajaan membina sekolah baru ataupun membaik pulih sekolah lama, sama ada sekolah kebangsaan mahu pun sekolah menengah, saya berharap kerajaan tidak melupakan pentingnya pejabat pendidikan ataupun PPD yang menjadi nadi pengurusan, pentadbiran dan pengembangan sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Saya membangkitkan perkara ini kerana tidak terdapat peruntukan khusus untuk membina atau membaiki pejabat pendidikan daerah dalam Bajet 2017. Sehubungan dengan ini, saya ingin membangkitkan tentang cadangan pembinaan baru Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. Cadangan ini telah lama dan sering saya bangkitkan kerana dulu saya lama berada di pejabat pendidikan daerah dan saya mengetuai, suasana keadaan bilik yang mana pegawai-pegawai yang berada di pejabat pendidikan daerah sekarang tinggal dalam kabin.

Memandangkan ini keperluan yang amat mendesak, tanggungjawab PPD Sabak Bernam iaitu yang berjumlah lebih 86 orang pegawai dan kakitangan. Keadaan pejabat PPD sudah mengalami banyak kerosakan kerana kaedah pembinaan adalah sementara. Semasa lawatan *walkabout* Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri tempoh hari, beliau ada menyatakan pada tarikh 17 Jun 2016 dalam majlis iftar warga pendidik Sabak Bernam di SMKA Tun Rahah semasa PRK Sungai Besar, telah mengumumkan sejumlah peruntukkan dan kelulusan berjumlah RM15 juta bagi pembinaan bangunan pejabat pendidikan daerah. Sementara itu, pada 22 Mei 2014, Yang Berhormat, Datuk P. Kamalanathan, Timbalan

Menteri Pendidikan telah menyokong penuh permohonan pembinaan pejabat ini. Berharap perkara ini dapat disegerakan.

Berhubung dengan pegawai-pegawai PPD ini, saya ingin membangkitkan kedudukan pegawai PPD yang diisi secara interim atau pinjaman daripada sekolah. Saya memohon agar jawatan tetap diberikan. Saya juga ingin mencadangkan agar semua pegawai pendidikan daerah ditetapkan dengan Gred 54 dan ke atas sesuai dengan skop beban tugas beliau.

Mengenai Kementerian Pendidikan Tinggi pula, saya ingin menyentuh tentang pengajian tinggi kerana langkah kerajaan untuk meningkatkan institusi pengajian ke taraf global dengan peruntukan RM7.4 bilion. Sehubungan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam yang kini mempunyai 4,600 orang pelajar. Daripada jumlah itu hanya 2,300 hingga 2,500 orang yang mendapat kemudahan asrama. Manakala, bakinya seramai 2,000 orang lagi pelajar terpaksa tinggal di luar asrama. Oleh itu, saya memohon agar kerajaan mempertimbangkan agar membina asrama bagi pelajar-pelajar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan berhubung dengan cadangan untuk menghargai khidmat bakti dan jasa penjawat awam. Dengan kemudahan cuti bergaji penuh, saya memohon kerajaan menimbangkan penjawat awam yang menyambung pengajian daripada sarjana muda pengajian undang-undang UiTM ke Sarjana Undang-undang UiTM dan diberikan pertimbangan kemudahan cuti bergaji penuh. Kemudahan ini bukan sahaja kepada kumpulan pengurusan dan profesional Gred 41, tetapi juga kumpulan sokongan Gred 27 hingga 29 kerana tempoh pengajian hanya setahun sahaja. Ini menjimatkan perbelanjaan kerajaan berbanding jika menanggung penjawat awam yang terpaksa mengikuti pengajian selama empat tahun.

Berkaitan tentang Kementerian Kesihatan Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah kerana kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan di negara ini dengan peruntukan sebanyak RM25 bilion bagi program seperti pembinaan hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan baru yang menaikkan kemudahan hospital, meneruskan operasi 340 buah Klinik 1Malaysia dan bekalan ubat dan vaksin. Berhubung dengan kesihatan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan keperluan doktor-doktor pakar di Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam yang memerlukan doktor pakar perubatan iaitu pakar perbidanan, pakar kanak-kanak, pakar bedah dan pakar bius.

Hospital ini sudah pun mempunyai kemudahan dewan bedah sebanyak 22 tahun yang lalu tetapi tidak pernah digunakan. Saya berharap kerajaan khususnya

Kementerian Kesihatan dapat menyediakan peruntukan untuk membekalkan alat dan kelengkapan bagi kegunaan di dewan bedah ini memandangkan Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam ini terletak jauh dari hospital-hospital yang mempunyai kemudahan pembedahan. Manakala doktor pakar yang didatangkan dari Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur yang jauhnya lebih daripada 150 kilometer. Saya amat berharap kerajaan sedia mempertimbangkan untuk hospital ini mendapat doktor-doktor pakar dalam bidang yang dinyatakan tadi dan pembekalan peralatan dan kemudahan bilik bedah di hospital ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan pusat hemodialisis. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memperuntukkan sebanyak RM40 juta sebagai menggalakkan pembukaan lebih banyak pusat hemodialisis dengan geran *one-off* RM200,000 untuk pembelian peralatan. Saya ingin merayu agar lebih banyak pusat hemodialisis dapat dibuka di kawasan Parlimen Sabak Bernam kerana bilangan pesakit buah pinggang yang memerlukan pusat ini semakin bertambah, sedangkan pusat hemodialisis agak terhad. Malah, ada pesakit yang terpaksa menunggu lima sehingga enam hari untuk mendapatkan rawatan hemodialisis.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memperuntukkan sebanyak 69 projek rancangan tebatan banjir yang diperuntukkan sebanyak RM495 juta. Saya memohon kerajaan mempertimbangkan peruntukan untuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tengar, Sabak Bernam yang merangkumi kawasan benteng Sungai Air Tawar dan benteng Tebuk Mendeleng dengan anggaran kos RM10 juta. Tebatan banjir ini amat mendesak kerana benteng-benteng tersebut telah terjejas setiap kali berlaku pasang besar. Benteng-benteng ini menjadi rebah dan putus malah apabila benteng ini diperbaiki semula benteng-benteng tersebut akan runtuh sekali lagi disebabkan pengaruh air pasang dan ombak-ombak yang dihasilkan oleh kapal-kapal nelayan.

Saya juga difahamkan kos pembaikan yang berterusan adalah lebih tinggi berbanding dengan membina satu struktur tebatan banjir yang dijangka akan dapat menangani masalah ini secara lebih berkesan dan *cost effective*. Sekiranya benteng di Sungai Air Tawar dan Sungai Tengar Utara, kerana setiap kali berlaku air pasang yang besar, penduduk PPRT akan terancam dan perlu berjaga-jaga kerana kemungkinan akan berlaku banjir. Akan beberapa lot tanah kerajaan dan lot kebun serta kampung berhampiran yang turut terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah berlaku fenomena air pasang besar termasuklah di Parlimen Sabak Bernam. Antara cadangan yang telah dikemukakan

adalah mewujudkan kawasan ataupun hutan bakau di kawasan pantai tersebut. Ini kerana hutan paya bakau bukan sahaja merupakan ekosistem penting dalam menjaga habitat seperti ikan, ketam, udang dan anak ikan tetapi juga lain-lain spesies seperti burung.

Pada masa kini terdapat 612,580 hektar sahaja di negara kita ini, Sabah sebanyak 341,330 hektar, Sarawak sebanyak 170,000 hektar dan Semenanjung sebanyak 100,000 hektar. Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, sama ada bercadang akan melaksanakan tanaman bakau di sepanjang pantai khususnya atau terutamanya di kawasan yang sering dilanda dengan ombak pasang besar seperti baru-baru ini.

Satu lagi berkaitan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu tentang pencemaran air di Sungai Semenyih. Ini telah menyusahkan beribu-ribu penduduk di kawasan sekitarnya dan saya ingin bertanya apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah pencemaran air yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyebut lagi tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya mengalu-alukan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM12.8 bilion untuk Kementerian Dalam Negeri termasuklah peruntukan sebanyak RM8.7 bilion kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membina 12 buah ibu pejabat daerah, pusat latihan komando dan memperoleh perolehan kenderaan serta kelengkapan. Langkah kerajaan ini adalah wajar demi mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman awam dalam negeri dan keberkesanannya yang mencegah jenayah.

Sehubungan dengan ini saya ingin membangkitkan tentang cadangan membina Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam yang telah dipohon semenjak 2007 lagi. IPD Sabak Bernam telah diwujudkan sejak April 1983 lagi. Bangunan selama 33 tahun ini sudah banyak kerosakannya serta tidak sesuai dengan perkembangan perbandaran Sungai Besar dan Sabak Bernam yang pesat. Keperluan untuk membina lokap yang baru juga adalah mendesak dan kesesakan yang berlaku di lokap. Kawasan pentadbiran IPD Sabak Bernam meliputi seluas 98,160.71 hektar dengan jumlah lebih 131,000 orang.

Saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Dalam Negeri berhubungan dengan cadangan Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam, kuarters pegawai dan cadangan pembinaan Pondok Balai Polis Bagan Terap yang kesemuanya dianggarkan berjumlah RM61 juta. Bilakah projek ini dijangka dimulakan?

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin menyentuh berhubung keselamatan dan ketenteraman awam khususnya Jabatan Balai Bomba

dan Penyelamat Sabak Bernam. Pada masa ini tidak ada jeti khusus untuk menurunkan bot. Keperluan jeti ini amat mendesak khususnya bagi tugas-tugas menyelamat dan sebagainya. Saya sendiri mengalami keadaan yang sukar dan mencemaskan apabila menyelamatkan mangsa kerana kesukaran pasukan bomba mendaratkan mangsa kerana air sungai yang cetek disebabkan ketiadaan jeti khas.

Saya memohon Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mempertimbangkan dan menyediakan jeti bagi kegunaan Jabatan Balai Bomba dan Penyelamat Sabak Bernam yang dianggarkan RM350,000.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Berhubung dengan ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabak Bernam juga berharap kementerian akan mempertimbangkan pembinaan stor baru dan surau bagi jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan bagi membina dan membaik pulih 17,000 unit rumah usang dan daif di kampung dengan peruntukan sebanyak RM350 juta. Saya ingin membangkitkan banyak rumah kampung yang telah usang dan daif di kawasan Parlimen Sabak Bernam dan memerlukan bantuan baik pulih...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** ...Dengan segera antara RM1,000 hingga RM15,000. Saya memohon peruntukan ini kepada kerajaan bagi membina dan membaik pulih rumah usang dan daif di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya, sikit lagi, kerana tinggal lagi lapan minit ada banyak lagi ya. Saya bagi peluang nanti kalau ada masa lah. Saya menghargai langkah-langkah kerajaan yang menyediakan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion untuk subsidi harga padi, benih padi dan baja padi. Inilah luahan penduduk-penduduk di Daerah Sabak Bernam berhubung dengan padi. Saya ingin mengaitkan beberapa perkara.

Pertama, saya mendapat aduan dari pesawah kawasan Parlimen Sabak Bernam bahawa hasil padi pada musim yang baru lalu telah merosot daripada lapan atau sembilan tan sehektar kepada serendah tiga tan hingga lima tan sahaja disebabkan serangan penyakit dan padi angin. Saya ingin mendapatkan penjelasan

kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, adakah pesawah padi ini akan mendapat ganti rugi kerana kemerosotan hasil padi dan apakah langkah kerajaan bagi memperbaiki penghasilan padi musim akan datang.

Kedua, berhubung dan pemotongan padi. Pada masa lalu potongan sebanyak 17 kilogram bagi setiap 100 kilogram padi sahaja tetapi kini telah meningkat kepada 20 kilogram bagi setiap 100 kilogram. Malah ada pemotongan sehingga 25 kilogram bagi 100 kilogram. Semasa potongan 17 kilogram yang lalu semua padi pun tidak diasingkan. Semua padi tanpa mengira potongan akan dicampurkan untuk dibawa ke kilang. Tambahan potongan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pesawah. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan kenapakah potongan padi dinaikkan 17 kilogram kepada 20 kilogram bagi setiap 100 kilogram?

Ketiga, tentang subsidi harga padi sebanyak RM50. Pesawah padi menghargai langkah kerajaan menaikkan subsidi harga pagi. Bagaimanapun serentak dengan kenaikan subsidi padi potongan padi pun meningkat seperti yang saya nyatakan tadi daripada 17 kilogram bagi setiap 100 kilogram kepada 20 ataupun 25 kilogram. Jadinya kenaikan subsidi ini harga padi tidak dapat membantu untuk meningkatkan pendapatan pesawah padi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara tentang penanaman padi. Pada masa ini aktiviti penanaman padi dijalankan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Ya, Yang Berhormat Sabak Bernam sudah pukul 1.00 tengah hari, Yang Berhormat ada masa lagi enam minit. Hendak sambung? Selepas 2.30 petang.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Saya habiskan sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Saya tidak ada kuasa untuk sambung jam 1.00 tengah hari. Kena berhenti.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Sambung ya, 2.30 petang.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Sambung sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Sambung ada enam minit lagi. Baiklah Yang Berhormat kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Sabak Bernam untuk 6 minit 4 saat.

### **2.32 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih lagi dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada masa ini, aktiviti penanaman padi dijalankan dua kali setahun. Ini yang menyebabkan pesawah terpaksa berehat sehingga tiga bulan sebelum musim baru bermula.

Memandangkan telah terdapat benih padi 100 hari atau 120 hari, maka pesawah berharap dapat mengusahakan padi lima kali atau lima musim bagi dua tahun. Bagaimanapun pesawah meminta kerajaan memastikan bekalan air yang mencukupi ke sawah-sawah padi. Jadi, adakah kerajaan bercadang melaksanakan tanaman padi lima kali bagi dua tahun sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan pesawah dan hasil pengeluaran padi negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membangkitkan berhubung dengan masalah nelayan di Parlimen Sabak Bernam yang kini berjumlah 1,700 orang dan lebih 400 orang nelayan tradisi. Sebahagiannya mempunyai lesen dan tidak mempunyai lesen. Sehubungan dengan ini, saya memohon kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menimbangkan permohonan nelayan-nelayan ini.

Pertama, bantuan sampan *fibre glass*, enjin, pukat dan peralatan penangkapan ikan sebanyak RM20,000 setiap satu untuk 20 orang nelayan. Kedua, bantuan baik pulih rumah sebanyak RM10,000 untuk 30 orang nelayan dan membina baru rumah nelayan sebanyak RM40,000 bagi 30 orang nelayan. Permohonan ini sudah lama dibuat tetapi buat setakat ini belum mendapat balasan lagi. Seterusnya, pembinaan jeti berbumbung di belakang *Sabak Bernam Convention Centre* yang dianggarkan RM350,000.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanian juga, saya ingin menyambut baik langkah kerajaan untuk menggalakkan industri tenusu serta pengeluaran madu kelulut dan kelapa. Saya ingin menyentuh berhubung dengan

tanaman kelapa yang merupakan hasil pertanian yang penting di kawasan Parlimen Sabak Bernam yang terdiri daripada kelapa tinggi. Pertanian ini berpotensi besar bagi menggantikan dengan tanaman kelapa matag dan kelapa pandan. Kelapa matag sejenis kelapa hibrid yang dikatakan mampu menghasilkan 25,000 biji kelapa sehektar setahun, berbanding dengan kelapa tinggi yang hanya mampu menghasilkan 6,000 hingga 7,000 biji setahun.

Manakala, kelapa pandan pula menghasilkan 28,000 biji sehektar setahun. Kelapa pandan mempunyai potensi yang besar daripada segi pasaran. Negara kita dikatakan memerlukan lebih 600 juta biji kelapa setahun dan mengimport kira-kira 72 juta biji kelapa setahun. Dijangkakan negara akan memerlukan 1.2 bilion biji kelapa menjelang tahun 2020, nanti. Maka, potensi kelapa amat besar untuk dimajukan. Walau bagaimanapun, benih kelapa matag dan kelapa pandan ini agak sukar untuk diperolehi di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan langkah bagi memajukan lagi tanaman kelapa di Malaysia. Ini termasuk daripada segi bekalan benih kelapa matag dan kelapa pandan. Seterusnya, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan lagi pengeluaran kelapa negara?

Seterusnya, untuk Kementerian Kerja Raya. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Kerja Raya kerana membina lebuh raya di antara Banting hingga Taiping. *Alhamdulillah* setakat ini pembinaannya sedang berjalan dengan baik. Akan tetapi ada beberapa masalah, di mana jalan perlu diselenggarakan kerana kita dapati bahawa ramai kenderaan yang ditimpa kemalangan maut. Jadi, saya mengharapkan walaupun jalan itu sedang dibina tetapi penyelenggaraan harus juga dilaksanakan. Kedua ialah sistem perparitan yang mana baru-baru ini apabila berlaku sedikit hujan lebat, didapati bahawa sistem perparitan antara pembinaan lebuh raya ini didapati kurang diselenggarakan menjadikan kawasan-kawasan di sekeliling ditimpa banjir.

Akhir kalam, ketika kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib difitnah dengan mengatakan kerajaan akan bankrap ataupun muflis. Malah, dikatakan Malaysia sebagai sebuah negara yang gagal, sebaliknya ekonomi Malaysia terus berkembang 4.1 peratus dan dijangkakan akan berkembang antara 4 peratus hingga 4.5 peratus tahun 2016. Ini pada 4 peratus hingga 5 peratus tahun 2017. Ini membuktikan pembangunan yang mapan untuk negara tercinta ini.

Saya mengharapkan segala perancangan dan strategi di dalam Bajet 2017 ini akan dapat dilaksanakan dengan lancar, amanah dan bertanggungjawab serta mengurangkan ketirisan, juga zero defect supaya dapat memberi manfaat kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, agama, fahaman politik. Supaya bersama-sama

dengan kerajaan untuk membina negara Malaysia yang maju, berwibawa dan cemerlang serta terbilang di seantero dunia. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sandakan.

### **2.39 ptg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2017. Sebagai Ahli Parlimen dari Sabah, saya berasa sedih dan kecewa kerana bajet ini sebanyak RM262.8 bilion, saya melihat tidak ada apa-apa keistimewaan dan kemampuan untuk mempercepatkan pembangunan Sabah.

### **■1440**

Sabah memang kaya dan banyak sumber tetapi kini masih terkebelakang. Salah satu faktor yang paling utama ialah ketidakseimbangan antara Timur dan Barat Malaysia. Janganlah lupa pada ketika penubuhan Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah menjamin bahawa pembangunan Sabah setaraf dengan Semenanjung tetapi kini setelah 53 tahun, kita nampak janji ini tidak ditepati malah Sabah makin miskin dan mundur.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh menyedihkan, Sabah kini menjadi antara negeri yang paling miskin di Malaysia. Sumber yang kaya dari Sabah telah disalahgunakan oleh Kerajaan Persekutuan. Ia adalah amat tidak adil dan tidak seimbang bukan sahaja daripada segi pembangunan sumber malah kedudukan Sabah pun semakin ditindas dan dieksplotasi selama ini. Sebagai contoh, kedudukan Sabah di Perlembagaan Persekutuan telah diturun taraf, bukan seperti dijamin apabila kita membentuk Malaysia pada tahun 1963. Saya mendesak sekeras-kerasnya agar Kerajaan Persekutuan mesti mengembalikan dan mengiktiraf kembali status atau kedudukan yang sepatutnya ada pada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya telah hantar satu usul untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengiktiraf serta mengembalikan status Sabah, Sarawak dan Malaya sebagai tiga buah wilayah berdialog dan rakan kongsi setara dalam Persekutuan Malaysia supaya ia selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963. Harap usul ini boleh dipertimbangkan dan dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, ia adalah amat penting kerana dulu pindaan pada tahun 1976 telah menyebabkan Sabah dan Sarawak diturun taraf menjadi satu daripada 13 buah negeri dalam Malaysia dan bukan sebagai salah satu pertiga rakan kongsi

seperti dijanjikan dalam Perjanjian Malaysia 1963. Ini merupakan kesilapan besar dan ia pun dipersetujui Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem. Ini perlu diubah semula kerana ia bukan sahaja merupakan aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak tapi ia juga menunjukkan penghormatan kepada secara yang sebenar bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu kerajaan betulkan perkara ini dan kembalikan secara yang benar kepada rakyat Sabah dan Sarawak. Ini adalah untuk perpaduan negara kita dan wujudkan Persekutuan Malaysia yang betul dan benar.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di atas Batu Sumpah di Keningau, Sabah hendaklah diberi keprihatinan iaitu kehilangan kepada perkataan asas Kerajaan Malaysia jamin di atas Batu Sumpah. Kita sudah membangkitkan isu ini di Parlimen berkali-kali dan kita bersyukur Menteri Pelancongan dan Kebudayaan telah berjanji di Dewan yang mulia ini bahawa perkataan-perkataan asas itu akan dikembalikan pada Batu Sumpah itu dan mengiktiraf Batu Sumpah sebagai tapak warisan negara. Akan tetapi, sudah lebih hampir satu tahun, nampaknya ini satu janji yang belum ditunaikan. Saya minta penjelasan, kenapakah susah tunaikan janji ini? Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional langsung tidak ambil berat tentang jaminan kerajaan ini kepada penduduk pedalaman Sabah dan kerajaan gagal menghormati jaminan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya juga ingin mengulangi bahawa tiga jaminan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di atas Batu Sumpah itu mesti mahu ditunaikan dan didaftarkan khususnya kebebasan agama di Sabah terus dijaga dan dipelihara. Oleh sebab itu, saya harap semua pihak mempertahankan sumpah yang telah dimaktubkan di Batu Sumpah,kekalkan Sabah diberi kebebasan agama yang penuh. Maka, sebarang percubaan untuk merosakkan sumpahan itu pun tidak boleh diterima dan ditoleransikan.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Sabah ditindas daripada segi pendudukan, malah sumber-sumber Sabah tidak dibahagikan dengan adil dan sama rata. Kita lihat ada banyak dasar kerajaan yang sangat tidak adil dan seimbang pada Sabah. Walaupun pendapatan orang Sabah paling rendah tetapi harga barang yang lebih tinggi. Ini mengakibatkan orang Sabah bayar GST yang lebih tinggi. Akan tetapi, Sabah telah bagi hasil sumbangan yang agak tinggi kepada Kerajaan Pusat. Oleh sebab itu, saya menyeru kerajaan agar merendahkan kadar GST di Sabah sekurang-kurangnya tiga peratus untuk kebijakan rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kerajaan yang baik dan berjiwa rakyat, empat perkara yang paling asas iaitu jalan raya, air, *electricity* dan kesihatan adalah tanggungjawab kerajaan. Akan tetapi, keempat-empat keperluan asas ini di Sabah pun

jauh ketinggalan berbanding Semenanjung. Kalau kita banding jalan raya, antara Timur dan Barat Malaysia, ia sememangnya adalah sangat tidak seimbang. Di Semenanjung, kita lihat ada berpuluhan-puluhan *highway* yang sangat cantik dan selamat manakala di Sabah, satu *highway* pun tidak nampak, jalan di Sabah pun sangat kecil, berlubang-lubang dan ada yang sangat bahaya. Sudah 53 tahun, Sabah masih lagi ketinggalan begitu jauh.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak tahun lepas kerajaan telah umum memperuntukkan lebih RM40 bilion untuk membina *high speed rail* antara Singapura dan Kuala Lumpur dan pembinaan dijangka bermula tahun depan. Tahun ini pula kerajaan mengumumkan rancangan membina *East Coast Railway* yang mengambil kos RM55 bilion merangkumi 600 kilometer.

Saya tidak mahu mempertikai sama ada kos ini munasabah atau tidak tetapi persoalan saya ialah adakah Kerajaan Persekutuan timbangkan dahulu untuk membina sistem tren yang baru di Sabah dan Sarawak supaya sektor industri di Sabah dan Sarawak boleh dimanfaatkan dan pembangunan dapat dipercepatkan? Saya nampak tren kini antara Singapura dan Kuala Lumpur sangat cukup baik tetapi di Sabah dan Sarawak, jangan sebut *high speed train*, *slow speed train* pun tidak ada. Kalau kita hendak tengok tren kini di Sabah, dari KK ke Beaufort, ini masih tinggal pada zaman British. Ini *no speed train at all*- yang selalu rosak...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Boleh tambah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Saya difahamkan kereta api di Sabah ini, gerabaknya masih guna kipas yang boleh pusing. Betulkah, Yang Berhormat Sandakan?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Inilah menunjukkan ketidakseimbangan. Semua projek mega tertumpu di Semenanjung sini seperti MRT yang baru, LRT lah, KTMB dan semua 'T' ini ditumpu di sini. *Mega project*. Tolonglah, Sabah satu 'T' pun tidak ada. Tolong kasi satu 'T' lah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada aspek pembangunan yang tidak seimbang, salah satu masalah utama di Sabah ialah keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tahu bahawa Sabah selalu berlaku penculikan dari Abu Sayyaf berkali-kali. Tahun ini sahaja sudah berlaku lebih enam kali. Yang terdekat ini ialah kes penculikan yang berlaku pada 17 Julai di Lahad Datu di mana empat orang mangsa yang diculik, namanya Tayudin Anjud, Mohd Ridzuan Ismail, Mohamad Jumadil Rahim

dan Fandy Bakran dari Tawau. Pada masa ini, keempat-empat mangsa ini masih ditahan Abu Sayyaf.

■1450

Jadi saya minta kerajaan ambil perhatian terhadap kesusahan empat orang mangsa ini dan keluarganya. Masa sudah suntuk Abu Sayyaf sudah memberi autonomism dan minta bayaran tebusan RM2 juta kalau tidak mereka akan dibunuh. Justeru saya harap kerajaan boleh ambil tindakan yang wajar dengan segera. Saya gesa agar kerajaan ambil inisiatif bagaimana menyelamatkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangkit di Dewan yang mulia ini bahawa peraturan tentera antara timur dan barat Malaysia adalah amat tidak seimbang. Walaupun kita pun tahu ancaman keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah serius dan ketara tetapi kebanyakannya tentera ditumpu di Semenanjung mengikut laporan. Kini Semenanjung Malaysia mempunyai tiga *division* yang ditambahkan di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka. Manakala seluruh Timur Malaysia yang lebih luas hanya mempunyai satu *division* di Kuching.

Nisbah pertahanan angkatan tentera dan polis di Semenanjung Malaysia 70% manakala hanya 30% sahaja untuk Sabah dan Sarawak. Ia adalah amat tidak seimbang. Kenapa sedangkan Pantai Timur Sabah menghadapi ancaman yang terbesar. Kenapa tidak ada *division* ditambahkan di Sabah untuk memperkuatkan pertahanan di Sabah. Jangan lupa bahawa Lahad Datu pernah diceroboh dan ada kemungkinan bahawa pasukan pengganas pun juga akan ceroboh ke atas tanah air Sabah lagi. Ini kita perlu diawasi oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, justeru saya cadangkan supaya strategi ini dirombak semula supaya sepatutnya satu *division* harusnya ditempatkan di Sabah, Lahad Datu untuk meningkatkan kemampuan pertahanan negara kita di Pantai Timur Sabah. Tuan Yang di-Pertua, ESSCOM sudah guna lebih RM146 juta dan tahun ini pun diperuntukkan sebanyak RM44 juta daripada segi pembangunan. Akan tetapi ia langsung tidak berkesan dan tidak dapat melindungi rakyat Sabah. Kes penculikan masih berkali-kali berlaku dan ESSCOM ini langsung tidak dapat buat apa-apa. Justeru saya minta ia dibubarkan dan saya cadangkan angkatan tentera dan pasukan pertahanan negara masuk dan memimpin kerja pertahanan di Pantai Timur Sabah dengan guna aset yang lebih canggih.

Saya tahu bahawa kerajaan mula arahkan kapal-kapal di Pantai Timur Sabah pasangkan sistem AIS di kapal mereka. Akan tetapi tanpa radar yang efektif ia tidak mencukupi untuk mengesan dan memantau keadaan di kawasan perairan Pantai Timur Sabah. Walaupun AIS ini boleh mengesan kapal-kapal sendiri di laut tetapi ia

tidak boleh mengesan kapal yang tidak dikenali seperti kapal Abu Sayyaf. Oleh itu kita perlu sistem radar yang canggih dan berkesan untuk memantau dan merangkumi seluruh kawasan perairan Pantai Timur Sabah supaya kita dapat tahu pencerobohan pasukan penganas itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu masalah pendatang asing tanpa izin yang amat ramai di Sabah satu fakta yang melibatkan dalam ancaman Abu Sayyaf dan penculikan yang sering berlaku di pantai timur. Ini bukan sahaja saya cakap malah Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Sabah dan pihak polis juga bersetuju bahawa ada fakta dalaman iaitu orang dalaman terlibat dalam kes-kes penculikan. Itu telah menyebabkan pasukan keselamatan kita agak susah mengelakkan ancaman penganas. Memandangkan kebanyakan orang dalaman ini ada *double nationality*. Di kawasan kita mereka mempunyai MyKad dan di kawasan Filipina pula mereka pun ada *Philippine* punya *identity*. Memang susah kita mahu mengenal pasti masalah ini.

Saya berpendapat bahawa ia perlu diselesaikan secara holistik. Saya minta kerajaan mengambil tindakan yang cekap dan mengatasi masalah PATI di Sabah.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Sandakan sekejap. Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Yang Berhormat Sandakan, saya ingin bertanya jika Yang Berhormat Sandakan tahu apakah perkembangan yang berkenaan dengan tuduhan ataupun khabar yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri, Timbalan Perdana Menteri bila beliau cakap bahawa ada 60 orang komander Sulu di seluruh ADUN Sabah. Adakah ini satu realiti ataupun khayalan beliau? Terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Memang saya hairanlah tetapi sampai sekarang kita tidak nampak apa-apa tindakan yang diambil. Jadi kita di sini selalu yang tinggal di keadaan yang susah dan sedih. Kerajaan ini saya mahu berulang kali di sini, kerajaan telah mengumumkan laporan RCI pada tahun 2014. Juga menubuhkan Jawatankuasa Teknikal RCI yang dipimpin oleh Yang Berhormat Keningau. Ia dijanjikan bahawa laporan teknikal ini akan mengumumkan satu *recommendation* bagaimana kita menyelesaikan satu perkara yang begitu serius di sini. Akan tetapi sekarang sampai sudah mahu dua tahun kita tidak nampak apa-apa *recommendation* yang diberikan. Kita pun tidak tahu adakah ini satu Ahli Jawatankuasa *recommendation or teknikal* ini masih wujud.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya di sini minta Barisan Nasional, kerajaan ini telah berjanji untuk menyelesaikan masalah PATI ini dan masalah /C palsu melalui laporan RCI ini pada PRU Ke-13. Akan tetapi sehingga sekarang sudah mahu PRU Ke-14 ia masih belum lagi diselesaikan, *not to say* selesai. Belum lagi ada apa-apa

*recommendation* dan ahli jawatankuasa ini pun senyap, masih adakah tidak? Jadi ini pun satu bukti menunjukkan kerajaan Barisan Nasional langsung tidak ikhlas dan tidak ambil berat kemampuan orang Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah musuh yang terbesar di negara kita. Saya berasa dukacita Yang Amat Berhormat Pekan tidak nampak serius terhadap masalah ini. Dalam ucapan bajet beliau selama dua jam lebih beliau langsung tidak menyentuh masalah yang terbesar ini. Bajet SPRM pun dikurangkan dari RM252 juta pada tahun 2016 diturunkan kepada RM216 juta pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan lihat apa yang berlaku di Sabah baru-baru ini. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada SPRM kerana telah mengambil tindakan ke atas pegawai Jabatan Air Sabah dan terkejut sekali menahan sebanyak RM100 juta kes dan curi di pejabat dan rumah pegawai itu. Ia sungguh mengejutkan hanya dua orang pegawai pun sudah boleh makan duit sehingga berbilion-bilion. Ia menunjukkan sistem negara kita sangat korup.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja itu mengikut laporan media daripada RM3.3 bilion peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan hanya 40% daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan diguna pakai untuk pembangunan. Manakala 60% dimasukkan dalam poket pegawai yang rasuah dan 60% ini jumlah RM2 bilion, ini sama dengan pembayaran cukai GST orang Sabah setahun.

## ■1500

Ertinya kalau kita tidak ada rasuah dan makan duit seperti kes ini, maka rakyat Sabah langsung tidak perlu bayar cukai GST satu tahun ini. Nampaknya orang Sabah yang sudah miskin dipaksa membayar cukai GST tetapi wang-wang yang dibayar bukan untuk pembangunan negara kita.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Sandakan, sekejap Yang Berhormat Sandakan, boleh?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Habiskan ini dahulu.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okay, thank you.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ini sangat sedih dan maruah negara kita sudah menjadi antara negara yang paling *corrupt* di dunia.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sandakan, setujukah Yang Berhormat Sandakan jika kerajaan ini yang sedia ada terlebih lagi dari Pekan untuk menggubal undang-undang kleptokrasi kerana seperti mana yang dibuat di Amerika Syarikat. Model yang sama sepatutnya diadakan di Malaysia juga. Terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, ya, ya... *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyeru SPRM supaya diberi kuasa yang bebas dan bulat untuk meneliti semua pegawai jabatan termasuk Menteri-menteri yang ada terlibat dalam aktiviti sebegini. Saya mahu desak SPRM mesti ambil kes ini dengan sikap serius. Mengapakah dua orang pegawai mampu rasuah kan duit yang begitu banyak? Mengapakah duit rasuah ini didapati di pejabat mereka? Adakah ini disediakan untuk diberi kepada sesiapa? Adakah orang yang, orang yang berpangkat lebih tinggi di belakang kes ini? Saya tidak percaya dua orang pegawai ini mampu makan duit rasuah sehingga berbilion-bilion. Saya percaya mesti ada orang yang berkuasa tinggi di belakang.

Jadi saya menegaskan bahawa SPRM mesti serius terus membongkar kes ini *without fear and favor*, dengan izin. Tangkap semua pegawai yang terlibat dan menegakkan keadilan kepada rakyat Sabah. Saya harap SPRM boleh terus mengambil inisiatif menyiasat semua jabatan kerajaan. Saya percaya kes ini hanya *tip of the iceberg*.

Akhir sekali saya harap agar SPRM teruskan usaha membanteras aktiviti rasuah di negara kita seperti skandal 1MDB, *Malaysia Official Number One*. Kalau tidak ada rasuah, tentulah negara kita akan lebih kaya dan makmur.

**Seorang Ahli:** ...Ya betul.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini meneliti bajet tahun 2017. Kerajaan memperuntukkan RM2.5 bilion bagi program bagi membina dan menaik taraf hospital dan kemudahan-kemudahan kesihatan. Pagi ini kita nampak satu tragedi berlaku di Johor Bahru. Ada mengorbankan beberapa orang pesakit. Saya fikir ini kita tidak mahu kemalangan ini berlaku di kawasan saya.

Daripada umumkan projek-projek tersebut, ia adalah amat mengecewakan kerana Hospital Duchess of Kent di Sandakan tidak sentuh dalam bajet ini. Untuk makluman Dewan yang mulia, saya sudah berbahas perkara ini di Dewan ini, termasuk perbahasan terhadap Bajet 2016 tahun lepas. Akan tetapi sampai hari ini, kebanyakan kemudahan yang rosak di hospital awam Sandakan ini masih belum lagi diperbaiki dan dinaik taraf seperti dua buah lif yang masih rosak, tidak boleh diguna. Hanya ada satu lif sahaja boleh diguna pakai. Kereta ambulans yang dikurangkan. So, sekarang kita baru ada satu ambulans boleh pakai *for long distance*. Satu lagi boleh *short distance* di dalam bandar. Selain itu semuanya rosak. Saya dapat tahu, Sandakan perlu *at least five ambulances*.

Jadi, bilik *operation theater* sampai hari sekarang pun belum siap lagi. Saya tidak tahu lah, saya nampak dan pun dapat tahu kita punya satu *old block* dawai pun sudah terlampaui lama dan perlu ditukangi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa kerajaan ada memberi 100 buah kereta ambulans yang baru. Jadi harap, Yang Berhormat Menteri jangan lupa Sandakan punya hospital, Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Jadi di sini, dengan itu saya ingin merakamkan perasaan yang amat kecewa, kerana bajet ini tidak memenuhi hasrat orang Sabah. Seterusnya, saya memohon tidak menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin.

### **3.05 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya peluang dalam bahagian perbahasan belanjawan. Terutamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, yang telah berjaya membentangkan satu bajet tahun 2017. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I, atas kejayaan tersebut yang pembentangan ini ialah satu bajet yang cukup berhemah dan pragmatik. Sebagai sebuah parti yang bertanggung jawab, Barisan Nasional telah membuktikan keupayaan kita dalam mentadbir negara kita dengan cukup berkesan sekali.

Rekod pentadbiran kita selama 59 tahun, adalah sebagai bukti dan pencapaian *Human Development Index* di tangga 62 pada tahun 2015 sebagai satu bukti. Manakala, kemenangan kita sebanyak 13 kali dalam PRU merupakan referendum rakyat yang tidak boleh kita pertikaikan lagi [*Tepuk*] Dalam pada itu, memahami keadaan iklim ekonomi yang cukup merudum pada ketika ini dan juga muram serta impaknya yang menghimpit kita. Terutamanya sekali kesan atas pertumbuhan ekonomi negara yang semakin perlahan serta implikasinya terhadap sumber kewangan yang semakin merosot. Sedangkan permintaan, tuntutan dan desakan rakyat terus meningkat. Maka saya boleh menjangkakan bahawa penyediaan satu bajet yang cukup *inclusive* ini bukan satu perkara yang mudah.

Tuan Yang di-Pertua, diakui bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukan *perfect*, bukan sempurna. Akan tetapi berdasarkan daripada *a basket of indicators* dengan izin, berikut saya ingin merakamkan kejayaan-kejayaan yang telah kita capai pada tahun ini.

Pertamanya, dalam kadar ekonomi global yang lemah dan tidak menentu ini kita masih lagi berkeupayaan untuk mencatat satu prestasi pertumbuhan ekonomi yang agak membanggakan. Misalnya, pertumbuhan ekonomi kita pada separuh pertama 2016 sebanyak 4.1% lebih tinggi daripada banyak negara lain seperti Jepun yang hanya ada pertumbuhan sebanyak 0.6%. Sementara Amerika pula hanya 1.2% dan Singapura sebanyak 2.1% sahaja.

Malaysia terus mencatat guna tenaga penuh, dengan izin, *full employment* selama 20 tahun berturut-turut. Sekalipun dikatakan aktiviti-aktiviti ataupun ekonomi kita kuang rancak dan banyak negara pada ketika ini yang menghadapi kadar pengangguran yang tinggi melebihi 4%. Banyak negara, tidak payah kita sebutkan satu persatu. Sementara kadar inflasi kita di tahap yang sihat iaitu sebanyak 2.3% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2016. Manakala sesetengah negara masih lagi bergelut dengan kadar inflasi mereka yang cukup tinggi.

Kita lihat, apakah pencapaian kita setakat ini? Dalam aspek keamanan berdasarkan daripada *Global Pitch Index*, Malaysia di kedudukan nombor 30. Di aspek kebahagiaan pula berdasarkan daripada *World Happiness Index*, kedudukan Malaysia pada tahap nombor 47.

### ■1510

Kemakmuran pula berdasarkan *Legatum Prosperity Index*, kedudukan Malaysia nombor 44. Seterusnya di peringkat makro, kita kekal berada di kalangan negara-negara yang *high human development* berdasarkan ukuran HDI tadi iaitu kita di tangga 62 pada tahun 2015. Kejayaan-kejayaan ini adalah amat penting untuk kita rakamkan supaya kita dapat meyakinkan rakyat dan para pelabur serta peniaga-peniaga kerana keyakinan ini merupakan prasyarat untuk kita terus memacu ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita meraikan kejayaan-kejayaan yang telah kita capai setakat ini dengan penuh kebanggaan, dengan penuh keyakinan, wajarlah pula kita membuat semakan realiti ataupun *reality check* agar kita mengetahui kedudukan kita yang sebenar, khususnya, apakah kelemahan-kelemahan kita dan seterusnya kita dapat mengambil tindakan-tindakan perlu sebagai pencegahan dan juga pembetulan?

Pada masa yang sama, kerajaan hendaklah jangan malu-malu memberikan maklumat yang sebenar dan tepat kepada rakyat yang demikian lebih mudah untuk kita meyakinkan rakyat dan kita mahukan rakyat terus menyokong kita. Kita terangkan keadaan sebenar apa yang berlaku sekeliling kita dan juga pencapaian yang kita buat pada ketika ini, apakah masalah yang sedang kita hadapi? Kita jangan takut untuk berhadapan dengan rakyat kerana rakyat dapat menilai bahawa kita sebenarnya sebuah kerajaan yang cukup bertanggungjawab.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya, sekejap sahaja.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Itu yang kita pun minta. Jika penerangan diberikan, memang mana-mana bahagian tak ada masalah. Daripada awal lagi kita minta penerangan mengenai DOJ, mengenai 1MDB, mengenai rasuah diterangkan sebab kita bukan hendak memfitnah, kita hanya perlu penjelasan. Kalau penjelasan diberi, memang bahagian kami pun kalau penjelasan itu boleh diterima, memang cukup bagus untuk kita terima. Penjelasan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bercakap benda yang lain, dia pesongan ke tempat lain tetapi tak apalah, kita beri dia peluang. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat kadang-kadang *confuse*. Di satu pihak, mereka diberitahu semuanya cantik dan semuanya baik. Keadaan sebenarnya tidaklah secantik seperti yang kita gambarkan. Ini kerana contohnya ada perniagaan yang telah ditutup, ramai pula pekerja yang telah terpaksa diberhentikan.

Saya menerima maklumat bahawa ada ubat di hospital pun dikurangkan dan juga banyak pembayaran biasiswa ditangguhkan dan sebagainya. Kekeliruan ini kalau jika terus berlarutan, tentu tidak sihat. Apatahlah lagi pihak pembangkang sentiasa melihat apakah kelemahan kita dan mereka terus bukan *viralkan* sahaja, mereka akan sebarkan seluas-luasnya. Benda yang kecil nanti dijadikan besar, dijadikan modal mereka.

Saya yakin dengan pendekatan kita yang telus dan ikhlas seperti yang saya sarankan tadi akan dapat membantu untuk kita mengembalikan semula keyakinan rakyat dan demikian akan bertambah mudahlah untuk kerajaan menarik sokongan mereka. Pertama sekali, kita kena akui bahawa walaupun pertumbuhan kita masih agak baik berbanding dengan banyak negara lain yang sedang bergelut dengan berbagai-bagai masalah, namun kita patut akui bahawa kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia sebenarnya menurun sejak tahun 2010.

Pada ketika tersebut, kita mencatat sebanyak 7.2 peratus kepada 4.1 peratus pada enam bulan pertama tahun ini. Nampaknya pertumbuhan ini pula sebenarnya tidak *sustainable*. Kalau kita lihat pula kepada *leading economic indicators*, dengan izin, menunjukkan kita sebenarnya amat bernasib baik. Walaupun kita mencatat kadar pertumbuhan 4.5 peratus pada tahun ini, sebab utama dia adalah kerana kejatuhan

harga yang berterusan dan pengurangan pengeluaran komoditi utama. Selepas itu, permintaan luar yang lemah dan juga akibat daripada Brexit.

IMF pula mengunjurkan sebenarnya pertumbuhan kita tidak akan mencapai 5 peratus. Dalam masa yang sama apa yang sedang kita hadapi pada ketika ini, IMF telah mencatatkan walaupun pertumbuhan kita tidak akan mencatat 5 peratus disebabkan yang pertamanya, kerana kejatuhan mendadak permintaan barang yang dikilangkan serta harga minyak petroleum yang pada ketika ini kekal dalam keadaan yang rendah. Dalam masa yang sama, saya hendak *quote* daripada satu buku yang saya baca, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada sebabnya, “*A sharp global financial tightening, a further slowdown in world growth including the Asia Pacific Region particularly ASEAN and faster-than-anticipated slowdown in China*”.

Jadi daripada sebab-sebab inilah sebenarnya pertumbuhan ekonomi kita sebenarnya dalam keadaan yang cukup perlahan sekali. Di samping itu, rancangan Malaysia untuk menuju kepada tahap ekonomi berasaskan pengetahuan, ekonomi bertambah tinggi ataupun bernilai lebih tinggi dibantutkan pula oleh pihak-pihak swasta yang sebenarnya lebih mengutamakan kepada *labor intensive* kerana mereka lebih suka bergantung kepada buruh-buruh asing yang lebih murah lagi. Jadi di bawah mendung landskap geoekonomi sedemikian rupa, bagaimanakah sebenarnya kerajaan hendak memandu dan memacu ekonomi kita ke tahap kemakmuran yang kita impikan itu?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, parameter ini yang merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi kita sebenarnya yang merunsingkan kita. Pertamanya, kalau kita lihat, dengan izin, *labor productivity growth* yang merupakan sebagaimana, dengan izin, *game changer* bagi tahun 2009 hingga tahun 2015 telah menurun kepada 1.2 peratus berbanding dengan 2.8 peratus bagi tempoh 2003 hingga 2009.

Keduanya, berkait rapat dengan prestasi produktiviti yang lemah itu, maka tidak hairanlah kalau kedudukan daya saing Malaysia di peringkat global sebenarnya kita menurun daripada tangga 18 ke tangga 25 menurut laporan *World Economic Forum* 2016 dan 2017. Jadi, apakah sebenarnya tindakan segera yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan semula produktiviti dan daya saing kita ini?

Ketiganya, akaun dagangan kita merosot 16.1 peratus daripada RM23.6 bilion pada ST2 pada tahun 2015 kepada hanya RM19.8 bilion pada ST 2016. Sementara akaun perkhidmatan kita juga telah menurun dengan kuat sebanyak 76.5 peratus daripada RM8.1 bilion pada tahun 2015 kepada RM1.9 bilion pada tahun 2016. Kita bimbang kita sebenarnya mempunyai potensi untuk mengalami defisit berkembar

dalam akaun semasa. Jadi soalan saya, apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengelak ancaman ini terus berlaku?

Kita lihat pula rizab antarabangsa kita mengecil sebanyak 15 peratus daripada RM4.42 bilion pada tahun 2013. Pada hari yang terakhir ini kita lihat pada 14 Oktober 2016, kita ada RM4.05 bilion ataupun USD97.8 bilion. FDI kita juga merosot dan dalam masa yang sama, kita dapat lihat hutang kerajaan kita terus meningkat, 88.1 peratus daripada RM384.6 bilion pada tahun 2009 kepada RM655.7 bilion pada Jun 2016 ataupun 54.8 peratus daripada nilai GDP kita.

■1520

Lalu bayaran khidmat hutang kita juga melonjak daripada RM14.2 bilion tahun 2009 kepada RM28.9 bilion pada tahun 2013. Saya hendak sebutkan nisbah ini supaya yang pertamanya bayaran khidmat hutang kita pun turut meningkat dari sembilan peratus kepada 13.2 peratus dalam tempoh tersebut. Jadi pinjaman tersebut terus menokok, sebelum kita tolak bayaran khidmat hutang kerana kita kekurangan hasil. Perkara ini kita terangkan, perkara yang benar kita sebutkan kerana kita mahu memberikan satu gambaran walaupun sebenarnya kita mempunyai hutang yang besar tetapi kita tidak lari daripada *threshold* kita kepada GDP. Maknanya tidak lebih daripada 55 peratus. Pada masa yang sama, hutang...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Jasin, berkenaan hutang negara.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Okey.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Jasin, pagi tadi Perdana Menteri mengatakan bahawa hutang negara kita 95.9 peratus itu daripada hutang domestik tetapi kita juga ada hutang dalam bentuk jaminan yang katanya 14.7 peratus daripada KDNK. Kalau dicampurkan kedua-duanya ini, maka ia sudah melebihi 55 peratus. Bagaimanakah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya rasa buku yang telah dibekalkan kepada kita yang pertamanya selain daripada buku bajet, buku laporan ekonomi menyebut dengan begitu terang sekali semua butiran. Selain daripada hutang dalam negara, hutang luar negara dan pesisir pun disebutkan daripada butiran-butiran tersebut. Saya tidak payah sebutkanlah, nanti saya minta kalau boleh Menteri terangkanlah.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Jasin, maksud saya hutang yang tidak dimasukkan dalam hutang negara ini tetapi dikeluarkan dalam bentuk surat jaminan, *Letter of Support, Letter of Guarantee* tidak dimasukkan di dalam

hutang negara. Jadi sementara ini masih lagi menjadi liabiliti kepada kerajaan. Maka angka 55 peratus itu angka yang tidak tepat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Itu sebab saya katakan tadi kita mesti berpandukan daripada buku laporan ekonomi kerana definisi hutang ada dua, hutang negara dan hutang luar negara. Ia mempunyai, meliputi siapa yang berhutang. Kalau dalam negara itu siapa punya hutang, berapa *percent* hutang negara. Kalau dalam negara 95 peratus adalah dari bank tempatan yang dibuat oleh kerajaan tetapi hutang luar negara sebenarnya bukan sahaja kerajaan yang mengambil hutang yang kecil lebih kurang 2 peratus. Yang selebihnya daripada pihak swasta. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjimatkan masa saya ini, jadi saya teruskan perbahasan saya. Pada masa yang sama...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin, sikit.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Nanti sekejap. Kemudian saya bagi, saya belum habis tentang hutang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, saya boleh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Pada masa yang sama, hutang luar negara kita juga meningkat iaitu sebanyak 57.8 peratus daripada RM537 bilion pada tahun 2010 meningkat kepada RM848 bilion ST2/2016. Saya muh menyebut begini kerana kita hendak melihat apakah sebenarnya nisbah khidmat bayaran hutang kita kerana ini angka akan terus melompat dalam tempoh yang sama.

Yang seterusnya, penggunaan persendirian kita, *private consumption*. Sebenarnya pada ketika ini kita mengecil sebanyak 27.6 peratus kerana kalau kita mengikut daripada indikator kita seperti penjualan kereta pada bulan Julai 2016 berbanding Julai 2015 sebagai satu daripada bukti. Kita difahamkan juga nilai jualan di pasar raya juga terus merosot lebih 30 peratus. Antara kesan segera akibat permintaan luar yang lemah, pelaburan yang menurun dan penggunaan persendirian domestik yang mengecil ini ialah kerana kita dapat lihat ada kedai-kedai yang terpaksa ditutup, ada orang kita yang kehilangan pekerjaan dan pendapatan dan kejatuhan GST yang bakal kita kutip.

Pada masa yang sama, kerajaan juga sebenarnya kehilangan sebahagian daripada sumber cukai daripada minyak. Jadi saya dah sebutkan tadi apakah asas-asas, faktor-faktor yang telah menyebabkan banyak pemulangan pendapatan kita. Dalam masa yang sama kita hendak lihat apakah sebenarnya tindakan yang dijalankan oleh kerajaan dalam memastikan supaya kita dapat meningkatkan kembali pencapaian kita. Kalau kita lihat pada kadar pengangguran kita, kalau dulu kita selalu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Berbangga dengan kadar pengangguran kita tetapi pada ketika ini kita dapat lihat pengangguran kita mencatatkan pada angka 2.9 peratus pada tahun 2014 dan meningkat kepada 3.5 peratus sehingga Julai 2016. Manakala bilangan penganggur juga turut meningkat daripada 411,000 orang pada tahun 2014 meningkat kepada 516,000 orang pada Julai 2016. Sebab utamanya kita pun dah faham sama kerana ekonomi kita yang lemah dan menyebabkan kita kena dengan izin, *double impact* iaitu kurangnya dengan izin, *new openings* dan hilangnya pekerjaan kerana penutupan kilang dan syarikat-syarikat. Manakala kemasukan baru ataupun *new entrance* kira-kira 400,000 orang pada setiap tahun untuk memasuki pasaran buruh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ringkas sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Jasin. Saya tertarik dengan beberapa perkara dalam penghujahan Yang Berhormat daripada Jasin tadi Tuan Yang di-Pertua yang menunjukkan bahawa kadar penurunan dalam sektor perniagaan di negara kita yang akan memberikan kesan kepada pengurangan kutipan cukai yang akan diperolehi oleh pihak kerajaan termasuk dalam konteks GST itu sendiri apabila pekerja-pekerja sendiri telah dibuang dan sebagainya maka sudah tentu ini akan menyebabkan kadar pengurangan cukai.

Adakah ini bermakna Yang Berhormat bermaksud bahawa bajet kita ini, peruntukan-peruntukan bajet itu akan lari daripada apa yang terkandung yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Adakah ini bermakna bahawa selepas ini tahun depan kerajaan terpaksa bentangkan kembali bajet pengubahsuaian...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Bajet yang mesti dilakukan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya, saya faham itu. Sila Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk mencelah kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin, kebetulan angka-angka yang diberi untuk bajet tahun ini adalah unjuran sebab bajet

kita berdasarkan pembangunan yang *date base*. Maknanya kita buat unjuran pendapatan dan unjuran perbelanjaan dan ada defisit dan sebagainya. Kita kekalkan at 3.3 percent tahun ini. Itu pun satu pencapaian.

Akan tetapi kita lihat tadi persoalan tentang saya lihat Yang Berhormat Jasin memberi pandangan dari sudut *down side* ataupun cabaran-cabaran yang kita lalui dari sudut cabaran. Saya hendak cakap Yang Berhormat Jasin, di samping Malaysia saya ambil satu contoh, saya tidak ada data sekarang. Contohnya Indonesia, saya difahamkan bahawa keadaan Indonesia diberitahu oleh pihak sebelah sana baik. Saya lihat sejak tahun 2011 sampai 2015, hutang negara Indonesia bertambah dengan begitu pesat sekali dari sekitar USD160 bilion dan 2015 USD241 bilion, pertambahan yang begitu mendadak dalam masa lima tahun.

Saya rasa pandangan saya sebab ada perubahan atau penekanan tentang pembangunan fiskal, infrastruktur dan sebagainya. Jadi sedangkan hutang bertambah tapi dia akan mendapat unjuran yang baik. Jadi apakah ini selari dengan bajet yang kita buat pada tahun ini? Apakah pandangan Yang Berhormat Jasin?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih kedua-dua sahabat saya. Sebenarnya kita ikut daripada apa itu bajet. Bajet ini sebenarnya sebagai satu *reference*, ia unjuran apakah pendapatan, apakah perbelanjaan kita? Jadi ia tidak satu angka yang tepat tetapi kita boleh menjadikannya sebagai satu rujukan, *reference* sama ada kalau kita belanja, adakah benda ini bajet, kalau kita nak bayar itu, adakah kita mempunyai bajet sebab disebut begitu. Kalau tidak dibajetkan, satu perbelanjaan yang mesti dibuat, patut dibuat barulah kita minta peruntukan tambahan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maksud saya tadi unjuran bajet itu tidak tepatlah berbanding dengan Yang Berhormat sebut.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya sikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya bagi satu gambaran.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maknanya pakai tulis saja, bajet ini pakai tulis saja, ikut dan nak tulis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin, boleh sikit?

■1530

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, bajet ini telah disediakan oleh orang-orang yang pakar. Pegawai-pegawai kita mempunyai kebolehan. Kebanyakan daripada bajet, tiap-tiap tahun yang kita selepas bajet, perbelanjaan pendapatan dibuat, ia tidak lari banyak. Ada lari sikit-sikit sahaja kerana...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kepakaran itu lebih dari Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bajet pun ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa yang sedang berlaku, banyak lagi ekonomi negara.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya minta maaflah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Najib lebih hebat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Melainkan Tuan Yang di-Pertua bagi saya masa tambahan tak apa. Akan tetapi kita hendak sekarang, saya hendak bagi satu gambaran bahawa dalam keadaan sekarang kita menghadapi satu cabaran yang cukup getir sekali. Ekonomi kita yang suram, ia bukan berlaku dalam negara kita sahaja, bahkan secara global. Pertumbuhan ini sebenarnya kita di antara negara yang paling cemerlang kalau kita bandingkan banyak negara. Kita terima hakikat ini dan dalam masa yang sama kita terima juga apa kelemahan yang kita hadapi sekarang pada ketika ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Itu sebab cabaran untuk kita tanya kerajaan, apakah langkah-langkah konkret yang dibuat bagi memastikan supaya kita dapat meningkatkan pencapaian?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ringkas sahaja Yang Berhormat, saya ada masa yang sikit.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak ringkas sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jasin, saya tertarik dengan apa yang disebut tadi. Saya secara peribadi tidak tolak adakala hutang itu diperlukan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin sama ada setuju atau tidak, tadi Yang Berhormat Jasin sebut produktiviti. Setuju atau tidak, kadar peningkatan perkhidmatan pembayaran hutang itu harus selari dengan kenaikan produktiviti? Boleh saya hendak tumpang tanya, apakah strategi kerajaan supaya kadar produktiviti ini dinaikkan setaraf dengan kadar hutang negara kita?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu sebab negara kita lebih proaktif. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita

telah meletakkan satu aras sebagai *threshold* kita, jangan melebihi 55 peratus daripada GDP kita. Kita dapat lihat sekarang Singapura menghadapi hutang negara mereka 120 peratus tetapi kita pada ketika ini pada tahun lepas, hanya 53.4 peratus. Mungkin tahun ini kita unjurkan sebanyak 54 peratus.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Maknanya, walaupun hutang kita banyak tetapi kita mempunyai kemampuan kerana hutang tersebut adalah semata-mata untuk membawa pembangunan yang boleh menjana pendapatan.

**Yang Berhormat Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Jasin, kalau boleh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya terpanggil juga untuk bersama bahas. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin, bila kita ada bajet *rationalisation plan* 2016, ekoran daripada kekangan merudumnya harga minyak dan kita ambil *take stock* apa bajet kita ada selepas itu kita *rationalised*. Maknanya, kita ambil kewangan yang ada, kita letak pada pembiayaan ataupun perbelanjaan perkara-perkara yang memberi impak, kesan impak dan kesan berganda yang tinggi. Dengan cara ini, kita menjana kecerdasan ekonomi itu dan ini satu lagi petanda bahawa kita meletakkan duit pada penggunaan efisien yang tinggi dan juga produktiviti yang tinggi.

Jadi, ini terbukti bila negara-negara lain turun daripada segi pendapatan KDNK, peratus penubuhan tetapi kita masih *maintain at 4.9 percent*. Jadi, ini satu bukti bahawa kita *employ* atau meletakkan pertimbangan yang baik kepada kewangan yang ada. Ini satu bajet yang baik. Apakah pandangan Yang Berhormat Jasin?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Itu cukup bertepatan sekalilah. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembahas kita pada ketika ini kita berikan berapa masa Tuan Yang di-Pertua?

**Seorang Ahli:** Sudah habis dah. Dua minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua ([atuk Seri Dr. Ronald Kiandee]):** Dua minit Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dua minit.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dua minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dua minit Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kalau boleh ditambah, ya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak sebut di sini, sebagai sebuah kerajaan kita ada dua pilihan. Sama ada kita berbelanja mengikut hanya kemampuan kita berdasarkan permintaan. Keduanya, sebagai sebuah kerajaan, kita mestilah berkeupayaan untuk berbelanja berdasarkan daripada permintaan dan kita mestilah lebih *prudent*. Jadi, pilihan kedua-lah yang paling tepat. Akan tetapi dalam masa yang sama apa kita hendak seru kepada kerajaan, kita jangan lupa dasar yang telah kita sebut satu ketika dulu iaitu yang kita panggil gitar. Maknanya, pertama, dengan izin, *governance integrity*. Selepas itu *transparency*, selepas itu *accountability* dan seterusnya *responsibility*. Kalau kita ikut benar-benar daripada perkataan tersebut, saya rasa apa yang cadang kerajaan tadi *insya-Allah* akan menepati seperti yang kita harapkan.

Seterusnya, akibat daripada kesan berganda, pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan nilai Ringgit yang lemah berbanding USD, maka sasaran untuk kita mencapai Wawasan 2020 sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi, saya takut kita tidak tercapai. Jadi, kerana GNI per kapita kita sebenarnya telah menurun dan kita jauh daripada sasaran kita, di bawah *threshold* kita sebanyak USD12,435.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua sudah resah sedikit itu. Saya hendak sebut tentang GST. Saya tak lupa hendak sebut perkara ini kerana inilah perkara yang selalu dibangkitkan, dimomokkan kepada kerajaan. Sehingga semalam disebut kerajaan kita terdesak kerana tengok harga minyak jatuh, buatkan GST. Tuan Yang di-Pertua, itu tidak molek. Kita menjaya perkara ini seluruh negara. Kita racuni perasaan rakyat, konon pihak kerajaan telah menzalimi rakyat. Saya hendak sebut di sini, sebenarnya...

**Seorang Ahli:** Masa, masa, masa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sebenarnya, ada sejarah GST ini yang telah diilhamkan patut kita buat tahun 1992 tetapi kita tangguh, kita tangguh, kita tangguh tetapi telah pun putus. Hanya pada tahun 2013, pada ketika tersebut apabila kita buat keputusan Tuan Yang di-Pertua, harga minyak kita USD100. Siapakah sangka minyak jatuh begini teruk? Saya ingatkan sampai USD30 lebih sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan bahawa kerajaan kita memandang jauh, membuat satu keputusan yang cukup tepat sekali. Kalau tidak kerana GST hari itu, kita akan menghadapi masalah ekonomi. Ketika itu semualah pembangkang hendak suka,

menyalahkan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang difitnahkan kepada kita kononnya kerajaan zalim. Saya hendak tanya pihak pembangkang sekarang, siapakah yang zalim? Kalau pada hari tersebut, kita tak buat langsung GST dan ekonomi kita merudum, kita telah menzalimi rakyat, tidak ada pembangunan, tidak ada sekolah, tidak ada jalan raya... *[Dewan riuh]* Maka Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sandiwara Tuan Yang di-Pertua, sandiwara.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Maka Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan kita tidak zalim. Orang yang menuduh kitalah zalim... *[Dewan riuh]* Saya hendak sebut begitu kerana walaupun saya banyak perkara hendak sebut di sini, ada satu perkara lagi saya hendak sebut di sini.

**Seorang Ahli:** Tak ada, masa, masa, masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habis dah masa Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ha, tengok kita terima hakikat. Saya sebenarnya mahu berterus-terang sebut bukan sahaja kejayaan, sebut apa kelemahan kita... *[Dewan riuh]* Saya sebut Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan daripada fakta. Pada ketika ini saya hendak sebut jangan kita membuat tuduhan, jangan kita meracuni perasaan rakyat. Sebenarnya, yang banyak keuntungan syarikat-syarikat perniagaan. Sebenarnya, GST yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam negara kita bukan *full GST*. Sebenarnya, macam negara-negara lain, kita dikenakan 6 peratus di antara yang terendah di dunia ini dan bukan *hundred percent GST*, ada 800 barang yang *zero rated*. Negara lain tidak begitu, semua dipukul rata.

Jadi, jangan kita membuat tuduhan yang melulu. Sebenarnya, kerajaan tidak pernah menzalimi rakyat, bahkan pembangkang sebenarnya menzalimi rakyat *[Tepuk]* Kita kononnya perjuang untuk orang lain. Hanya satu perkara Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta kalau boleh kerajaan, kita macam mana pun, jangan kita tolak tetapi minta kepada kerajaan itu, minta ini. Saya tak tolak, saya sokong kerajaan. Itu sebab saya berani minta. Saya hendak minta kerajaan kalau boleh mengotakan janjinya... *[Dewan riuh]* Saya berani minta Tuan Yang di-Pertua, kerana kita menyokong kerajaan. Kita tahu kalau kerajaan punya masalah, *insya-Allahlah* lambat laun kerajaan akan tunaikan. Pertamanya, membina Kolej Sains Kesihatan yang bersekutu di Melaka yang mana tapaknya telah pun kita sediakan dan untuk membina pusat kardiologi di Hospital Melaka yang telah kita janjikan pada RMKe-10.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya tak lupa pada kawasan saya Jasin, kerana pada RMKe-10, tahun 2010, ia telah diberikan sebuah pakej rangsangan untuk

membina sebuah jalan pembesaran, jalan empat buah lorong dari Tangkak ke Jasin dan terus ke Bandar Air Keroh. Kita telah dapat laksanakan pakej pertama dan pakej keempat. Hanya pakej kedua dan ketiga masih lagi masih ketinggalan. Saya tidak akan tinggal perkara ini kerana saya telah sebut tiap-tiap tahun, kalau boleh kerajaan dapat tunaikan janji tersebut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, saya termakan masa sedikit. Saya menyokong. Terima kasih, *Assalamualaikum warrahmatullaahi taala wabarakaaatuh... [Tepuk]*

■1540

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Semporna.

**3.40 ptg.**

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Ingat senarai Tuan Yang di-Pertua sudah tahu sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia kena bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Okey, okey. Maklumlah ini tidak biasa sangat ini, baru *first time*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk saya berucap pada perbahasan belanjawan pada kali. Setelah mendengar belanjawan yang telah dibentangkan yang penuh dengan banyak drama- saya sudah lima penggal jadi Ahli Parlimen di sini, tidak pernah saya nampak sampai *taxi driver* pun ikut, sampai Orang Asli pun kita bentangkan di Dewan yang mulia ini.

Menyedari hakikat bahawa keadaan ekonomi bukan hanya dunia, bahkan juga negara dan rantau ini agak lembap dan hasil negara pun menguncup, keadaan yang tidak begitu sihat, sepatutnya dalam amanah yang diberikan kepada kita oleh pihak rakyat mengurus kekayaan ini harus kita berpegang dan berpaut dengan mana keupayaan itu, kemampuan itu, berbelanja berlandaskan dengan hasil yang kita perolehi. Kalau kita lihat daripada belanjawan yang dibentangkan, ada peningkatan dia.

Sedang kita sedar dan tahu bahawa ekonomi dunia merudum, keadaan ekonomi negara kita yang agak lembap pada saat ini, hasil minyak, pengangguran, *liquidity* dalam sistem kewangan negara semakin berkurangan, tapi kita lagi pada kali ini berbelanja tambahan hasil negara dalam belanjawan ini yang dinyatakan dalam bukunya dan pembentangan dia ialah sejumlah RM219 bilion. Akan tetapi belanja negara kita dalam belanjawan ini RM260 bilion. Maknanya defisit lagi dan pada kali ini

dalam lingkungan RM40 bilion lebih. Bayangkan, keadaan ini yang membimbangkan bukan hanya takat kita selaku pemimpin, bahkan juga generasi anak-anak muda kita yang akan menanggung beban ini di masa yang mendatang.

Saya amat bimbang jurang pendapatan bulanan, contohnya, antara golongan miskin, sederhana dan kaya di Malaysia adalah di antara yang terbesar jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain seperti Thailand, Filipina dan Singapura. Perkara ini jelas dalam laporan yang telah dikeluarkan oleh *United Nations Human Development Report*. Kemiskinan tegar masih lagi menjadi masalah besar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak iaitu sejumlah lebih daripada 15,000 masih lagi tergolong daripada miskin yang tegar.

Itu tidak masuk ketidakseimbangan pembangunan dan kemajuan yang dinikmati oleh bukan hanya rantau *regional development* yang ada di dalam negara kita. Rantau sebenarnya ialah di wilayah Semenanjung, di wilayah Sabah dan Sarawak seperti rakan saya, Ahli Parlimen dari Sandakan yang sebelum ini banyak mengutarakan tentang ketidakseimbangan.

Walau kita mendengar daripada segi belanjawan ini bajet menjamin perpaduan, macam mana *you* hendak jamin perpaduan sedang belanjanya pun tidak seimbang di kalangan negeri-negeri yang terdesak yang keadaan dia miskin, rakyatnya, jumlahnya mungkin di statistik pun tidak dapat gambarkan? Kalau kita masuk ke pelosok negeri Sarawak, di negeri Sabah, *nauzubillah*. Statistik yang kita gambarkan seakan-akan baik sangat.

Ada nelayan pada hari ini yang pendapatan mereka banyak bergantung daripada hasil bot yang kecil. Hari ini bot pun sudah diharamkan oleh sebab ada kes lanun di Pantai Timur negeri Sabah. Bukan ada lanun pun di Kota Kinabalu. *Pump boat* pun diharamkan. Menjadi hambatan rakyat yang banyak bergantung untuk mencari nafkah hidup mereka untuk belanja anak setiap hari, bukan hanya masuk ke sekolah. Sudah pun diharamkan oleh pihak pemerintah. Maknanya pengurusan, hendak menjaga keselamatan pun, *the focus is not there*, dengan izin, ya. Bukan itu yang melanun- *pump boat*. Abu Sayyaf yang melanun tapi diharamkan *pump boat* dia.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ada lanun yang terpaksa pergi merampas nelayan di laut tapi ada lanun yang duduk di rumah pun boleh dapat berbilion-bilion. Adakah ini lanun yang lebih teruk daripada lanun di laut ini?

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Yang itu tidak nampak sangat tapi kesan dia, ini yang dia cakap, korupsi orang kecil, kecil-kecilan ya. Korupsi ini orang yang besar-besar sungguh dia punya ya.

Tapi Tuan Yang di-Pertua, yang membimbangkan saya, daripada segi keadaan, tambahan pula dengan masalah pengangguran yang semakin meningkat saban tahun. Bayangkan pengangguran pada hari ini, 3.3 peratus ya dan ada peningkatan dia berbanding dengan yang dahulu. Bukan setakat dari segi- dalam masa yang masa, berlaku lambakan pengangguran di Malaysia pada masa kini sehingga lulusan Ijazah Farmasi, Kedoktoran, Pergigian masih lagi mengambil masa yang cukup lama untuk diserapkan penempatan latihan amali di hospital-hospital kerajaan.

Terdapat juga jangkaan para cendekiawan pasaran bekerja yang menyatakan bahawa kadar pengangguran di negara ini akan melonjak kepada 3.5 peratus secara purata berbanding 3.2 peratus yang direkodkan tahun lalu. Untuk rekod, seramai 200 ribu orang siswazah menganggur di Malaysia pada masa ini. Ini belum termasuk rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan- MAS, Petronas, institusi perbankan. Kita nampak sudah adapun pengumuman beberapa buah institusi perbankan, syarikat-syarikat swasta yang tidak dilaporkan di dalam media sosial. Sungguh banyak syarikat yang orang cakap katup, tutup oleh sebab perniagaan mereka sudah merudum.

Hutang negara yang dicatatkan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib sepanjang tempoh 2009 lagi yang kini telah pun berjaya mengumpul hampir tiga kali ganda berbanding hutang negara pada tahun 2009 iaitu sebanyak RM250 bilion. Bayangkan, hutang negara sudah meningkat RM250 bilion. *Household debt at RM100 billion* lebih. Hutang *household debt* kita, seisi rumah. Membimbangkan kita keadaan ini, dan ini pula belanjawan kita yang tidak berhemah, tidak ada gambaran yang saya dapat lihat dalam belanjawan ini yang menyatakan dah harga minyak menurun, bagaimana langkah-langkah yang kita akan lakukan, *fiscal development* yang harus kita lakukan untuk memastikan negara ini boleh bersaing, boleh bertahan dalam keadaan kegawatan ekonomi bukan hanya dirantau, di peringkat dunia.

Yang saya nampak, banyak belanja. Seperti disebutkan oleh kawan-kawan saya, perbelanjaan pelbagai termasuklah kadang-kadang kalau rakan saya dari Jasin tadi sebut, berhemat hendak belanja. Pengurusan GLC belanja pun perlu kerajaan bertanggungjawab. Dalam keadaan rakyat di negara ini berhadapan seperti lontaran Ahli-ahli Parlimen, masalah kesihatan mereka, perubatan mereka, kini kita hanya raikan perbelanjaan Khazanah yang diwujudkan oleh kerajaan untuk menjaga harta dan kekayaan negara ini dengan baik, tapi malangnya diuar-uarkan Khazanah berbelanja, *return to the public at large, to the people at large*, RM650 juta untuk hendak baikkan Tugu Peringatan, park macam di New York dan juga *High Park*.

Bagaimana pertimbangan kita selaku pemerintah yang mana rakyat dahagakan bantuan perubatan, hendak menyambung nyawa, hendak menjadi sihat- RM650 juta, sedap mata memandang. Pimpinan harus sepatutnya *direct*, bagi arahan atau bagi panduan kepada GLC-GLC yang ada di negara ini menggunakan hasil yang diperolehi daripada pembabitan mereka atau sokongan kerajaan- berbagai projek-projek yang diberikan kepada mereka- untuk dikembalikan atas dasar keperluan yang terdesak. Bukan keperluan pelancong, sedap mata memandang, kita berpusing dekat Tugu Peringatan. Belanja RM600 juta. Bayangkan kalau buat hospital. Bayangkan kalau buat sekolah. Bukankah itu manfaatnya kepada anak bangsa kita?

#### ■1550

Dalam Belanjawan ini juga kita dapat melihat- semalam saya ucapan tahniah kepada rakan saya, Yang Berhormat Tambun, bekas Menteri Kewangan [*Tepuk*] Yang mendedahkan tentang pengurusan 1MDB. Rakan-rakan tadi bangkit tentang 1MDB tidak termasuk dalam bayaran yang dijanjikan. Itu bayaran hutang luar negara, bayaran bank, berbagai-bagi tetapi yang *guaranteed loan this is part and partial they raise bond*. Bon yang ditingkatkan atas jaminan kerajaan.

Saya hendak tanya beberapa harta kerajaan pada hari ini di Putrajaya, Hospital Putrajaya, bangunan perumahan pegawai-pegawai kerajaan yang digunakan sebagai cagaran kerajaan untuk *raise bond security* [*Tepuk*] Saya hendak tanya itu di Dewan yang mulia ini. Ini untuk masa depan anak-anak bangsa kita. *This is* amanah yang diberikan. Sudah berapa banyak daripada harta ini digunakan semata-mata hendakkan *raise bond* selepas itu hutang dan hutang ini dibelanjakan untuk hendak pastikan supaya projek-projek ada imbuhan.

1MDB langsung tidak disentuh dalam Belanjawan ini. Walhal kita tahu dan sedar bahawa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tambun semalam keadaannya, tanah kerajaan yang terbesar di Kuala Lumpur dua sahaja. Satu, Jalan Pudu itu sudah bagi GLC yang satu lagi Sungai Besi. Masa saya ingat Timbalan Menteri Pertahanan kita pertahankan benda ini. Timbalan Menteri Pertahanan bertahan.

Ada cadangan hendak membangunkan, kita tahan miliknya permodalan bumiputera. Hari ini sudah diserahkan seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tambun 60% milik tanah ini yang dikatakan *you know this is the most expensive land in this country in Kuala Lumpur-* RM3,000, RM4,000 kaki persegi sudah jual kepada pelabur syarikat China- 60%. Selepas itu pula Yang Berhormat Tambun katakan hendak bayar tahun 2020, *laahaulawala quwataillabillah*. Itu Yang Berhormat Tambun yang kata, dia bekas Menteri Kewangan- 2020. Semalam dia sebut.

Bayangkan, Pak Man Telo pun dapat niaga boleh maju. *You're give them a land with that size, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, and then the time for you to pay, six years.* Macam saya hendak sewa, hendak beli kereta tidak payah hendak bayar 5 tahun. Bayar kereta hari ini tunggu 5 tahun baru bayar.

Jadi *Uber* pun saya sudah boleh bayar dia punya itu, bayangkan. Akan tetapi laungan bukan main sedap perjuangan bangsa, perjuangan agama untuk kepentingan negara, sedap telinga mendengar. Ini yang saya bimbang sangat keadaan pengurusan pentadbiran yang perlu kita ketengahkan untuk perbetulkan. Teguran harus dilakukan bukan untuk kepentingan untuk duduk di kerusi yang sedap *Dunlop* macam ini.

Hendak jadi Menteri, hendak jadi jawatan apakah ini yang penting kepada kita bukan untuk kita, untuk agama, untuk negara kita. Kalau ada kemungkinan perlu ditegur, jangan hanya duduk di bangku yang empuk. Saya harap kita pun tidak tahu apa sudahnya dengan 1MDB. Saya masih ingat dahulu masa saya di peringkat Kabinet kita persoalkan hendak minta bayaran RM3 bilion pun kita persoalkan. Saya ingat rakan-rakan saya pun tahu. Saya tidak tahu sudah berapa bayaran sudah dilakukan sekarang ini, RM40 bilion, sudah RM50 bilion sudah. Satu pelaburan yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi *an investment which can give good return. Investment* apa yang kita ini.

Akan tetapi bukan main tohmahan kita berikan, lontarkan kepada Tun Mahathir bekas Perdana Menteri kita. *Bail out* MAS, *bail out* PROTON tetapi sedar kah kita bahawa PROTON kereta PROTON pun berjalan di jalan raya 30,000 orang anak bangsa kita vendornya. MAS sampai sekarang boleh terbang, walaupun rugi tetapi berapa ribu orang anak-anak bangsa kita yang bekerja di bawah MAS. 1MDB ini saya tidak nampak, yang saya nampak Arul Kanda sahaja yang bekerja [*Ketawa*]

Pelaburan apa yang kita lihat? *What investment return that we get out of this?* Ini yang kita hendak tanya, ini yang kita hendak soal selaku wakil kepada rakyat bertanggungjawab amanah ini yang perlu dijelaskan kerana ketidakupayaan kelak kita membayar menjelaskan hasil negara kita mengecut. Ini yang rakyat hendak minta jambatan, hendak minta bekalan air, saya akan sebut sedikit tentang Jabatan Air ini. Ini yang membimbangkan kita, keadaan-keadaan seumpama ini.

Kesannya cukup besar tetapi tidak ada pemakluman. Tidak boleh debat. Kesannya bukan hanya tidak pernah saya alami di merata tempat, di seluruh dunia. Di Switzerland, di Singapura bukan hanya bank kena tutup, pegawai-pegawai bank pun *under criminal charges*. Takkan kita tidak rasa keadaan ini pertanggungjawaban kita selaku negara, selaku pemimpin yang harus kita pertingkatkan keupayaan kita

mengharumkan negara, meningkatkan keupayaan ekonomi negara supaya generasi yang mendatang dapat kita tingkatkan keupayaan mereka.

Saya juga ingin menyentuh...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan daripada pihak sana selalu menyebutkan soal persepsi, imej buruk yang selalu dikaitkan dengan pihak pembangkang. Adakah Yang Berhormat bersetuju, kalau saya katakan imej buruk negara, persepsi buruk negara, persepsi buruk terhadap negara, terhadap pimpinan itu dibina oleh pimpinan khususnya Perdana Menteri sendiri, bagaimanakah pandangan Yang Berhormat? *[Tepuk]*

**Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya hendak mengukur insan manusia ini jangan hanya mengukur daripada cakap dan ucapannya. Ukur daripada perbuatan, itu kebenarannya.

Saya pergi umrah beberapa bulan yang lalu. Bila saya pergi umrah, saya naik kereta, *driver* nya orang Syria, 48 tahun, *journalist*. Saya tidak tanya, dia tanya saya, “*Where are you from, sir?*”. Saya beritahu, “*I'm from Malaysia*”. “*Oh, Tun Mahathir, Dr. Mahathir*”. Nasib baik *mention* Tun Mahathir. *He was the one who advised our leaders in Syria those days* maka dengan itulah ada prasarananya, dia cakap.

Saya tidak tanya pun. Oleh sebab itu yang saya kata tadi, perbuatan manusia itu, itu kebenarannya akan dilaungkan, didendangkan oleh masyarakat yang nampak kebaikan berbanding dengan keburukan itu. Jadi oleh sebab masa singkat ini saya berharap sungguh Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pendidikan ini.

Saya kesal dengan peruntukan yang diberikan kepada bidang pendidikan kali ini khususnya kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan secara keseluruhannya. Saya yang jelasnya saya sudah senada dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Bila dia menyatakan beliau sudah letih minta peruntukan dari Kerajaan Persekutuan tetapi kecewa dengan apa yang diberikan.

Walaupun dalam pilihan raya yang lalu, Sarawak telah memberi kemenangan yang lebih besar berbanding dengan pilihan raya-pilihan raya yang lepas tetapi kerajaan pada hari ini seolah-olah tidak menghargai sumbangan dan sokongan rakyat Sarawak kepada kerajaan yang ada di Negeri Sarawak ini. Buktinya, Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk bidang pendidikan di negeri Sarawak, Yang Berhormat

Datuk Fatimah Abdullah acap kali mengatakan bahawa dana bidang pendidikan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan bidang pendidikan yang mendesak di Sarawak.

Tahun lalu RM400 juta dipohon untuk menampung keperluan 483 buah sekolah daif di seluruh Negeri Sarawak tetapi hanya RM95 juta diberikan dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Masih banyak sekolah lagi yang didirikan menggunakan papan. Bukan hanya di Sarawak termasuk di negeri Sabah. Sekolah-sekolah yang daif dibina menggunakan papan, anak-anak kita.

#### ■1600

Ada sekolah di Kota Marudu, rakan saya dari Kota Marudu. Bila saya dahulu menjadi Menteri buat lawatan, tidak ada lantai langsung, simen pun tanah liat. Bila hujan, licin. Itu yang membimbangkan kita kadang-kadang sekolah sebagai satu sektor yang amat kita titik beratkan, *human resources development* di negara ini. Ini yang kita anggap seakan-akan enteng. Tugu peringatan lagi bagus untuk belanja RM600 juta yang hanya sedap mata memandang.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi keselamatan, saya juga kesal dengan tindak-tanduk, langkah-langkah yang selama ini kita lakukan terhadap ancaman khususnya di kawasan saya sendiri di mana saban kali ada yang menyatakan setiap penculikan yang berlaku, “*Do not worry*”, dengan izin, “*All will be taken care*”. Sudah lima kali insiden tahun lalu sahaja, penculikan. Lima kali penculikan ini kalau kita dengar, belanja bukan main sedap, berbilion-bilion duit yang ada. Belanja sistem peralatan pertahanan. Di manakah kita gunakan peralatan ini?

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we are not putting the resources that we had at the right place where its no needed*. Ini tidak. Kita letakkan peralatan-peralatan yang kita gunakan contohlah macam di Labuan, *based helicopter* di situ, berapa kerap sangat kena lanun Labuan itu? Pangkalan tentera darat di Lok Kawi. Kes berapa kali Lok Kawi ini kena lanun? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan kita akan meluluskan satu batalion di Pantai Timur di Sabah. Suku batalion di Kinabatangan pun tidak ada... [Disampuk]

Bayangkan keselamatan, bayangkan keselamatan. Bila saya turun ke bawah melihat keadaan ini, sehingga ada yang menyatakan masalah hendak beli minyak petrol pun tidak cukup. Beli minyak petrol pun tidak cukup. Bukan saya cakap. Ini pegawai-pegawai keselamatan ini meluahkan perasaan, keimbangan, *maintenance* keupayaan kewangan yang kita tidak salurkan untuk kepentingan kedaulatan negara, tercemar nama negara kita. Nyawa manusia tidak terjaga bila keadaan ini berlaku. Masa agak singkat sangat.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]**

Saya hendak sebut sedikit sebanyak tentang perbezaan pembangunan yang tidak seimbang di antara Sabah dan Sarawak dan Semenanjung. Kita melihat negeri Sabah contohnya. Negeri yang cukup kaya, di antara yang terkaya sumber semula jadinya, sumber alamnya. Minyak terbesar, gas pengeluar terbesar, kelapa sawit yang pengeluar terbesar, koko termasuk di Sabah, kayu balak lagi banyak. Negerinya kaya, rakyatnya miskin, pimpinannya kaya termasuk jabatan air pun. Jabatan air pun.

Itu yang saya lihat kadang-kadang bila berlaku seumpama ini kerajaan bagi peruntukan, bukan hanya daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri. Saban tahun belanjawan negeri RM400 juta, RM500 juta bagi untuk jabatan air. Apakah yang berlaku? Oh! Berlaku. Jumpa duit di pejabat sampai berpuluhan juta. Tidak termasuk lagi di bank, tidak termasuk lagi di rumah. Oh! Akan tetapi yang tuduh, Oh! Dulu Menteri KKLW. Bukan main sedap dia tuduh. Menteri Infrastruktur negeri Sabah cakap tidak tahu betul atau tidak betul.

Ahli Parlimen Keningau, saya kesal keadaan ini. Siasat-siasat SPRM, *dig to the bottom of it*. Jangan hanya sedap menuduh manusia tentang keadaan-keadaan seumpama ini, yang menyatakan- saya tahu, rakan-rakan Ahli Parlimen pun tahu, saya buat lawatan ke kawasan-kawasan seperti di Tuaran, Yang Berhormat Wilfred Bumburing, Pegawai Daerah pun takut hadir dengan saya. *Engineer* pun tidak hadir, ini MP Ranau pun tahu. Boikot sana, boikot sini dan ini jabatan melalui *state agency* yang saya turun tidak kena. Tidak tahu, tidak pernah jumpa pun dan simpan duit cukup banyak. Selepas itu dia kata, “*Inilah*” fasal saya sudah masuk pembangkang, jadi bila masuk pembangkang, macam-macamlah cerita dia [*Ketawa*]

Ketidakseimbangannya, saya kesal kadang-kadang contohnya daripada segi pembangunan, belanjawan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat menyatakan belanja hendak buat kereta api dari Lembah Klang sampailah *East Coast*, Kelantan. RM55 bilion. Tahun lalu belanja untuk LRT, RM27 bilion. Sudah hampir RM70 bilion atau RM80 bilion, belanja. Di Sabah, digembar-gemburkan RM20 bilion Pan Borneo termasuklah Pan Borneo kononnya ada bermula dari Tawau. Siapakah cakap dari Tawau itu Pan Borneo? Jalan dari Tawau ke Semporna, saya pohon daripada semasa itu Menteri Kerja Raya, Samy Vellu... [*Disampuk*] Sudah lama dah. Selepas itu masukkannya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang melaksanakan projek ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah Ahli Parlimen dari Tampin, masa Menteri

Kerja Raya. Tidak cakap bohong ini. Yang benar sahaja. Akan tetapi ucapan ada sesetengah pemimpin, “*This is part and parcel of Pan Borneo*”. Oh! Bukan main. Rakyat dengar, betulkah ini atau tidak betul.

**Seorang Ahli:** ...Sandiwara.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Ini kadang-kadang macam-macam. Kita manusia ini- *laahawlawalaquwata*. Jangan lupa manusia mungkin tidak nampak tetapi Allah SWT nampak apa yang kita lakukan di muka bumi ini. Jadi, saya cukup kesal tentang keadaan tetapi tidak apalah, bagi SPRM siasat apa yang berlaku. Ketirisan dalam belanjawan pada kali ini dengar bukan main sedap. *But how about our delivery system? Our delivery system?*

Saya masa dahulu, masa ingat dalam kerajaan, 40% *delivery system down*. Bunyi sedap tetapi pelaksanaannya terbantut. Banyak kementerian, rakan-rakan pun tahu ini. Ada yang tidak tercapai, *brought forward*, duit tidak tahu balik ke mana. Ini belanja RM260 bilion *but* daripada RM260 bilion ini berapa peruntukan yang dapat dilaksanakan sampai ke akar umbi?

Kita dari Sabah tidak mintalah kereta api. Kita tidak minta kereta api. Kita minta jalan. Jalan pun tidak payahlah *dual carriage*. Jalan satu pun bolehlah. Itu yang kita minta. Takkanlah negeri yang begini kaya, Sarawak yang terdesak memerlukan bantuan peruntukan yang kita berikan bertahun-tahun, Lembah Klang, kereta api, monorel, jalan bertingkat-tingkat. Rakyat di peringkat luar bandar ini, yang memerlukan, dahagakan pembelaan daripada pihak pemerintah semakin tahun semakin perbezaan pendapatannya jaraknya semakin jauh ketinggalan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sungguh agar usaha untuk memastikan bukan hanya daripada segi pembangunan seimbang ini dapat kita lakukan. Semasa Lim Keng Yaik dahulu masih hidup, Menteri Komoditi, saya ada suarakan, di Sabah ini kelapa sawit paling banyak tetapi masalahnya *downstream processing* pun tidak ada. Hendak buat lilin, hendak buat *candle*, hendak buat minyak, hendak buat minyak pun. Akan tetapi negeri yang paling besar tanam kelapa sawit di Sabah. *Downstream* tidak ada. Semua *downstream* di sini sahaja, dekat Semenanjung ini. Negeri yang paling besar mengeluarkan gas ialah negeri Sabah tetapi tong gas yang paling mahal di Sabah. Sudah 50 tahun lebih tong gas pun Sabah tidak boleh keluarkan. Takkanlah daif seumpama itu Yang Berhormat Kinabatangan, takkan tidak tahu... *[Disampuk]* Yang Berhormat Ranau, kita pengeluar gas yang terbesar, kelapa sawit yang terbesar, *downstream is not there*.

Maka dengan itulah anak-anak kita dari Sabah, Sarawak terpaksa berhijrah dari Sabah ke Semenanjung ini, di Johor, di Lembah Klang. Ada yang sampai ke Singapura

hendak mencari nafkah hidup mereka. Takkan kita tidak boleh seimbangkan. Takkan kita selaku pemerintah yang diamanahkan tidak melihat keadaan ini?

#### ■1610

Kita di kelilingi oleh kaki yang ampu. Kaki yang mengampunya di sekeliling untuk menguruskankekayaan ini, maka saya yakin, saya bimbang apa yang berlaku terhadap negara-negara jiran kita seperti Filipina ya. Saya masih ingat tahun 70-an Filipina, *the same kind of environment*, dengan izin. Ekonominya merudum. Kes macam-macam, pencurian, penculikan, pembunuhan berlaku, *unemployment is there*. Maka, dengan itu membimbangkan saya keadaan seumpama ini. Belanjawan yang ada pada kali ini saya kesal kerana ia tidak menjurus ke arah bukan hanya memantapkan daripada segi struktur negara kita mentadbir kekayaan yang amat terbatas, tetapi berlandaskan dengan apa yang kita lihat, perbelanjaan semakin meningkat. Tidak ada langkah-langkah penjimatan daripada segi itu, meningkatkan hasil, peluang pekerjaan anak bangsa kita. *Poverty level* dia semakin meningkat. Perbezaan daripada segi luar bandar dalam bandar, wilayah-wilayah yang ada semakin ketara kelihatan. Terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk berucap [*Tepuk*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kinabatangan pun sokong Yang Berhormat Sempornakah? [*Ketawa*]

#### 4.11 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar hujah sifu saya Yang Berhormat Semporna. Banyak perkara dibangkitkan dan saya percaya pihak kementerian yang bertanggungjawab perlu mengambil perhatian untuk memperbetulkan perkara-perkara yang menjadi kemasukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berhujah dari sudut yang berbeza iaitu melihat bajet yang dibentangkan memang mencukupi dari segenap penjuru aspek walaupun mungkin kita tidak setelah semua mengharapkan segala-galanya yang kita minta daripada kerajaan. Cuma mungkin terlepas pandang, saya ingin mengesyorkan beberapa perkara. Pertama, saya melihat negara kita ini sebagai negara pertanian yang moden. Kerajaan perlu serius untuk kalau boleh melihat tanah-tanah yang berpotensi mengeluarkan hasil makanan kepada negara kita haruslah diwartakan dengan serta-merta. Sebab kalau tidak, akhirnya sebagai contoh; pada suatu ketika

dahulu negara Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia. Sekarang ini Malaysia menjadi negara pengeluar yang kedua selepas Indonesia. Indonesia mengeluarkan 31 juta tan metrik dan Malaysia hanya 19 juta tan metrik. Nombor tiga, Thailand dengan 2 juta tan metrik. Ini menampakkan pengurangan hasil yang dikeluarkan oleh Malaysia itu sebabnya kawasan-kawasan yang dahulunya ditanam dengan kelapa sawit telah dibangunkan dengan pembangunan-pembangunan yang lain.

Jadi saya ingin mengesyorkan kita bermula di seberang Perak di mana tanah seluas 10,000 hektar ini diwartakan oleh kerajaan dan melalui kerajaan negeri sebab tanah-tanah ini memang begitu terbentang luas dan di sana sebetulnya banyak menghasilkan hasil-hasil pertanian untuk keperluan negara kita ini. Oleh sebab itu, kerajaan perlulah mengeluarkan belanjawan yang cukup untuk melihat perkara ini sebagai satu perkara yang serius sebab kita menjelang- sebagai negara maju ini, kita berbicara tentang *stockpile* makanan. Akan tetapi, saya bertanya di mana *stockpile* beras kita? *Stockpile* gula kita di mana? Semuanya kita *outsourcing*. Tidak adupun yang kita simpan sebagai untuk memastikan keselamatan makanan ini terjamin pada masa-masa akan datang.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, mendapat *feedback* daripada masyarakat berhubung dengan bajet baru-baru ini iaitu daripada guru-guru KAFA contohnya, daripada JKKK, daripada *agro entrepreneur*, daripada- memang daripada imam, bilal memang nampak janggal, tetapi sebetulnya realiti dia kerajaan buat ini untuk mengurangkan beban sehari-hari yang ditanggung oleh mereka yang bergaji sederhana ini. Ini pada saya merupakan langkah yang bijaksana yang dilakukan oleh kerajaan dan demikian juga dengan agensi-agensi yang lain yang kita lihat. Cuma mungkin saya setuju bahawa sistem pelaksanaan kita memang perlu diperbaiki dan diperbetulkan. Sebagai contohnya, sebab apa masalah air di Sabah berlaku? Rupa-rupanya ada udang di sebalik batu.

Kalau pegawai-pegawai yang diamanahkan di semua agensi kerajaan bersifat sebegini, maka teraniayalah rakyat. Peruntukan yang ada itu tidak dibelanjakan ke jalan untuk membangunkan rakyat, tetapi dibelanjakan untuk kepentingan mereka. Akhirnya apa yang mereka buat itu Allah telah menampakkan dan mereka telah diheret, ditangkap dengan wang berjuta-juta. Jadi saya, saya tidak menuduh semua agensi kerajaan begitu tetapi kenalah dipantau sebetulnya kepada agensi-agensi kerajaan yang melibatkan peruntukan yang banyak untuk rakyat ini sebab di kawasan saya di Kinabatangan, air bersih ini masih banyak kampung belum dapat. Api elektrik pun masih banyak. Sekolah-sekolah masih banyak.

Saya ingin bercerita tentang Kementerian Pendidikan, dari dulu kita janji bina sekolah, ada sekolah berasrama penuh, tetapi sebetulnya nama sahaja asrama penuh. *Facilities* dalam asrama itu hari ini kalau Tuan Yang di-Pertua mahu tahu ada katil, tilam tidak ada, bantal tidak ada. Jadi, tidur di lantai beralaskan lantai berpuluhan-puluhan tahun. Jadi, saya terpaksa menggunakan peruntukan apa yang ada untuk kita derma kepada sekolah-sekolah tersebut.

Akan tetapi hendak derma semua, susah. Ada tiga buah sekolah berasrama penuh yang telah saya sumbangkan lebih kurang 800 hingga 1,000 buah tilam, tetapi prasarana lain tidak ada. Kadang-kadang kalau dia punya paip pecah, air tidak ada. Jadi kita tanya di sekolah itu, adakah peruntukan untuk baik pulih? Dia kata, "Tidak ada Datuk." Minta sama Pusat, tidak ada juga. Jadi kalau tidak ada, buat apa kita buka sekolah berasrama penuh? Tutup sahajalah. Ini menjadi masalah yang paling besar.

Saya berharap Kementerian Pendidikan dapat mengambil perhatian yang sewajarnyalah berhubung dengan sekolah berasrama penuh SMK Bukit Garam 1, SMK Bukit Garam 2, SMK Sukau dan lain-lain. Ini semua- sebab kalau di bandar sedikit rosak diperbaiki, ada pula peruntukan. Seolah-olah ada dianaktirikan, ada yang tidak betul. Kalau sekolah berasrama penuh ini di Shah Alam, bukan saya panggil Yang Berhormat Shah Alam berdiri. Contohnya di Shah Alam, terus dapat peruntukan besok harinya. Di Kinabatangan bertahun-tahun kita minta tidak dapat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi bukan Yang Berhormat Shah Alam yang perjuangkan itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan. Bukan. Yang Berhormat Shah Alam apa dia tahu?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan dia. Dia tumpang sahaja. Bukan buat kerja pun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya punya masa hanya tinggal 20 minit. Jadi saya perlu...

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Kinabatangan, boleh mencelah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya perlu 40. Kalau Yang Berhormat Shah Alam boleh pegang satu minit boleh.

**Seorang Ahli:** Boleh percayakah?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan apa Yang Berhormat Kinabatangan, saya naik letihlah. Saya naik letih. Tiap-tiap tahun saya dengar benda yang sama, tetapi saya melihat Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dalam Barisan Nasional sebagai *Backbenchers* tidak ada

ketegasan. Kenapakah tidak ambil satu tindakan? Kalau sudah satu tahun sudah komen, tidak ada tindakan. Satu tahun lagi sudah komen, tidak ada tindakan. Datang pilihan raya, ajarlah kerajaan. Sampai bilakah hendak berterusan begini?

Kenapa tidak ikut contoh Yang Berhormat Semporna?... [Tepuk] Baru orang nampak berani dan serius, bersungguh-sungguh. Saya letihlah. Saya tak nak. Kalau boleh saya tidak mahu dengar lagilah ya? [Ketawa] Tiap-tiap tahun benda yang sama Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, betul tak? Tiap-tiap tahun benda yang sama, tetapi tidak ada apa-apa pembetulan. Tindakan dalam tangan tuan-tuan. Saya hendak ulangi apa yang telah disebut kepada saya semasa saya dalam tahanan ISA. Pegawai pemulihan kata...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Eh, ada lagi? [Ketawa]

#### ■1620

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak sebut ni. Dia kata, ini *last*, “*Pisau dalam tangan kamu, timun dalam tangan kamu.* Kamu hendak potong hiris-hiris, kamu hendak cincang, terpulang kepada kamu. Tuan-tuan Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak daripada Barisan Nasional. *You are the safe deposit of Barisan Nasional.* Kerajaan Barisan Nasional boleh jatuh kalau Sabah dan Sarawak sanggup berani berdiri bertindak bawa perubahan... [Tepuk] Saya haraplah Yang Berhormat Kinabatangan ambil tindakanlah. Terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Sebetulnya saya ini jenis manusia orang cakap macam itu *wrestler John Cena never give up* [Ketawa] Bukan macam Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam ini memang, jadi mungkin Yang Berhormat Shah Alam tidak mahu mendengar lagi saya dapat- walaupun kita berjauhan kawasan ini, saya dengar-dengar Yang Berhormat Shah Alam ini mungkin pilihan raya akan datang agak susah. Jadi mungkin dia takkan dengar lagi hujah sebegini sebab dia akan terkeluar [Ketawa]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak selesailah masalah. Maknanya masalah hendak keluarkan Yang Berhormat Shah Alam. Bukanlah hendak selesaikan masalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatanganlah, Yang Berhormat Shah Alam ini dia layak buat apa sebenarnya? Dia sendiri dalam pemilihan parti kalah bergaduh selepas itu keluar melompat masuk parti lain, selepas itu dia layak kah bagi nasihat dekat kita macam ini? Apa pendapat Yang Berhormat Kinabatangan?

**Seorang Ahli:** Ini tiada kaitan dengan belanjawan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu nanti Yang Berhormat Jerai sama...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kinabatangan, pokoknya masalah Yang Berhormat tidak selesai. Kamu hendak kutuk saya, hendak perli saya terpulanglah. Tetapi masalah Yang Berhormat tak selesai, sampai bila tak selesai. Sudah beberapa tahun saya duduk dalam Parlimen, masalah ini sahajalah tidak selesai-selesai. Beranikan diri ambil tindakan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia hendak bagi nasihat dekat orang dia sendiri tak betul, fikiran tak menentu. *Laahau lawala*, ambil tindakan.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Kinabatangan sebentar...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya hendak terus dulu hujah saya kalau tidak habis.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Sepanggar berucap sebentar Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, saya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Bagan Serai ini macam perli Yang Berhormat Semporna sahaja tadi.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan saya supaya Kerajaan Persekutuan tidak menutup Institut Perguruan Gaya dan juga Institut Perguruan Keningau yang baru-baru ini *viral* di mana-mana, mengatakan kementerian akan menutup dua buah institusi perguruan ini disebabkan tidak ada peruntukan, apakah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Saya sebetulnya, ada dalam isu saya, hujah saya ini. Saya memang ingin menyarankan kepada Kementerian Pelajaran supaya perkara ini tidak berlaku seperti Institut Perguruan di Keningau, Gaya dan sebagainya sebab institut perguruan ini telah melahirkan banyak guru di negeri Sabah. Kalau sedangkan kita ini *shortage* guru-guru dari negeri Sabah sendiri. Jadi saya meminta supaya perkara ini tidak berlaku kalaupun mungkin dinaik taraf ataupun mungkin dibuat universiti lebih baik sebab berlaku di Singapura. Bagaimana sebuah kolej sekarang diangkat sebagai sebuah universiti yang begitu digeruni. Yang Berhormat Shah Alam, minta maaflah saya punya masa tinggal 15 minit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau berlaku juga apa Yang Berhormat Kinabatangan hendak buat?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau berlaku juga...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau ditarik dan ditutup juga apa Yang Berhormat Kinabatangan hendak buat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sudahlah duduklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak dengar.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita bukan mengugut, tidak boleh mengugut, kita cuma berunding. Cuma saya faham pihak kementerian tahu kerja dia, kalau dia tidak tahu maka dia kena...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tahu kenapa ada masalah ini tiap-tiap di cerita, kalau betul tahu.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia tak berfungsi kita minta gantilah itu sahaja. Jadi saya percaya kerana pihak kementerian akan bertanggungjawab dalam persoalan ini jangan tutup Institut Perguruan di Sabah walau satu pun. Kedua, saya ingin...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau tidak Yang Berhormat Kinabatangan cincanglah pilihan raya ini.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingin menyarankan kepada kementerian yang bertanggungjawab tentang eskalator di negara kita. Dilaporkan lebih kurang 3,000 buah eskalator yang tidak selamat, tidak mengikuti piawaian. Hari ini banyak eskalator kita gelar eskalator maut yang suka makan nyawa. Mungkin pihak mana-mana pihak Jabatan Kerja Raya kah melihat bagaimana eskalator kita ini tidak mengikut standard yang dikategorikan supaya tidak ada lagi di masa akan datang nyawa anak-anak yang tidak berdosa dimakan oleh eskalator ini, tidak baik. Lebih kurang 3,000 buah eskalator yang tidak mengikut standard piawaian.

Saya juga ingin menyentuh gerakan baju kuning Bersih, Bersih bila, Bersih apa. Saya lihat Bersih ini sebuah gerakan yang menuntut sesuatu tetapi apabila mereka berarak mereka telah hilang akal. Sebab contohnya saya nampak bagaimana gambar isteri Perdana Menteri disapu dengan penyapu. Wah! Ini satu rasa saya perbuatan yang terlampau jahil dan biadab dan apa dosa sangat isteri Perdana Menteri? Ada dia rampas harta awam kah?... *[Disampuk]* Ada dia ceroboh rumah tangga di sini kah? Tidak ada... *[Disampuk]* Sebagai seorang pemimpin maka kita harus menghormati. Kalau Bersih buat kerja Bersih, buatlah.

Ini menampakkan mereka biadab dan saya meminta ketua Bersih ini, siapakah ini? Maria Chin Abdullah ini bertanggungjawab dalam perkara ini. Maria Chin Abdullah ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isteri Perdana Menteri. Boleh dapat pengesahan, isteri Perdana Menteri mengaku beliaulah isteri MO1 masa hari bajet kita keluar, dia bangun dan mengaku. “*Saya isteri MO1*”. Itulah yang disebutkan oleh beliau.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yalah apa kena mengena? Tak ada kena mengena.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini Yang Berhormat Beruas baru bangun tidur. Lain tajuk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sudah pun menyebabkan bilion-bilion duit rakyat hilang, itu satu isu penting.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Beruas, saya tidak bagi laluan. Ya, saya tidak bagi laluan. Jadi...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sebab itu orang tidak...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lain tajuk, dia baru bangun tidur, tadi tajuk lain.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan sikit lagi, beri sedikit.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sebab itu...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya cakap.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Lenggong dulu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Bersih ini jangan kita minta supaya Pengerusi dia bertanggungjawab sahaja, kita minta pihak berkuasa ambil tindakan. Ambil tindakan kerana mereka juga menyalahi peraturan... *[Disampuk]* Kemudian kalau betul-betullah Bersih hendak memperjuangkan keadilan, minta supaya peraturan diikuti mereka sendiri tidak ikut peraturan betul tidak, takkanlah sedikit pun kita hendak biarkan secara berterusan begini. Kita minta pihak berkuasa ambil tindakan kalau adapun kawan-kawan kita sebelah sini yang terlibat, ambil tindakan sekali. Saya tak mahu Yang Berhormat Kinabatangan, hanya kita minta supaya bertanggungjawab, ambil tindakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Lenggong ini sebab nampak sangatlah pihak

penguat kuasa kita terlalu longgar. Banyak pelanggaran dibuat tetapi tidak ada tindakan.

**Seorang Ahli:** Apakah yang dilanggar?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi saya meminta IGP tengok rakaman video daripada awal sampai akhir dan pelanggaran-pelanggaran laporan polis yang telah dibuat ini harus diambil tindakan. Tangkap mereka, caj mereka di dalam mahkamah termasuk Yang Berhormat Shah Alam pun, kalau dia terlibat caj dia juga.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan beri sikit. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Kinabatangan ada memberikan komen terhadap Bersih, apakah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan terhadap kumpulan yang berbaju warna merah, mereka bertindak ganas. Adakah perlu kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini lagi sorang lagi baru bangun tidur.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ini berjalan tengah-tengah, sebab kita ini pembuat undang-undang. Mana pun kumpulan baju merah kah, baju kuning kah kalau ada baju hijau sekalipun, baju biru kah, kalau dia melanggar undang-undang tangkap dia.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Setuju, setuju.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan bagi kebenaran. Saya lagi Tuan Yang di-Pertua, jadi oleh sebab itu BERSIH pada saya merupakan satu kumpulan yang terlalu biadab dan tidak bertanggungjawab, berhasrat untuk memecahbelahkan perpaduan kaum, menghina pemimpin-pemimpin dalam negara tanpa ada sebab, gambar pemimpin dipijak dan sebagainya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Gambar pemimpin disapu dengan penyapu, ini tidak boleh ini pada saya merupakan satu tindakan yang tidak baik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi ada kita dengar kata BERSIH tak langgar peraturan undang-undang. Kita ada Akta Perhimpunan Aman, betul. Nampak sangat BERSIH tak mematuhi peraturan berkenan. Jadi kalau dia tak mematuhi peraturan berkenaan tunggu apa lagi.

■1630

Kalau kita biarkan satu kumpulan ini, nanti ada kumpulan lain juga membuat reaksi yang sama, bertendang terajang. Kalau dia salah, langgar peraturan aman, kita minta pihak berkuasa bertegas, jangan bagi muka langsung kepada kumpulan-kumpulan yang merosakkan dan melanggar undang-undang negara, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya memang bersetuju Yang Berhormat Lenggong. Setengah minit boleh?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Kinabatangan menimbulkan isu Bersih ini. Setakat yang mana yang kita lihat, tidak ada apa-apa undang-undang yang telah dilanggar oleh pihak Bersih. Kita yakin, kalau ada sudah pasti akan diambil tindakan kerana mereka ini bukan ada perlindungan daripada mana-mana Menteri ataupun pembesar-pembesar negara. Kalau Baju Merah hendak buat perhimpunan, kami tidak ada masalah, buatlah hari lain, apa masalahnya?

Bukan kita buat Bersih itu ikut bila tarikh yang Baju Merah hendak buat. Kita buat kita punya, yang Baju Merah buatlah dia punya, apa masalahnya? Turun, kita tengok siapa yang lagi ramai yang boleh dibawa untuk menzahirkan bantahan terhadap cara pilihan raya yang diadakan. Ini yang terpenting, kita hendak pilihan raya yang bersih. Kita tahu orang-orang yang sedang berada dalam kedudukan sebagai kerajaan dan pemerintah, mereka mahu satu pilihan raya yang berat sebelah dan semua soalan yang dikemukakan oleh Bersih tidak dijawab.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagaimana kita dapat melihat satu keadaan kerajaan minoriti yang 485 undi popular pula boleh terus memerintah di negara Malaysia tanpa rasa segan silu. Itu yang kita hendak betulkan, biar pilihan raya itu adil, bersih, telus.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, apa pun kenyataan Yang Berhormat Shah Alam tadi membuktikan bahawa memang dia di belakang Bersih, itu sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya bersama Bersih 1.0 hingga 5.0.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Bersih itu mengikut lunas undang-undang, menuntut sesuatu tentang ketelusan pilihan raya itu tidak apa, memang dibenarkan undang-undang. Akan tetapi membawa gambar isteri Perdana Menteri disapu dengan penyapu, itu pada saya perbuatan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Itu bukan tindakan Bersih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...terlalu jahanam.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh tambah penjelasan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang sebab itu kita meminta polis menyiasat dan tangkap mereka yang bertanggungjawab. Kalau ada wakil rakyat di sini yang di belakang menggalakkan penggunaan gambar dan penyapu itu, tangkap juga.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh tambah penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Daripada penglibatan saya dalam Bersih 5.0 baru-baru ini, di Perak. Dalam pengalaman saya, kedua-dua kali orang yang mengganas itu memang mereka yang baju merah. Pertama, apabila pelancaran konvoi berlaku di Lumut, kita memakai baju kuning itu dan berkumpul di Marina Wing, Lumut. Orang-orang yang berpakaian baju merah ini berada di jeti, selepas kita ada ucapan hendak mulakan konvoi secara aman, mereka datang dari jeti hendak bergaduh, hendak lawan, macam-macam, itu pertama kali. Kami berterima kasih kepada pihak polis kerana sempat menyekat mereka daripada kami.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu biarlah pihak polis yang menyiasat Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Nombor dua, saya hendak beritahu. Saya hendak tahu Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju atau tidak, tindakan polis mesti diambil terhadap mereka yang mengganas. Kali yang kedua di Teluk Intan. Selepas ucapan, konvoi, tiba-tiba seluruh- apabila saya mulakan kereta saya, berpuluhan-puluhan baju merah atas motosikal mereka mengerumuni kereta saya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, saya faham.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bagi saya ini memang tindakan ganas.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita beri ucapan hendak menjelaskan beberapa perkara kepada rakyat kenapa kita hendakkan satu...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...pilihan raya yang bersih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Yang Berhormat Beruas, saya faham.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju tindakan mesti diambil terhadap...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, memang awal-awal tadi saya kata kita memang bersetuju supaya tindakan diambil kepada mana-mana pihak, termasuk Baju Merah sekiranya mereka melanggar peraturan dan undang-undang negara.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Begitulah, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Kita mesti martabatkan undang-undang Malaysia.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, semalam ada satu laporan yang dikeluarkan, di mana dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat Pulai. Beliau kata bahawa sekiranya Bersih berhenti daripada tindakan mereka, maka Baju Merah itu pun akan berhenti, *no problem*. Ini adalah kenyataan daripada Timbalan Menteri.

Soalan yang saya ingin ajukan kepada Yang Berhormat Kinabatangan adalah nombor satu, bagaimana kah Timbalan Menteri ini tahu apa yang dilakukan oleh Baju Merah. Adakah Kementerian Dalam Negeri terlibat dan berhubung dengan mereka? Kedua, apakah gerenti atau jaminan yang diberikan oleh mereka iaitu Menteri Dalam Negeri bahawa sekiranya Bersih hentikan, Baju Merah juga akan hentikan? Ketiga yang paling penting adalah ini Yang Berhormat Kinabatangan, Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu kementerian yang bertanggungjawab untuk polis. Banyak sangat aduan dibuat bahawa tidak ada tindakan diambil terhadap Baju Merah.

Dalam keadaan tersebut, adakah Yang Berhormat Kinabatangan setuju dengan saya bahawa tidak wajar untuk seorang Timbalan Menteri daripada kementerian yang ditanya berkenaan perkara itu menjadi *spokesperson*, dengan izin, untuk pihak Baju Merah kerana ini melihat seolah-olah parti politik UMNO, khususnya Barisan Nasional yang membelaangi Baju Merah dan dalam keadaan tersebut saya berbalik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebut tadi bahawa tindakan perlu diambil. Adakah UMNO akan ambil tindakan terhadap wakil-wakil daripada Baju Merah seperti mana disarankan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya rasa Timbalan Menteri tersebut tidak bermaksud untuk bersuara bagi kumpulan Baju Merah tetapi mungkin daripada naluri dia sebagai

individu, dia menyarankan. Walau bagaimanapun hujah Yang Berhormat saya angkat masuk dalam ucapan saya, biar Timbalan Menteri berkenaan menjawab.

Ada dua isu lagi Tuan Yang di-Pertua. Pertama, isu media sosial yang selama ini telah disalah guna oleh mana-mana pihak sebab mungkin oleh kerana tidak ada garis panduan. Media sosial ini banyak menggunakan hujah-hujah menghasut, memfitnah, maki hamun, provokasi melampau, menghina agama antara satu sama lain. Malaysia sebagai negara majmuk, kita ini orang tua-tua dahulu kata, hidup kita ‘seperti telur di hujung tanduk’. Kalau tergoyang tanduk itu, jatuhlah telur itu sebab kita ini negara berbilang kaum.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada SKMM, kementerian multimedia, supaya mengkaji penggunaan media sosial ini seperti mungkin dari dahulu saya telah sarankan, kalaupun kita tidak perketatkan, maka kita wajibkan pendaftaran mana-mana pihak yang mengendali media sosial di negara kita ini. Oleh sebab itu apabila ada mereka membuat fitnah, ada yang membuat macam-macam yang tidak baik, mudah untuk *ditrace* oleh mana-mana pihak. Ini susah, kalau *Facebook* digunakan, dia kata kena godam *Facebook* dia, macam-macam.

Kalau di Singapura senang, kita *upload* ini petang, dalam dua tiga jam, dia boleh *trace* di mana itu orang yang *upload* isu-isu tersebut. Jadi, saya sarankan kepada kementerian ini supaya lebih fokus dan lebih mengutamakan keselamatan negara daripada kelonggaran penggunaan media sosial itu. Sebab memang kita perlukan kebebasan bersuara tetapi sebetulnya dalam hidup ini tidak ada kebebasan yang mutlak yang boleh kita nikmati. Dalam rumah tangga kita pun, anak-beranak, suami isteri tidak ada kebebasan mutlak. Diri kita, antara hati dan otak kita pun ada kontradiksi, ada pelanggaran antara satu sama lain. Bermakna, tidak ada lah kebebasan yang mutlak antara satu sama lain.

Terakhir, saya juga ingin menyentuh tentang pemeriksaan sekuriti di lapangan terbang. Dahulu saya telah bangkitkan, kalau kita melawat mana-mana negara, termasuk negara yang ketiga yang lebih mundur daripada kita, mereka tidak lagi menggunakan pemeriksaan meraba-raba ini, menggunakan tangan.

#### ■1640

Saya hampir bertengkar setiap kali saya lalu di lapangan terbang sebab cara meraba dia kasar, terlalu ganas. Jadi saya tidak tahu macam mana pihak lapangan terbang— yang negara meraba-raba ini Malaysia sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Lapangan terbang negara lain tidak ada. Dia ada mesin pengimbas yang canggih. Sebab yang diperiksa ini senjata tajam, kalau ada bawa bom, kalau ada bawa pisau. Kalau tidak ada, buat apa raba kita?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tiap-tiap minggu kena raba.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tiap-tiap saya balik, diraba. Saya tidak suka kena raba sebab saya geli betul. Cara raba dia sampai saya kata jangan sentuh saya terlampau kasar, saya tidak suka.

Jadi, ini haruslah diambil perhatian oleh pihak kementerian. Panggil DCA bincang kenapa kita masih guna raba-raba ini, main ramas-ramas. Orang Sabah bilang main ramas. Di Cambodia negara yang terkebelakang, dia tidak main ramas. Di Thailand lagi canggih, tidak usah cakaplah. Thailand tidak perlu cerita, memang canggih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kinabatangan, itu adalah *sexual harassment*. Patut buat laporan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ha, ini saya setuju. Pertama kali saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Raja ini. Banyak perkara saya sama dia tidak bersetuju tapi ini kali saya setuju. Pihak DCA telah membuat *sexual harassment* termasuk diri saya. Jadi saya memang minta kerajaan supaya membuat pemeriksaan ini dengan lebih teliti. Jangan lagi guna tangan raba-raba. Kesian, yang lapangan terbang pun dia bilang, “*Datuk, kami pun tidak suka raba-raba orang ini tapi ini arahan*”. Wah, itu macam kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Sudah warna merah.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Jadi oleh kerana itu, perlu ada penelitian teliti supaya selamat semua kita punya *passenger* atau penumpang dan tanpa perlu memikirkan mereka kena raba. Sebab, yang meraba ini cuma negara kita di Malaysia di semua lapangan terbang, lain-lain negara tidak suka raba-raba.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ikut senarai, Yang Berhormat Alor Setar.

#### 4.23 ptg.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk membentarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Bajet 2017.

Sebelum saya bermula, saya ingin mengucapkan takziah kepada mereka yang terkorban dalam tragedi api yang telah pun berlaku di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru pagi ini. Saya harap bahawa pihak berkuasa kerajaan akan menyiasat

dengan secara menyeluruh dan mendalam apa yang telah pun berlaku di hospital tersebut pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas Perdana Menteri telah membentangkan bajet yang dihias penuh dengan carta-carta dan diagram-diagram yang cantik berwarna-warni dalam menggariskan rancangannya untuk negara. Tahun ini kita dihiburkan dengan screen LCD yang secara besar-besaran dan juga tetamu-tetamu jemputan Perdana Menteri.

Untuk saya, Tuan Yang di-Pertua, yang paling tertarik kepada saya adalah usaha Perdana Menteri meyakinkan negara kita bahawa kita tidak akan menjadi muflis, bankrap dan tidak akan menjadi sebuah negara yang gagal. *We are not a fail country according to Prime Minister*, dengan izin. Namun, beliau telah pun menggariskan cita-cita 30 tahun selepas kononnya visi 2020 akan dicapai yang dinamakan sebagai TN50.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada sesebuah negara sanggup membayar gaji kakitangan kerajaan bukan satu garis ukur kejayaan negara atau berapa markah A atau B yang kita peroleh daripada Moody's atau Fitch Rating.

Untuk saya, apabila hutang isi rumah mencecah lebih daripada RM1 trilion, Tuan Yang di-Pertua, atau dengan lebih tepat RM1,059.2 bilion iaitu 89.1 peratus daripada GDP, itu membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kelulusan permohonan pinjaman sistem perbankan negara kita menurun secara mendadak sebanyak 16 peratus dan *outstanding loan*, dengan izin, sekarang sedang meningkat lebih mencecah daripada RM1 trilion iaitu RM1,467 bilion pada hujung bulan Julai 2016, itu membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM655.7 bilion, itu membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kawan-kawan dari Sabah dan Sarawak kita sebegini kecewa yang kita lihat tadi daripada ucapan Yang Berhormat Semporna dan mereka sekarang ini membangkitkan persoalan Perjanjian Malaysia sebagai satu triti antarabangsa yang didaftarkan dengan United Nations yang didakwa oleh mereka tidak diikuti, itu membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk saya, sama ada sesebuah negara itu menjadi gagal, *a fail state*, itu berlaku apabila seluruh jentera kerajaan disalahgunakan untuk melindungi Perdana Menteri daripada sebarang salah laku. *That is a fail state*, Tuan Yang di-Pertua. Untuk saya, sebuah negara apabila gagal mengambil tindakan terhadap mereka yang merompak berbilion ringgit daripada rakyat yang sekarang ini sebuah negara yang ditadbir oleh ahli-ahli kleptokrat sewenang-wenangnya *with impunity*, itu membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Pandangan Andrew McCabe, Timbalan Pengarah FBI dalam kes DOJ telah pun baru-baru ini mengatakan semasa mendedahkan siasatan DOJ, dengan izin, “*The Malaysian people were defrauded on an enormous scale. It's scheme and it's tentacle reach around the world*”, Tuan Yang di-Pertua. Juga, komen *The Economist* bahawa, “*For as long as Malaysia is governed in the style of Mr. Najib, ordinary Malaysians will suffer and their country will be deprived of the standing that it surely deserves in the world*”. Ini adalah komen daripada *The Economist*. Ini menggambarkan betapa besarnya segala rasuah dan penyalahgunaan kuasa 1MDB dalam negara kita dan keadaan sedih negara yang kita cintai sekarang.

Jadi, apabila kita mendengar semalam pendedahan-pendedahan, *the revelation made by* Yang Berhormat Tambun tentang 1MDB dan sebagainya, saya harap bahawa kerajaan akan menjawab soalan-soalan yang sebegini penting.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** *[Bangun]*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Silakan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang kleptokrasi itu, saya hanya ingin pengesahan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Alor Setar tentang laporan yang kita baca daripada Amerika Syarikat bahawa kes ini bukan sekadar kes kleptokrasi tetapi *the largest case of kleptocracy that Amerika has faced so far in the world*. Kes kleptokrasi yang terbesar yang pernah dialami oleh pentadbir Amerika Syarikat. Betul tak?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Bersetuju. Itu memang pengumuman yang dibuat oleh DOJ dan bukan sahaja setakat itu, mereka telah pun memaklumkan sekiranya mereka boleh mendapatkan duit yang dicuri ini, mereka akan kembalikan kepada rakyat Malaysia. Tetapi di Malaysia, Kerajaan Malaysia tidak membuat sesuatu untuk cuba menyiasat kes ini dan cuba mendapatkan duit yang telah hilang daripada 1MDB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Alor Setar fahamkah apa *ruling* Tan Sri Speaker sebelum ini?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Saya tidak— setakat itu sahaja untuk 1MDB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu pun sudah disentuh.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Saya tidak masuk dalam fakt...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Kalau Speaker dan saya, Timbalan-timbalan Speaker bertegas, nanti kami dituduh tidak berlaku adil tapi berlaku adillah kepada keputusan Speaker dan peraturan-peraturan mesyuarat.

■1650

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah saya tidak akan sentuh lagi tentang 1MDB. Saya pun sudah habis isu itu untuk saya....

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Alor Setar boleh?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Jangan sentuh DOJ dan 1MDB.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Baik. Yang Berhormat Alor Setar saya faham bahawa demokrasi itu adalah untuk memastikan pilihan dari rakyat oleh rakyat kepada rakyat, yang kleptokrat ini apa dia Yang Berhormat Alor Setar? Boleh jelaskan dalam Dewan ini? Terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Kleptokrat itu datang daripada klepto dan kratos. Pemerintahan oleh pencuri-pencuri itulah maksudnya Yang Berhormat Kuala Ketil dengan izin. Untuk saya, sebuah negara itu menjadi gagal apabila bukan sahaja undang-undang negara. Ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pencuri pun memerintah kah?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Soal DOJ itu, saya pun tidak mahu sebut sangat, sentuhlah. Ini yang pasal laporan *Economist* itu. Saya pun agak terkejut. Ini ramai yang beranggapan semua ini persepsi sahaja. Saya rasa majalah yang seperti *Economist* yang begitu kiranya masyhur dan *credible*. Tidak mungkin dia akan keluarkan satu laporan ataupun satu kenyataan yang sebegitu rupa. Bagi pandangan Yang Berhormat Alor Setar, dalam keadaan Malaysia dan kerajaan ini dicemuh dengan sebegitu rupalah, diperlekehkan dan dikatakan sebegitu rupakan.

Apa sepatutnya kerajaan buat untuk hendak bersihkan namanya. Fasal ini bukan persepsi. Ini bukan kita mimpi dalam mimpi. Kita baca majalah *Economist* itu kan? Ini betul, dia tulis betul. *That is printed, black and white* kan? Apa pandangan Yang Berhormat Alor Setar? Apa sepatutnya kerajaan lakukan?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam. Perkara ini telah pun berlaku sejak Julai tahun lepas apabila *Wall Street Journal* mendedahkan skandal 1MDB. Rakyat memang mempunyai harapan, bukan harapan *a demand that the Prime Minister*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan untuk menjelaskan perkara ini. Akan tetapi sampai hari ini kita dilihat ini tidak berlaku tetapi sebaliknya seluruh seperti yang saya katakan tadi, seluruh jentera kerajaan dan juga Barisan Nasional digunakan untuk memperlindungi mereka yang bersalah. Itulah masalahnya, Yang Berhormat Shah Alam.

Jadi, saya ingin teruskan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Alor Setar sedikit.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Minta maaf sebab saya ada banyak yang saya hendak ucapkan. Nanti saya akan benarkan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Nanti bagi ya?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Saya akan bagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Untuk saya sebuah negara menjadi gagal bukan sahaja apabila undang-undang negara, polis, sistem kehakiman digunakan untuk menindas pengkritik kerajaan. Malah samseng-samseng dan keganasan juga digunakan. *In short* dengan izin *lawlessness*, digunakan dan disokong oleh parti berkuasa untuk mengganggu perhimpunan aman seperti yang berlaku oleh Jamal Yunos dan Baju Merah. Itu membimbangkan Tuan Yang di-Pertua.

Tadi saya dengar dengan cukup teliti Yang Berhormat Kinabatangan. Saya kesal dia bukannya Menteri Dalam Negeri sebab dia kata tadi dia akan mengambil tindakan terhadap mereka yang akan melanggar undang-undang termasuk Baju Merah. Akan tetapi, beliau bukannya Menteri Dalam Negeri. Kita hendak dengar apa yang Menteri Dalam Negeri akan memberi pandangan beliau dalam isu ini. Semalam pula, ada cadangan oleh kerajaan untuk menghitamkan– bukan dua hari lalu. Ada cadangan oleh kerajaan untuk menghitamkan senarai syarikat-syarikat yang pro Bersih.

Jadi, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya mengkritikkan rakyat yang didakwa olehnya *undermine and sabotage our economy* dan merundumkan tanah air kita saya menasihati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat diri wajahnya dalam cermin. Saya tidak mahu membazirkan masa saya mengenai retorik politik sebab saya yakin rakyat dalam pilihan raya yang akan datang akan mereka pandai, mereka tahu apa yang sedang berlaku dan mereka akan membuat keputusan yang betul untuk menolak Barisan Nasional nanti dalam pilihan raya yang akan datang.

Saya menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Bajet 2017 adalah bertujuan untuk menambahbaikkan kesejahteraan rakyat– *the well being of the people*. Jadi, adakah bajetnya mensejahterakan rakyat Kedah dan negara secara amnya? Ini adalah persoalan saya. Saya ingin bermula dan bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang telah terjadi kepada program MyBeras yang dijanjikan untuk membantu golongan miskin tegar dengan pemberian 20 kilogram beras percuma seperti yang diumum oleh beliau dalam bajet pengubahsuaian beliau dalam bulan Februari.

Saya terkejut dengan jawapan Yang Berhormat Menteri Pertanian minggu lepas kepada soalan saya bahawa program ini telah pun dibatalkan. Batalkan– hendak tololong golongan miskin tegar tidak diteruskan dan seperti yang dijanjikan. Program ini dikenalkan selepas program subsidi beras negara ST15 yang bertujuan membekalkan rakyat golongan pendapatan rendah dengan beras berharga rendah dihentikan dalam bajet tahun lepas.

Yang Berhormat Menteri Pertanian dalam ucapannya tahun lepas memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa betapa salahnya untuk memberi rakyat makan beras gred hancur, buruk dan apabila hendak menghentikan program ST15 ini. Akan tetapi, saya terkejut mendapat tahu bahawa Kementerian Pertanian telah mengkaji untuk hendak cadangkan program baru menggunakan gred beras hancuran 25% yang lebih teruk dan tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia. Saya ingin, harap Menteri Pertanian akan menjawab isu ini.

Saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kalau dia tidak boleh, untuk Yang Berhormat Menteri Pertanian menjawab dengan jujur. Apa yang telah pun terjadi kepada program MyBeras dan apakah program gantian untuk program subsidi ST15 yang telah pun dihentikan? Saya ingin minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai janji dua tahun yang dibuat olehnya untuk melonggarkan AP untuk beras import. Satu keistimewaan khas yang dinikmati BERNAS sahaja.

Beliau mungkin lupa dan juga saya sebab itu ingin mengingatkan semula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu jawapan apa yang terjadi kepada janji dalam hal ini. Yang Berhormat Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Alor Setar, bersetujukah Yang Berhormat Alor Setar dengan pandangan yang diberikan oleh Menteri Pertanian semalam. Apabila kita bertanyakan kenapa tidak *supply* beras-beras ini dibuka banyak pengimport-pengimport. Apabila banyak pengimport-pengimport tidak dimonopolikan oleh BERNAS sahaja, dengan sedemikian memberikan peluang kepada rakyat terbanyak untuk menikmati bukan sahaja beras yang baik tetapi dengan harga yang murah *because* sebab bila pintu dibuka luas akan ada *competition* dan harga akan turun.

Yang Berhormat Menteri menyatakan maka teraniayalah penanam-penanam padi di Malaysia. Saya rasa sawah padi tidak betul kerana banyak negeri-negeri lain memberikan subsidi yang cukup besar kepada penanam-penanam padi waktu yang sama membuka pintu luas kepada rakyat terbanyak membuat pilihan. Apakan pandangan Yang Berhormat Alor Setar tentang hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya akan menjawab itu dengan mendalam dan memang saya akan menyebut tentang perkara ini dengan izin. Dalam hal yang sama saya juga ingin meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh, apakah yang telah menjadi kepada jaminan Menteri Pertanian dahulu bahawa senarai keluar BERNAS daripada Bursa Malaysia apabila Syed Mokhtar mengambil alih kawalan penuh syarikat ini adalah untuk buat sementara. Itu pun sudah dua tahun yang lalu.

Sehingga hari ini kita tidak ada satu maklum balas apa yang sedang berlaku dalam BERNAS. BERNAS itu kerajaan tidak boleh mengambil ringan perkara ini. BERNAS adalah satu syarikat nasional strategik negara untuk menguruskan industri beras negara. Bagaimana pula, dengan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh yang berjumlah RM6.56 bilion untuk Kedah yang masih belum disempurnakan.

Ambil contoh-contoh pembinaan hospital baru. Hospital Pendang yang sudah diumpan-umpankan sejak tahun 2002 dalam pilihan raya kecil di Pendang lalu ataupun Hospital Bandar Baharu yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh?

**■1700**

Di Alor Setar katil pun tidak cukup di Hospital Sultanah Bahiyah. Di Kedah kita tidak ada satu pusat kanser seperti negeri-negeri lain. Jadi bagaimanakah ini akan ditangani dalam Bajet 2017? Manakah keikhlasan Perdana Menteri apabila beliau menyatakan dalam ucapan bajet bahawa *health is everything*, kesihatan adalah segala-galanya. Bagaimana pula dengan janji-janji pilihan raya yang dibuat sejak tahun 2013 untuk membina SMJK(C) Keat Hwa di Pokok Sena atau Lapangan Terbang Kulim baharu yang tidak disebutkan langsung dalam ucapannya ataupun Kedah Rubber City.

Saya sekali lagi terkejut membaca dalam laporan ekonomi MOF bahawa projek Kedah Rubber City ini hanya akan disempurnakan dalam tahun 2021. *[Disampuk] Year 2021*. Mungkin Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi yang baru-baru ini membuat suatu kenyataan menjemput syarikat-syarikat pembuat sarung tangan dari Selangor untuk pindah ke Kedah sebab ada masalah air di Selangor ini mungkin dia tidak tahu, di Kedah pun kita mengalami krisis air yang cukup ketara. Tidak perlulah ada projek-projek besar glamor.

Saya ingin meminta Kerajaan Persekutuan menjawab bagaimana ia akan membantu menyelesaikan krisis bekalan air di Kedah dalam bajet ini yang telah pun berlarutan berpuluhan-puluhan tahun. Krisis air ini begitu serius sehingga semasa raya SADA menerima 2,000 panggilan dalam satu malam, mengadu tidak ada air. Tidak ada air untuk basuh, tidak ada air untuk bersih, sembahyang dan masak. Rakyat Kedah boleh hidup tanpa *airport* baru atau hotel-hotel yang mewah tetapi kita tidak boleh hidup tanpa kemudahan asas seperti air yang patut diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Peruntukan Bajet 2017 dalam sektor pertanian adalah yang paling kecil sejak PRU13. Kalau kita lihat untuk peruntukan pengurusan tahun ini, ia adalah kurang RM429 juta dari tahun lepas. Kalau kita lihat peruntukan untuk pembangunan sektor pertanian tahun ini, ia kurang sebanyak RM509 juta. Kalau kita lihat keseluruhan bajet untuk sektor pertanian dikurangkan hampir RM1 bilion Tuan Yang di-Pertua ataupun dengan lebih tepat RM938 juta.

Dalam tajuk pemberian berkenaan bayaran tetap bajet tahun lepas, kita melihat pemotongan sebanyak RM782 juta. Dalam tahun ini kita melihat pemotongan RM349 juta. Kalau kita gabungkan pemotongan bajet tahun lepas dan tahun ini, kita melihat pemotongan yang cukup besar iaitu RM1.132 bilion Tuan Yang di-Pertua. Secara terperinci pula di bawah subsidi harga padi, tahun lepas kerajaan potong RM80 juta, tahun ini potong lagi RM100 juta.

Dalam ucapan pengubahsuaian bajet PM yang lalu, beliau menguar-uarkan tambahan tunai RM50 bagi setiap satu metrik tan padi bersih sebagai insentif input pengeluaran padi. Akan tetapi nampaknya dalam bajet ini pun sudah tidak ada lagi, dihentikan. Subsidi baja padi pun sama. Tahun lepas potong RM65 juta, tahun ini potong lagi RM100 juta. Bajet mereka tahun lepas langsung potong insentif peningkatan hasil padi sebanyak RM20 juta tapi tahun ini tidak diperbaharui.

Di bawah insentif pengeluaran padi, kerajaan tahun lepas memotong RM63 juta, tahun ini potong lagi RM100 juta Tuan Yang di-Pertua. Subsidi-subsidi ini cukup penting dan amat diperlukan untuk membantu pesawah padi meningkatkan pendapatan mereka dan juga hasil pengeluaran mereka. Memandangkan petani-petani kita sudah menghadapi pelbagai masalah kewangan, dengan adanya GST, kos pengeluaran yang semakin meningkat, cuaca yang tidak baik seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam, penyakit-penyakit yang menyerang hasil padi dan pemotongan yang cukup tinggi sekarang, pemotongan permutuan amatlah sangat tidak adil untuk menghukum pesawah padi dengan pemotongan subsidi-subsidi di atas. [Tepuk]

Sebenarnya Menteri Besar lalu, Dato' Seri Mukhriz telah pun mempunyai satu cadangan yang baik iaitu untuk mencadangkan pengecualian GST dalam sektor pertanian, khusus sektor padi yang menurut beliau akan menjimatkan anggaran RM41 juta setahun yang boleh digunakan untuk menaikkan daya persaingan 80,000 pesawah padi di Kedah. Saya tidak tahu sama ada Menteri Besar baru, Dato' Seri Ahmad Bashah ada mengambil tindakan susulan untuk membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan atau tidak, tetapi ini adalah satu cadangan yang cukup baik.

Minta maaflah Perdana Menteri, meningkatkan BR1M dengan RM150 sahaja untuk isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 dan memotong beratus juta subsidi yang sangat diperlukan oleh pesawah padi adalah amat zalim sekali. *Least to say* Tuan Yang di-Pertua. Melainkan di atas mesti juga diambil perhatian, kerajaan tahun lepas memotong subsidi tahunan sebanyak RM528 juta apabila menghentikan ST15 yang membantu berjuta-juta keluarga, pengilang beras Melayu, pemborong-pemborong yang sehingga hari ini tiada program penggantian diperkenalkan.

Pesawah padi kita adalah tulang belakang negara yang menghasilkan beras, makanan utama dan mereka memainkan peranan yang cukup penting, menjamin keselamatan makanan dan kedaulatan makanan negara kita. Dengan pemotongan bajet yang ketara dalam industri padi dan beras bagaimanakah kita akan mencapai 85% SSL yang untuk pengeluaran beras negara kita. Dalam negara-negara lain, Korea

sebagai contoh, mengenakan tarif atas beras import yang cukup tinggi sebanyak 513%, Japan 778% atas tarif atas beras import untuk melindungi dan mempromosikan industri beras tempatan mereka.

Di Malaysia pula kita memberi keistimewaan khas kepada BERNAS yang dimiliki oleh Syed Mokhtar, sebuah syarikat persendirian untuk dikecualikan daripada membayar tarif atas beras yang diimport. Siapa yang kita hendak lindungi? Syed Mokhtar ataupun 300,000 pesawah padi dalam Malaysia. Masa sudah tiba untuk memutuskan pertalian dengan BERNAS dan untuk mengembalikan dan menubuhkan semula Lembaga Padi Negara Malaysia.

Daripada peratusan, beratus juta subsidi yang dipotong dan beratus juta cukai beras import kerajaan yang gagal mengutip daripada BERNAS, satu tahun import beras itu hampir RM450 juta. Sudah tentu kita boleh melaksanakan satu skim insurans nasional bagi pesawah padi, melindungi mereka daripada kehilangan hasil akibat daripada bencana alam, penyakit atau lebih baik lagi kita boleh memperkenalkan satu skim *direct income support*, bantuan bayaran pendapatan terus kepada pesawah padi seperti yang dilaksanakan di Korea dan negara-negara lain supaya pendapatan mereka boleh naik pada paras pendapatan isi rumah nasional.

*Right now, masa sekarang pesawah-pesawah padi kita sedang hidup dalam satu cycle poverty. Saya tahu ada satu lagu di antara pesawah-pesawah padi yang mereka selalu menyanyi, yang sound likes this Tuan Yang di-Pertua. "Korek lubang gali lubang, hutang bayaq hutang, pi mai pi mai tang tu...". That is their problem. They're always trying to find money. They don't even have enough money to survive.* Kehidupan mereka hanya untuk fikir bagaimana hendak bayar balik hutang-hutang.

Dalam hal ini saya meminta kerajaan mengkaji, melaksanakan bayaran *direct income support* kepada pesawah padi dan menghentikan kaedah menetapkan harga padi pada RM1,200 metrik tan yang tidak membantu pesawah padi dan tidak membenarkan mereka menjual hasil padi mereka yang pada harga yang lebih baik. Apa yang disebutkan di atas adalah hanya pemotongan bajet yang menyentuh industri beras tanpa mengambil kira pemotongan bajet dalam sektor pertanian lain.

## ■1710

Sejak saya mengambil kira, saya tidak kisah berapa 'A' atau 'B' yang kita dapat daripada *fluctuating*. Untuk saya, bajet ini hanya dapat markah 'E' untuk orang Kedah dan 'F' untuk pesawah padi negara kita. [Tepuk] Saya tidak bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa bajet ini akan mengekalkan kemenangan Barisan Nasional dalam PRU akan datang, ia akan menjadi sebab kejatuhan Barisan Nasional dalam PRU

yang akan datang. Dengan itu, saya menolak Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Labuan.

### 5.10 ptg.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan Bajet 2017. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan pasukan yang telah dapat menyiapkan satu bajet yang cukup komprehensif walaupun dalam keadaan yang begitu mencabar.

Bajet 2017 mestilah ia satu kesinambungan daripada Bajet 2016 yang mana ia sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11. Rancangan di mana langkah-langkah kritikal dalam perjalanan negara terima kasih menuju menjadi negara maju yang inklusif dan mampan menjelang 2020. Walaupun dalam keadaan mencabar, *alhamdulillah* bajet ini dapat memenuhi keperluan-keperluan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara. Juga pada masa yang sama melihat kepada penerusan kehidupan rakyat di setiap lapisan terus sejahtera dengan mengambil kira kos sara hidup, rumah mampu milik, pesawah padi dan pekebun kecil, tidak ketinggalan pekebun kecil getah, pemandu teksi.

Begitu juga dengan kualiti penjagaan kesihatan, pendidikan termasuk prasekolah yang sebenarnya sangat penting untuk masa depan dan daya saing negara, pembangunan usahawan daripada pelbagai kaum, bantuan dan insentif cukai untuk pembangunan PKS dan lain-lain. Keselamatan dan ketenteraman awam sehingga kepada pindaan Akta Kebankrapan 1967 pun dilihat mulai awal tahun hadapan dan komprehensif seperti juga bajet pada tahun-tahun yang sudah. Ini menunjukkan negara kita Malaysia yang mempunyai kerajaan yang memang *steady* dan konsisten selama ini dan akan dapat meneruskan negara ini menuju dan akan mencapai status negara maju yang seperti dirancang iaitu sebuah negara maju yang inklusif dan mampan.

Saya sedar masa yang diberikan adalah terhad, jadi saya ingin cuma untuk menyentuh beberapa item ataupun isu ataupun perkara-perkara yang saya ingin katakan hari ini dan seterusnya yang dapat saya kaitkan dengan isu-isu ataupun cadangan-cadangan yang saya kira penting untuk Labuan, kawasan yang saya wakili.

Pertama ialah mengenai *connectivity*. Memang *connectivity* adalah satu perkara yang penting di mana setiap kali bajet tahunan memang sentiasa diberikan penekanan, terutamanya negara kita yang sudah pesat membangun. Selain daripada *connectivity*, rangkaian jalan dan sebagainya, kita juga perlu berikan penekanan kepada *public transportation* ataupun pengangkutan awam. Kita dapat dengar dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat di mana pelaksanaan projek rel baharu *East Coast Railway Line* 600 kilometer menghubungkan Lembah Klang kepada Pantai Timur dengan anggaran kos RM55 bilion akan dilaksanakan.

Begitu juga membaik pulih landasan kereta api Pantai Timur jajaran Gua Musang-Tumpat, RM100 juta. Menambah kekerapan perkhidmatan ETS, perolehan 19 set *train* yang bernilai RM1.1 bilion dan ini dijangka akan dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan yang terbabit. Begitu juga ada disebutkan, tahun 2017 juga akan diadakan pengaitan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan di Sarawak yang telah diluluskan pada bajet tahun lepas.

Menyebut mengenai Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak yang memangnya satu rangkaian lebuh raya yang begitu panjang dari Kuching sehingga ke Tawau, yang sudah tentu akan dapat merubah keadaan sosioekonomi negeri-negeri tersebut dan seterusnya akan dapat meloncatkan pertumbuhan ekonomi. Cuma yang ingin saya kaitkan di sini adalah rangkaian Pan Borneo ini akan menjadi lebih lengkap sekiranya ia akan *diextend* ataupun dipanjangkan daripada Beaufort ke Menumbok dan seterusnya ke Labuan.

Sayang sekiranya kita tidak lengkapkan rangkaian Pan Borneo ini. Satu, Borneo ini memanglah Borneo Malaysia ini, Sabah Sarawak dan Labuan. Labuan itu walaupun ia kecil, tetapi sebenarnya ia adalah satu pusat pembangunan ekonomi yang penting di rantau tersebut. Sudah banyak prasarana ataupun infrastruktur-infrastruktur yang telah dibuat oleh kerajaan kita seperti *Labuan Airport* yang menelan belanja beratus-ratus juta ringgit yang mana sekiranya rangkaian Pan Borneo itu disambung dan diteruskan ke Labuan dan seterusnya ke Menumbok dan seterusnya dari Menumbok ke Labuan dengan satu hari jambatan, *insya-Allah* kita akan cari formula yang terbaik untuk menjadikan ia realiti, maka ia akan menjadikan *Labuan Airport* yang sudah direka bentuk sesuai, bukan sesuai malah direka bentuk untuk *airport* antarabangsa yang mana *wings* untuk antarabangsa itu sudah pun ada dengan *signboards* pun sudah ada tetapi belum lagi digunakan.

Kita cuma guna separuh dari terminal yang ada sekarang. Jadi, ia seperti satu projek yang separuh siap. Jadi, kita perlu jadikan ia satu pembangunan yang boleh dimanfaatkan. Maka dengan adanya link yang akan membuatkan *connectivity* itu

lengkap di antara Labuan, Kota Kinabalu dan Kuching, maka kita akan dapat memanfaatkan satu pembangunan besar yang telah dibuat tersebut.

Bukan sahaja *airport* sebenarnya, Labuan juga mempunyai *port*. Mempunyai satu pelabuhan yang mempunyai *natural deep harbor*. Pelabuhan yang dalam dengan aslinya yang mana ia boleh menyumbang kepada pembangunan di rantau tersebut yang mana ia boleh memberikan perkhidmatan bukan sahaja untuk Labuan tetapi kepada kawasan-kawasan *hinterland* ia seperti Beaufort, Sipitang, Kuala Penyu, Lawas dan sebagainya.

Selain daripada *connectivity* yang telah saya sebutkan tadi, saya juga tertarik dengan penekanan yang diberikan kepada perkembangan sukan, kebudayaan dan pelancongan.

## ■1720

Ini adalah sebuah industri, terutama pelancong adalah sebuah industri yang mempunyai potensi yang sangat besar di negara ini. Tambahan pula, sekarang kita mempunyai nilai mata wang yang agak menarik kepada pelancong-pelancong lain dari sekitar negara ini ataupun daripada negara-negara di Eropah dan Benua Amerika dan juga di *East Asia*, dan juga di seluruh kawasan di *South Asia* di mana e-Visa telah diumumkan, dipanjangkan ke negara-negara Balkan dan *South Asia Region* untuk kita mencapai *target* 32 juta orang pelancong yang akan tiba tahun hadapan.

Begitu juga dengan pengumuman *tax deduction* yang ditingkatkan, yang ditambah kepada 700,000 untuk menggalakkan *sponsorship* oleh *private sector* atau swasta di dalam *culture* dan *art performance and local heritage*, dengan izin. Jadi ini semua sebenarnya adalah satu langkah yang cukup bijak untuk memastikan industri pelancongan kita akan berkembang dengan pesat lagi.

Di antaranya juga adalah Visit ASEAN@50 Campaign. Sebut mengenai ASEAN, sebenarnya Malaysia yang berada di tengah-tengah ASEAN ini memang perlu untuk mengambil peluang ataupun *advantage* dengan kedudukan tersebut. Malaysia sepatutnya menjadi di antara negara yang menarik semasa Visit ASEAN yang mana ia akan dipasarkan ataupun akan dibuat *promotion* besar-besaran di seluruh dunia. Sebut fasal ini, saya juga ingin memberikan cadangan di sini bahawa Labuan yang sudah diisyiharkan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Pantai ataupun sebuah pulau antarabangsa yang mana ia juga terletak betul-betul di tengah-tengah di antara bandar-bandar utama di ASEAN.

Jadi sebenarnya apa yang ingin saya cadangkan adalah Labuan ini dijadikan sebuah pusat yang boleh menjadi *The Pearl of ASEAN*. Sekarang Labuan sebenarnya

sudah mendapat *nickname the Pearl of Borneo*. Akan tetapi saya lihat Labuan ini mempunyai potensi untuk *the Pearl of ASEAN*.

Banyak tempat di Malaysia ini yang sebenarnya kita mempunyai kekuatan *culture* yang boleh diketengahkan untuk *represent culture* masing-masing, negeri masing-masing seperti Kelantan dengan ia punya budaya, Sabah dengan budayanya, Sarawak dengan budayanya yang berlainan dan cukup menarik berwarna-warni. Akan tetapi Labuan ia boleh menjadi sebuah pusat kebudayaan yang mewakili semua. Jadi alang-alang Labuan mewakili Malaysia ataupun Borneo sahaja, saya lihat Labuan ini boleh kita angkat sebagai sebuah tempat yang boleh menjadi pusat kebudayaan ASEAN. Dengan ada pembangunan mungkin ASEAN Cultural Village yang kita buat supaya ada ciri-ciri kebudayaan negara-negara ASEAN yang dapat di-enjoy ataupun dinikmati oleh pelancong-pelancong yang datang ke Labuan. Jadi ini adalah satu potensi yang sebenarnya kita boleh terokai.

Selain daripada itu sebenarnya ada kaitan juga dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan. Maka Labuan juga adalah sebuah tempat yang sesuai untuk kita jadikan satu pusat ataupun satu tapak di mana Universiti ASEAN atau ASEAN University diadakan. Sebuah universiti yang akan dimiliki oleh semua negara ASEAN dan ini juga sebenarnya selari dengan apa yang telah dilancarkan baru-baru ini iaitu *the integration of ASEAN Community*.

Dengan mengadakan *the University of ASEAN* di Labuan yang dimiliki oleh kerajaan semua negara ASEAN dan ia menjadi satu *state university* ataupun pusat pengajian tinggi awam yang dimiliki oleh semua negara ASEAN. Ini akan menjadikan Malaysia itu adalah *the Heart of ASEAN* dan di *the Leader of ASEAN* dalam hal ini. Jadi saya berharap dengan cadangan ini maka kerajaan akan mula melihat ia punya potensi dan kami di Labuan sebenarnya cukup bersedia untuk ini. Malah kita boleh menyediakan tanah yang cukup luas untuk tujuan tersebut. [Disampuk] Ya Dato'?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** 1,000 ekar. Boleh, kita boleh, timbus laut yang berdekatan dan sekali gus dalam penembusan ini kita tolong NRE ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya mereka tidak perlu berbelanja banyak dalam *show protection*. Sekarang ini terlalu banyak *erosion*, jadi kita boleh timbus dan kita *design in a way* ia boleh mengalir arus dan membuatkan ia lagi harmoni dan tidak memberhentikan hakisan.

Kita save kerajaan punya duit dan pada masa yang sama kita dapat *create* satu kawasan baru yang mempunyai nilai yang tinggi dan seterusnya kita laksanakan perancangan-perancangan yang membuatkan ekonomi kita terus terjana dan terus

menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Bukan sahaja di Labuan tetapi di seluruh Malaysia. Labuan menjadi penyumbang besar kepada ekonomi negara. Setuju Tuan Yang di-Pertua? [Tepuk]

Okey, selain daripada itu saya juga tertarik dengan penekanan untuk memastikan Program TVET diperhebatkan terus. Ini adalah penting dalam kita menjadikan negara kita negara maju di mana keperluan untuk latihan teknikal dan vokasional ini perlu *ditransform*. Seterusnya terus dijadikan program yang akan meningkatkan lagi bekalan *skill workers* ataupun *vocational trained*, ini akan dapat menampung keperluan yang diperlukan oleh ekonomi kita. Jadi sebut mengenai TVET, tadi saya terdengar juga ada di antara Ahli-ahli Parlimen kita yang menyatakan mereka kurang setuju cadangan untuk menukar ataupun *convert* pusat pengajian guru ataupun maktab perguruan sembilan buah yang dicadangkan untuk ditukar menjadi pusat TVET.

Sebenarnya kami di Labuan mempunyai sebuah ILP, sebuah kolej vokasional dan sebuah GIATMARA yang sedang *diupgrade*. Jadi kami sebenarnya cukup mengalu-alukan pembesaran ataupun peningkatan kelengkapan satu-satu institusi untuk TVET ini. Di antaranya yang memang sesuai adalah kita punya ILP dan kolej vokasional yang sebenarnya sudah pun begitu lama dan ia punya bangunan pun sebenarnya sudah perlu *diupgrade* dan sebenarnya kita perlu mempertingkatkan lagi kapasitinya. Jadi sebenarnya di Labuan kita mengalu-alukan sekiranya pengubahsuaian ataupun *conversion* maktab perguruan itu ada di antaranya kurang sesuai maka kita mengalu-alukan untuk ia disalurkan ke Labuan dan kita besarkan lagi kita punya ILP dan kolej vokasional untuk tujuan TVET tersebut.

### ■1730

Ada juga disebutkan dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu mengenai *digital economy* dan *e-commerce*. Sekali lagi saya ingin menceritakan di sini bahawa Labuan adalah sebuah tempat yang sebenarnya sangat sesuai untuk dijadikan *digital processing hub* ataupun *digital processing centre*. Satu, Labuan ini memang pun pusat kewangan antarabangsa yang sekali gus sebenarnya memerlukan kapasiti digital *infrastructure* yang baik, yang sebenarnya mempunyai *highway* yang cukup besar, yang cukup laju yang membolehkan syarikat-syarikat antarabangsa yang berdaftar di Labuan menjadi syarikat-syarikat yang berdaya saing di dalam aktiviti-aktiviti mereka.

Jadi, memang Labuan sangat sesuai untuk dijadikan sebenarnya *the Cyberjaya of the Malaysian Borneo*. Jadi, Labuan juga sebenarnya saya sudah difahamkan, *fiber optic* ataupun super *highway fiber optic* yang disambung daripada Brunei dan ke

Amerika, Taiwan dan sebagainya sudah dipanjangkan ke Labuan. Jadi, saya berharap dalam perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti negara kita untuk digital *infrastructure* ini, saya berharap Labuan akan dilihat sebagai satu tempat yang sesuai yang mana ia akan sekali gus mempertingkatkan daya saing kita sebagai pusat kewangan pesisir pantai.

Lagi satu yang memang tidak boleh lari dari Labuan adalah halal *hub* yang juga disebutkan dalam bajet baru-baru ini. Labuan *alhamdulillah*, sebenarnya cukup bertuah di beberapa tahun yang sudah, kerajaan telah membina infrastruktur yang bernilai lebih RM100 juta, halal hab punya fasilitet di Labuan. Jadi, Labuan sebenarnya mempunyai persiapan yang cukup besar untuk menjadi pusat halal hab ataupun *halal hub centre*, terutamanya bagi produk-produk laut.

Kembali kepada *connectivity* tadi, sekiranya Labuan mempunyai jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Sabah, maka halal hab Labuan sebagai *education hub*, Labuan sebagai pusat pelancongan antarabangsa akan terus sebenarnya dilonjakkan disebabkan oleh adanya *missing link* yang saya sebutkan tadi iaitu jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Sabah tadi.

Jadi, sebenarnya jambatan Labuan dan Sabah ini tidaklah kita mengharapkan untuk kerajaan membinanya tetapi lebih kepada kita akan mencari satu formula yang sesuai yang mana kita akan dapatkan *investor* ataupun pelabur untuk bersama-sama dengan kerajaan untuk membina infrastruktur tersebut. Seterusnya, akan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelabur tetapi kepada seluruh rantau dekat Labuan.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ranau bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Pencelahan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Silakan.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Labuan. Pertama, status *free port* Labuan. Kedua, setakat manakah jambatan yang menghubungkan Labuan dan juga tanah negeri Sabah itu dapat dimulakan?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ranau yang minat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai status Labuan sebagai pulau bebas cukai dan juga mengenai jambatan yang ditunggu-tunggu oleh bukan sahaja rakyat Labuan tetapi juga oleh rakyat Sabah. Mengenai status bebas cukai Labuan yang sebenarnya begitu panas diperkatakan dan dilaporkan di dalam media sejak

beberapa bulan yang lepas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Ranau dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat lain, status bebas cukai itu adalah kekal.

Sebenarnya ingin saya rekodkan juga di sini, saya difahamkan status bebas cukai Labuan ini adalah antara terma-terma yang dipersetujui antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk mesti dikekalkan. Jadi, Labuan sebagai bebas cukai itu akan kekal sampai bila-bila. Cuma baru-baru ini kerajaan mengadakan *restriction* ataupun sekatan-sekatan untuk memastikan ketirisan ataupun penyalahgunaan kuasa dan sebagainya itu dapat dibendung.

Jadi, sebenarnya Labuan akan terus menjadi pulau bebas cukai. Cuma ada sedikit sekatan-sekatan untuk tujuan penguatkuasaan undang-undang. Memudahkan penguatkuasaan undang-undang.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: mempergerusikan Mesyuarat]*

Untuk isu setakat mana jambatan Labuan dan Menumbok, *to be specific*, di Sabah. Cadangan untuk jambatan Labuan ke Sabah ini sebenarnya satu cadangan yang sudah dicadangkan mungkin sejak 30 tahun ataupun 25 tahun yang lepas. Masa sekarang, kita sudah lihat ia sudah mula hampir kepada *economically* ataupun *commercially viable*. Pada masa ini, kita mempunyai lima buah feri yang mengangkut kereta daripada Labuan ke Sabah dan dari Sabah ke Labuan setiap hari. Malah setiap hari, setiap feri ini mempunyai dua *trip*. Jadi, 10 *trip* setiap hari. Waktu perayaan sebenarnya 10 *trip* itu juga tidak cukup. Jadi, kalau dibuat jambatan, sebenarnya bilangan kereta yang akan menyeberang boleh jadi 10 kali ganda daripada kereta yang menyeberang terpaksa menggunakan feri yang memakan masa satu jam setengah untuk sampai.

Jadi, saya yakin dengan formula yang betul yang mana saya sebenarnya sudah berbincang dengan beberapa pihak di beberapa kementerian. *Alhamdulillah* saya mendapat sokongan yang menggalakkan. Cuma kita kena *explore* dan kita perlukan pihak-pihak tertentu yang ingin melabur untuk mengadakan jambatan tersebut. Seterusnya, akan mendapat pulangan jangka masa panjang yang berbaloi bagi pelaburan mereka. Saya berharap, pihak kerajaan akan dapat membantu untuk menjadikan ini realiti secepat mungkin kalau sekiranya ia tidak boleh dibiayai secara *private initiative* 100 peratus. Saya berharap kerajaan akan *top up* sedikit dan menjadikan ia realiti dalam masa yang terdekat. Seterusnya, ia akan dapat

menyumbang kepada merancakkan ekonomi di Labuan dan juga di Sabah dan di kawasan sekitar.

■1740

Sebenarnya bajet ini adalah bajet yang cukup hebat. Dalam keadaan yang begitu mencabar, kita masih boleh dapat melihat kepada keperluan semua pihak dan pada masa yang sama kita masih meletakkan fiskal defisit dengan sasaran tiga peratus yang mana konsisten dengan apa yang kita perkatakan untuk beberapa tahun yang lepas untuk kita terus menurunkan fiskal defisit kita. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat  
Bukit Mertajam.

**5.40 ptg.**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk berbahas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam *karya agung Misa Melayu*, disebut kisah Sultan Iskandar yang menitahkan agar sebuah mahligai dibina di Pulau Indera Sakti. Mahligai itu dikatakan belum pernah dilihat oleh orang dahulu sebelumnya. “*Puncaknya daripada perak bertatahkan emas dan permata budi manikam. Tingkapnya ijuk besi kursani. Dindingnya berturap nilam kapur yang diselang-selang dengan kaca dan cermin. Tingkat ketujuh mahligai ada balai peranginan yang dipasang dengan daun budi di empat penjuru yang apabila dibuai angin akan mengeluarkan muzik macam buluh perindu. Jika dipandang dari jauh, di bawah sinar mentari, akan bergemerlapan kemuncak mahligai itu*”.

Yang menariknya adalah dalam cerita tersebut melalui atau menggunakan kelembutan bahasanya, pengarang *Misa Melayu* ini secara halusnya juga mengisahkan bagaimana tiga orang pembesar kanan yakni Bendahara, Temenggung dan Menteri tidak bersetuju dengan pembinaan mahligai yang pelik itu yang sudah tentu akan memakan belanja besar wang negara. Mereka apabila disuruh juga untuk membinanya, ketiga-tiga orang pembesar tadi meletak jawatan. Semangat tiga orang pembesar kanan ini patut kita sanjung kerana sanggup melepaskan jawatan besar dan kekayaan dunia demi prinsip mereka setelah mungkin nasihat mereka kepada Raja tidak diterima.

Kita diberi amanah oleh rakyat untuk menjaga negara. Jangan kita jadi pak turut kepada penguasa semata-mata kerana kepentingan diri sendiri. Jika tidak ada

pembangkang, jika tidak ada perbezaan pendapat, maka kerajaan yang berkuasa akan bertindak sesuka hati dan bermaharajalela.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengetengahkan dua perkara tentang bajet kali ini. Pertama, bajet haruslah mencerminkan semangat persekutuan. Kedua, tentang isi kandungan ucapan bajet Menteri Kewangan.

Pada zaman penjajahan lagi, Raja-raja Melayu sudah pun bertitah membantah pemerintahan kerajaan penjajah. Malah pada tahun 1923, Yamtuan Besar Negeri Sembilan ketika itu, Paduka Sri Tuanku Muhammad Shah menegaskan bahawa hal ehwal belanjawan negeri patut ditentukan di Seremban dan bukan di Kuala Lumpur. Sekarang, penjajah sudah tiada. Semua sembilan buah negeri di Semenanjung Malaysia bersama Sabah dan Sarawak di Kepulauan Borneo telah menyertai persekutuan membentuk Malaysia, tetapi adakah semangat persekutuan ini ataupun *federalisme* ini dihormati? Ataupun sesudah hampir satu abad, kekhawatiran Tuanku Muhammad Shah pada tahun 1923 itu masih lagi menjadi kekhawatiran pihak berkuasa negeri pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), purata jumlah pemberian tahunan Kerajaan Persekutuan kepada kesemua 13 buah kerajaan negeri daripada tahun 2009 hingga 2013 adalah hanya 2.3 peratus daripada bajet Kerajaan Persekutuan setiap tahun. Saya menjangka nanti kerajaan mungkin akan jawab bahawa ada lagi peruntukan-peruntukan lain seperti BR1M ataupun perbelanjaan pembangunan persekutuan yang disalurkan kepada negeri. Ya, sudah tentulah wang Kerajaan Malaysia mestilah dibelanjakan di negeri-negeri di Malaysia dan bukan di Zimbabwe. Tetapi maksud saya ialah semua perbelanjaan ini adalah di bawah kawalan dan pengurusan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri jarang dapat campur tangan.

Dalam kata lain, Kerajaan Persekutuan mengongkong 98 peratus sumber negara manakala kesemua 13 buah negeri kita terpaksa berkongsi sisa-sisa baki 2.3 peratus sahaja. Daripada 2.3 peratus itu, kebanyakan pemberian sudah pun terikat kepada program-program spesifik dan pihak negeri sebenarnya tidak mempunyai kuasa budi bicara menyalurkan dana tersebut kepada apa-apa rancangan tempatan yang difikirkan perlu olehnya.

Pemberian persekutuan yang paling tinggi merupakan pemberian kepada negeri Sarawak dan Sabah, negeri Tuan Yang di-Pertua juga. Namun, purata jumlah pemberian persekutuan tersebut kepada kedua-dua negeri tersebut setiap tahun hanyalah lebih kurang 0.8 peratus daripada bajet tahunan Kerajaan Pusat. Tidak

sampai satu peratus pun, Tuan Yang di-Pertua, walaupun sumbangan kedua-dua negeri ini kepada KDNK negara hampir 17 peratus.

Saya bagi pihak orang Sarawak dan Sabah membantah ketidakadilan sebegini dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada negeri-negeri tersebut terutamanya yang duduk di sebelah sana berani menjadi macam pembesar Sultan Iskandar tadi dalam *Misa Melayu* itu, sanggup bersuara membantah perilaku Kerajaan Persekutuan ini. Jika tidak didengar juga kerajaan ini, maka jadilah macam pembesar tadi, letak jawatan dari kerajaan itu yang tidak adil dan serta pakatan kami.

Bagi negeri kampung halaman saya pula, negeri Pulau Pinang, walaupun kami menyumbang purata lebih 30 peratus kepada imbalan perdagangan negara setiap tahun, daripada tahun 2008 hingga tahun 2015, negeri kami hanya menerima bukan 0.8 peratus macam Sabah dan Sarawak, bukan juga satu peratus tetapi hanya 0.07 peratus daripada bajet Kerajaan Persekutuan setiap tahun.

Justeru, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan-kerajaan negeri tidak kiralah di bawah Barisan Nasional ataupun di bawah pakatan, terpaksa mentadbir dan membangunkan negeri masing-masing dengan kuasa yang amat terhad untuk mengutip hasil dan peruntukan yang amat daif daripada Kerajaan Pusat.

Dalam keadaan kehausan dan kelaparan dana ini, kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia terpaksa pula mengambil hutang daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jawapan Parlimen oleh Menteri, jumlah hutang negeri kepada Persekutuan pada hujung tahun 2015 adalah lebih kurang RM16.8 bilion. Hampir RM17 bilion jumlahnya. Manakala jumlah pemberian Persekutuan kepada negeri, setakat data yang saya dapat pada tahun 2013 hanyalah RM6.3 bilion sahaja. Ini bermakna hutang kepada Persekutuan oleh negeri hampir tiga kali ganda pemberian Persekutuan kepada negeri. Di manakah semangat Persekutuan kita? Negeri tidak dihormati sebagai entiti bersekutu tetapi dianggap seakan-akan negeri naungan ataupun *serfdom*.

Hakikatnya, pembangunan, perbelanjaan ke atas barang dan perkhidmatan, segala aktiviti perniagaan dan komersial, semuanya berlaku atau mengambil tempat dalam sempadan negeri. Kerajaan negeri dan kerajaan tempatan memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan keadaan setempat optimum untuk melaksanakan segala aktiviti yang saya sebut tadi. Ini termasuklah menyedia dan menyelenggarakan infrastruktur serta perkhidmatan awam.

Sejak April 2015 yang lalu, Kerajaan Persekutuan sudah mula kutip GST. Walaupun hampir semua aktiviti *consumption* di mana cukai GST dikutip mengambil tempat dalam sempadan negeri, kerajaan negeri tidak dapat sebarang agihan daripada hasil GST tersebut. Selepas saya sebut ini, nanti ada pula orang kata saya setuju

dengan GST. Kalau dirujuk kepada perbahasan saya dalam Bajet 2014 yang lalu, salah satu syarat ataupun kondisi yang saya katakan untuk saya sokong GST ini ialah pengagihan hasil GST antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Semua lima syarat yang saya kemukakan pada masa itu tidak terlaksana semasa kerajaan memulakan GST pada tahun 2015.

Kita boleh ambil banyak contoh negara-negara lain yang mengikut sistem persekutuan ataupun *federalism* ini. Contohnya Australia. Pada tahun kewangan 2012/2013, hampir satu per empat daripada hasil kerajaan negeri di Australia diperoleh daripada hasil GST yang dikongsi bersama oleh Kerajaan Pusat.

#### ■1750

Manakala pemberian persekutuan daripada Kerajaan Pusat di Australia kepada semua negeri adalah lebih kurang 24% daripada Bajet Persekutuan. Di sana di negeri orang mereka dapat 24%, di negeri kita, kita hanya dapat sedekah 2.3%. Saya boleh bagi lagi banyak contoh Jerman, di Amerika tetapi kerana kesuntukan masa cukuplah contoh di Australia tadi. Wujud tanggungjawab bersama antara Pusat dan negeri untuk menyediakan kondisi aktiviti menjana hasil. Maka sudah tentu hasil cukai tersebut perlu diagihkan bersama. Satu sistem pengagihan hasil secara berkanun yang dipersetujui di semua peringkat persekutuan, negeri dan tempatan akan mengurangkan pengaruh dan permainan politik dalam isu pengagihan sumber negara.

Pada hari ini kita lihat negeri-negeri di bawah pentadbiran parti pembangkang Pusat seperti contohnya Kelantan tidak diberikan royalti petroleum. Terengganu juga pada satu masa ketika itu. Dana-dana pembangunan kepada Pulau Pinang, kepada negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Harapan juga disusutkan. Prinsip fiskal federalisme ini juga membolehkan kerajaan negeri memainkan peranan yang lebih berkesan dalam perancangan serta pembangunan setempat. Negeri-negeri yang miskin juga akan mendapat bantuan yang sewajarnya.

Justeru bagi isu pertama ini saya ingin mengesyorkan sudah tiba masanya kita mengkaji semula. Saya ingin mengesyorkan supaya sebuah jawatankuasa diraja ditubuhkan dengan keanggotaan bi-partisan peringkat pusat dan negeri serta ahli-ahli pakar bagi mengkaji semula bagaimana kita mengagih sumber antara Persekutuan dan negeri supaya kita boleh mencapai satu formula yang lebih jitu dan lebih adil kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, isu saya yang kedua adalah tentang ucapan bajet Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Pekan. Saya telah menulis di media sosial pada hari Jumaat yang lepas bahawa Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan itu selaku Menteri Kewangan telah memansuhkan dua program penting untuk

kesihatan wanita iaitu pemeriksaan mamogram dan vaksinasi HPV. Saya sudah belek sini sana Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017 ini dan kedua-dua program tersebut tidak kedapatan.

Sama ada di bawah kementerian asal iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mahupun dalam Kementerian Kesihatan ataupun Jabatan Perdana Menteri. Namun begitu saya sedar bahawa di baris ke-291 ucapan bajet Menteri Kewangan. Beliau ada menyebut bahawa ada sejumlah RM30 juta akan diperuntukkan untuk program mamogram dan vaksinasi HPV. Memang amat mengelirukan sama sekali keadaan ini.

Apa yang sedang berlaku di sini Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah perkara yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan bajet beliau tidak dapat dikesan dalam dokumen bajet itu sendiri. Ini bukan terhad kepada program-program kesihatan wanita yang penting yang saya sebut tadi. Saya bagi contoh lagi di baris ke 207 ucapan bajet Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan berkata bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan membelanjakan RM1 bilion untuk menaik taraf liputan dan kualiti jalur lebar di seluruh negara.

Apabila saya merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia iaitu penaung kepada SKMM itu. Saya mendapati ada projek jalur lebar tetapi hanya diperuntukkan RM57.5 juta sahaja di bawah Perbelanjaan Pembangunan. Bezanya Tuan Yang di-Pertua, beza jumlah yang diumumkan dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan dengan jumlah yang diperuntukkan dalam anggaran adalah lebih 94%.

Satu lagi contoh di baris ke-224 ucapan beliau, Yang Amat Berhormat Pekan mengumumkan dan saya baca, verbatim ya. *I quote verbatim dengan izin, “Satu lagi berita gembira untuk 430,000 orang pendidik kita menerusi SKMM, RM340 juta diperuntukkan untuk tablet bantuan mengajar bagi memudahkan tugas.”* Itu dipetik terus secara langsung dalam ucapan bajet tersebut. Apa yang saya dapati Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan berita gembira sebenarnya merupakan satu lagi benda yang tidak wujud dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. Malah jangan kata hendak kasi tablet kepada guru-guru kita. Apabila saya check Anggaran Perbelanjaan, peruntukan untuk perkhidmatan dan bekalan kepada sekolah-sekolah rendah akan dikurangkan sebanyak 82%. Manakala untuk sekolah-sekolah menengah pula sebanyak 64%. Jangan-jangan nanti pen, kertas, meja, kerusi, papan hitam pun tidak dapat, inikan tablet.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban bangun.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Seremban ya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam kerana saya juga mendapati bahawa ada pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam sesi pembentangan belanjawan itu juga tidak menepati dengan apa yang tertera dalam buku dokumen belanjawan kita. Contohnya yang saya ambil satu contoh berkenaan dengan peruntukan pembangunan Kampung Baru.

Yang Amat Berhormat mengumumkan bahawa RM50 juta diperuntukkan untuk tahun depan untuk Kampung Baru. Akan tetapi saya lihat, saya baca dalam dokumen buku belanjawan ini di muka surat 133 di bawah Jabatan Perdana Menteri, Program Pembangunan Kampung Baru hanya RM48 juta, ada kekurangan RM2 juta dalam dokumen ini. Ini merupakan satu trend seperti contoh-contoh yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi, ada banyak lagi contoh-contoh. Apa yang diumumkan itu tidak tepat ataupun tidak ada dalam buku belanjawan yang kita hendak luluskan ini. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Mertajam?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Saya baru rujuk kepada butiran yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Seremban itu dan memang betul satu lagi *discrepancy*. Perbezaan antara pengumuman ucapan bajet dan apa yang ada dalam dokumen bajet. Ada banyak lagi contoh sebenarnya. Ini merupakan satu perkara yang amat serius dan membimbangkan.

Menteri Kewangan umum perbelanjaan yang pada hakikatnya tidak dapat dikesan ataupun berbeza dengan apa yang termaktub dalam dokumen bajet terutamanya Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. Saya jangka nanti kerajaan mungkin akan jawab bahawa perkara-perkara ini sememangnya terkandung dalam bajet, cuma diletakkan di bawah tajuk-tajuk ataupun kategori-kategori lain. Ini sebenarnya tidak menyelesaikan masalah kita Tuan Yang di-Pertua.

Malah ini menunjukkan betapa kelam kabutnya dan mengelirukan seluruh proses bajet kita ini. Keadaan ini akan menyulitkan penelitian bajet ataupun dengan izin *the scrutiny of our budget*. Bukan sahaja oleh Ahli Parlimen dan rakyat malah oleh pakar sekalipun. Jadi tidak hairan dalam Laporan Indeks Bajet Terbuka 2015 ataupun *Open Budget Index* yang dihasilkan oleh sebuah badan antarabangsa *International Budget Partnership*. Malaysia mencapai kedudukan ke-49 antara 102 buah negara.

Dalam penilaian laporan tersebut kita mendapat markah 46 daripada 100 markah. Negara jiran kita Indonesia dapat 59 markah daripada 100, Filipina 64 daripada 100, Malaysia 46 daripada 100. Laporan tersebut mencapai satu kesimpulan bahawa dan saya petik secara langsung dengan izin, "*The government of Malaysia provides the public with limited budget information*" iaitu Kerajaan Malaysia memberikan maklumat bajet yang begitu terhad sekali kepada orang awam.

Berbalik saya kepada ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan tadi. Ucapan bajet tersebut yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan diatur dengan begitu rapi. Ada TV sebesar yang ada dipanggung wayang bukan sebiji, dua biji. Ada PowerPoint, ada macam-macam jenaka. Gaya penyampaian memang ada itu saya tidak nafi dan itu saya hendak kasi pujian. Saban tahun seluruh rakyat Malaysia menanti ucapan bajet Menteri Kewangan untuk mengetahui apa kandungan bajet tahun depan.

Ucapan bajet Menteri Kewangan sepatutnya menggariskan Dasar Belanjawan Kerajaan untuk tahun kewangan yang akan datang. Ucapan ini selalunya memberikan penerangan iklim ekonomi negara di samping menekankan beberapa perkara penting dalam bajet tahun depan. Selalunya ucapan bajet akan mengandungi berita baik sahaja. Itu sebenarnya tidak menjadi masalah besar.

#### ■1800

Akan tetapi kita perlu ingat ucapan bajet bukan bajet, ini kita harus jelas. Sudah tentu saya tidak perlu mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa bajet itu merupakan Akta Bekalan dan Akta Kewangan yang bakal diluluskan yang sepatutnya dibaca bersama dengan kertas-kertas perintah berupa Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan dan laporan ekonomi. Maka selepas itu, segala aktiviti perbelanjaan dan kutipan hasil kerajaan akan terikat dengan peruntukan dalam akta-akta tersebut. Secara teknikalnya itulah bajet.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada keputusan penghakiman Mahkamah Agung India dalam kes *Amin Merchant lawan Chairman Central Board of Excise & Revenue and Others* di mana mahkamah memutuskan bahawa ucapan bajet Menteri Kewangan dan bajet itu sendiri merupakan dua dokumen yang berbeza dan kerajaan hanya terikat kepada akta bajet yang diluluskan oleh Parlimen, bukan ucapan bajet Menteri Kewangan.

Justeru, sekali lagi saya hendak tegaskan ucapan bajet Menteri Kewangan bukan bajet. Maka apabila Menteri Kewangan umum dalam bajetnya konon ada berita gembira ini, berita baik itu, jika perkara tersebut tidak ada dalam bajet, maka tidak salah kalau saya katakan bahawa ucapan bajet tersebut mengelirukan Dewan ataupun

dengan izin, *misleading the House*. Lebih serius lagi, ucapan bajet Ahli Parlimen Pekan tersebut mengelirukan seluruh rakyat Malaysia yang berkobar-kobar menanti apakah isi kandungan bajet yang akan mempengaruhi gaya hidup mereka untuk tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, di sini saya ingin membangkitkan Perkara 36(12) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat agar Ahli Yang Berhormat Pekan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana ucapan bajet beliau pada 21 Oktober 2016 itu jelas mengelirukan rakyat. Oleh itu boleh disifatkan sebagai menghina Majlis yang mulia ini. Saya berharap Dewan ini termasuk Tuan Yang di-Pertua akan mengambil serius perkara ini dan bertindak ambil. Saya tidak dapat menyokong bajet ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

## 6.02 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta membahas Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diucapkan tahniah di atas pembentangan yang telah pun dibuat pada 21 Oktober itu.

Saya amati bajet yang telah dibentangkan telah pun mengambil kira segala aspek dari segi ekonomi, sosial maupun politik dan melalui pembentangan tersebut juga, kita amati bahawa Bajet 2017 kali ini telah meningkat berbanding Bajet 2016 iaitu sebanyak 3.4%.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengimbau kembali iaitu semasa di peringkat awal GST dilaksanakan, rombongan PAC yang terdiri daripada kerajaan dan juga pihak sebelah sana telah berbincang bersama Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Audit Australia berkenaan GST ketika itu kerana negara mereka sudah lama mengimplementasikannya dan melaksanakan GST. Di dalam sesi perbincangan serta pertukaran pendapat tersebut, saya masih ingat mereka bertanya kepada kami mengapa kita letak *threshold turnover* kita pada RM500,000. Ini kerana menurut falsafah GST sepatutnya ini merupakan *abroad back taxation* yang mana cukai perlu dikenakan hingga ke bawah.

Mereka juga bertanya kenapa negara kita banyak memberi pengecualian cukai pada item-item yang tertentu terutamanya keperluan asas kerana menurut falsafah itu juga, kerajaan boleh meningkatkan jumlah pendapatan untuk negara dan lebih banyak juga yang dapat dikembalikan kepada rakyat hasil daripada perculaian tersebut. Namun kerajaan kita tahu dan prihatin bahawa peniaga-peniaga kecil kita belum bersedia untuk dikenakan kos pendaftaran. Namun memang dibuka dan digalakkan untuk mendaftar secara sukarela. Kerajaan juga prihatin dalam memastikan golongan berpendapatan rendah mampu merasai keperluan-keperluan asas dan item-item yang tertentu yang telah dikecualikan daripada dikenakan cukai.

Saya juga teringat dalam Dewan yang mulia ini, ada pihak yang menyebut bahawa, melampirkan bahawa kerajaan Ron Howard jatuh akibat melaksanakan GST pada 15%. Sebenarnya kerajaan baru negara tersebut yang menjatuhkan Ron Howard masih tetap juga melaksanakan GST hanya dengan menurunkannya daripada 15% kepada 10%. Akhirnya langkah berani yang diambil oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan GST ini telah menampakkan hasil dalam membantu meningkatkan pengutipan cukai negara. Namun keputusan yang dibuat ini bukanlah saja-saja untuk negara tetapi yang sepatutnya selama ini. Banyak pihak yang juga telah terlepas daripada membayar cukai yang sepatutnya.

Sebenarnya sebagai persediaan kerajaan dalam melaksanakan GST, namun keputusan yang dibuat ini bukanlah saja-saja untuk mengenakan cukai kepada rakyat tetapi sebenarnya sebagai persediaan kerajaan, menjadi satu persediaan kerajaan dalam menghadapi kemarau yang sedang melanda negara kita. Seperti apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pembentangan yang lepas, kita mengambil ibarat dan teladan kepada kisah Nabi Allah Yusuf a.s. dan memastikan kita mampu bertahan, malah melangkah lebih hebat kepada tahun-tahun yang mendatang dalam mengharungi cabaran ketidaktentuan ekonomi global bagi mengekalkan keutuhan ekonomi negara kita.

Maka sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berani mengambil langkah dengan melaksanakan GST ini pada tahun lepas yang sangat membantu kerajaan dalam menyumbang kepada pendapatan negara untuk dipulangkan semula kepada rakyat dan negara. Saya percaya kerajaan akan terus komited dalam memastikan negara kita berada di landasan yang betul menuju status negara maju.

Kita bersyukur kepada Allah SWT, langkah yang telah dibuat telah memberikan kesan yang positif kepada negara kita, apatah lagi pada masa ini. Namun saya juga ingin menyuarakan supaya daripada segala hasil yang telah pun diperolehi oleh

negara kita ini untuk meneruskan pembangunan ini hendaklah kita memastikan penyampaian dan pelaksanaan dasar dan perancangan menepati sasarannya dan betul-betul sampai kepada rakyat jelata di samping kita membelanjakan juga untuk *high impact economy* negara kita.

Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2017 yang lepas ada menyatakan bahawa bajet ini digubal bukanlah bagi kepentingan ataupun tertumpu pada kumpulan rakyat yang tertentu sahaja tetapi digubal secara inklusif demi kesejahteraan rakyat seluruhnya di seluruh negara. Oleh itu saya mohon pihak kerajaan memberi perhatian kepada pembangunan di Sarawak khususnya dan di Limbang kawasan Parlimen saya yang terletak di utara Sarawak dan diapit oleh negara jiran kita iaitu negara Brunei Darussalam.

Memang masih banyak lagi kemudahan serta keperluan untuk dibangunkan di Limbang berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain kerana kedudukannya yang unik ini. Oleh itu terdapat beberapa isu yang ingin saya ketengahkan untuk perhatian dan tindakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan bajet ini sememangnya digubal secara inklusif.

Isu pertama yang saya ingin nak suarakan ialah berkenaan sekolah-sekolah yang sebenarnya telah pun diluluskan pembinaannya semula sejak beberapa tahun yang lalu. Sekolah asrama sukan ialah SK Nanga Merit, SK Tanjung yang telah pun diluluskan sejak tahun 2009 dan untuk pengetahuan bahawa sampai hari ini ianya belum berdiri lagi. Saya takut esok lusa dia terjun dalam Sungai Limbang, berapa kali sudah saya suarakan di Dewan yang mulia ini. Juga SMK Limbang yang telah pun diluluskan dua tahun yang lalu.

Namun Bajet 2017 dilihat pula menyatakan inisiatif kerajaan terhadap sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah dalam memastikan setiap rakyat di negara ini berhak mendapatkan akses pendidikan yang sempurna.

## ■1810

Antara inisiatif yang telah dinyatakan ialah untuk membangunkan semula 120 buah sekolah daif yang mana hanya 30 buah sekolah sahaja dikhaskan untuk di Sarawak. Selain itu juga, dalam bajet ini sebanyak RM478 juta diperuntukkan untuk menyiapkan pembinaan 227 buah sekolah termasuk lapan buah sekolah yang baharu. Oleh itu dengan adanya inisiatif serta peruntukan begitu, saya memohon pihak kerajaan mengutamakan projek pembinaan semula ketiga-tiga buah sekolah yang telah saya sebutkan tadi.

Ini kerana ia telah diluluskan beberapa tahun yang lalu dan kami rakyat di Limbang sangat mengharapkan perkara ini diberikan perhatian lebih dan tindakan

yang secepatnya diambil. Di kesempatan ini juga saya memohon sebuah lagi sekolah menengah yang baru untuk dibina bagi menampung peningkatan jumlah pelajar yang makin bertambah pada setiap tahun yang kini sedar akan kepentingan pendidikan dan mengharapkan akses pendidikan yang sempurna yang mana cuma boleh disediakan oleh pihak kerajaan.

Isu kedua ialah tentang projek jalan raya yang terbengkalai. Kita semua tahu dan saya selalu menyuarakan bahawa fasa 2 jalan luar bandar, Meritam-Telahak-Bong Abai Fasa 2 masih terbengkalai dari hujung penggal lepas dan hingga pada saat ini. Saya difahamkan telah pun ia *ditender* tetapi belum juga ada timbul-timbulnya. *We don't see any contractor coming in yet to do the-* menyelamatkan atau menyiapkan projek yang terbengkalai ini. Di sini dalam masa yang sama, kerajaan mempergiatkan usaha pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo.

Di samping memastikan jaringan pengangkutan awam yang lebih cekap, perlulah dilihat pada perkara asas iaitu untuk memastikan usaha-usaha kerajaan yang saya sebutkan tadi menjadi lebih relevan. Perkara asas yang saya maksudkan ialah daripada segi mobiliti penduduk yang berada di kawasan-kawasan luar bandar. Saya bertanya, bilalah kalau fasa kedua telah pun sedang terbengkalai dan bila pula fasa empat akan dimulakan pelaksanaan kerana ia juga telah pun diluluskan yang saya difahamkan bernilai dengan sebanyak siling RM68 juta.

Seterusnya isu yang saya ingin hendak bangkit adalah berkaitan dengan isu sosial. Saya tahu kerajaan telah pun bersungguh-sungguh dalam memerangi gejala dadah, gejala judi siber dan sebagainya. Jadi saya difahamkan bahawa bukan hanya di Limbang, tetapi juga di tempat-tempat lain bahawa perjudian siber ini kini telah pun berleluasa semula seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini sangat membimbangkan yang mana perkara-perkara seperti ini merosakkan generasi muda kita di luar-luar bandar.

Saya difahamkan juga perkara ini berleluasa menuju ke taman-taman perumahan dan hasilnya apabila terjadi perkara-perkara begini, maka timbulah lagi *side effect* yang lain seperti kecurian dan sebagainya di merata-rata tempat. Di kawasan-kawasan bukan hanya di bandar tetapi di kawasan luar bandar, di kampung-kampung dan di taman-taman perumahan. Oleh itu saya minta dengan cara apa sekalipun, saya mohon kepada kerajaan untuk mengambil perhatian serius terhadap perkara ini kerana dikhuatiri akan terus merebak luas dan merosakkan masyarakat terutamanya anak-anak muda ini yang merupakan pelapis pemimpin yang akan menerajui negara pada suatu masa kelak.

Saya beralih kepada permohonan. Saya terus kepada kementerian KPKT. Bagi tujuan pembangunan di daerah Limbang, saya dengan kerjasama pihak majlis daerah telah pun merancang beberapa perkara dalam memastikan Limbang dapat terus membangun. Antaranya ialah saya memohon kepada kementerian KPKT iaitu tentang pembinaan sebuah *pedestrian bridge* yang menghubungkan Limbang Plaza ke Pasar Tamu Limbang yang pada masa ini ia adalah *town center* di Limbang. Di sinilah juga tertumpunya segala aktiviti perniagaan dan sebagainya. Oleh itu, mohon jasa baik kepada kerajaan untuk memberikan peruntukan. Tak banyak, semuanya lebih kurang RM2.2 juta sahaja seperti yang telah pun dianggarkan.

Kepada kementerian KPKT juga dan KKLW, saya juga bersama pihak JKK kampung, rumah panjang dan sebagainya memohon agar kerajaan menyediakan lampu dekor di dalam bandar Limbang dan juga lampu-lampu jalan di jalan-jalan kampung. Keperluan lampu dekor dalam bandar pula adalah atas sebab ingin mempertingkatkan imej baik Limbang kerana Limbang sentiasa dikunjungi oleh rakyat negara jiran, Brunei Darul Salam sepanjang tahun.

Sehubungan itu juga, kita memohon kepada KPKT agar landskap di pekan, di bandar ini juga dipertingkatkan khususnya dari jalan-jalan yang menuju kepada negara jiran kita di sebelah utara menuju ke Sabah dan juga ke selatan menuju ke Brunei Darussalam dan terus ke Miri. Kita memohon agar semua ini dan landskap diperbaiki dan kita mohon peruntukan untuk tujuan ini diberikan kepada PBT Limbang daripada peruntukan Persekutuan ini kerana laluan ini adalah laluan popular sama ada bagi rakyat Malaysia di Limbang mahupun rakyat negara jiran kita.

Limbang merupakan daerah yang unik kerana berada di tengah-tengah Brunei dan biarlah warganegara jiran melihat bahawa Kerajaan Malaysia ini sangat prihatin dengan melihat pembangunan daripada segi ekonomi mahupun imejnya secara menyeluruh. Bukan hanya Kuala Lumpur atau Kuching sahaja di dalam TV nampak cantik tetapi Limbang, daerah terdekat kepada negara jiran juga akan nampak cantik, bersih, kemas dan nampak ia dipeduli, padahal Limbang ini adalah satu-satunya antara pintu masuk ke negara kita.

Limbang sering dikaitkan sebagai kawasan yang susah kerana kedudukan geografinya yang berada di antara daerah negara Brunei dan terpaksa melalui pemeriksaan kastam dan Imigresen untuk menuju ke Limbang sama ada daripada sebelah selatan Sarawak mahupun daripada sebelah Sabah. Hal ini dikatakan menjadi faktor mengapa Limbang sedikit ketinggalan daripada segi pembangunan fizikal, ekonomi dan sebagainya. Namun di sini saya ingin menangkis serta menghilangkan

pemikiran sebegini kerana saya tahu dan saya percaya kerajaan sedia ada tidak akan pernah lari daripada masalah dan tanggungjawab.

Marilah kita jadikan masalah ini sebagai satu peluang untuk negara kita amnya dan untuk Limbang khasnya. Kepelbagai etnik dan kemajmukan yang terdapat di Sarawak terutamanya Limbang yang sebenarnya adalah unik kerana berada di tengah-tengah Borneo mampu menjadi tanda aras kepada prinsip atau falsafah kerajaan dipegang oleh kerajaan dalam menggubal Bajet 2017 ini.

Untuk pengetahuan semua, di Limbang sahaja setiap tahun kita akan menganjurkan banyak pesta yang melibatkan etnik dan kaum yang pelbagai untuk perpaduan rakyat. Uniknya kedudukan Limbang di tengah-tengah Borneo ini adalah strategik bagi meningkatkan lagi sektor pelancongan Malaysia sekali gus mampu memajukan sektor ekonomi di Limbang, Sarawak. Oleh itu untuk memenuhi perhatian ini, saya ingin memohon kepada pihak kerajaan untuk memberi peruntukan yang telah dianggarkan sebanyak RM2.5 juta kepada Limbang, khususnya PBT untuk membangunkan sebuah pusat kebudayaan di Limbang untuk merancakkan lagi sektor pelancongan di utara negeri Sarawak ini.

Seterusnya saya untuk memohon iaitu bahawa penubuhan kolej komuniti bertujuan untuk menyediakan peluang alternatif bagi pelajar lepasan sekolah menengah yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan penubuhannya juga mampu membuka peluang kepada komuniti dan pekerja setempat di Limbang ini khususnya untuk mendapatkan pendidikan latihan kemahiran yang terancang. Negeri Sarawak pada masa ini sudah pun mempunyai tiga kolej komuniti induk, namun melihat kepada keluasan Sarawak, saya memohon perlulah diwujudkan sebuah lagi kolej komuniti di Daerah Limbang untuk kawasan zon utara Sarawak.

Satu lagi ialah berkaitan dengan menyukat tanah NCR di negeri Sarawak. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana dalam Bajet 2017 telah pun mengumumkan peruntukan sebanyak RM30 juta kepada Sarawak untuk projek penyukatan tanah-tanah NCR. Hal ini saya percaya akan memastikan pemilikan tanah hak adat bumiputera selamat dan kerajaan perlulah bekerjasama dalam melaksanakan proses pengukuran tanah berkenaan dilakukan dengan teliti, namun dalam kadar yang cepat supaya masyarakat peribumi dapat menjana pendapatan menerusi pemilikan tanah mereka sendiri sekali gus membuktikan serta menghentikan tuduhan bahawa kerajaan merampas tanah NCR hanyalah tuduhan dan fitnah semata-mata.

**■1820**

Selain itu juga saya memohon jasa baik kerajaan untuk mewujudkan balai bomba mini di kawasan Medamit Limbang. Sebelum ini pernah saya suarakan juga. Balai bomba sedia ada terletak di bandar yang mana adalah tidak berkesan untuk kebakaran yang berlaku di kawasan luar bandar kerana jarak yang agak jauh. Oleh itu saya mohon jasa baik pihak kerajaan bagi mempertimbangkan permohonan ini untuk kesejahteraan rakyat. Saya tidak lupa untuk mengulangi lagi semula permohonan iaitu untuk memohon klinik pakar di Limbang.

Permohonan yang terakhir ini adalah berkaitan dengan kemudahan kesihatan yang sangat diperlukan di tempat saya. Saya menyambut baik inisiatif kerajaan melalui bajet kerajaan dalam usaha meningkatkan tahap kesihatan dan memperuntukkan sebanyak RM25 bilion.

Oleh itu saya mohon sangat-sangat jasa baik kerajaan untuk membangunkan klinik pakar di Daerah Limbang ini kerana doktor pakar ditempatkan di Limbang pada waktu ini cumalah seorang, kontrak daripada Myanmar dan ia amatlah tidak mencukupi. Malah apabila berlaku kes-kes perlu dirujuk oleh doktor pakar, rakyat Limbang terpaksa ke Miri dan sekali lagi terpaksa melalui negara jiran dan jarak antara Limbang ke Miri bukanlah dekat. Saya mohon sangat-sangat perkara ini diberikan perhatian daripada pihak kerajaan kerana setiap kali berlaku perkara sebegini rakyat terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk menampung kos tambang, makan minum dan sebagainya dan dalam hal ini membebankan rakyat di Limbang. Binalah sekurang-kurangnya satu klinik pakar di Limbang untuk keperluan rakyat jelata.

Tadi pagi saya ingat apabila Timbalan Menteri Kesihatan menyentuh tentang perkara berkaitan dengan hospital di sebelah Kedah, 45 minit untuk sampai ke hospital sudah dikira jauh. Untuk pengetahuan Dewan ini dari Limbang untuk pergi ke Miri, pergi melawat pesakit untuk mendapatkan rawatan pakar di Miri adalah tiga ke-4 jam, bukannya 45 minit. Itu yang jauh. Tiga ke empat jam untuk sampai ke Miri dan baru-baru ini ada yang meninggal dalam ambulans, itu pun sudah masuk, sempat masuk sempadan Malaysia. Kalau meninggal dalam negara orang, satu hal lagi. Jadi kita sangat-sangatlah meminta. Betul Limbang kecil tetapi keadaannya lain, unik.

Selain itu, saya memohon peruntukan bagi tujuan pemindahan Klinik Medamit yang berada di seberang sungai di Ulu Limbang supaya ia dibawa, dipindahkan di sebelah Pekan Medamit itu sendiri kerana pada masa ini memang bermasalah di waktu malam dan sebagainya. Ini pun telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan semasa melawat Limbang pada tempoh hari.

Permohonan yang lain, saya mengharapkan kepada kerajaan dengan Bajet 2017 ini, iaitu liputan WiFi jalur lebar agar diperluaskan lagi di bandar Limbang dan di pedalaman Limbang. Ini adalah antara satu-satunya permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru kita dalam melaksanakan tugas mereka yang memerlukan internet ini dan juga kita memohon kepada kerajaan sebagaimana yang dibentangkan di dalam bajet iaitu program-program meningkatkan pemilikan rumah, *My Beautiful New Home*, rumah PPR, Rumah Mesra Rakyat, rumah PR1MA.

Saya berharap semua perkara ini bukan hanya didengar oleh rakyat sahaja di kawasan kita. Mereka ingin melihat yang begini juga, perumahan-perumahan begini sampai kepada Limbang. Bukan hanya mendengar sahaja. Kita tahu Limbang kecil mungkin dari segi *volume* dia, kita bukan mengharapkan beratus-ratus buah, ribu-ribu buah. Puluh-puluh buah pun ada mengikut *ratio* kadar penduduk, *proportion* penduduk di Limbang. Jadi kita berharap semua perkara ini kita lihat dan harap-harap perkara ini juga sampai ke Limbang daripada hasil kutipan GST kita dan juga kutipan peruntukan-peruntukan kita yang lain.

Seterusnya saya ingin membawa pindah kepada cadangan beberapa perkara . Ini adalah daripada hasil pengamatan saya sendiri. Saya berharap Malaysia Airports Berhad kerana berlaku di depan mata saya sendiri iaitu apabila ada pesakit yang perlu memerlukan secara *emergency*, memerlukan kerusi roda untuk bergerak daripada *gate* B11 menuju kepada tempat *luggage* di mana perkara ini di mana apabila diperlukan untuk mendapatkan *buggy*, dikatakan *buggy* hanya untuk VVIP. Jadi akhirnya adalah hamba Allah yang dapat membantu sampailah pesakit ini dibawa sampai ke keluar bangunan *airport*.

Dari hasil apa yang saya lihat, saya mencadangkan kepada MAB, kerajaan, Menteri Kementerian Kewangan khususnya, mencadangkan supaya kalau boleh kedua-dua *wing gate* A11, dari A11 dan B11 ini ditempatkan keperluan kerusi-kerusi roda untuk kes-kes tertentu kepada pengguna-pengguna, *passenger* yang menghadapi permasalahan. Ini kerana saya juga difahamkan apabila pesakit tersebut memohon untuk menggunakan *wheelchair*, salah sebuah syarikat penerbangan, mereka tidak mahu membawa pesakit ini kerana dia bukan *passenger* untuk syarikat penerbangan tersebut. Maka, terpaksalah pesakit ini menggunakan *wheelchair*. Saya difahamkan yang dijumpai di dalam stor *lost and found* KLIA yang berdebu yang lama.

Jadi saya minta dan difahamkan juga apabila meminta *wheelchair* daripada klinik di KLIA, memerlukan sejam hingga sejam setengah kena buat banyak *red tape* untuk isi ini, isi itu sedangkan orang menghadapi dalam keadaan parah kesakitan di *airport* tersebut. Jadi saya menyuarakan perkara ini untuk rakyat jelata. Saya mohon

agar servis-servis begini MAB melihat perkara ini dan saya berharap Kementerian Kewangan akan berbincang dengan MAB untuk supaya servis sebegini lebih *friendly* di lapangan-lapangan terbang kita sebab kita melihat perkara ini di luar negara, *why their service is so friendly* sedangkan tempat kita sendiri ia menjadi satu kepayahan untuk rakyat sendiri.

Cadangan saya seterusnya ialah tentang pembinaan projek Lebuhraya Utara Borneo pada masa ini. Saya ingin menyuarakan kepada pihak kerajaan. Saya tahu di tempat saya fasa kedua akan bermula pada tahun 2018 sehingga tahun 2022 atau 2023. Saya melihat supaya daripada Kuching terus sampai ke KK sebab antara dua negeri ini ada sebuah negara lain. *Why not* kerajaan kita dan mungkin saya KKR telah pun berbincang ini iaitu supaya mewujudkan apabila lebuh raya ini dibina, orang daripada Sarawak tak payah lagi dengan masalah kastam, pasport dan sebagainya iaitu mengadakan supaya memastikan supaya perjalanan kita daripada Sarawak ke Sabah ini *is a seamless drive*.

Mungkin perkara itu seperti contohnya kita buat *highway* ini melalui negara Brunei dan juga tempat negara kita sendiri iaitu supaya seolah-olah seperti tol sistem kita. Siapa yang ingin hendak singgah ke negara jiran tersebut, keluar *gate* mereka barulah dikenakan, memerlukan *check point*. Mungkin beberapa *check point* di sepanjang jalan dalam negara tersebut tetapi saya tahu ini memerlukan perbincangan daripada antara negara kita dengan negara tersebut. Jadi sesiapa yang ingin hendak terus daripada Sarawak ke Sabah atau daripada Sabah ke Sarawak, tidak perlu lagi berdepan dengan kastam, imigresen dan sebagainya iaitu *seamless drive* ini.

### ■1830

Saya mengharapkan supaya perkara ini dapat dibawa dalam *lateral meeting* antara negara kita dengan negara jiran supaya perkara begini tidak akan seterusnya sampai bila pun akan menjadi *hindrance* kepada kita di sebelah Sabah dan Sarawak ini. Saya yakin faedah yang diperolehi sekiranya konsep ini di implementasikan adalah *free movement of people, goods, services and capital between Malaysia and Brunei, dengan izin. Greater economic development. Simplified exchange between country now is unified Borneo continent*. Namun, sudah pasti ada beberapa perkara yang perlu difikirkan iaitu soal sekuriti dan keselamatan atau soal-soal lain seperti penyeludupan dan sebagainya.

Oleh itu, saya minta sekali lagi kepada pihak kerajaan untuk memikirkan perkara ini atas cadangan yang diberikan ini dan mungkin kejayaan pengimplementasian konsep ini boleh disamakan sebagai *the Schengen Area* di Europe, di mana melalui Perjanjian Schengen yang melibatkan 26 negara boleh

dijadikan sebagai rujukan. Akhir sekali, saya juga ingin mengingatkan bahawa pada PRN yang lepas, MARA telah pun berjanji untuk mewujudkan satu Kompleks GIATMARA yang baru di Limbang.

Jadi, saya berharap perkara ini tidak akan- kerajaan dapat mewujudkan, membina sebuah Pusat GIATMARA. Oleh kerana yang Pusat GIATMARA yang menumpang di pejabat residen yang lama ini adalah satu bangunan agak lama dan dikategorikan sebagai uzur. Jadi, saya berharap perkara ini tidak akan dilupakan dan mudah-mudahan segala yang dipohon ini akan dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Sekian, saya mencadang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

### 6.32 ptg.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*  
[Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2017 kali ini. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk memulakan perbahasan ini dengan membaca sepotong ayat yang pendek daripada Surah Al-Haj, Ayat 40 dan 41. [Membaca sepotong ayat al-Quran] Firman Allah Taala yang bermaksud, *“Dan Allah pasti menolong orang yang menolong agamaNya. Sesungguhnya Allah adalah Tuhan yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa iaitu orang-orang yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka akan mendirikan solat serta menunaikan zakat dan mereka menyuruh kepada perkara yang ma’aruf, perkara kebaikan dan mencegah daripada perkara yang mungkar dan ingatlah bagi Allah jualah kembali segala urusan”*.

Tuan Yang di-Pertua, ayat yang saya bacakan sekejap tadi adalah pernyataan Allah yang paling ringkas tetapi begitu menyeluruh dan padat mengenai kewajipan hidup bernegara di dalam Islam. Dalam mensyarahkan ayat ini, Ibnu Kasif menyebut riwayat daripada Sayidina Othman RA, Uthman bin Affan, Khalifah Islam yang ketiga, dia menyebut bahawa ayat ini adalah ayat yang diturunkan kepada mereka iaitu sekumpulan manusia yang beriman kepada Allah dan kepada kerasulan Nabi Muhammad SAW. Mereka ditindas lama di Kota Mekah. Akhir sekali, Allah Taala mengizinkan mereka untuk berhijrah. Lalu Allah Taala hadiahkan mereka dengan sebuah pemerintahan yang pertama iaitu pemerintahan Islam di Kota Madinah.

Mereka lakukan yang terbaik. Lalu ayat ini turun dengan pujian kepada kerajaan yang pertama, kerajaan Islam yang pertama ini dan Allah Taala sebut pujian itu merujuk kepada 3 perkara iaitu pertama, kejayaan kerajaan itu untuk bersama-sama antara pemerintah dan rakyat mendirikan solat yang merupakan tunjang kepada kewajipan setiap individu untuk membina sahsiah diri, menjadi hamba Allah dan juga khalifah Allah yang sempurna.

Kedua, Allah Taala memuji mengenai kejayaan umat Islam di Kota Madinah menjaga harta mereka. Bagaimana mereka memperoleh rezeki dan bagaimana mereka belanjakannya iaitu dengan cara mencari rezeki yang halal dan menunaikannya dengan membayar zakat yang merupakan tiang dan asas kepada kewajipan dan tanggungjawab individu terhadap negara dan masyarakat dalam bentuk sumbangan harta.

Ketiga ialah kejayaan Rasulullah SAW dan para sahabat menanam bibit kecintaan dan tanggungjawab di kalangan pemerintah dan rakyat bersama-sama menyeru kepada perkara yang *ma’aruf* atau kebaikan dan juga bersama-sama untuk mencegah kerosakan ataupun kemungkaran. Ayat yang saya mulakan sebagai mukadimah ini dilihat begitu mudah. Sehingga ramai yang apabila baca ayat ini, mereka lalu sekadarnya dan merasakan bahawa 3 faktor utama ini, solat, mendirikan zakat, *amar ma’aruf nahi mungkar* ini bukanlah satu yang mampu untuk menyelesaikan isu-isu kenegaraan di dunia moden hari ini yang begitu kompleks sifatnya dalam berhadapan dengan isu-isu politik, isu-isu ekonomi, sosial, apatah lagi hubungan antarabangsa yang semakin berkecamuk pada hari ini.

Akan tetapi hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita mesti fahami ialah kesulitan dan kerosakan yang berlaku hari ini bukan hanya dalam negara kita yang kita hendak bincang secara khusus dalam bajet kali ini, bahkan di seluruh dunia. Kegagalan itu adalah disebabkan oleh kegagalan melaksanakan tuntutan ringkas daripada Allah SWT. Pertama, saya kembali, kegagalan negara kita untuk membina rakyat ataupun kita sebut bina insan, Projek Bina Insan atau Modal Insan yang menepati kehendak Tuhan yang menciptakan kita.

Kita belanjakan banyak harta untuk modal insan tetapi kita menggunakan mekanisme dan cara yang salah sehingga lahir anak-anak ataupun warganegara yang mungkin ada kebolehan untuk mencari rezeki untuk hidup tetapi mereka gagal membina diri mereka dengan sifat-sifat kehambaan kepada Allah SWT. Maka, lahirlah suatu kepincangan yang akhir sekali bukan hanya merosakkan mereka tetapi akan merosakkan negara.

Begitu juga apabila Allah Taala menyebut, memuji sahabat Rasulullah SAW di Kota Madinah, mereka membayar zakat. Ertinya, ulama kita menyebut dalam tafsir yang lebih luas, bagaimana Allah Taala gembira melihat hambanya, rakyat di Kota Madinah begitu berhati-hati mencari harta yang halal. Seterusnya, pembelanjakannya dengan cara yang direndai oleh Allah Taala dan perbelanjaan itu adalah dengan cara saling membantu di antara rakyat melalui skim cukai yang pertama dalam Islam iaitu zakat yang saya akan bincangkan sedikit selepas daripada ini.

Ketiga ialah kegagalan negara di dalam menanam babit kecintaan di kalangan rakyat, apatah lagi di kalangan pemerintahan sendiri. Bibit rasa tanggungjawab, amanah, integriti di dalam pemerintahan. Selain kegagalan pemerintah dan juga rakyat untuk cinta, untuk saling mencegah kerosakan yang berleluasa di dalam negara di semua peringkat.

#### ■1840

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut ini sebagai mukadimah untuk menggambarkan bagaimana penyelesaian utama yang harus kita lakukan dalam menghadapi isu-isu dalam negara kita ini adalah kembali kepada agama. PAS, saya menyebut, kami menyeru kerajaan supaya belajar agama sebagaimana belajar solat. Kalau kita bersungguh belajar solat, begitulah agama juga mengajar kita belajarlah agama dalam bernegara, barulah penyelesaian-penyelesaian besar akan kita temui untuk berhadapan dengan isu-isu dalam negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak kerajaan berusaha membentangkan bajet negara pada kali ini dengan wajah yang gembira, banyak Yang Berhormat telah menyebut tadi dan berita-berita baik yang dicanangkan untuk rakyat, tetapi umum dapat merasakan bahawa kerajaan berusaha untuk menyembunyikan kerisauan dan kekhawatiran yang besar yang terjadi akibat daripada kelembapan ekonomi dalam negara dan juga kesempitan hidup yang terpaksa dilalui oleh rakyat yang gagal ditemui penyelesaiannya yang tuntas oleh pihak kerajaan pada hari ini.

Ada tiga cabaran besar yang terpaksa dihadapi oleh pihak kerajaan yang saya boleh ringkaskan. Pertama ialah cabaran untuk berhadapan dengan pandangan awam bahkan masyarakat antarabangsa yang melihat kerajaan gagal untuk menangani isu-isu kritis. Ekonomi negara khususnya kejatuhan nilai ringgit, hutang kerajaan, kos sara hidup rakyat, hutang isi rumah rakyat, pengangguran, kenaikan harga barang dan rumah, malah yang paling kritis ialah isu 1MDB yang begitu merosakkan nama negara di peringkat antarabangsa yang boleh menghakis keyakinan antarabangsa untuk melabur di dalam negara kita. Ini adalah cabaran yang paling besar yang melibatkan isu-isu integriti yang dihadapi oleh pemerintah pada hari ini.

Kedua ialah cabaran tekanan untuk merangsang sumber pendapatan sedia ada yang begitu lemah dan kesukaran untuk mencipta sumber baru yang diterima sebagai sumber yang baik dan mampan. Negara terlalu bergantung— misalnya dalam bajet kita pada kali ini menunjukkan dengan jelas bahawa negara kita terlalu bergantung kepada sumber hasil cukai iaitu sebanyak 82.2 peratus daripada pendapatan negara. Kerajaan terpaksa mengenakan cukai GST yang paling tidak popular dan begitu menekan ekonomi dan kos sara hidup rakyat.

Jelas negara kita adalah negara cukai ataupun dalam bahasa Arabnya, negara ‘jibayah’ sedangkan negara yang dicadangkan oleh Al-Quran nyata berbeza dengan apa yang ditonjolkan dan dipraktikkan dalam praktik politik dan kenegaraan di negara kita hari ini.

Di dalam Islam, Tuan Yang di-Pertua, sama ada sistem zakat ataupun sistem cukai yang dibenarkan, ianya hanya melibatkan orang-orang kaya manakala rakyat bawah atau rakyat B40 menikmati cukai tersebut sebagai sumbangan dan pengagihan pendapatan negara yang adil. Malangnya, percukaian yang kita laksanakan, GST ini antaranya, cukai tidak langsung ini, sebaliknya lebih menyusahkan dan menekan golongan bawahan berbanding orang-orang kaya. Ini menunjukkan negara kita adalah negara bukan negara hidayah, bukan negara yang berpandukan kepada petunjuk dan berjalan di atas petunjuk Allah SWT.

Oleh sebab itulah Presiden PAS, Yang Berhormat Marang, beberapa kali mencadangkan agar kerajaan mengkaji balik sistem cukai GST ini dan melaksanakan percukaian yang lebih diterima oleh rakyat apatah lagi ia diterima oleh agama kita. Bukanlah bermakna cukai ini adalah haram tetapi cukai GST itu adalah cukai yang tidak menepati ajaran agama kerana ia tidak sampai kepada maksud sebenar pelaksanaan cukai iaitu menggembirakan orang bawah dengan meminta orang-orang kaya di atas sana supaya membantu masyarakat yang tertekan di bawah ini.

Ketiga, cabaran yang terbesar yang kita tengok yang dihadapi oleh kerajaan dan kerajaan cuba menyembunyikannya. Saya bimbang ia akan menjadi bom jangka, akan meletup, akan merosakkan negara pada bila-bila masa. Cabaran itu adalah kegagalan untuk menemukan mekanisme terbaik bagi meningkatkan tahap integriti, menghentikan ketirisan dan langkah penjimatan yang dilihat menjadi punca perbelanjaan wang negara tidak memberikan pulangan yang berkesan kepada negara. Setiap ringgit yang dibelanjakan kerajaan masih lagi terdedah kepada elemen salah tadbir yang sering disiasat oleh SPRM dan dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara di samping kecenderungan pihak kerajaan untuk memohon bajet tambahan di setiap awal tahun. Tahun 2017 nanti, masa persidangan Parlimen, kita akan melihat

bagaimana kerajaan membawa bajet tambahan setiap tahun. Itu menggambarkan satu kelemahan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Allah SWT jadikan dalam tubuh kita ini ada dua kantung. Pertama perut dan yang kedua hati. Jika wang yang kita belanjakan— wang kita ataupun wang negara ini— masuk ke dalam perut, maka ia akan menguatkan nafsu dan merosakkan diri dengan sifat-sifat tamak dan jahat tetapi jika wang yang kita belanjakan itu masuk ke dalam kantung hati, maka ia akan membina diri dan negara.

Inilah yang dihadapi oleh kerajaan. Perbelanjaan wang yang begitu banyak. Jangan kata RM260 bilion ini tidak cukup— lebih daripada cukup— tetapi kita banyak berbelanja dan wang yang kita belanjakan itu masuk ke dalam perut, tidak masuk dalam hati dan akhir sekali ia merosakkan negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpu kepada satu isu sahaja iaitu isu masa depan generasi muda negara kita yang terpaksa berhadapan dengan isu-isu yang kita lakukan tapi akhir sekali kesannya terpaksa ditanggung oleh anak muda dan masa depan mereka. Mereka berhadapan dengan tekanan yang tinggi, berhadapan isu-isu hutang— yang pertama dalam hidup mereka iaitu hutang PTPTN. Berhadapan dengan isu peluang pekerjaan yang begitu rendah, kegagalan untuk membeli rumah yang semakin mendesak akibat kenaikan harga rumah dan kos sara hidup yang begitu tinggi.

Dalam isu PTPTN, data menunjukkan sejumlah 1.3 juta peminjam— banyak, Tuan Yang di-Pertua— 1.3 juta peminjam PTPTN telah tersenarai dalam CCRIS manakala 111,001 orang peminjam PTPTN telah disenaraihitamkan oleh pihak imigresen. Kegagalan membayar adalah gambaran tekanan tinggi yang terpaksa dihadapi oleh anak-anak muda negara ini. Mereka yang tidak membayar ini mungkin ada tiga sebab. Pertama, mereka memang tidak hendak bayar. Ini memang tidak ada akhlak. Kedua, memang mereka ini payah hendak bayar, liat hendak bayar dan yang ketiga ini, mereka ini memang tidak boleh bayar, tidak mampu hendak bayar.

Banyak kita bercakap mengenai isu PTPTN ini tetapi sampai sekarang kerajaan masih gagal dan kerajaan hanya tahu bersungut seterusnya menghukum mereka anak muda negara. Belum pun mereka sempat kahwin, belum pun mereka sempat buat anak, mereka telah dihentam oleh kerajaan, dihukum oleh kerajaan. Ini adalah satu kesalahan besar. Kerajaan kena tahu ini adalah satu jenayah, merosakkan anak-anak muda hari ini dengan PTPTN yang dikenakan oleh kerajaan ke atas anak muda.

Saya mencadangkan ada dua cadangan. Semoga dilihat oleh kerajaan sebagai penyelesaian yang mudah. Pertama, saya muh kerajaan pastikan bahawa hutang itu

tidak dikutip kecuali ke atas orang yang telah mendapat kerja yang baik. Selama mana mereka ada kerja yang baik, maka masa itulah kerajaan berhak untuk memungut hutang tersebut. Tetapi apabila mereka sudah hilang pekerjaan, maka pungutan-pungutan itu hendaklah dihentikan.

■1850

Kedua, saya hendak cadangkan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan, oleh Yayasan Kelantan (YAKIN) yang saya dengar, walaupun mereka memberi pinjaman yang tidak banyak, saya fikir tidak sampai RM10,000 setahun, tetapi pembayaran hutang oleh peminjam YAKIN di Kelantan adalah cukup rendah tidak membayarnya. Mereka bayar kerana mereka dipanggil dan kita tahu bahawa Kelantan ini susah hendak dapat kerja. Akan tetapi bab bayar hutang kepada YAKIN mereka berjaya kerana apa? Ini kerana pihak YAKIN hanya mahu mereka bayar walaupun dalam jumlah yang sedikit. Bayarlah walaupun RM10 sebulan, asal bayar. Jadi mereka gembira, mereka tidak ditekan oleh pihak kerajaan negeri.

Jadi saya mencadangkan dan saya dengar daripada seorang penduduk, rakyat di UK, mereka menyebut bahawa kerajaan di UK hanya mengambil, menuntut bayaran pinjaman pendidikan ini tidak sampai 5%, disebut 3% sahaja daripada gaji mereka. Maknanya kalau mereka gaji RM1,000 kerajaan hanya minta RM30 sebulan dan sudah pasti ini menjadi satu berita yang gembira dan anak muda rasa yakin bahawa mereka ini bukan lagi satu tekanan kepada mereka.

Saya mohon supaya pihak kerajaan kembali melihat kepada dasar dan falsafah PTPTN ini. Jangan ia menjadi satu bebanan kepada anak muda, bahkan biarlah ia menjadi satu berita gembira, masuk universiti, mereka gembira dapat PTPTN dan mereka merasa gembira bahawa ia bukan satu bebanan selepas mereka keluar universiti nanti bahawa mereka terpaksa potong gaji mereka dan terpaksa berhadapan dengan senarai hitam dan juga terpaksa berhadapan dengan CCRIS yang saya sebutkan tadi sudah lebih daripada sejuta peminjam berhadapan dengan isu ini.

Kedua, cadangan yang kedua ialah cadangan yang lebih besar iaitu skim wakaf pendidikan. Saya juga ingin mencadangkan agar skim wakaf pendidikan yang sebenarnya telah dilaksanakan di beberapa buah universiti kerajaan hari ini, universiti awam hari ini, saya cadangkan ia dikembangkan dan dilihat secara lebih menyeluruh. Kerajaan mesti lebih berani bagi menggantikan peranan PTPTN itu sendiri yang semakin tidak relevan lagi sebagai mekanisme memajukan pendidikan negara.

Program dana wakaf pendidikan harus menjadi teras kepada mekanisme pembiayaan pendidikan tinggi negara manakala mekanisme hutang seperti PTPTN diletakkan sahaja sebagai *additional cost* bagi sesiapa yang masih memerlukan

tambahan dana. Melalui skim wakaf pendidikan yang nyata berjaya semenjak ratusan tahun sama ada ia dilaksanakan di negara-negara Islam semenjak dahulu ataupun telah dilaksanakan ratusan tahun di negara-negara Barat, di negara bukan Islam.

Melalui skim ini, kerajaan dan rakyat akan bersama-sama membantu ke arah menjayakan projek besar ini. Sebagai contoh, alumni mana-mana universiti dan mereka ini perlu digerakkan agar mereka membantu menyumbang kepada skim wakaf ini yang menjadi sistem yang dicadangkan oleh Allah SWT untuk mendapat pahala yang banyak, sistem yang tidak melupuskan harta, bahkan ia menjadi aset yang sentiasa bertambah.

Akhir sekali, dalam data yang saya ada ini ada ratusan universiti di Amerika Syarikat yang daripada ratusan tahun, jumlah wakaf mereka telah melebihi RM1 trilion semenjak ratusan tahun dan tidak pernah berkurang malah bertambah. Skim ini ataupun sistem ini masih tidak dilaksanakan di Malaysia dan baru dikembangkan hanya kepada lima buah atau enam buah universiti dan saya harap pihak kerajaan mengambil langkah lebih aktif, lebih positif untuk melihat wakaf ini sebagai satu sistem yang besar, yang mampu untuk menangani isu-isu pendidikan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin fokus kepada isu perjudian dalam negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya bersignal dengan Yang Berhormat Kepong. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Okey. Saya hendak kejar masa. Saya harap saya sempat. Fokus membanteras perjudian di negara kita masih di takuk yang membimbangkan. Tadi Yang Berhormat Limbang ada menyebut isu yang sama. Data-data yang dikeluarkan banyak yang saya tengok menunjukkan pengusaha industri judi ini masih tidak serik sebaliknya di sebalik usaha kerajaan membendungnya malah dengan kepelbagaiannya jenis judi termasuk judi di atas talian, judi siber, negara berhadapan kesukaran untuk membanterasnya kecuali jika digerakkan satu tindakan yang benar-benar komprehensif oleh pihak kerajaan.

Justeru pertama saya ingin mendapatkan penjelasan pihak kerajaan berkenaan kokus Parlimen yang pernah dipersetujui bersama di sini, di Dewan kita ini bagi membanteras judi di dalam negara. Soalan saya, sejauh manakah pelaksanaannya oleh pihak kerajaan.

Kedua adalah mengenai cadangan penelitian dan pemerkasaan terhadap beberapa akta seperti Akta Rumah Judi Terbuka, Akta Loteri dan Akta Pertaruhan, begitu juga dengan penelitian terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia dalam menangani isu perjudian di atas talian yang semakin menarik minat terutama sekali anak-anak muda yang pasti akan merosakkan masa depan mereka.

Ketiga adalah mengenai maklumat dalaman yang sering kali bocor, melihat kepada nisbah jumlah serbuan yang tidak berjaya begitu tinggi, membuktikan sering kali serbuan oleh pihak berkuasa dibocorkan terlebih dahulu oleh orang dalam kepada pihak premis perjudian. Saya bimbang jika ia tidak diatasi dengan baik oleh pihak kerajaan, maka segala usaha berhabis-habisan, kita habis wang untuk menyekat, membendung judi ini tidak dapat membawa hasil yang baik.

Isu yang ketiga yang saya hendak sebut ialah mengenai isu pengangguran. Isu yang bersambung-sambung terhadap anak muda. Statistik daripada PEMANDU menunjukkan 130,000 pelajar yang telah tamat belajar dan tercicir daripada sijil SPM telah memasuki sektor pekerjaan tanpa sebarang kemahiran, seterusnya menyumbang kepada pengangguran belia di negara kita. Tambahan pula, data tersebut dikuatkan dengan 50,000 rakyat Malaysia masih lagi menganggur, tidak ada kemahiran, kemudian menganggur dengan jumlah 70% adalah graduan universiti. Pengangguran belia, Tuan Yang di-Pertua, yang tinggi ini akan menjadi beban yang besar kepada negara. Tidak bekerja satu hal tetapi apabila masa kosong itu maka dengan mudah remaja ataupun anak muda ini terdedah dengan unsur-unsur yang merosakkan mereka.

Soalan saya, sejauh manakah kerajaan menilai ketidakseimbangan di antara jumlah graduan yang keluar daripada universiti dengan kemapanan industri untuk menampung penawaran yang ada. Saya berharap pihak kerajaan memberikan perhatian yang lebih serius, paling serius dalam menilai, seterusnya bertindak bagi menjamin kebolehpasaran para graduan universiti kita daripada sudut *soft skill* dan juga penguasaan bahasa Inggeris yang akan memudahkan mereka untuk memperoleh pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga di akhir ini, saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak kerajaan – ini terima kasih yang pertama dalam ucapan saya ini kepada pihak kerajaan di atas cadangan projek *East Coast Railway* ataupun kereta api pantai timur yang bagi saya sepatutnya sudah lama dilaksanakan. Saya pernah bertanya soalan ini mengenai pembinaan kereta api pantai timur ini dalam pertanyaan saya pada tahun lepas.

Saya yakin ia akan menjana pembangunan di pantai timur yang sudah lama dinantikan. Akan tetapi satu isu yang timbul ialah, yang telah banyak disebutkan di luar sana ialah betapa terkejutnya melihat kos projek yang begitu tinggi iaitu sehingga RM55 bilion untuk hanya 600 kilometer yang bersamaan RM92 juta per kilometer. Saya cadangkan ia disemak semula agar tidak wujud lagi pembaziran yang melampau, yang boleh menyebabkan duit itu terlampaui banyak, tidak sempat hendak bawa balik rumah, simpan dalam pejabat.

#### ■1900

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, rakyat Kelantan yakin bahawa royalti minyak petroleum adalah hak rakyat Kelantan dan menuntut ia dikembalikan oleh Kerajaan Putrajaya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau.

#### 7.00 mlm.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya diberikan ruang dan peluang untuk turut berbahas Bajet 2017 yang bertemakan “Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh.”

Tuan Yang di-Pertua, selepas pembentangan Bajet 2017 pada hari Jumaat, saya ditanya oleh kawan-kawan dan juga rakyat jelata, kenapa sesetengah Ahli Parlimen *walked out* semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang membentangkan Bajet 2017? Mereka bertanya, apakah yang mereka tidak puas hati itu? Jawapan saya, apa sahaja yang baik buat rakyat dan negara adalah *disadvantage* kepada pihak pembangkang. Itulah yang mereka tidak puas hati. Apa lagi? Memang pihak Pakatan Harapan pun menyediakan Bajet Alternatif 2017 tetapi jelas sekali bajet pihak pembangkang semata-mata suatu dokumen dan gimik politik sahaja, tanpa mengambil kira *viability* dan *sustainability* ekonomi bagi melaksanakan langkah-langkah yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita manafikan bahawa seperti beberapa tahun kebelakangan ini kedudukan ekonomi baik di peringkat negara kita mahupun dunia keseluruhannya adalah amat mencabar. Faktor-faktor luaran yang memberi impak negatif kepada ekonomi negara termasuklah peningkatan Dolar Amerika dan kadar bunga simpanan. Kejatuhan harga komoditi terutama sekali minyak mentah dan minyak kelapa sawit. Kelembapan ekonomi negeri China dan kadar pertukaran Renminbi dan juga akhirnya Brexit.

Kita juga tidak boleh menafikan bahawa ekonomi negara juga terjejas oleh faktor-faktor dalaman termasuklah penurunan pendapatan kerajaan, penyusutan akaun *balance surplus*, kenaikan kos saraan hidup terutama sekali golongan B40 dan juga sentimen ekonomi atas Ringgit Malaysia. Maka, unjuran ekonomi ke seluruh dunia buat dua tahun akan datang terus mencabar. Tuan Yang di-Pertua, falsafah Bajet 2017 adalah seperti yang berikut:

- (i) digubal secara inklusif demi kesejahteraan rakyat meliputi golongan B40, M40 dan juga T20;
- (ii) *connected dengan sharing economy*;
- (iii) bukan sahaja jangka pendek, malah merupakan landasan untuk menangani isu jangka panjang; dan
- (iv) permulaan kepada perubahan transformasi negara 2050 ke arah negara berkaliber dengan *par excellence mindset*.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan BR1M. Kerajaan menunaikan janji untuk menaikkan BR1M daripada RM400 kepada RM450, RM800 kepada RM900, RM1,000 ataupun RM1,050 kepada RM1,200. Akan tetapi kepada pihak pembangkang, pemberian BR1M atau penggantinya tidak disentuh di dalam Bajet Alternatif Pakatan Harapan. Ini bermakna mereka tidak berminat membantu golongan B40.

Berkenaan dengan usaha membantu sektor perniagaan dan usahawan. Pengurangan kadar cukai antara satu hingga empat peratus kepada syarikat yang meningkatkan pendapatan bercukai secara ketara untuk tahun taksiran 2017 dan 2018. Kedua, pengurangan kadar cukai daripada 19% kepada 18% bagi PKS berpendapatan bercukai sehingga RM500,000 yang pertama. Ketiga, perlanjutan potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh syarikat induk sehingga 31 Disember 2020 bagi merancakkan program pembangunan vendor.

Kemudian, kedua-kedua kerajaan dan juga pihak pembangkang mengaku keimbangan terhadap kebergantungan kepada pekerja asing. Akan tetapi langkah-langkah yang dicadangkan jauh berbeza. Kerajaan bercadang menukar senario secara beransur-ansur tetapi pihak pembangkang sebaliknya bercadang untuk mengenakan levi yang tinggi untuk memaksa *automation*, menaikkan gaji minimum pekerja asing ke paras RM1,500 yang mana saya fikir lebih menguntungkan pekerja asing daripada negara kita sendiri.

Ketiga, mencadangkan penggajian 150,000 orang *refugee* untuk mengisi kekosongan dan ini adalah bercanggah dengan undang-undang negara kita. Ulasan

saya menaikkan gaji minimum pekerja asing hanya memanfaatkan pekerja asing dan dia juga akan menyebabkan lebih banyak kehilangan kekayaan negara kepada negara-negara asing. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, boleh Yang Berhormat, boleh teruskan.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Sebaliknya Pakatan Harapan Rakyat sudah lupa tentang pendapatan keluarga minimum RM4,000 yang mereka janjikan dahulu. Dahulu mereka pernah ada Buku Jingga janjikan bahawa mereka akan laksanakan pendapatan minimum RM4,000 untuk setiap keluarga tetapi di dalam bajet yang terkini ini, langsung tidak sentuh. Sudah dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendidikan, saya dapati Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi mendapat lebih daripada RM50 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM3.7 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Antaranya:

- (i) meneruskan bantuan makanan tambahan dan juga program tabika dan taska;
- (ii) menambah baik pakej pemakanan bernutrisi harian;
- (iii) meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah secara percuma di sekolah kerajaan;
- (iv) membangunkan semula 120 buah sekolah daif, 30 buah di Sabah dan 30 buah di Sarawak menggunakan *industrialized building system* dan menaik taraf makmal sains;
- (v) bina sekolah-sekolah baharu;
- (vi) meneruskan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia sekolah rendah;
- (vii) menyediakan elauan murid berkeperluan khas RM150 sebulan kepada 67,000 orang murid dan mengganti bas *coaster* bagi 21 buah sekolah berpendidikan khas; dan
- (viii) peruntukan kepada 20 buah universiti awam. Sebaliknya kita dapat bahawa di dalam Bajet Alternatif, langsung tidak disebut lagi pendidikan percuma yang mereka janjikan dahulu.

**■1910**

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan wanita dan kesejahteraan keluarga, pelaksanaan program mengaruspadukan peranan wanita dan pembangunan negara antaranya IkeuNita, *program Women Career Comeback* dan sebagainya. Kemudian pemeriksaan monogram dan suntikan imunisasi HPV secara percuma. Pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi pembelian peralatan, penyusuan ibu mulai tahun tafsiran 2017 dan dituntut setiap dua tahun. Pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi ibu bapa yang menghantar anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke pusat asuhan kanak-kanak dan prasekolah berdaftar mulai tahun tafsiran 2017. Sebaliknya, saya dapat seolah-olah kaum wanita dan pemuda telah dilupakan langsung dalam bajet alternatif Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, ramalan bahawa ataupun saya gunakan perkataan khabar angin bahawa kadar GST akan dinaikkan oleh kerajaan telah terbukti bahawa ini langsung tidak benar. Mereka kata dalam bajet ini kerajaan akan naikkan kadar GST, tetapi kadar GST masih kekal. Bagaimanapun, saya dapat bahawa bajet pihak pembangkang tidak mengumumkan pembatalan GST, bahkan hanya *zero rated GST*. Ini bermaksud mereka masih akankekalkan GST mungkin untuk masa akan datang. Kalau mereka tidak ada minat, kenapa tak langsung mansuhkan daripada *zero rated* sahaja.

Pemerhatian yang kedua ialah jumlah GST yang dipungut sepanjang tahun 2016 oleh kerajaan adalah RM39 bilion. Akan tetapi anggaran pengurangan pendapatan daripada jumlah cukai GST di dalam Bajet Pakatan Harapan hanya RM15,000 sahaja. Kalau mereka hendak *zero rated*, sepatutnya pendapatan akan kurang RM39 bilion, tetapi kenapa hanya kurang RM15 bilion sahaja. Dalam temu bual Yang Berhormat Wong Chen dengan BFM pada hari bajet, beliau mengaku bahawa pihak pembangkang akan menggantikan GST dengan SST. GST telah terbukti lebih baik, lebih berkesan dan lebih cekap daripada SST. Maka adalah langkah memulihkan SST itu wajar dan bijak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha kerajaan merancang projek-projek rakyat *centric* termasuklah memasang lampu jalan dan lampu LED di kampung, membina dan menaik taraf jalan kampung dan jambatan, menyelenggarakan jalan negeri, membina dan membaik pulih rumah-rumah usang dan daif serta penempatan Orang Asli, mengatasi isu bekalan air, bekalan elektrik luar bandar, membaik pulih fasiliti kawasan *flat* dan PPR, melaksanakan projek mesra rakyat dan juga projek tambatan banjir.

Berkenaan dengan tenaga kerja, di dalam Bajet tahun depan dia bercadang untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Meluaskan program SL1M, penubuhan Malaysia *Viewer of Labor Statistic*, dan melatih rakyat jelata khususnya golongan pemuda agar memahami konsep perniagaan dan keusahawanan yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, memulakan sesuatu perusahaan tidak semestinya memerlukan modal kewangan yang besar, pejabat yang besar, harta milikan yang banyak dan lain-lain. Di dalam zaman ini, kita dapati misalnya syarikat Booking.Com, Agoda dan Trivago, mereka berniaga hotel tetapi mereka langsung tidak memiliki pun sebuah hotel. Begitu juga dengan Airbnb juga dia tidak perlu memiliki bangunan kediaman di seluruh dunia. Uber dan Grab tidak pun perlu memohon satu pun permit teksi, bahkan tidak perlu memiliki sebuah pun kenderaan.

Alibaba, Taobao, Amazon, Get dan sebagainya langsung tidak perlu ruang perniagaan, tidak perlu gudang dan tidak perlu simpan stok. Jadi, ini adalah cara baru pemuda boleh berniaga. Apa yang diperlukan ialah pemikiran yang kreatif dan inovatif. Itulah jenis pemuda yang di negara kita harus mendidik, berlatih para pemuda ataupun bakal usahawan yang bijak menggunakan otak mereka. Pelaksanaan program ekonomi digital amat dialu-alukan dan amat di perlukan. Ia bersesuaian dengan zaman kini.

Saya berharap semoga peningkatan kelajuan internet menjadi pemangkin cara perniagaan moden. Akan tetapi dari segi ini saya sudah banyak kali sebut di dalam Dewan yang mulia itu bahawa sekolah-sekolah di luar bandar bahkan di bandar sendiri, mereka menghadapi masalah kelajuan internet yang sangat lambat sehingga cikgu-cikgu terpaksa isi data pada tengah malam apabila kelajuan lebih baik sikit. Jadi, ini kita memang perlu tingkatkan. Jadi, usaha kerajaan melipatgandakan kelajuan internet adalah amat tepat pada masanya. Akan tetapi saya difahamkan bahawa hari ini ada pihak- TM ada umumkan bahawa mereka ada syarat yang tertentu untuk melaksanakan projek untuk menggandakan kelajuan internet.

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini berlaku satu kebakaran di Hospital Sultanah Aminah dan ini merupakan satu tragedi yang besar di Johor Bahru. Saya difahamkan bahawa api itu bermula dari Unit ICU. Kebakaran begitu teruk sehingga pihak bomba tidak dapat mengawal tanpa memotong bekalan elektrik. Jadi mereka kalau tidak memotong bekalan elektrik, tak boleh kawal api itu. Jadi apabila bekalan elektrik dipotong, pesakit yang bergantung pada sistem *respiratory support system*, habis. Bermaksud mereka memang tak ada sesuatu untuk *support* mereka punya pernafasan. Saya tidak tahu adakah pesakit yang sedang dijalani *operation*. Kalau

adapun, teruk. Jadi saya difahamkan setakat ini dilaporkan bahawa sudah ada 6 maut dan tak tahu. Saya berharap itu sahaja, tak ada penambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sekijang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya tertarik bila Yang Berhormat menyebut tentang kebakaran yang berlaku pagi ini di Hospital Sultanah Aminah yang saya kira mengorbankan nyawa dan juga merosakkan harga benda. Setujukah Yang Berhormat kalau kita cadangkan kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya selepas kejadian yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah ini, supaya dapat memantau semula dan melihat semula peralatan-peralatan yang digunakan di hospital-hospital terutamanya hospital-hospital besar yang telah dikategorikan sebagai antara hospital yang lama dan juga kita tahu antara peralatan tersebut telah digunakan mungkin lebih usianya 10 tahun hingga 15 tahun.

#### ■1920

Jadi sudah sampai masanya pihak Kementerian Kesihatan untuk melihat semula peralatan-peralatan hospital ini supaya kejadian-kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang tetapi hal ini khususnya di hospital, ia paling teruk. Kalau di tempat lain misalnya kalau di sekolah, selagi murid boleh keluar dari kawasan, okey tetapi hospital sebab ada yang bergantung kepada *respiratory support system*, ada yang sedang menjalani *operation*, apabila bekalan dipotong orang itu boleh kata nyawa pun dipotong.

Sebenarnya bukan sahaja hospital, pada tahun lepas berlaku juga satu kebakaran di sebuah sekolah menengah di dalam kawasan Tebrau dan yang terbakar itu ialah kabin. Oleh sebab sekolah itu tidak mencukupi bilik darjah jadi mereka menggunakan kabin untuk dijadikan bilik darjah. Saya difahamkan, saya tidak tahu kenapa *wiring* di kabin itu didapati tidak sempurna. Ini adalah selepas siasatan oleh pihak bomba yang mendapati bahawa *wiring* ini tidak betul. Pada saya ini memang tidak patut berlaku di sebuah bangunan sekolah. Saya tidak tahu lah, oleh sebab ini bukan bilik darjah biasa tetapi kabin, siapa yang membuat *wiring*, adakah pihak yang meluluskan *wiring* itu tetapi saya fikir bahawa hal seperti itu kita perlu berikan perhatian yang penuh dan kita kena ambil tindakan-tindakan mencegah untuk memastikan bahawa ini tidak berulang lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata seperti yang demikian Tebrau menyokong sepenuhnya Bajet 2017. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

## 7.22 mlm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Saya juga ingin turut membahaskan belanjawan ataupun Bajet 2017 di peringkat dasar ini. Semenjak hari pembentangan bajet, kita didedahkan dengan berbagai-bagai pandangan, berbagai-bagai reaksi daripada pelbagai pihak termasuk daripada pihak pembangkang sendiri di dalam Dewan ini. Malah sebelum dari itu pun sebelum pembentangan bajet, pihak Pakatan Harapan telah pun membentangkan bajetnya sendiri walaupun tadi Yang Berhormat Tebrau memberikan komen bahawa bajet ini tidak realistik dan sebagainya.

Ya, data-data yang digunakan dalam kiraan Bajet Alternatif kami ini bukan kita *pluck from the air*, data-data ini ada, laporan ekonomi, laporan tahunan yang kita boleh gunakan dan beberapa unjuran-unjuran yang kita buat adalah berdasarkan pengalaman dan juga data-data dan statistik yang ada. Jadi tidak timbul bahawa pandangan-pandangan kita ini adalah tidak realistik malah kita dapat menyaingi walaupun tidak *dibacking* oleh sesuatu kumpulan pembuat bajet seperti yang ada di pihak kerajaan yang sememangnya sedia maklum lengkap dengan segala kemudahan tetapi ia dapat memberikan gambaran bahawa pembangunan negara boleh dilaksanakan bukan hanya oleh suatu pihak iaitu Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan yang saya dengar hari ini khususnya daripada Yang Berhormat Sungai Besar yang memberikan gambaran menyokong bahawa suasana dalam negara dari sudut ekonomi semuanya baik, orang yang mendaftar untuk pergi haji pun ramai, yang pergi umrah, yang pergi *tour* ke luar negara dan membeli-belah dan sebagainya dijadikan ukuran bahawa suasana ekonomi kita berjalan dengan baik. Maka itu menjadi hujah bahawa suasana ini selamat bagi kita, tidak akan timbul satu suasana di mana Malaysia akan jatuh bankrap atau rakyatnya akan berada dalam keadaan terdesak dengan tekanan kos hidup yang tinggi.

Untuk makluman kita, orang yang mendaftar untuk pergi mengerjakan haji ini memang bertambah setiap tahun. Mengerjakan haji adalah obligasi agama bagi umat Islam dan tidak ada umat Islam yang tidak mempunyai cita-cita untuk pergi haji. Jadi dengan satu jumlah yang kecil dalam simpanan mereka di Tabung Haji, mereka sudah

boleh mendaftarkan untuk pergi haji. Jadi tidaklah menjadi perkara yang pelik bagi hasrat umat Islam untuk pergi haji.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Belum mula lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh Yang Berhormat Kuala Krai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagilah itu,

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak bagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap lagi bagi ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau ada masa kita boleh ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi ia bukan suatu perkara yang harus menjadi ukuran bahawa dengan izin, *everything is okay in this country*. Kita menggalakkan semua umat Islam supaya mendaftar untuk pergi haji walaupun kuota haji kita ini terhad kepada 0.1% daripada rakyat negara kita tetapi itu tidak menghalang untuk kita beramai-ramai mendaftar. Bagi mereka yang pernah mengerjakan haji pun, mereka juga nampaknya ramai yang sama ada pergi untuk kali yang kedua, tidak melalui Tabung Haji tetapi melalui syarikat-syarikat swasta ataupun mereka yang mengulang sebagai mahram dan sebagainya, jadi ini adalah suatu perkara ibadah yang tidak boleh dikaitkan dengan status ataupun keadaan ekonomi kita.

Akan tetapi apa yang lebih patut kita perhatikan ialah bagaimana prestasi ekonomi kita. Laporan ekonomi yang disediakan kepada Ahli-ahli Parlimen sekalian bila kita baca, kalau kita pandang yang berkaitan dengan rakyat di luar bandar iaitu sudut perkembangan sektor pertanian mengalami penurunan walaupun sektor lain, pembinaan, pembuatan atau pengilangan, *trade* dan sebagainya meningkat. Akan tetapi yang lebih sesuai dijadikan ukuran kepada keadaan ekonomi rakyat kita terutamanya yang berpendapatan rendah ialah kejatuhan dalam sektor *agriculture* ataupun pertanian sebanyak 6 peratus seperti yang dilaporkan dan disebut di dalam laporan itu antara punca kejatuhan ini ialah menurunnya *output* bagi kelapa sawit dan juga getah.

Jadi ini sebagai satu *indication* yang jelas. Getah ini walaupun sebahagiannya diusahakan oleh ladang-ladang yang besar tetapi kita ada ratusan ribu penoreh getah yang terlibat dengan industri. Jadi bagaimana kita hendak menjustifikasikan bahawa suasana begitu baik sedangkan prestasi industri getah ini sedang jatuh. Harganya merosot dipengaruhi oleh keadaan cuaca yang tidak menentu sehingga menyebabkan

produktiviti mereka merosot, ini menambahkan beban kepada rakyat. Ini yang harus kita lihat, bukannya apa yang berlaku di kota raya, di pusat-pusat membeli-belah dan sebagainya sebagai ukuran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tadi tentang isu yang saya sebut mengenai berduyun-duyun orang yang pergi mengerjakan haji. Pada tahun lepas berlaku insiden di dalam Masjidil Haram apabila jemaah haji kita antara yang terkorban dalam peristiwa keruntuhan kren di dalam kawasan pembinaan Masjidil Haram. Pada ketika itu kita mendapat jaminan ataupun janji daripada pihak berkuasa Arab Saudi untuk memberikan pampasan baik yang meninggal maupun yang cedera dengan kadar yang kita ada dengar SAR1 juta bagi yang meninggal dan setengah juta bagi yang cedera. Akan tetapi kita dimaklumkan mutakhir ini bahawa pampasan ini tidak atau belum lagi dibayar dan ada kemungkinan tidak dibayar.

#### ■1930

Jadi apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan melalui hubungan yang begitu baik dikatakan di antara Malaysia dengan Arab Saudi ini untuk memastikan janji yang telah dibuat oleh Kerajaan Arab Saudi ini dipenuhi dan mangsa yang terlibat di dalam peristiwa di Masjidil Haram itu dapat pampasannya. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, bajet kita juga dan laporan yang mengiringi pembentangan bajet itu menunjukkan bahawa kita mempunyai hutang negara yang cukup besar. Dalam tahun 2016 hingga sehingga setengah tahun yang pertama dicatatkan bahawa hutang kerajaan berjumlah RM655.7 bilion dan merupakan 53.2% daripada KDNK kita. Jadi, masih dikatakan dalam zon yang selamat dan kita tidak perlu panik, kerajaan boleh membayarnya dan pelbagai lagi janji-janji.

Jadi, kita dimaklumkan jumlah yang dibayar untuk *service the loan*, dengan izin, pun berjumlah lebih daripada RM20 bilion setahun. Itu belum lagi mengambil kira bayaran kepada pinjaman pokoknya. Jadi, apakah kita mampu mempertahankan dengan keadaan ini, ditambah pula dengan defisit dalam bajet kita setiap tahun, bukan *percentagenya* tetapi dari segi nilai *absolutenya* lebih kurang RM40 bilion. Apakah kita mampu dan cukup selesa untuk menangani hutang dengan banyak? Ini hutang yang diakui sebagai *government debt*.

Akan tetapi kita juga tahu juga bahawa kerajaan *underwrite* atau memberi jaminan berbagai-bagai jenis lagi hutang sebagai apa yang disebut *contingent liability* yang tidak termasuk di dalam apa yang ada di dalam bajet kita ini. Akan tetapi kalau kita melihat prestasi ataupun janji-janji dalam bajet-bajet sebelumnya, kita ada projek-projek besar-besaran seperti MRT, seperti *high speed rail Singapore-Kuala Lumpur* yang menelan belanja yang besar dan berbagai-bagai lagi projek yang lain, jumlahnya

beratus bilion *in total*. Ini semua adalah tanggungan kerajaan kerana kita berjanji akan memastikan ia dapat dibayar.

Kalau ini diambil kira di dalam sebagai peratusan daripada GDP kita, sudah pastinya ia melangkaui nilai 55% yang menjadi batas atas ataupun siling kepada pinjaman yang sepatutnya dibuat oleh suatu kerajaan. Jadi, bagaimana kita hendak memastikan kita selamat dalam hal ini? Saya juga membaca di dalam laporan ekonomi tersebut bahawa pada bulan Mei tahun 2016, kerajaan telah menubuhkan suatu jawatankuasa yang disebut *Fiscal Risk and Contingent Liability Technical Committee*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri daripada Arau hendak mencelah. Terpulang kepada Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau Yang Berhormat Menteri bertanya, saya kena bagi jalanan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kita membuat pinjaman dan kita membuat pembangunan yang luar biasa dalam kawasan bandar. Apakah pihak pembangkang tidak seronok dengan apa yang kerajaan buat? Kita pinjam banyak, ya. Kita buat pembangunan dalam bandar dan bandar untung dan di kawasan Kuala Lumpur ini mungkin ada sekali tapi sepanjang masa pembangkang yang menang. Yang Berhormat patut ucap terima kasih kerana kerajaan telah sanggup berhutang untuk membangunkan kawasan-kawasan bandar, termasuk kawasan pembangkang yang paling banyak dapat manfaat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Soalan itu patut ditanya kepada ahli-ahli penyokong kerajaan, bukan pembangkang. Sama ada mereka gembira atau tidak kerajaan berbelanja untuk kawasan pembangkang. Bagi kita, seluruh negara ini adalah negara kita. Di mana juga pembangunan kita terima tetapi biarlah seimbang antara bandar dan luar bandar. Di luar bandar contohnya, pagi ini saya dimaklumkan ada soalan mengenai pembinaan rumah-rumah banjir.

Sila menjawab Menteri Perumahan Banjir. Katanya semua sudah selesai. Saya mengetahui di Kuala Krai sendiri masih ada 30 keluarga yang masih berada di rumah transit. Daripada itu, ada tiga keluarga kalau tidak silap saya yang tidak termasuk dalam senarai yang akan menerima rumah. Itu pun entah bila. Jadi, bila ditanya kepada mereka, bila agaknya mereka akan mendapat rumah ini, mereka tidak ada satu jawapan pasti.

Jadi, sudah hampir dua tahun mereka berada dalam kawasan rumah transit ini. Jadi, kalau boleh kita tengokkan supaya mereka yang belum mendapat rumah ini, Menteri, supaya diberikan ataupun disediakan rumah. Walaupun mereka ini tidak ada tanah. Ini ironinya Menteri, untuk mendapat rumah banjir ini, katalah mereka ada tanah, mereka dapat rumah, yang tidak ada tanah tidak dapat rumah.

Jadi, *double jeopardy*. Sudahlah tidak ada harta, rumah pun tidak dapat. Hendak menunggu projek yang disediakan seperti di Chenulang ataupun di Telekung itu, masih belum selesai. Jadi, kita harap Menteri perumahan untuk banjir ini dapat mengambil kira pembangunan di luar bandar ini. Soalan saya tadi Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, boleh tak saya jawab soalan ini. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh jawab semasa menggulung nanti, peringkat Dasar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tak, bila Yang Berhormat bertanya soalan, saya sudah jawab pagi tadi dekat Yang Berhormat Seputeh.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak apalah, Yang Berhormat Seputeh yang beritahu saya tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi kalau Yang Berhormat spesifik sikit untuk membolehkan saya jawab. Oleh sebab saya sudah jawab, saya bersiap siaga untuk Yang Berhormat sebab Yang Berhormat bersolat dengan saya tadi. Yang Berhormat seronok berimamkan seorang Ahli Sunnah, *alhamdulillah*. Jadi, sekarang ini saya ingin cara elok-elok dengan Yang Berhormat, kalau saya hendak jawab sekarang ini pun boleh. Bahawa di Kuala Krai ada 125 lagi yang belum siap, kita akan siapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bukan kesalahan kita tetapi kerana kita baru dapat tanah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sebenarnya, saya berkeyakinan Menteri rumah banjir ini akan dapat menyelesaikan masalah tersebut.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, kena perbetulkan Yang Berhormat, saya kadang-kadang dipanggil macam-macam nama. Nama saya ialah Menteri Pengurusan Bencana Negara.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Akan tetapi ini— okey. Minta pembetulan, masukkan dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sorry, lagi satu, Menteri Keselamatan dan Pengurusan Bencana Negara.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, perbetulkan dalam ucapan saya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tadi dapat berimamkan Ahli Sunnah Wal Jamaah, macam terasa sembahyang di Masjidil Haram, itu hebatnya kita punya imam daripada Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Soalan saya tadi, kerajaan telah menubuhkan *Fiscal Risk and Contingent Liability Technical Committee* yang terdiri daripada wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, EPU, Bank Negara dan daripada Jabatan Perdana Menteri, Unit *Public Private Partnership*. Saya hendak bertanya, apakah hasil daripada kajian ataupun penelitian yang dibuat oleh jawatankuasa yang mengkaji mengenai *contingent liability* ini? Adakah kita berada dalam satu suasana yang sihat, apakah jaminan-jaminan surat-surat sokongan, surat-surat *guarantee* yang dikeluarkan oleh kerajaan cukup selamat untuk ekonomi negara kita ini dalam menyelesaikan hutang-hutang kita? Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Krai, saya difahamkan bahawa *contingent liabilities* hanya melibatkan surat-surat jaminan, *letter of guarantee* yang dikeluarkan oleh kerajaan. Kalau kita lihat di dalam maklumat bajet memang angkanya ada. Kalau tidak silap saya lebih kurang lingkungan RM190 bilion. Akan tetapi yang menjadi masalah adalah *letter of support*, surat-surat sokongan yang walaupun tidak merupakan satu surat jaminan tetapi dari segi praktiknya tetap meletakkan tanggungjawab ke atas kerajaan untuk membuat pembayaran sekiranya pihak yang disokong itu tidak mampu membuat bayaran. Apa yang merunsingkan ialah bahawa surat-surat sokongan ini jumlah keseluruhannya tidak diketahui dan di antaranya adalah yang melibatkan 1MDB.

#### ■1940

Maka, apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai terhadap pendedahan risiko terhadap negara dan ekonomi negara dengan tindakan yang boleh dikatakan *reckless*, yang tidak bertanggungjawab, yang merbahaya, yang meletakkan negara dan ekonominya dalam keadaan yang begitu terdedah dan terbuka kepada keadaan di mana hutang-hutang ini ataupun projek-projek ini tidak berjalan dengan baik dan akhirnya kerajaan juga yang kena bayar? Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. *The answer is obvious*, dengan izin. Kita telah melihat dalam salah satu kes yang telah dibawa ke mahkamah mengenai PKFZ, dikatakan ia bukan surat

jaminan tetapi hanya surat sokongan. Tetapi kita tahu bahawa akhirnya kerajaan kena bertanggungjawab atas sama ada surat jaminan ataupun surat sokongan.

Jadi, yang ini kita tidak tahu jumlahnya. Sebab itu saya hendakkan supaya jawatankuasa yang mengkaji tentang *contingent liability* ini menyenaraikan bahawa banyak surat-surat jaminan, surat-surat sokongan telah dikeluarkan dan kepada siapa dan apakah tindakan yang akan dibuat seandainya syarikat-syarikat seperti 1MDB yang banyak mengeluarkan ataupun menerima surat-surat sokongan ini berlaku sesuatu yang boleh menjelaskan kedudukan ekonomi negara. Jadi, saya minta supaya kerajaan memberikan penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini, seperti Yang Berhormat Tebrau tadi, kita merasa amat dukacita atas apa yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru berikutan kebakaran khususnya di Unit Rawatan Rapi yang mengorbankan enam nyawa. Kita dimaklumkan. Saya mohon— kita tidak tahu apa puncanya dan mungkin terlalu awal tetapi kita tidak boleh membiarkan siasatan berjalan dengan terlalu lama. Kita memerlukan jawapan supaya tidak timbul berbagai-bagai spekulasi punca kepada kebakaran ini.

Kita memohon supaya suatu jaminan, walaupun kita tidak boleh terlalu yakin bahawa benda ini tidak akan berulang, tetapi ada satu jaminan yang agak konkret, yang agak praktikal daripada kerajaan supaya perkara yang berlaku tidak akan berlaku semula.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, memerlukan satu pemerhatian. Kita lihat dalam laporan dalam bajet kita kali ini, kalau kita meneliti apa yang disediakan di Kementerian Kesihatan, memang dari segi peruntukannya tinggi, antara kementerian yang mendapat pertambahan tetapi kita dimaklumkan itu untuk emolumen. Tetapi dalam bentuk-bentuk bekalan, membaiki aset, saya meneliti dan saya minta disahkan bahawa berlaku pengurangan dari segi peruntukan-peruntukan yang hari ini kalau kita tidak ambil tindakan segera, mungkin apabila berlaku lagi peristiwa-peristiwa di mana bangunan dinding runtuh, siling bilik bedah jatuh, misalnya.

Jadi, ini semua mungkin berlaku kalau kita tidak serius meneliti peruntukan yang disediakan untuk memastikan bangunan-bangunan hospital dijaga dengan rapi. Hospital tempat orang sakit masuk dan keluar sihat. Jadi, kita tidak mahu hospital menjadi suatu tempat malapetaka yang sangat menyedihkan. Jadi kita berharap dapat dilihat segera dan diperbaiki.

Di samping itu, dalam konteks perkhidmatan kesihatan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, kita mengalami satu dilemahal agaknya ya, di mana kita mempunyai satu hasrat yang tinggi pada tahun 2020 ini, kita hendak mencapai satu nisbah doktor

kepada penduduk seorang doktor kepada 400 penduduk. Masa kini, kita mempunyai *ratio* satu kepada 656 penduduk. Ini bermakna, mengikut unjurannya, kita memerlukan sejumlah 75,000 orang lebih doktor berbanding dengan yang ada pada hari ini 40,000 lebih. Kita ada *shortfall* 28,500 orang, lebih kurang, jumlah doktor.

Apakah kita bersedia untuk mengeluarkan sejumlah 28,000 ini dalam tempoh—berapa tahun? Empat tahun yang terakhir sebelum kita sampai ke tahun 2020. Ini bermakna kita perlu mengeluarkan lebih kurang 7,000 doktor setahun untuk tempoh empat tahun akan datang ini. Apakah kita mampu? Ini kerana saya dimaklumkan, pendidikan perubatan dalam negara kita ini hanya boleh mengeluarkan maksimum pun lebih kurang 4,000 doktor setahun. Dari luar negara, yang dilatih di luar negara mungkin kembali 1,000 orang lagi. Jadi, 5,000. Itu pun masih ada *shortfall*.

Mungkin kita kata apa masalahnya? Kalau kita tidak sampai kepada *ratio* yang kita hajat pun tidaklah bermakna sistem kita akan *collapse*. Tetapi ini menggambarkan, Tuan Yang di-Pertua, perancangan tenaga manusia kita yang tidak rapi.

Oleh yang demikian, saya hendak bertanya sama ada kerajaan akan memansuhkan moratorium memberikan lesen kolej perubatan di negara kita ini? Ataupun apakah kita mempunyai perancangan untuk menghantar lebih ramai pelajar keluar negara?

Saya rasa dilema kita, Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar hendak dapatkan jumlah. Hari ini isunya adalah macam mana kita hendak menyediakan pekerjaan kepada doktor-doktor kita yang sudah selesai dan tamat belajar. Kita dimaklumkan tempoh menunggu setelah kita tamat belajar untuk memulakan *internship* ataupun *housemanship* kita antara enam bulan hingga setahun. Saya berharap andaian saya ini salah tetapi kalau ini berlaku, kita memberikan isyarat yang tidak baik kepada graduan-graduan perubatan kita. Mereka belajar lima tahun, enam tahun. Balik, lima enam bulan menunggu. Mereka akan kehilangan masa, sedikit skil akan hilang, semangat akan hilang dan ini tidak baik.

Saya pagi tadi bertemu dengan seorang bapa yang merupakan kawan datang bertemu salah seorang Ahli Parlimen kita. Saya bertanya khabar anak dia, rupanya anak dia ada lulusan perubatan, sudah selesai tetapi masih belum dipanggil untuk *housemanship*. Jadi, dia memohon bekerja sebagai *research assistant* di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). *Research assistant*. Apa tugasnya? Katanya membantu dalam kajian *multicentre study*, tolong ambil darah dan sebagainya. Saya pun tidak yakin dia orang ini mampu untuk ambil darah kalau belum dilatih sebagai *housemanship*. Dan dibayar gaji yang agak munasabah. Ada di antara rakan-rakannya yang sudah berada di PPUM sebagai *research assistant* ini yang tidak mahu lagi

masuk sebagai *houseman* walaupun dipanggil kerana kerja yang bagus dan gaji yang bagus. Bagi saya ini satu kesilapan dalam kita membuat suatu persediaan.

Jadi, apakah langkah kerajaan untuk memastikan masa menunggu untuk bekerja sebagai *houseman* ini tidak terlalu panjang? Zaman kami dulu, dapat cuti tiga hari sahaja selepas *graduation* ataupun seminggu, kemudian terus mula bekerja. *Interviewnya*, setahun kemudian baru *diinterview* oleh SPA. Yang Berhormat Kota Raja, ya? Kita bekerja dahulu. Sampai begitu sekali, tetapi hari ini nampaknya dilema kepada anak-anak kita.

Kita hendak mencadangkan supaya pengambilan *houseman* ini diperluaskan bukan hanya sekadar di 44 hospital yang melatih *houseman* tetapi seperti yang kita bangkitkan dalam soal jawab di dalam Dewan ini, pihak hospital swasta terutamanya yang ada kaitan dengan kerajaan, GLC hospital, yang mempunyai pakar-pakar yang agak hebat untuk mengambil sebahagian daripada pelajar ini.

#### ■1950

Tentunya bagi sesetengah pesakit dia tak hendaklah pergi hospital swasta, *diinterview*, diambil sejarah oleh *houseman* ya, dia hendakkan pakar juga mengambil. Akan tetapi kita harus mempunyai satu suasana yang realistik sebab kita memerlukan juga mereka ini ditempatkan dan kita kena berbincang dengan hospital-hospital swasta ini. Di samping itu, kita ada klinik kesihatan luar bandar, pinggir bandar yang walaupun tidak lengkap keseluruhan fasilitinya tetapi boleh diperkembangkan untuk melatih *houseman* dalam bidang-bidang tertentu.

Kita ada *family medicine*, *internal medicine* mereka boleh buat di klinik kesihatan. Mereka akan dikunjungi ataupun dilawat oleh pakar-pakar mengikut *rotation*. Mereka boleh belajar daripada pakar-pakar ini apabila buat *rotation*. Jadi, tidaklah doktor-doktor muda kita ini terpaksa menunggu lebih lama untuk bekerja. Akan tetapi lebih penting *observation* kita Tuan Yang di-Pertua ialah sekali lagi, bagaimana Putrajaya merancang tenaga manusia ini supaya pengambilan, latihan selepas kursus setimpal dan tidak menyebabkan di sana suatu suasana yang tidak baik kepada para pelajar kita yang sudah lulus dalam bidang perubatan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua sebagai akhir kata, kita berada dalam suasana yang saya sebut...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Shah Alam sudah habis sudah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh? Satu sahaja. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Krai, saya merasakan bahawa ini bukan sekadar masalah perancangan. Akan tetapi apabila ada kelulusan doktor-doktor

yang baru mungkin sebenarnya apa yang sepatutnya berlaku adalah juga pertumbuhan ekonomi yang menghasilkan jumlah doktor-hospital-hospital yang bertambah. Mungkin kalau kita hendak mencapai apa yang disebutkan sebagai *ratio* jumlah seorang doktor dengan 400 orang pesakit, maka sepatutnya ada banyak lagi hospital-hospital.

Itulah mungkin di antara sebab kita dengar dulu janji hendak buat hospital sini, janji hendak buat hospital sana tetapi akhirnya tidak dibuat. Maka tidakkah itu merupakan satu petanda bahawa ekonomi tidak seperti mana yang diuar-uarkan, yang kononnya kata semuanya baik, semuanya ikut perancangan. Lalu kita ada jumlah doktor-doktor yang dihasilkan tetapi tidak ada hospital-hospital yang baru dan hospital-hospital yang baru mungkin Yang Berhormat Kuala Krai pun sepatutnya sudah ada hospital, seperti yang dijanjikan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**  
Sudah habis sudah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi tidak ada. So, tidakkah itu juga satu petanda berhubung dengan keadaan ekonomi yang kononnya baik tetapi tidak seperti mana.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Arau tegur Yang Berhormat Shah Alam, Hospital Kuala Krai yang baru sudah naik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, tetapi bukan 400 orang pesakit, 400 orang penduduk. Ingat salah itu, soalan yang Yang Berhormat Shah Alam tanya itu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Penduduk?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Penduduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masa sudah cukup ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Okey, sebagai akhirnya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau tidak semua orang Malaysia sakitlah itu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, ini fasal Yang Berhormat Arau ganggu ya Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan kita harus membuat persediaan yang lengkap dari segi perancangan dan pada bajet kali ini kita tidak nampak pertambahan perbelanjaan pembangunan untuk Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Kerja Raya. Mungkin hospital-hospital baru tidak termasuk dalam senarai yang dijanjikan pada kali ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ranau.**

### **7.53 mlm.**

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua oleh kerana memberikan saya peluang untuk turut membahaskan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang merudum dan tidak menentu, tetapi beliau dapat juga membentangkan satu bajet yang baik, yang menyeluruh khususnya rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan di luar bandar.

Saya lihat bajet itu menjuruskan kepada kesejahteraan rakyat keseluruhan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya satu jalan raya yang telah pun kita pohon beberapa tahun yang lalu dan pada masa kini telah sedang dalam pembinaan iaitu jalan raya Telipok-Kiulu, Ranau yang menelan belanja sebanyak RM300 juta. Dengan terlaksananya jalan raya ini maka sudah tentu rakyat di kawasan Kiulu, Ranau bergembira oleh kerana ini adalah merupakan sebagai suatu jalan raya yang mereka idam-idamkan sejak dahulu lagi. Ini juga memberikan peluang mereka untuk menggunakan alternatif jalan ini di mana di suatu ketika dahulu apabila terdapat hujan yang lebat dan ada tanah runtuh di kawasan Tamparuli, Ranau maka mereka ini tidak akan dapat melalui jalan Tamparuli, Ranau setakat ini. Jadi inilah merupakan sebagai satu contoh yang saya boleh katakan bahawa bajet ini adalah di antara yang mensejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas saya juga menyuarakan kekecewaan saya di kawasan saya iaitu pada waktu itu kita nampak bekalan elektrik yang sudah ada wayar, sudah ada tiang tetapi belum ada bekalan elektrik.

**Seorang Ahli:** Lampu pun tidak ada.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Ia punya tiang sudah digantung-gantung di atas, ia punya wayar gantung-gantung di atas tetapi belum ada bekalan elektrik. Akan tetapi pada masa ini sudah disambung bekalan elektrik dan sudah terang-benderang kampung yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua. Orang-orang di sana sudah bergembira dalam masa Olimpik dulu mereka berpeluang untuk menonton tayangan Olimpik daripada Brazil. Jadi inilah satu-satunya saya rasa kejayaan yang kita lihat di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Manakala bekalan air pula saya boleh katakan bahawa lebih kurang 80% di kawasan saya sudah dibekalkan dengan paip air. Cuma ada beberapa tempat yang ada paip belum ada air tetapi ini bukan salah kerajaan, yang kita salahkan ialah pelaksana. Akan tetapi saya berharap ini akan dapat diatasi dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan ini ialah mengenai dengan keselamatan di negeri Sabah. Kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Dalam Negeri bahawa kebarangkalian maklumat operasi ESSCOM bocor adalah satu-satunya yang amat menakutkan serta membahayakan keselamatan dan kedaulatan negara Malaysia yang kita cintai ini. Menakutkan kerana ibarat pepatah Melayu yang mengatakan musuh yang kita lihat ini adalah di lingkungan kita sendiri dan kita tidak tahu siapa. Jadi berikutan dengan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengatakan bahawa ada kebocoran. Kita tidak tahu siapa yang membocorkan ini, sama ada di kalangan orang-orang yang kita tidak ketahui ataupun di kalangan ESSCOM itu sendiri, kita tidak tahu.

Jadi selaku wakil rakyat Tuan Yang di-Pertua, kami dihujani dengan pelbagai persoalan oleh orang ramai. Mereka bertanya adakah orang dalam ini ialah orang yang telah diberikannya kerakyatan seperti mana terdapat dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja iaitu mengenai dengan pendatang tanpa izin di Sabah. Ini kerana asasnya mereka yang bocorkan rahsia negara ini tidak ada perasaan patriotik langsung kepada negara kita ini. Ini kerana mereka asyik berpaut kepada patriotism negara asal mereka. Jadi ini adalah merupakan sebagai persoalan kita. Jadi rakyat juga bertanya adakah orang dalam ini bukan sahaja mendapat kerakyatan tetapi juga sudah berada dan mempunyai kedudukan dalam sistem pertahanan negara. Ini adalah satu persoalan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu ketika pilihan raya yang bakal datang ini terdapat lagi orang-orang tertentu yang mengatakan bahawa isu pencerobohan perairan negara dan isu penculikan untuk tebusan ini adalah semata-mata sandiwara untuk menakut-nakutkan rakyat Malaysia di negeri Sabah itu. Jadi selaku wakil rakyat, kita minta supaya kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas mengenai dengan perkara ini supaya rakyat Malaysia di Sabah ini akan mendapat kepastian bahawa keselamatan kita itu terjamin.

## ■2000

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai dengan satu berita yang diviralkan dengan klip video yang disebarluaskan

melalui media alternatif dan *YouTube* yang mana media Indonesia mendakwa bahawa ratusan pendatang tanpa izin daripada Indonesia dengan mudah sekali mendarat di Tawau, Sabah setiap hari. Menurut anggota media Indonesia yang menyamar sebagai pendatang tanpa izin yang masuk ke Tawau, Sabah melalui jalan tikus. Mereka hanya perlu sumbat atau sogok sekecil RM50 kepada pihak polis dan mereka dibenarkan masuk ke negara ini.

Sogukan atau rasuah telah benar-benar merosakkan kewibawaan anggota keselamatan negara kalau ini betul. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta kerajaan untuk menyiasat kesahihan dakwaan media Indonesia ini agar kepercayaan rakyat Malaysia di negeri Sabah atau sistem pertahanan negara kita ini dapat dipulihkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mula dengan harga barang di negeri Sabah. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa barang-barang keperluan di negeri Sabah ini adalah terlalu mahal kalau dibandingkan dengan apa yang kita perolehi di Semenanjung ini. Sebagai contoh, ikan sardin tin yang kecil *mackerel A1* di sini hanya RM3, di Sabah hampir RM4. Di kawasan-kawasan tertentu, di pedalaman sana, sampai RM4.50. Jadi inilah sepertinya perkara-perkara yang heboh diperkatakan oleh rakyat Malaysia di Sabah, di kedai-kedai kopitiam dan di mana-mana tempat. Mereka ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan, telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa harga barang ini dapat diturunkan untuk kebaikan rakyat keseluruhan. Jadi kita mengalu-alukan tindakan yang telah diadakan atau yang perlu diambil.

Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri pagi-pagi ini bahawa ada tiga cara yang telah diambil iaitu program 1Harga, penyeragaman harga dan Kedai Rakyat 1Malaysia. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, maka saya mohonlah kepada kerajaan dan kementerian supaya diperbanyakkan peruntukan untuk menyeragamkan harga barang ini di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak supaya rakyat keseluruhannya di negeri Sabah ini akan menikmati harga barang yang murah. Sudahlah di negeri Sabah ini kita lihat kemiskinan di sana ini adalah kemiskinan yang masih tinggi kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Harga barang pula begitu tinggi. Jadi inilah satu perkara yang *I think* kita harus beri perhatian dan kerajaan harus prihatin. Oleh yang demikian, maka saya cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua supaya yang pertama, beri subsidi yang lebih banyak kepada negeri Sabah supaya harga barang ini dapat diseragamkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang dihormati, sahabat saya dari Ranau yang menyentuh harga barang di Sabah. Saya pernah bertanya pagi tadi dengan Yang Berhormat Menteri KPDKKK soal beras yang dibeli di Semenanjung dengan beras di Sabah ini tidak sama. Tidak sama kerana ini disebabkan *traders* yang mengambil keuntungan yang banyak, yang mencampurkan kualiti beras itu dengan *packaging* yang serupa dengan beras yang terdapat di Semenanjung. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, supaya satu langkah pemantauan kepada kualiti-kualiti beras yang di *consume* di negeri Sabah? Sebab ini permainan *traders*, bukan fasal kerajaan sebab kononnya kita makan beras Thailand tetapi sebenarnya tidak pernah rakyat Sabah makan beras dari Thailand.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat daripada Putatan. Saya kurang pasti Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada juga *complaint* yang kita terima mengenai barang-barang yang dijual di Kedai Rakyat 1Malaysia itu. Ia dikatakan bahawa kualitinya adalah kualiti yang terlalu rendah. Sebagai contoh, saya kurang pastilah sama ada ini betul atau tidak. Apabila kita beli dia punya minyak masak, dia kata apabila kita goreng, dia punya bunyi kurang. Tidak berapa kuat. Mungkin dia campur dengan bahan-bahan yang tidak *pure*.

**Seorang Ahli:** *Recycle.*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Ya, saya tidak tahu sama ada betul atau tidak. Mengenai beras tadi itu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Putatan bahawa pemantauan haruslah dilakukan. Oleh sebab kita tidak mahu rakyat kita menggunakan atau makan makanan yang kurang dia punya kualiti, Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan supaya Kedai Rakyat 1Malaysia ini diperbanyakkan. Sebagai contoh di kawasan saya, dari hujung kawasan saya ke hujung lebih kurang 70 kilometer. Akan tetapi di sana kita hanya dapat satu Kedai Rakyat 1Malaysia dan hanya sebilangan kecil sahaja rakyat di sana yang menikmati harga barang yang murah ini. Jadi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan supaya memperbanyakkan Kedai Rakyat 1Malaysia di negeri Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua, slogan 1Malaysia adalah satu slogan yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Slogan ini benar-benar menyentuh perasaan dan jiwa kita selaku rakyat Malaysia. Dengan slogan itu, kita tidak lagi berasa bahawa kita ini dari Sabah atau dari Sarawak atau daripada Semenanjung. Ini adalah sesuatu yang baik, yang menjadi pemangkin perpaduan yang mantap di kalangan semua rakyat Malaysia. Sebagai contoh, pelaksanaan slogan

1Malaysia ini ialah apabila Yang Amat Berhormat telah membentuk Kabinet Persekutuan pada tahun 2013. Beliau telah melantik enam orang Menteri dari Sabah, enam orang Menteri dari Sarawak.

Jadi ini menunjukkan bahawa beliau serius dengan slogan 1Malaysia itu. Beliau serius. Saya percaya juga ini diteruskan. Ini diteruskan. Oleh yang demikian maka ada rayuan daripada rakyat negeri Sabah dan Sarawak supaya bukan sahaja di peringkat kementerian tetapi di peringkat penjawat awam. Apa kiranya rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak juga diberikan peluang untuk menjawat jawatan yang tertinggi di peringkat Persekutuan. Seperti mana yang telah dinyatakan, kelmarin saya di Kota Kinabalu, mereka bercakap-cakap di kedai kopi, dia katakan, mintalah kepada Kerajaan Persekutuan supaya saya bilang jawatan *Chief Justice of Malaysia* itu, berilah peluang kepada Sabah. Mereka telah menyebut ketua atau *Chief Justice of Sabah and Sarawak* Tan Sri Richard Malanjum sebagai salah satu daripada yang layaklah. Jadi oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, maka kita mintalah pertimbangan daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat mempertimbangkan rayuan warga negeri Sabah dan Sarawak ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai dengan ura-ura penutupan dua IPG, institut perguruan di negeri Sabah iaitu Institut Perguruan Keningau dan juga Institut Perguruan Gaya. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Institut Perguruan Gaya ini telah ditubuhkan pada 1 Julai 1963, sebelum Malaysia dibentuk.

Ia mempunyai nilai sejarah yang begitu nostalgia bagi rakyat negeri Sabah oleh sebab ia telah melatih ramai guru. Seperti mana yang dinyatakan Kementerian Pendidikan menjelang tahun 2020, dia mahu 90% guru-guru di Sabah adalah *local* atau pun daripada negeri Sabah dan Sarawak. Jadi kita nampak keperluan IPG ini masih ada. Kalau lah sekiranya kerajaan menubuhkan institusi lain seperti *technical vocational school*, biarlah itu sebagai tambahan kepada apa yang ada sekarang ini. Kita mengalu-alukan tentunya.

## ■2010

Seperti mana yang dinyatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan, tetapi jangan tutup institut perguruan ini kerana masih banyak kita punya anak-anak keluaran sekolah yang boleh kita latihkan di sana dan boleh menjadi guru di negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah sebetulnya rayuan. Ini pun satu juga perkara yang hangat diperbincangkan, hangat diperbincangkan di negeri Sabah khususnya di kedai-kedai kopi dan di merata tempat. Kenapa pula Kerajaan Persekutuan mahu

menutup ini sedangkan masih ada keperluan? Jadi saya fikir ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah mempertimbangkan ini supaya rakyat Malaysia di negeri Sabah tidak akan kecewa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya nyatakan di sini ialah mengenai dengan perumahan PPR. Di kawasan saya masih banyak keperluan untuk perumahan kos rendah ini. Saya fikir ini adalah penting oleh sebab dalam bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, yang menyebut mengenai dengan perumahan ini dan terus terang di kawasan saya Ranau, belum banyak perumahan-perumahan yang dibina oleh PR1MA dan juga yang lain-lain ini untuk keperluan rakyat.

Jadi mereka juga bertanya, bilakah mereka ini dapat perumahan-perumahan seperti ini. Oleh sebab di sana pun banyak juga yang memerlukannya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini juga satu keperluan dan saya fikir bukan sahaja di kawasan saya, begitu juga di lain-lain tempat di negeri Sabah ini. Ini adalah penting sekali untuk kesejahteraan rakyat di negeri Sabah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Satu lagi perkara— Ya, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Ranau.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Ranau, orang lama yang telah berkhidmat dengan begitu cemerlang sekali di peringkat kerajaan negeri dan juga di peringkat pusat. Saya pun sudah berkhidmat di Sabah sejak tahun 1971. Apabila saya pergi Sabah, saya terperanjat tengok pembangunan yang begitu pesat sekali. *[Tepuk]*

Apabila saya dengar daripada Yang Berhormat Ranau menceritakan kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan negeri Sabah, bahkan Sabah terus membangun dan rakyat mereka terus dibela. Kalau begitu, apa yang telah diperkatakan oleh orang sebelah sana tidak tepat, bahkan kerajaan kita cukup bertanggungjawab. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa memberikan pembelaan kepada semua rakyat negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Ranau?

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Ini memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jasin. Sebenarnya kerajaan tidak pernah mengabaikan kita di negeri Sabah, tetapi tidak adalah perkara-

perkara yang kita minta hari ini esok sudah ada. Itu memang tidak adalah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kalau saya boleh katakan di sini, pembangunan di negeri Sabah sejak lima tahun ini adalah begitu rancak. Kalau dulu di kawasan saya hanya 20 percent yang dibekalkan dengan elektrik, hanya 15 percent yang dibekalkan dengan bekalan air. Selepas ini sudah 80 percent bekalan elektrik, 80 percent bekalan air belumlah sampai 100 peratus.

Akan tetapi itu adalah merupakan sebagai satu perkara yang harus kita banggakan. Oleh sebab kita sudah ada air, kita sudah ada bekalan elektrik dan rangkaian perhubungan jalan raya di desa pun banyak juga yang telah dilaksanakan, walaupun belum semualah. Itulah saya juga baru-baru ini apabila Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah datang ke negeri Sabah, saya juga menyatakan kepada beliau bahawa masih banyak yang kita minta, rangkaian jalan raya dan yang lain-lain. Ya, silakan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Ranau, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ranau, saya juga baru ini pergi ke Sabah. Bila saya turun di Kota Kinabalu saya terkejut, terkejut betul pembangunan hebat di Sabah. Akan tetapi bolehkah saya anggap apa yang berlaku di Kota Kinabalu itu juga berlaku di tempat-tempat lain? Perhubungannya, lampu elektriknya, airnya dan bangunan-bangunan. Ini kerana apabila saya dengar juga ucapan-ucapan daripada Ahli Parlimen yang lain, juga mengeluh bahawa pembangunan itu tidak sama rata. Jadi isunya, adakah konsentrasi pembangunan ini cuma di satu-satu tempat sahaja dan ia tidak menggambarkan pembangunan di Sabah yang kaya raya, tetapi tidak menyeluruh. Apa pandangan Yang Berhormat Ranau berkenaan perkara itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kalau kita pergi ke negeri Sabah ini, kita datang ke Kota Kinabalu kalau 10 tahun yang lalu tidak banyak. Kalau pergi ke tempat-tempat di luar bandar pada 10 tahun yang lalu, yang kita nampak hanya jalan kerbau, jalan *gravel* pun tidak ada, jalan *earth road*lah. Akan tetapi kalau kita pergi ke sana sekarang ini bukan saya katakan semua sudah dinaiktarafkan jalan dia. Bukan saya kata begitu, tetapi kebanyakan dari jalan-jalan itu, bekalan elektrik, bekalan air sudah pun dilaksanakan. Ini saya kalau boleh saya ingin menjemput Yang Berhormat untuk datang ke kawasan saya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Insya-Allah.*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Jadi saya akan tunjukkan mana yang sudah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional, okey.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bukan saya katakan bahawa tidak ada lagi keperluan, memang ada lagi keperluan yang kita minta. Sebagai contoh di sini, di kawasan saya baru-baru ini saya baru sahaja melawat kampung, ada klinik desa yang telah diluluskan beberapa tahun yang lalu, di Kampung Nawanon, di Kampung Tudan di kawasan saya belum dilaksanakan. Jadi kita berharaplah kalau boleh ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera oleh sebab kawasan ini adalah kawasan yang terpencil di kawasan saya.

Satu lagi yang saya ingin nyatakan di sini ialah mengenai dengan perkhidmatan doktor udara di Sabah. Saya difahamkan bahawa ini telah diberhentikan. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah ini masih banyak jalan-jalan kampung yang tidak kita boleh lalui melalui jalan. Kita masih memerlukan helikopter untuk sampai ke tempat itu walaupun tidak berapa banyaklah. Sebagai contoh di kawasan saya, ada satu tempat yang hanya dilalui sama ada melalui sungai dengan sampan-sampan kecil ataupun berjalan kaki. Ada juga, saya tidak nafikan ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita masih memerlukan khidmat udara ini. Saya mintalah Kementerian Kesihatan tolong bagi peruntukan sedikitlah kepada perkhidmatan doktor udara di Sabah ini oleh sebab ini masih merupakan sebagai satu keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat selaku Menteri Kewangan oleh kerana telah memperuntukkan kewangan bagi pengukuran Tanah Adat di negeri Sabah ini iaitu sebanyak RM20 juta. Jadi, ini adalah merupakan sebagai suatu yang kita boleh gunakan untuk mengukur tanah-tanah adat yang ada di sana. Kalau di Sarawak RM30 juta, di Sabah RM20 juta. Jadi ini kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat.

Namun, yang saya ingin saya nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan pemberian kepada masyarakat minoriti di negeri Sabah ini. Dalam bajet Yang Amat Berhormat pada 21 hari bulan, kita lihat bahawa peruntukan telah diberikan kepada golongan bumiputera iaitu yang bakal dinikmati ialah dalam Bajet 2017 ini melalui peruntukan-peruntukan sebanyak RM100 juta melalui Exim Bank - RM100 juta, melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) – RM300 juta, TEKUN dan TEMANITA RM200 juta melalui PUNB, RM200 juta melalui MARA, RM500 juta melalui TERAJU, namun jumlah masyarakat minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak yang telah menikmati manfaat daripada program di atas dalam bajet dalam tahun-tahun yang sudah adalah terlalu kecil.

Kalau kita banding di sini, kita mengambil makluman bahawa dalam Bajet 2017 ini, sejumlah RM140 juta telah diperuntukkan kepada masyarakat Cina melalui program pembangunan Kampung Baru Cina sebanyak RM50 juta, pinjaman oleh

KOJADI RM50 juta dan juga yang lain-lain, begitu juga dengan masyarakat India. Jadi apa yang saya minta di sini Tuan Yang di-Pertua supaya masyarakat minoriti di Sabah dan Sarawak itu juga diberi peruntukan selain daripada yang diberikan untuk bumiputera. Oleh sebab kalau kita bilang bumiputera ini, bumiputera ini terlalu luas, terlalu banyak.

## ■2020

Jadi, kalau boleh kita minta supaya kerajaan memberikan peruntukan khusus untuk minoriti Bumiputera di Sabah dan juga Sarawak yang terdiri daripada beberapa suku kaum. Kalau di Sabah, Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Sungai, Bajau, Iranun. Di Sarawak, Iban, Dayak, Orang Ulu dan juga etnik-etnik yang lain. Jadi inilah perkara-perkara yang saya rasa kita minta pertimbangan daripada kerajaan supaya dapat dipertimbangkan peruntukan untuk golongan masyarakat minoriti di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah satu bajet yang baik walaupun semua di Dewan ini tidak bersetuju. Ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju. Itu adalah kelaziman dalam mana-mana tempat. Ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju. Akan tetapi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya betul-betul mengalukan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh sebab walaupun ekonomi kita, ekonomi dunia tidak bagus, tidak menentu dan tambahan pula harga minyak dunia menurun, namun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat juga menyediakan bajet yang saya boleh katakan menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan membantu khususnya rakyat kita di luar bandar.

Jadi oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, maka dengan hujah-hujah yang saya berikan tadi itu, saya mohon menyokong. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

## 8.22 mlm.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk bahas Bajet 2017. Pada amnya ada beberapa perkara dalam bajet ini yang saya sokong. Terutamanya pendekatan bahawa kerajaan harus campur tangan dalam ekonomi negara untuk memastikan golongan miskin dan terpinggir tidak ketinggalan.

Ini amat berbeza daripada puak *new liberal* yang berhujah bahawa penglibatan kerajaan dalam ekonomi harus dikurangkan dan pasaran diberi ruang untuk mengimbangkan diri. Isu-isu berkaitan dengan kebijakan B40 tidak boleh dilepaskan

kepada pasaran. Ini kerana sistem pasaran yang sedia ada bukan bebas. Akan tetapi dikontrol oleh oligopoli dan monopoli. Pasaran zaman ini berpihak kepada golongan yang kaya dan akan meminggirkan rakyat B40.

Perdana Menteri juga telah mengumumkan beberapa peruntukan untuk membantu golongan B40 di dalam dan di luar bandar. Umpamanya RM1.2 bilion untuk menaik taraf 600 kilometer lebih jalan kampung dan jambatan. RM350 juta untuk membina dan membaik pulih 17,000 buah rumah usang di luar bandar. RM300 juta untuk membaik pulih kemudahan di rumah pangsa dan macam-macam lagi. Tiada sesiapapun akan membantah program-program yang disasarkan untuk membantu golongan-golongan daripada B40. Akan tetapi soalannya adalah, apakah jaminan peruntukan-peruntukan seperti ini akan sampai ke sasaran? Umpamanya, RM1.2 bilion itu untuk naik taraf jalan dan jambatan di kampung. Ini akan diberi kepada kontraktor-kontraktor.

Adakah sebut harga yang diterima berpatutan? Berapakah *mark up* daripada kos sebenarnya? Pada saya jika *mark up* 20 percent itu okey, itu boleh diterima kerana kontraktor mesti dapat untung. Akan tetapi siapakah pihak yang akan memantau proses pemberian kontrak untuk kerja-kerja seperti ini? Saya diberitahu kadangkala *mark up* adalah lebih daripada 100%. Jadi ertinya jika projek ini di *mark up* macam itu, bilangan kampung yang dapat dibaik pulih dikurangkan kerana bajet itu akan dipakai habis dengan satu harga yang tinggi. Siapakah pihak yang memantau sama ada kontraktor yang menang projek menaik taraf jalan dan jambatan akan melaksanakan kerja ini sendiri tanpa memberi kepada subkontrak kepada orang lain?

Saya difahamkan standard prosedur sekarang ialah projek-projek macam ini bukan sahaja subkontrak tetapi di sub lagi. Akhirnya kontraktor yang melaksanakan projek hasilkan kerja yang bermutu rendah kerana dana yang diterima olehnya tidak mencukupi. So, sebahagian besar daripada jumlah peruntukan dimakan oleh kontraktor utama dan subkontraktor yang pertama dan bukan oleh kontraktor yang buat kerja akhirnya. So, inilah kaedahnya rakyat miskin dibantu oleh kerajaan kita sekarang melalui kontraktor. Sering kali kontraktor yang kurang bertanggungjawab, yang mahu dapat untung besar dan tidak memberi kualiti perkhidmatan yang harus diberi.

Oleh itu, atas kertas projek-projek yang dinamakan nampaknya amat munasabah dan pro rakyat. Akan tetapi pelaksanaannya mungkin tidak akan sampai ke akar umbi. Cara yang berkesan sekali untuk memastikan dana yang diperuntukkan untuk golongan B40 di kawasan desa sampai ke sasaran adalah untuk memperkasakan jawatankuasa tempatan supaya mereka dapat memainkan peranan

semak dan imbang atau *check and balance*. Jika jawatankuasa tempatan di kampung diberi maklumat peruntukan yang diluluskan untuk kampung mereka, mereka dapat memantau pelaksanaan projek itu. Ia kena diberitahu siapakah kontraktor, apakah sebut harga, apakah spesifikasi yang dinyatakan dalam kertas projek?

Jika jawatankuasa tahu semua info ini, mereka boleh memastikan dana yang diperuntukkan untuk mereka membawa manfaat yang maksimum untuk mereka. Pada masa ini, kita kena tengok juga bagaimana kita pilih jawatankuasa di peringkat kampung kerana kita sekarang kerajaan memperuntukkan tahun ini untuk JKK kampung ada peruntukan RM187 juta sebagai elaun untuk JKK.

Itu tidak ada masalah. Kerajaan boleh bayar tetapi saya rasa untuk JKK ini mainkan peranannya sebagai semak dan imbang, ia mesti dipilih oleh masyarakat kampung dan bukan oleh pemimpin politik tempatan ataupun oleh pejabat daerah di situ. Oleh sebab kadang-kadang pejabat daerah dan pemimpin tempatan ada kaitan dengan kontraktor yang harus dipantau oleh jawatankuasa ini.

So, jika jawatankuasa ini dipilih oleh masyarakat kampung, dia boleh mainkan peranan dia untuk memastikan peruntukan dipakai secara yang betul. Saya baru melawat satu kawasan sawah padi di Kedah. Beberapa orang pesawah di situ mengadu kepada saya bahawa baja yang dibekalkan melalui syarikat Persatuan Peladang tidak dapat dipakai kerana tidak begitu berkesan. Dia kata ramai pesawah simpan sahaja baja yang dibekalkan dan membeli baja dari kedai untuk dipakai.

Peruntukan subsidi baja tahun lalu adalah RM400 juta. Tahun ini dikurangkan ke RM300 juta. Akan tetapi kita kena fikir, kerajaan keluarkan begitu banyak peruntukan untuk baja tetapi nampaknya tidak begitu berkesan. Mengapa kita tidak boleh pinda caranya. Kita bagi baucar ikut berapa relung. Bagi peluang kepada pesawah untuk beli baja itu sendiri di kedai-kedai yang mereka boleh pilih sendiri. Mengapa kita membiarkan peruntukan subsidi baja padi terus jadi satu *blank check* untuk syarikat swasta?

Program tanam semula getah juga adalah satu lagi program yang ada masalah. Di sini pekebun getah dibantu dengan peruntukan menanam semula. Akan tetapi saya telah dengar di kawasan saya daripada beberapa orang pekebun getah bahawa ada juga pokok-pokok getah yang ditanam tetapi tidak ada hasil. Hasil amat kurang. So, mereka sangka mungkin kontraktor yang tanam untuk mereka dapat *seedling* bukan dari tempat yang betul tetapi dia hanya cubalah untuk *cut cost*.

So, cerita-cerita ini harus disiasat supaya bantuan yang disediakan oleh kerajaan tidak dimakan oleh kontraktor dan sampai kepada sasaran yang sebenarnya. Kita kena tengok cara-cara ini untuk memastikan, cara dia.

**■2030**

Menteri Kewangan dalam ucapannya tidak sebut peruntukan-peruntukan kerja-kerja yang telah dikurangkan dalam bajet ini. Umpamanya, subsidi baja tahun ini, 2016 ialah sebanyak RM400 juta. Tahun depan, bajet ini sebanyak RM300 juta. Umpamanya, elau JK3K tahun lalu adalah RM321 juta dan dikurangkan kepada RM187 juta tahun depan iaitu dalam bajet ini. Jadi, oleh sebab masalah dengan kewangan kita, ada beberapa perkara atau item dalam bajet yang telah dikurangkan. *Actually*, ini bukan masalah yang besar jika ketirisan dapat dikendalikan supaya apa yang diterima, dipakai secara yang betul. Itu adalah *no problem*. Akan tetapi saya nampak dalam bajet tidak ada apa-apa mekanisme untuk mengurangkan ketirisan, untuk mengurangkan sebut harga yang terlalu tinggi.

Jadi, nampaknya apa yang sampai kepada B40 mungkin akan kurang tahun depan. Ini satu masalah. Jika ketirisan tidak dikendalikan, jika kita tidak pakai bajet yang lebih kecil secara yang lebih efisien, jika kita terlalu manja kepada kategori kontraktor, memang rakyat kita, B40 akan ada masalah negatif. Kesan yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, saya terima bahawa kita perlu membina kapasiti usahawan bumiputera kecil dan sederhana. Kita tahu sampai setakat ini, penglibatan kaum bumiputera dalam sektor industri kecil dan sederhana (*small and medium industry*) belum sampai ke tahap yang memuaskan. Kita juga tahu dalam *top 20 percent*, T20 itu, sebahagian besar adalah daripada peniaga IKS. So, dalam negara kita, kita mesti adaimbangan. *We need to have Malay businessman as well*. So, saya rasa adalah wajar kerajaan ambil langkah proaktif untuk menggalakkan dan menyokong usahawan bumiputera. Salah satu daripada yang dipakai oleh kerajaan adalah kaedah *outsource*. Kerja-kerja untuk bantu pekebun kecil, untuk bantu pesawah, untuk jaga keselamatan sekolah, semua di*outsource* untuk beri satu ruang perniagaan untuk kaum peniaga bumiputera.

Akan tetapi kita mesti sedar bahawa kaedah ini kadangkala merupakan *zero sum game*, di mana jika usahawan bumiputera diberi kelonggaran yang terlalu mesra, mungkin B40 di masyarakat bumiputera dinafikan bantuan yang harus diterima oleh mereka. So, ini sesuatu yang kita kena kenal pasti dan kita mesti kenakan syarat prestasi. Kita beri kontrak kepada usahawan bumiputera tetapi kita mesti memantau dan pastikan kualiti yang diberi oleh mereka adalah sampai satu taraf yang minimum. Jika kita tidak *control* ini, apa yang akan diterima oleh B40 itu akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ketirisan dan pertindihan antara B40 dan kontraktor bumiputera, ada satu kelemahan dalam bajet ini ialah nampaknya Kementerian Kewangan tidak tunjuk kesedaran terhadap masalah-masalah ekonomi

makro yang sedang mengancam sistem ekonomi antarabangsa. Ada disebut dua, tiga kali situasi ekonomi antarabangsa tidak menentu, ada cabaran. Akan tetapi apakah sebabnya tidak disentuh? Bila kita tengok ekonomi global, dihadapi masalah kelembapan dalam permintaan kasar. Dalam bahasa Inggeris, *poor aggregate demand*. Oleh kerana tiada permintaan, pengilang takut memperkembangkan usaha mereka. Mereka khuatir tidak dapat jual barang mereka. Oleh itu, *employment* tidak berkembang. Kita ada *unemployment*.

So, bila kita tengok apa yang dikata oleh IMF tahun ini, saya baca daripada *Star Business*. Ini oleh Christine Lagarde daripada IMF. Dia kata, “*The world economy's outlook has dimmed over the last six months, exacerbated by China's slowdown, lower commodity prices and the risk of financial tightening in many countries.*” Ini dalam bulan April. Ini daripada Ogos tahun ini juga. Daripada *Star Base*. Artikel dia kata, “*Japan's exports tumbled in July at the fastest pace since the global financial crisis leaving the economy and the government more reliant on shaky domestic demand.*”

Further down dia kata, “*Japan's exports have now fallen for 10 consecutive months, the longest losing streak since the US supply mortgage crisis.*” Further down dia kata, ‘*Exports in July fell due to lower shipments of cars to the US, ships to Central America and steel to Italy. Exports to China—Japan's largest trading partner, fell an annual 12.7 percent in July*’. So, ini sedang berlaku di merata tempat di dunia kita. *Economy is slowing down*. Di Malaysia juga, dikatakan sini, ‘*Malaysia's July exports decline more than expected on a slump in electrical and electronic exports and a drop in shipments to China*’. So, apa ini semua tunjuk ialah ekonomi kita tidak begitu sihat.

Isunya ialah mengapakah permintaan kasar begitu lempap? GDP global sudah meningkat dari tahun ke tahun. Sekarang sudah sampai ke tahap USD90 trillion tetapi masalahnya ialah orang ramai, orang biasa tiada duit dalam poket mereka. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua ialah agihan pendapatan setiap negara kepada B40 dan juga M40. *Bottom 40* dan *middle 40* telah mengecut dalam 30 tahun yang lalu. Negara-negara Barat telah mengalami penghijrahan keluar sektor industri ke negara-negara dunia ketiga yang bergaji rendah. Pada satu masa dahulu, Britain merupakan negara terkenal dalam membuat kapal tetapi pada masa ini saya ingat tidak ada kapal lagi dibuat di Britain. Semua dibuat di *South Korea* ataupun di *China*. *China* sudah jadi kilang dunia.

So, penghijrahan keluar industri besar daripada Eropah dan Amerika Syarikat telah menurunkan gaji purata di negara-negara maju ini. Di negara-negara macam Malaysia pula, di Asia dan Afrika pun gaji terus di paras yang rendah kerana kita di

pecah dan dikuasai, *divide and rule* oleh syarikat gergasi. Jika syarikat gergasi tidak dapat terma yang dia mahu di Malaysia, dia boleh pindah ke Thailand. Jika Thailand meletak syarat yang tidak disenangi oleh syarikat-syarikat besar yang kaya raya itu, dia ugut untuk pindah ke Vietnam.

So, dengan itu oleh kerana kita pun mahu cari, mahu *invite FDI*, kita pun turunkan syarat kita. Kita pun turunkan gaji kita, kita pun turunkan *tax* kita. Oleh itu, gaji di seluruh dunia telah ditekan ke bawah. Jika gaji rendah, mana ada kebolehan untuk membeli banyak? Boleh buat atas pinjaman tetapi pada kadar hutang di Malaysia sekarang untuk isi rumah adalah *89 percent*. *89 percent* daripada GDP negara kita pada takat ini.

Akan tetapi pada masa yang sama, syarikat gergasi memakai kesempatan gaji rendah, dia mencapai untung yang begitu lumayan. Saya ingin kongsi satu contoh. Kes iPhone. iPhone yang dibuat di negara China. iPhone ini, harga komponen yang diimport ke negara China untuk dibuat iPhone ini ialah USD120. Harga iPhone keluaran oleh kilang di negara China ialah USD200. Dia dapat komponen USD120, dia jual balik kepada syarikat Amerika itu dengan harga USD200. Akan tetapi harga jualan kepada *customer* di Amerika ialah USD500. *Markup* USD300. Akan tetapi pembuatan iPhone di China pun dikontrakkan kepada usahawan China. Sekarang, eksplorasi pekerja pun di *outsource*. Mereka yang tekan pekerja, pekerja hanya dapat USD6.50 untuk setiap iPhone.

## ■2040

Negara China dapat USD80 untuk tiap iPhone. Akan tetapi syarikat gergasi Amerika yang jual iPhone di Amerika, dia punya *share* USD300 tetapi kerja dia tidak banyak. Dia kutip daripada *company* ini, angkut kapal angkut ke Amerika, letak di *shelf*, dijual. So, inilah cara syarikat gergasi yang *control teknologi*, yang *control brand name*, jenama, dia *control retail chain*, dia boleh *squeeze the profit*. Kekayaan ini diwujudkan di China dan di Malaysia yang buat komponen, di China yang— tetapi semua kekayaan itu, *line share* dia pergi kepada syarikat gergasi dan bukan kepada pekerja di China ataupun syarikat di China.

Saya ambil sedikit masa untuk menceritakan semua ini kerana saya mahu jelaskan bagaimana imperialisme sedang berfungsi dalam abad ke-21. Bukan lagi datang ke negara ketiga dengan *gunboat*, takluk negara itu, terus mengeksport kerja. Sekarang eksplorasi telah di *outsource*. Dia bagi kepada usahawan China, usahawan di Malaysia untuk melakukan eksplorasi terhadap pekerja mereka tetapi dia dapat *the line share of the profit*.

Bukan sahaja itu, Tuan Yang di-Pertua. Bila dia buat *profit* ini, dia dapat *line share* USD300 dia dapat, tetapi itu pun dia pandai elak daripada bayar cukai di Amerika. Dia tidak jual terus ke Amerika. Dia jual kepada satu syarikat di Cayman ataupun Bahamas ataupun di Singapura, satu tempat di mana dia boleh dapat *tax free status*. So, dia beli itu iPhone USD200 daripada China, dia jual kepada syarikat dia juga, syarikat B, dia jual dengan harga mungkin USD450. Itu jual dekat US dekat USD500, so *profit* yang dilaporkan di Amerika ialah USD50 sahaja di Amerika. USD250 *profit* itu dekat Cayman yang tidak ada *tax*.

So, memanglah syarikat macam ini dia *squeeze the profit*, dia tidak bayar *tax*, dia tidak bayar pekerja, dia simpan, dia mahu *invest* sekarang, siapa hendak beli barang dia? *That is a mismatch. Too much capital.* Syarikat-syarikat besar ini *too much capital* dia simpan, dia mahu *invest* tetapi orang tidak hendak beli, orang tidak ada duit hendak beli. Sebab kalau nak pinjam pun, hendak bayar balik pinjaman pun orang susah. So, inilah masalah yang kita hadapi di dunia, bukan di Malaysia sahaja. Ini bukan masalah kita yang wujudkan tetapi ini sistem yang kita kerja.

So, ini saya baca apa Oxfam cakap. Ini Oxfam di UK ya. Ini Januari tahun ini. “*Richest one percent of the world population now own more than the rest of the 99 percent combined.*” Oxfam mengatakan ini. Dia kata, “*Runaway inequality has created a world where 62 people own as much wealth as the poorest half of the world’s population.*” Dia kata, “*One of the key trends behind rising inequality in Oxfam’s Report is the falling share of national income going to workers in almost all developed and developing countries.*”

So inilah masalah yang kita sedang hadapi dan kita Malaysia tidak boleh *handle* masalah ini sendiri tetapi kita mesti tahu. So, kita kena tengok apakah strategi kita. Kerajaan kita sering katakan Malaysia disangkut dalam *middle income trap*. Inilah sebabnya. Ekonomi dunia dikuasai oleh segelintir syarikat, *the one percent* yang terlalu kaya *squeezing the wealth*. So, sistem ekonomi diwujudkan di bawah pengaruh syarikat-syarikat gergasi dan pemikiran yang *new liberal* telah mengubahkan satu sistem polisi di mana kekayaan dijana di Asia, Afrika tetapi diperolehi oleh syarikat-syarikat gergasi yang kuasai sistem perdagangan antarabangsa yang menyorokkan apa dia dapat dalam *tax-tax heaven*. So inilah sebab utama *middle income trap*, bukan produktiviti yang rendah.

Malangnya, kerajaan kita tidak nampak kebenaran ini. Itulah sebabnya kita rela menjemput mereka masuk dengan TPPA ataupun RCEP yang mana kita bagi lebih lagi kemudahan untuk syarikat-syarikat gergasi ini yang sudah jadi kaya-raya tetapi kita lagi mahu sayang kepada mereka, mahu manja kepada mereka. So, hanya jika

kita sedar akan masalah yang benar, kita boleh aturkan strategi untuk mengatasinya. Akan tetapi, nampaknya kerajaan kita masih *blur-lah* terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun atas kertas dalam bajet ini ada peruntukan untuk menangani masalah beberapa golongan miskin tetapi saya tengok ada tiga kelemahan. Satu, langsung tiada strategi untuk kawal ketirisan dalam pelaksanaan projek-projek bantuan kebajikan, ketirisan oleh sebut harga yang tinggi, dan ketirisan oleh kerana kualiti kerja yang tidak baik. Tidak nampak apa yang akan dibuat. Kedua, ada beberapa program sosial yang telah dikurangkan peruntukannya. Saya bagi *example* subsidi baja. Lagi, tiada garis panduan untuk memastikan usaha kerajaan untuk membina golongan PKS bumiputera tidak bertindih dengan usaha yang lebih penting iaitu untuk hulurkan bantuan kepada rakyat yang berpendapatan rendah. So, kita bagi mereka sebagai *business* tetapi dia makan terlalu banyak, tidak sampai kepada sasaran. Keempat, tiada kesedaran terhadap struktur dan corak ekonomi antarabangsa yang sedang menindas rakyat dunia ketiga.

Jadi adalah jelas pada saya, bajet ini tidak akan melindungi kumpulan B40 dan M40 kita daripada tekanan ekonomi dalam tahun yang akan datang dan saya tidak dapat menyokong bajet seperti ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gerik. Lepas Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Kepong.

#### **8.46 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama untuk membahaskan Bajet 2017.

Kalau kita melihat peruntukan Bajet 2017 yang berjumlah RM262.8 bilion yang mana dalam suasana ekonomi yang tidak menentu dalam dunia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mampu mengekalkan satu jumlah yang dikirakan besar dan mengambil kira untuk kepentingan semua kumpulan rakyat. Kalau kita lihat projek *Rakyat Centric* yang menekan dari segi soal menyediakan lampu di seluruh negara, lampu LED, jalan MARRIS, bekalan air bersih dan projek mesra yang nampak bertambah terutama di kawasan luar bandar, menggambarkan betapa prihatinnya Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan bajet yang ada ini dapat dinikmati oleh rakyat.

Kita kena ingat, kita bukan berada 20 tahun dahulu tetapi kita sudah menghampiri tahun 2020 yang mana sudah ada sasaran pendapatan bertambah, pemilikan semuanya bertambah. Kita selalu mengandaikan kepada rakyat bahawa

harga tidak perlu naik. Itu tidak betul. Sebabnya, bila pendapatan bertambah, sudah pasti barang juga naik. Cumanya, kadang-kadang kita merasakan soal pelaksanaan yang boleh kita pertikaikan.

Contoh, kalau kerajaan lulus dalam bajet tiap-tiap tahun pembinaan lampu jalan— saya amat terkilan pada Bajet 2016 diagihkan sama semua kampung tetapi kontraktornya ditentukan oleh TNB. Kenapa pada peringkat awal boleh sama banyak lebih kurang empat batang di tiap-tiap kampung, tiba pelaksanaan dilambakkan pada satu kampung sampai 60 batang? Ini memberi kesan kepada kita wakil rakyat di kampung, dilambakkan pada satu tempat. Semua kampung hendak lampu. Kita pun bercakap kepada kampung, ini dalam bajet tiap-tiap kita walaupun mungkin kuota sudah cukup, lampu akan terang benderang di kawasan luar bandar.

Begitu juga soal yang saya rasa kerajaan cukup serius pada tahun ini, tahun sudah dan masa penggal saya jadi Ahli Parlimen Gerik di mana menaik taraf jalan luar bandar, jalan kampung— dah diperkasakan— jalan pertanian.

#### ■2050

Cuma kita nak kalau boleh jalan pertanian di kampung-kampung ditambahkan supaya pekebun kecil yang terlibat dengan pertanian dapat mengeluarkan hasil dengan baik. Saya masih tidak puas hati kawasan jalan MARRIS dalam kampung-kampung sebagai satu contoh, itu yang saya ambil satu usaha kita bina jambatan sampai RM9 juta menyeberangi Sungai Perak, tiba-tiba di seberang sana rizab jalan tidak ada. Apa makna kita bagi jambatan yang RM9 juta kalau kita tidak memikirkan pembangunan jalan pertanian di seberang sungai sana. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang bertanggungjawab. Mungkin pada masa saya bercakap tidak dapat dilaksanakan tetapi selepas kita bercakap pelbagai usaha dibuat oleh kerajaan. Tidak mungkin apa yang kita hendak dalam masa hari ini kita bercakap, esok dapat.

Kadang-kadang pihak pembangkang cuba menggambarkan kepada rakyat Barisan Nasional ini tidak berbuat sesuatu untuk kebaikan rakyat tetapi kalau kita bandingkan pada hari ini, wakil rakyat Barisan Nasional terpaksa bekerja kuat untuk memenangi hati rakyat. Pihak pembangkang senang, main isu boleh menang. Isu PM rasuah, isu macam-macam benda yang mana isu tadi mempengaruhi rakyat ada kebenaran atau tidak. Akan tetapi rakyat di kampung-kampung tahu bila hendakkan sesuatu dia akan mencari wakil rakyat Barisan Nasional. Saya ada pengalaman di Perak, selaku ADUN kami menjadi pembangkang 11 bulan. Rakyat mencari kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, boleh Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gerik. Setujukah Yang Berhormat dengan saya bahawa kadang-kadang wakil-wakil rakyat Barisan Nasional yang menggunakan pembangkang untuk *drive* kan pegawai-pegawai kerajaan bekerja. Tengok kawasan ini, pembangkang dah *complaint*, pegawai-pegawai kena turun buat kerja dan ini membantu BN juga. Kadang-kadang inilah yang digunakan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan juga wakil rakyat BN untuk memastikan projek yang diminta itu dapat. Apa pendapat Yang Berhormat tentang hal ini?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kalau Yang Berhormat Sungai Petani merasakan itu keadaannya, mungkin lah. Kalau tidak, sebenarnya kita wakil rakyat BN memang kita mendesak. Kalau tidak ada jalan, buat jalan. Kalau jalan berlubang, tolong tampalkan dan pelbagai lagi. Jadi tukar *measure* sedikit sajalah. Saya teruskan.

Dalam pada itu, pada sidang penggal sudah kita bercakap soal harga getah jatuh. *Alhamdulillah* sebulan dua ini nampaknya harga getah naik sikit mencecah ke RM3 sekilo, getah skrap ini. Saya berharap supaya pelbagai usaha sama ada LGN atau mana-mana mengkaji penggunaan getah dalam negara. Saya cukup yakin di samping permintaan di luar negara, *research* yang ada dalam negara ini boleh membantu menaikkan harga getah. Jadi dengan secara tidak langsung, saya yakin kalau harga getah naik dengan harga yang boleh tahan, ia akan menyebabkan rakyat tidak peduli, mainlah apa isu pun tetapi mereka tetap memandang tinggi kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Dalam pada itu, berkenaan dengan meningkatkan pemilikan rumah. Saya nak berterima kasih kepada kerajaan terutamanya kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad, Mesra yang mana pada sebulan sudah telah diluluskan banyak Rumah Mesra Rakyat yang khususnya dibangunkan di kawasan-kawasan milik di kampung-kampung. Saya berharap ini antara salah satu daripada kerajaan boleh membantu rakyat untuk pemilikan rumah mesra. Cumanya satu saya minta tolong kepada semua pemimpin dan juga rakyat di Malaysia, bila kerajaan bagi pinjam mesra rakyat, bila kerajaan bagi pinjam PTPTN, bila kerajaan bagi pinjam melalui TEKUN, si peminjam mesti bayar balik. Kalau mereka tidak bayar balik, apa akan berlaku kepada mereka yang kemudian yang nak meminjam daripada mesra rakyat, yang nak meminjam pada TEKUN, yang nak meminjam PTPTN, mulalah macam-macam kerena yang kita pertikaikan soal kerajaan.

Saya berharap juga supaya projek baru PBR dapat dilambakkan juga dalam Parlimen Gerik kerana saya bersedia untuk menyediakan tapak. Akan tetapi saya tahu bukan senang saya hendak melobi dalam keadaan peruntukan yang cukup terhad. Boleh dikatakan semua Parlimen hendakkan peruntukan tersebut tetapi kerajaan kena mencari satu usaha, satu langkah bagaimana setiap rakyat boleh memiliki rumah dengan pendapatan yang mereka ada. Hari ini kita berhadapan dengan pasaran, kita tidak kawal satu rumah semi-D dijual sampai RM500,000 atau RM400,00. Bila kita tanya kos pembangunan rumah tadi dengan tanah, tidak sampai RM120,000 tetapi mereka jual RM500,000. Ini antara yang kerajaan kena fikirkan.

Bagaimana rumah tadi yang boleh dibeli oleh masyarakat luar bandar? Kalau Syarikat Perumahan Mesra Rakyat tidak apalah, ia nampak kecil. Kalau mereka dikategorikan PPRT, dapat rumah percuma tetapi sampai bila kita hendak melatih rakyat menerima rumah yang *free*, yang percuma. Sudah sampai satu masa setiap daripada rakyat yang mempunyai pendapatan kerana rumah, baju, pekerjaan ini ialah keperluan. Sementelah kita nak menuju tahun 2020, keperluan setiap individu sudah berubah.

Saya masih ingat mula-mula jadi cikgu tahun 1979, gaji tak sampai RM300 lebih, keluar kolej. Keperluan *hand phone* tidak ada, TV hitam putih, kadang-kadang tidak bayar lesen RM12 setahun tetapi hari ini bagaimana. Setiap orang hendakkan ada Astro di rumah, nak pula ada HBO dan apa-apa benda lagi, sebulan kita bayar untuk Astro saja dah RM200 lebih. Pihak Astro pula cekik darah kan, bukan-bukan dikenakan caj. Akhirnya kita terpaksa membelanjakan peribadi ini tiap-tiap bulan terlampaui banyak. *Hand phone* kadang ada dua *line*, hendak ada lagi motosikal ada di rumah, kereta mana ada sebiji, tiap-tiap rumah ada dua, tiga biji. Jadi kita masih mengandaikan cara lama yang kita hendakkan harga lebih murah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gerik. Tadi Yang Berhormat Gerik ada sebut tentang TEKUN dan Yang Berhormat menasihatkan supaya mereka yang meminjam daripada TEKUN itu membayar balik pinjaman mereka. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Gerik, di kawasan Gerik ramai kah di antara pemohon-pemohon untuk TEKUN ini berjaya mendapat kelulusan pinjaman tersebut sebab sering kali apabila kita turun padang ramai yang memohon untuk TEKUN ini mereka tidak berjaya mendapat TEKUN. Jadi kalau kita lihat kepada peruntukan bajet,

memang peruntukannya adalah satu peruntukan yang cukup besar tetapi di peringkat akar umbi, kita merasakan bahawa wang itu tidak sampai kepada mereka. Jadi saya hendak tahu bagaimana di kawasan Gerik tentang pemberian pinjaman TEKUN.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Di tempat saya di Parlimen Gerik saya tidak ada masalah. Pinjaman TEKUN memang dapat diluluskan kepada mereka yang memohon untuk TEKUN. Cumanya yang saya tengok ada masalah, selalu saya tanya kepada pegawai TEKUN ialah bila dah dapat pinjaman, bayar balik itu liat, susah.

## ■2100

Bermakna yang susah dulu mungkinlah sejak dua tahun, tiga tahun kebelakangan ini ada sedikit masalah untuk mendapat kelulusan TEKUN kerana yang meminjam tidak membayar balik. Pada saya, ini antara satu usaha yang paling baik yang dibuat oleh kerajaan yang tanpa *guarantor* dan kerena birokrasi, tetapi mereka boleh membuat pinjaman dengan secara yang mudah.

Menjana pendapatan rakyat. Dalam bajet ini, saya percaya kerajaan boleh membantu mengadakan beberapa program untuk menambah pendapatan rakyat. Antaranya, setiap kementerian kalau rajin buat karnival tetapi janganlah buat di Kuala Lumpur sahaja semata-mata. Pindahkanlah juga karnival-karnival yang turun ke semua Parlimen. Secara tidak langsung, kalau kita boleh menarik pengunjung ke karnival tadi yang dalam bentuk ramai contohnya 5,000 orang, dia akan memberi peluang kepada usahawan muda seperti peniaga air, peniaga burger dan lain-lain lagi yang mana pendapatan mereka tadi kalau karnival disusun dengan baik, boleh memberi pulangan kepada mereka, kepada 100 orang atau kepada 200 orang.

Kadang-kadang kalau tiga hari karnival, boleh untung sampai RM3,000 ribu ke RM4,000 ribu dan mereka mesti dilatih untuk menyimpan. Kemudian macam tempat saya di Gerik, Pengkalan Hulu, satu kawasan jauh di luar bandar. Kalau hendak harap pelancongan tak tara mana orang hendak mari kecuali kita mengadakan dalam setahun kita *target* ada enam atau tujuh karnival yang boleh membantu untuk menambahkan pendapatan. Saya percaya antara yang boleh membantu ialah jabatan kerajaan sendiri.

Dalam pada itu, saya juga ingin berterima kasih kepada kerajaan yang terus membantu daripada segi BR1M walau apa dikatakan oleh mana-mana kumpulan. Kita patut bersyukur walau RM50, walau RM100 ditambah kepada penerima-penerima BR1M, nilai RM100 itu, RM50 itu ialah wang yang boleh kita gunakan untuk membeli pelbagai benda mengikut kemampuan kita. Kalau di luar bandar ada Kedai 1Malaysia, ada Kedai RM2, TF dan pelbagai lagi yang mana sebenarnya ini antara yang boleh

menyelesaikan masalah kenaikan harga. Masalah kita ialah peniaga-peniaga sentiasa hendak mendapat keuntungan yang tertinggi dan mereka tidak sanggup keuntungan yang ada tadi disharekan ataupun bayar kepada yang sepatutnya. Kita mula mempertikaikan GST, kita mula mempertikaikan pelbagai benda. Apakah selama ini negara kita tidak pernah mengenakan cukai? Kita kenakan cukai, macam-macam cukai yang kita gunakan sebab cukai tadilah yang boleh diberi balik sama ada dalam bentuk pembangunan, emolumen dan pelbagai lagi untuk pembangunan negara.

Saya berharap sangat supaya rakyat akan mula memikirkan cara bajet macam mana suasana ekonomi yang tidak baik supaya perbelanjaan kita, kita kawal sebab kita tengok kalau dahulu hidup berkeluarga ini cukup harmoni. Kita makan, balik ke rumah kalau di luar bandarlah. Di pekan ini lain sikitlah daripada luar bandar, tetapi hari ini sudah berubah. Apa yang saya katakan keperluan peribadi dah bertambah. Bulan puasalah kebanyakan, di kampung pun tak ada dah buat kuih sendiri di rumah. Mula dah kita beli kuih-kuih dari pasar-pasar hari. Itu di kampung, kalau di pekan sudah tentu jarang masak. Jadi ini antara yang kita tengok keperluan-keperluan kita yang telah bertambah.

Kemudian, kalau kita tengok iaitu memperkasakan program TVET yang mana kerajaan menyediakan sekolah menengah vokasional. Kementerian Sumber Manusia menyediakan pelbagai pusat yang saya lihat terutamanya Kementerian Sumber Manusia, pusat-pusat TVET mereka, sejauh mana membantu modal insan kita ini melahirkan sebagai mereka yang betul-betul menguasai kemahiran. Kita lihat pihak-pihak institusi swasta yang menggunakan nama Kementerian Sumber Manusia, kadang-kadang iklan pelbagai benda yang anak-anak kita pinjam daripada Kementerian Sumber Manusia RM5,000.

Akan tetapi sejauh mana modal insan tadi dilatih untuk menguasai kemahiran yang boleh memenuhi keperluan pasaran semasa? Di sinilah yang kita katakan *National Blue Ocean Strategy* yang boleh digunakan supaya Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan duduk bersama supaya kita tentukan siapa yang kita hendak lahirkan sebagai mereka yang betul-betul berkemahiran.

Hari ini orang kampung bertanya, benarkah sijil ataupun diploma yang keluar daripada kolej vokasional ini diiktiraf. Macam-macam jawapan yang kita dengar. Kalau dengar jawapan daripada kerajaan, kita memang seronok. Akan tetapi anak-anak kita yang keluar daripada kolej vokasional itu tadi, sejauh mana, benarkah tidak diploma mereka tadi diiktiraf? Bolehkah mereka meneruskan pembelajaran untuk mendapat ijazah dan pelbagai lagi?

Dalam pada itu, kita melihat pembangunan sukan yang mana bajetnya agak tinggi. Saya ucapkan tahniah dan syabas. Satu tindakan yang paling baik pihak Kementerian Belia dan Sukan ialah mengagihkan Hari Sukan Negara ke seluruh pelosok rantau negara. Cumanya kita melihat masih ada pembaikan yang boleh dibuat untuk memastikan sambutan Hari Sukan Negara sekurang-kurangnya rakyat— kita hendakkan *target* rakyat hidup sihat, boleh lari, berjalan sekurang-kurangnya 10,000 langkah. Maka, teruskanlah. Cumanya kita berharap kerajaan tumpu untuk bidang-bidang sukan yang boleh mencapai sasaran seperti tinju, memanah dan pelbagai sukan yang kita rasa bertanding di peringkat antarabangsa pun boleh menghasilkan pingat yang mana saya percaya sukan ini boleh memupuk perpaduan rakyat dalam negara.

Kita dah merdeka 59 tahun, tetapi hari ini di penghujung-penghujung bila mana Barisan Nasional tak boleh dapat dua pertiga kemenangan dalam negara, unsur-unsur perkauman sudah mula mendatang. Apa akan berlaku kepada generasi kita masa hadapan kalau berterusan nilai perkauman tadi dimainkan? Pihak bukan Islam tidak hormat kepada agama Islam. Pertikaikan boleh ‘bang’ ke tidak boleh ‘bang’, campak babi dalam masjid dan pelbagai lagi. Kalau dibiarkan berterusan ini, apa akan berlaku? Apakah kita rakyat Malaysia seronok untuk melihat pergaduhan sesama kita? Tidak ada siapa yang akan untung kalau bergaduh antara Melayu, Cina, India atau lain-lain bangsa, Orang Asli, tak ada siapa yang untung. Akan tetapi kita lihat, pihak pembangkang sering mainkan isu ini. Sebagai contoh saya tengok di tempat saya, mereka menyusup melalui jaringan untuk mengacau Orang Asli di tempat saya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan pertuduhan yang tidak berasas. Saya minta dia tarik balik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kalau saya bercakap, Yang Berhormat Shah Alam mula kata buat tuduhan dan saya tak bagi pencelahan kepada Yang Berhormat Shah Alam kerana Yang Berhormat Shah Alam bukan hendak menyokong kepada belanjawan kita pada hari ini. Tak perlu Yang Berhormat Shah Alam hendak bagi pandangan kerana Yang Berhormat Shah Alam sendiri memberi pandangan-pandangan yang boleh memecahbelahkan rakyat dalam negara ini.

## ■2110

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita tidak terlibat dalam apa-apa jenis provokasi yang seperti itu. Tuan Yang di-Pertua, dia telah mengeluarkan pertuduhan yang cukup serius.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya percaya, saya tak perlu bagi kebenaran kepada Yang Berhormat Shah Alam untuk mencelah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam mana ini Tuan Yang di-Pertua? Bolehkah? Kami tak dibenarkan membuat apa-apa pertuduhan...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini *floor* saya. Kenapa Yang Berhormat Shah Alam hendak kacau saya? Saya tak kacau pun Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terhadap Perdana Menteri...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Cakaplah Yang Berhormat Shah Alam, seratus hari pun, saya tidak peduli...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia kata sub judice, tetapi ini dia boleh buat pertuduhan sesuka hati dia.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Akan tetapi pasal apa dia hendak kacau saya punya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita tak terlibat...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini manusia yang suka memecah belah, yang jenis...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang pecah belah ini UMNO Barisan Nasional sahaja.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bercakap tak betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana kita pecah belah. Kita bersatu. Melayu, India, Cina bersatu.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Inilah dia, tunjuk sana. Kalau ada hormat, masa saya bercakap tak ada hendak menyampuk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang bergaduh, menimbulkan perpecahan adalah UMNO.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini menyampuk serupa orang gila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila UMNO sudah rasa rakyat dah tak sokong, maka UMNO yang berpecah belah. Mereka menggunakan pendekatan tanpa senjata, *device* UMNO pecah belah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Mari ke sini, memanglah nampak Shah Alam ini tak betul. Sentiasa mengata orang lainlah. Pada saya peduli apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang menyatupadukan rakyat adalah pembangkang. Ada India, ada Melayu, ada Cina bersama dengan pembangkang.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tak ada betulnya sini. Huh! Tidak adalah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa yang UMNO boleh buat? Hanya melaga-lagakan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Mereka semua dapat nikmat kerana Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila ada demonstrasi BERSIH yang hendakkan pilihan raya yang bersih, UMNO pun - untuk hendak pecah belahan rakyat. Sedangkan UMNO tahu bahawa rakyat tidak lagi menyokong UMNO Barisan Nasional...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Percayalah, tunggulah rakyat hendak kalahkan UMNO, ketika itu Yang Berhormat Shah Alam sendiri tidak boleh bercakap macam ini dalam Dewan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau hendak lawan, kita boleh lawan. Kalau hendak berceramah, tiga jam kita boleh ceramah. Hendak lawan? Memang siapa boleh ceramah tiga jam? Apa ini? Jangan main tuduh. Jangan main tuduh macam itulah. Kami hendak satu padukan rakyat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ha, ada apa?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam. Duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, jangan takbur. Jangan campur. Kamu biadab! Kamu biadab!

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Jenis sompong, angkuh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kami hendak satu kerajaan yang bersih, yang amanah, yang menyatupadukan rakyat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam biadab! Yang Berhormat Shah Alam biadap! Munafik!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang memecahbelahkan rakyat adalah UMNO Barisan Nasional...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah. Jangan hendak ajar oranglah. Kamu tu kompelin daripada PAS, keluar PAS, tiada pegangan. Sudahlah kamu.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sudahlah kacau serupa orang gila. Saya tak pernah kata kepada Yang Berhormat Shah Alam. Ini hendak melaga kenapa?

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kamu biadab! Kamu munafik! Duduklah!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa fakta yang ada...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hei, sudahlah! Kamu keluarlah! Hei Yang Berhormat Shah Alam, jangan hendak kurang ajar. Keluar!

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Duduklah Yang Berhormat Shah Alam, apa hendak kacau-kacau?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Keluar, keluar, keluar, keluar. Cakap banyak. Masa engkau tengah berhujah tak nak keluar, sekarang sebuk. Hei, keluar, keluar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang membezakan kaum untuk memecahbelahkan rakyat adalah Barisan Nasional.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Munafiklah. Kamu itu munafik. Daripada PAS pergi – Tiada pegangan dalam hidup. Orang Shah Alam pun takkan undi kamu lagilah. Munafik! Sekejap PAS, lepas itu keluar.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Astaghfirullah alazim.* Ini gilakah? Gilakah awak? Awak gilakah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Eh, apa? Tak, apa dia? Sebab apa kacau UMNO?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Awak gilakah...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Kata munafik tak boleh, Yang Berhormat Baling tak boleh Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak. Sebab apa kamu Yang Berhormat kacau UMNO? Sebab apa kamu Yang Berhormat Shah Alam sebut fasal UMNO kenapa?

*[Dewan riuh]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling, munafik itu tarik balik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Memang munafik.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau dia hendak *debate*, bahas, jangan kacau UMNO. Apa kena-mengena dengan UMNO?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan main-main, senang-senang hendak tuduh. Kalau hendak tuduh-tuduh, kita pun hendak tuduh-tuduh. Orang gila itu, tak layak itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya memang pertahankan untuk UMNO. Munafik macam ini tak boleh pakai.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Biarlah saya sambung. Duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam. Kalau yang Shah Alam hendak debat, debat betu-betul. Jangan hendak cabar-cabar parti UMNO. Parti kami parti keramat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalaulah bahawa UMNO boleh tuduhan, kami pun boleh buat tuduhan. Apa faktanya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bukan munafik, sekejap sana, sekejap sini..

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Hai, duduklah Yang Berhormat Shah Alam, duduklah. Bagilah saya, jangan mengacau masa saya ini.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Orang munafik pembela, rakyat tak terimalah. Jangan kacau UMNO. Jangan kacau UMNO.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** UMNO ini sudah tak ada harapanlah.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudah, sudahlah. Allah yang tentukan. Allah yang tentukan, bukannya Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tarik balik petuduhan itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tarik balik fasal UMNO! Tarik balik fasal UMNO! Kurang ajar punya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sama-sama tuduh. Apa kesudahannya? Kalau hendak tuduh-tuduh ikut suka, kita pun boleh tuduh.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan hujah saya. Saya berhadapan berkenaan dengan usahawan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa dia? Tuduh lagi? Buatlah tuduh lagi. Hendak tuduh lagi? Tuduh lagi! Tuduh lagi! Tuduh lagi!

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Duduklah, duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah sekarang ini Dewan ini sudah tak ada apa dah, boleh main tuduh ikut suka. Tuduh ikut suka.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Nah, ambil coklat, keluar. Main jauh-jauh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau semua boleh tuduh ikut suka, saya pun boleh tuduh. Saya sudah tegur, *be responsible with your statement.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** You be responsible. You accused UMNO.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** I not accuse anybody of anything. Saya tidak kata apa. Akan tetapi bila...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** You be more responsible. You the one who start it.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Gerik tuduh, maka saya...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya takkan tarik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan tarik.

[Dewan riuh]

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bagi saya. Ini *floor* saya, biarlah saya berbahas dengan cara yang berhemah. Ini terus hendak campur macam orang gila macam gajah naik minyak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Semua jangan tuduh.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Mana boleh macam itu. Kalau nak tunjuk samseng, samsenglah sungguh-sungguh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuduh lagi, tuduh lagi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya tak ada daripada segi itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuduh lagi, saya hendak dengar. Tuduh lagi, tuduh lagi. Tuduh, tuduh lagi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kalau kita - patut mika duduklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuduh, tuduh lagi. Tuduh, tuduh, tuduh lagi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Fasal apa saya hendak duduk? *Floor* saya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuduh, tuduh, tuduh.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bukan *floor*...

[Dewan riuh]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak, Yang Berhormat Shah Alam memang tak ada adab. Yang Berhormat Shah Alam kalau beradab, Yang Berhormat Shah Alam takkan bangun. Sebab Yang Berhormat Shah Alam tak ada adablah dia bangun.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini dua-dua pun sama. Daripada PAS lompat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar bertanggungjawab.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini dua-dua dua kali lima, lima kali dua. Tengok orang PAS, orang PAS, wakil orang PAS duduk elok-elok.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Memang kaki bergaduh.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dua-dua ini tak ada harapan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ha, cakaplah kita.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adalah UMNO Barisan Nasional...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Setuju, jelas.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menggunakan perkauman sebagai senjata. Bila sudah terdesak...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Baliklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila nampak sudah tak ada harapan untuk menang pilihan raya, maka diperakukan kawasan projek baru, persempadan baru yang berdasarkan – Persempadan baru yang memperalatkan perkauman...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Habis masa gitu sahaja, aku tak boleh nak bahas. Mampus.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, dah terdesak sangat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sebab itu lain kali jangan celopar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya nak beritahu hendak tuduh, saya pun hendak tuduh. Okey, saya duduk.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Hoi tak adalah, tak ada. Saya tak akan tarik.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi kalau Yang Berhormat Sik buat pertuduhan...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Gerik, Gerik.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya akan bangun, wakil saya pun tak kisah. Akan tetapi bercakap biar bertanggungjawab. Biar ada fakta.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Duduklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan main cakap ikut suka.  
[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Shah Alam sila duduk. Cukup. Saya jemput Yang Berhormat Kepong.

## 21.18 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya.  
[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita sudah hangatkan Dewan, cukuplah. Sudah bangun semua. Sudah bangun. Ahli yang mengantuk tadi sudah bangun, sudah segar. Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, terima kasih. Hanya 13 minit. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya terpulang kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak 30 minit pun saya benarkan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Benar ya? Tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ada kuasa untuk membenarkan 15 minit lagi dan boleh sambung esok.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita sambung esoklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, itu zaman berubah, masa berlalu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam tak ubah-ubah. [Dewan ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila, jangan...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dengan perubahan ekonomi dunia ini kita nampak ada banyak perkara yang berlaku, termasuk syarikat gergasi konglomerat yang mencengkam ekonomi dunia kita seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada peruntukan RM6.7 bilion. Ini satu peruntukan yang besar.

*Makan nasi berulam bawang,  
Makan halia tiga hiris,  
Besar peruntukan sekarang,  
Wang diguna jangan tiris.*

[*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya nampak banyak perkara dan saya akan sentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai warga emas. Sebelum ini, [*Disampuk*] Warga emas, ya, semua jadi warga emas. Yang Berhormat Lenggong itu hampir sama dah. [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada beberapa insentif yang disebutkan di dalam bajet ini, tetapi seperti kajian semula cukai pendapatan syarikat bagi perusahaan kecil dan ada itu pelaburan asing yang disebutkan RM28 bilion pada separuh tahun yang pertama dan sebagainya.

## ■2120

Akan tetapi saya nampak itu masalah-masalah yang dihadapi oleh ekonomi kita, dasar yang ada dan juga langkah-langkah yang diambil belum mencukupi. Misalnya daripada RM28 bilion pelaburan asing ini, apakah sebenarnya berlaku? Apakah kilang yang diadakan dan juga apakah guna tenaga seperti adakah ini termasuk PATI, pendatang asing tanpa izin. Ini memang satu perkara yang penting kerana kita di dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dengan pihak kerajaan dia hendak daftarkan pekerja-pekerja tanpa izin. Akan tetapi setakat ini kita nampak yang didaftarkan hanya 2.2 juta orang saja, yang tidak didaftar PATI ini, kita tidak tahu sama ada 8 juta, 10 juta atau 12 juta, kita tidak tahu.

Sebab itulah untuk ekonomi, untuk industri kita, saya berharap pihak kerajaan dapat mengadakan satu kajian menyeluruh untuk mengetahui setakat mana bilangan PATI di negara ini. Memang ada pihak Jabatan Imigresen yang kata hendak adakan sekatan ataupun hendak haram syarikat-syarikat atau kilang-kilang yang ada PATI dan juga yang ada perdagangan orang dan sebagainya. Akan tetapi setakat ini memang satu langkah yang tidak cukup, memang tidak cukup kerana penguatkuasaan itu tidak berkesan. Saya berharaplah kita dapat meningkatkan usaha untuk kajian menyeluruh bagi mengetahui bilangan PATI yang ada di negara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya nampak di negara ini, mengapa wujudnya 2,600 doktor yang tidak dapat penempatan *housemanship*. Ini bermakna dasar dan langkah yang diambil oleh kerajaan dalam 10 tahun ini memang tidak tepat.

Salah satu faktornya Tuan Yang di-Pertua, yang bila kita hendak ambil pelajar-pelajar untuk dilatih sebagai doktor, bukan saja kita tengok kelayakan mereka. Walaupun dia begitu pandai pun, kalau dia tidak cintakan manusia, mengapa kita ambil dia sebagai pelajar perubatan? Ini memang penting. Yang Berhormat Lenggong pun dia mungkin tidak tahu. Hendak galakkan orang menjadi doktor saja itu tidak cukup.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima tidak cukup. Sebab itulah saya berharap sambil kita cari kerja bagi doktor-doktor yang tidak dapat latihan ini, kita mesti mengkaji semula dasar kita mengenai pengambilan pelajar-pelajar menjadi doktor. Sama ada kolej swasta ataupun universiti awam. Memang kita mesti kaji semula dasar ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai usia emas, warga emas. Sama ada saya ataupun sesiapa saja yang lebih daripada 60 tahun atau sekarang ada orang kata lebih 50 tahun termasuk Yang Berhormat Putatan...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Masih muda lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dan sebenarnya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Akan tetapi Yang Berhormat Kepong, yang pasti muda Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Shah Alam.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, 11 tahun yang lepas kerajaan sudah sedar masalah warga emas. Memang sedar kerana waktu itu ada dasar kebangsaan untuk warga tua, 11 tahun yang lepas. Akan tetapi penguatkuasaannya memang kurang mengenai kesedaran orang awam mengenai masalah warga emas dan infrastruktur yang ada untuk warga emas dan penyelidikan untuk masalah ini serta strategi-strategi sosial dan dasar-dasar yang ada sekarang. Memang kita mesti meneliti apakah masalah dengan kesedaran untuk mengadakan dasar kebangsaan bagi warga emas, mengapa kita masih menghadapi masalah yang besar?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berminat dengan ucapan Yang Berhormat Kepong soal warga emas ini di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini satu-satunya kementerian yang *very productive* dengan izin sebab dia jaga perkembangan kekeluargaan termasuklah menjaga warga emas termasuk Yang Berhormat Kepong.

Yang Berhormat Shah Alam mungkin dekat lagi dia sudah masuk. Dia punya janggut sudah putih. Jadi dia mungkin masuk... *[Disampuk]* Dia sudah lama. Dia mungkin masuk warga emas. Patut dia juga patut dipelihara supaya dia bertabiat yang baik dalam Dewan.

Sebab di Dewan ini kadang-kadang kita memberi pembangunan kepada warga emas termasuk Yang Berhormat Shah Alam itu yang tidak begitu terpelajar dalam Dewan. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat Kepong ini supaya peruntukan kepada kementerian yang menjaga warga emas ini dapat ditambah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang kalau boleh ditambah, kita setuju. Walau bagaimanapun ada RM424 juta peruntukan bagi 120,000 warga emas. Peruntukan termasuklah lapan buah pusat aktiviti warga emas akan dibina. Memang satu langkah yang kita harap dapat dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun, untuk bantuan sosial ekonomi warga emas berjumlah RM300 sebulan. Ini memang, saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji macam mana bantuan ini boleh diberi kerana sebelum seseorang itu hendak dapat bantuan ini, dia mesti pergi ke pejabat. Misalnya di Kuala Lumpur kerana kita tahu di negara ini 73% pendudukan Malaysia ini ada di bandar. Itu satu hakikat.

Orang di Lenggong pun masuk ke Kuala Lumpur. Dia tidak mahu tinggal di Lenggong lagi. Sebab itulah 73% rakyat Malaysia tinggal di bandar dan kalau kita hendak dia dapat bantuan RM300 ini, kita mesti kaji macam mana dia hendak datang. Kalau dia tidak ada wang, kalau dia tidak sihat, macam mana dia boleh datang untuk mendapat borang untuk mengisikan semua borang ini untuk dapat RM300 bantuan. Saya berharap kementerian dapat mengkaji, kalau hendak beri bantuan kepada orang yang benar-benar memerlukan. Kalau dia sudah tidak sempat, dia tidak boleh datang ke pejabat, macam mana kita boleh bantu dia? Itu memang penting. Termasuklah Tuan Yang di-Pertua, ada yang warga emas yang sengaja ditinggalkan oleh anak-anaknya kerana dia tidak mampu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat Lenggong tidak tahu itu kerana jaga PTPTN sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia memang tidak ada, tidak tahu. PTPTN pun wujudkan masalah yang besar. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
*[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Fasal Yang Berhormat Lenggong yang jaga kot.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, memang macam itulah itu. Jadi ada memang, kalau seorang bekerja di sini...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kepong sambung esoklah Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bolehlah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cakap pun tidak tahu. Apa merepek sorang-sorang ini, sambung esoklah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang penting, esok akan sambung.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ikan kembung, ikan kerapu ini, Yang Berhormat Kepong merapuhlah. Sambung esok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong sudah ambil alih tugas saya. Baiklah Yang Berhormat, sambung esok ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 26 Oktober 2016.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam]**